This study is focused on the application of elements of environmental sustainability in SJKT Tamil language subjects. This study was conducted to identify the teacher's practice on the importance of applying environmental sustainability elements in Tamil language subjects and to identify the challenges faced by teachers when applying environmental sustainability in Tamil language PdPC at SJKT Ladang Juru. This study is a qualitative study that uses survey research. Observation and interview forms were used as instruments to analyze the findings of this study. This study was conducted among 10 Tamil language teachers and a Tamil language committee leader who teach at SJKT Ladang Juru. Tamil language teachers who teach Tamil have characteristics such as Tamil language teaching experience of not less than 3 years and teaching experience of not less than 5 years. The results of this study show that teacher's practice on the importance of applying elements of environmental sustainability in Tamil language subjects is at a high level and is very satisfactory. The results of the study are expected to have an effective impact on teachers to further increase the application of environmental sustainability elements in the teaching and learning of the Tamil language which encourages the emergence of students who are highly intelligent and able to face and solve the challenges of life in a realistic world in the future.

Keywords: environmental sustainability, teacher's practice, challenges, Tamil language teachers, Tamil language committee leader

PENGENALAN

Sistem pendidikan di Malaysia mengalami perkembangan yang begitu pesat dengan pelbagai transformasi sehingga mencetuskan perubahan yang ketara dalam penstrukturan semula kurikulum demi mencapai hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Bagi memenuhi hasrat KPM, Bahagian Pembangunan Kurikulum telah mengambil langkah awal dalam penggubalan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Semakan 2017 dengan menerapkan 10 unsur nilai tambah melalui Elemen Merentas Kurikulum (Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK), 2018). Elemen Merentas Kurikulum diterapkan dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) harian dalam semua mata pelajaran bagi tujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan serta menyediakan murid-murid dapat menghadapi cabaran semasa dan masa depan dalam kehidupan

harian (Bahagian Perkembangan Kurikulum [BPK], 2018). Sehubungan itu, elemen Kelestarian Alam Sekitar merupakan salah satu elemen yang diterapkan dalam PdPC demi membentuk tahap kesedaran tentang kelestarian alam yang tinggi dalam menangani pelbagai isu alam sekitar dalam kalangan murid sekolah sejak kecil lagi (Mohd Zaki & Muhammad Zohir, 2021). Hal ini adalah selaras dengan hasrat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Developments Goals* (SDGs) yang merangka 30 agenda yang penting dalam memupuk elemen kelestarian bagi mengatasi pelbagai isu dan masalah yang dihadapi oleh masyarakat pada peringkat Global (UNESCO 2022). Tidak dapat dinafikan bahawa, peranan guru merupakan tunjang utama dalam memastikan keberkesanan penerapan elemen kelestarian alam sekitar secara berterusan dalam kalangan murid melalui proses pelaksanaan pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dan pemudahcaraan secara bersepadu dan sistematik dalam semua mata pelajaran (Mohd Zaki & Muhammad Zohir, 2021).

Mata pelajaran bahasa Tamil merupakan mata pelajaran Teras dalam KSSR Semakan 2027 yang wajib dipelajari oleh semua murid di SJKT secara berterusan (BPK), 2018). Nilai-nilai seperti hormat-menghormati, bertoleransi, bersatu padu, berharmoni, bersefahaman, bermuafakat, bekerjasama, bersyukur, berganding bahu membangunkan negara dan mempunyai kesedaran memelihara alam sekitar adalah disarankan dalam PdPC mata pelajaran bahasa Tamil bagi memastikan matlamat kurikulum KSSR dapat dicapai. Justeru, tidak dapat dinafikan bahawa memupuk kesedaran memelihara alam sekitar merupakan antara perkara yang penting dalam elemen nilai dalam matapelajaran bahasa Tamil yang perlu diterapkan dengan lebih meluas dalam proses PdPC seiring dalam menyahut cabaran Pembangunan Lestari SDGs pada peringkat global melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2015 (BPK, 2018; UNESCO, 2022, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Oleh itu, elemen kelestarian alam sekitar merupakan elemen penting yang perlu difokuskan dalam mata pelajaran bahasa Tamil yang merupakan bahasa perantaraan dalam SJKT.

BPK menghasratkan elemen kelestarian alam sekitar diterapkan dalam mata pelajaran bahasa Tamil, namun perspektif guru-guru bahasa Tamil terhadap kesedaran dan kepentingan menerapkan elemen tersebut dalam PdPC perlu dikenalpasti. Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang mengutamakan perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, maka semua matapelajaran yang diajar di sekolah terutamanya bahasa Tamil perlu memfokuskan kesepaduan antara elemen pengetahuan, kemahiran dan nilai dilaksanakan secara serentak dan berterusan dalam proses PdPC. Kajian-kajian lepas menyatakan bahawa elemen efikasi guru, amalan guru serta peranan guru sebagai role model, dimensi penilaian guru, pengetahuan guru terhadap program sekolah lestari, penilaian guru terhadap projek sekolah hijau dan perspektif pakar terhadap isu-isu alam sekitar berdasarkan Tafsir al-Misbah adalah mempengaruhi pelaksanaan pendidikan alam sekitar dan dalam konteks pembangunan Lestari SDGs (Omar et al, 2019; Farah Izyan & Kamariah, 2019; Nena, 2022; Nadiatul & Chin, 2020; Immaduddin, 2020). Perkara ini secara tidak langsung membangkitkan satu keperluan untuk mengenal pasti perspektif guru-guru terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar dalam mata pelajaran bahasa Tamil agar matlamat kurikulum KSSR dalam penggubalan kurikulum mata pelajaran sejarah untuk membentuk warganegara yang mempunyai perasaan kekitaan melalui kesedaran memelihara alam sekitar dapat dicapai.

Objektif kajian ini dijalankan adalah bagi:

- i. Mengetahui tahap perspektif guru-guru terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar dalam mata pelajaran bahasa Tamil.
- ii. Mengetahui cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru semasa menerapkan kelestarian alam sekitar dalam PdPC bahasa Tamil.

Persoalan kajian ini dijalankan adalah bagi mengenal pasti:

- i. Apakah tahap perspektif guru-guru terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar dalam mata pelajaran bahasa Tamil?
- ii. Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru semasa menerapkan kelestarian alam sekitar dalam PdPC bahasa Tamil?

Setelah meninjau sorotan kajian yang lepas, terdapat keperluan mengenal pasti perspektif guru-guru terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar dalam mata pelajaran bahasa Tamil untuk membentuk warganegara yang mempunyai perasaan kekitaan melalui kesedaran memelihara alam sekitar dan tujuan BPK menerapkan elemen ini dalam kurikulum dapat dicapai. Selain daripada itu, penerapan elemen kelestarian alam sekitar dalam PdPC bahasa Tamil, guru akan menfokuskan pendekatan dan strategi sebelum, semasa dan selepas proses PdPC seperti strategi menterjemahkan dokumen standard kurikulum, perancangan pengajaran, penyampaian pengajaran, aktiviti yang sesuai semasa pengajaran dan pemudahcaraan, kaedah penyampaian yang berkesan serta pendekatan selepas pengajaran.

LITERATUR

Menurut Mukaddes dan Agnello (2009) pendidikan lestari memberi peluang kepada murid untuk mengintegrasikan pertimbangan terhadap persekitaran dalam mengambil sebarang keputusan secara lebih berhemah. Perkara ini dipertimbangkan oleh KPM 2027, semasa penstrukturan semula kurikulum yang menyatakan bahawa pengetahuan dan kesedaran terhadap alam sekitar dan kelestarian global penting dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam dan kehidupan. Maka peranan guru dan perspektif terhadap elemen ini perlu diteliti terlebih dahulu. Hal ini sejurus dengan pandangan Rahman (2018) yang menyatakan bahawa guru perlu bijak dalam mengintegrasikan isi kandungan pelajaran dengan pendidikan berkaitan alam sekitar.

Dalam konteks menjayakan hasrat FPK iaitu melahirkan insan yang seimbang, proses PdPC perlu dirancang dan dilaksanakan berpandukan beberapa model pengajaran. Bagi tujuan tersebut pelbagai model pengajaran telah dibangunkan bagi menyokong amalan PdPC dijalankan dengan lancar terutamanya dalam penerapan elemen atau unsur nilai tambah seperti kelestarian alam sekitar oleh para guru. Antara model pengajaran yang lazim digunakan ialah Model PdPc Duron, Limbach dan Waugh (2006) yang memperincikan langkah untuk menerapkan sesuatu unsur baru bagi memantapkan lagi pemikiran murid secara berkesan melalui amalan pengajaran guru secara berstruktur dan terancang.

Menurut Duron et.al., (2006) terdapat lima perkara penting dalam amalan pengajaran guru. Antaranya penentuan objektif pengajaran, bentuk teknik penyoalan, latihan, penambahbaikan amalan pengajaran dan maklum balas serta penilaian pengajaran. Menurut pandangan beliau, model pengajaran dan pembelajaran interdisiplin ini terbina berasaskan teori-teori pengajaran sedia ada melibatkan amalan-amalan terbaik dalam konteks pembangunan kognitif, persekitaran pembelajaran yang berkesan dan pentaksiran berasaskan hasil yang menyediakan kerangka yang berguna kepada guru-guru untuk mengubah persekitaran pembelajaran berorientasi kuliah ke arah persekitaran pembelajaran yang aktif yang merangsang pemikiran kritis dalam kalangan pelajar (Duron et al., 2006). Hal ini secara tidak langsung mewujudkan rangsangan positif ke arah membina perspektif yang baik dalam kalangan guru selari dengan perubahan dalam penggubalan kurikulum yang berlaku dari masa ke semasa.

METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif mengikut objektif kajian dan persoalan kajian. Tujuan penggunaan pendekatan kualitatif dalam kajian ini adalah untuk memperkukuh dapatan data yang diperolehi. Menurut Taylor dan Bodgan (1984), data kualitatif berbentuk deskriptif, berupa kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati. Dalam kajian ini, pengkaji akan mengumpul data-data melalui pemerhatian dan temu bual. Oleh itu, pengkaji menggunakan instrumen borang pemerhatian dan temubual untuk mengumpul data

bagi menjawab persoalan kajian. Temubual dalam penyelidikan kualitatif terbahagi kepada dua bahagian, iaitu temubual mendalam dan temu bual kumpulan fokus. Dalam Kajian ini, pengkaji memilih temu bual kumpulan berfokus. Temu bual kumpulan fokus merupakan teknik pengumpulan data yang baik dalam penyelidikan kualitatif.

Menurut Mohd. Majid Konting (2004), persampelan merupakan strategi penyelidikan di mana penyelidik boleh mendapat maklumat mengenai sesuatu populasi daripada sebahagian individu yang menganggotai populasi tersebut. Dalam kajian ini pengkaji memilih 10 orang guru bahasa Tamil yang mengajar di SJKT Ladang Juru, Pulau Pinang secara tidak rawak dan seorang ketua panitia bahasa Tamil. Guru bahasa Tamil yang mengajar bahasa Tamil ini memiliki ciri-ciri seperti pengalaman mengajar bahasa Tamil tidak kurang 3 tahun dan pengalaman mengajar tidak kurang dari 5 tahun. Hal ini sedemikian kerana populasi atau sampel yang dipilih perlu memiliki kriteria-kriteria yang sesuai dengan tujuan kajian supaya perspektif guru terhadap penerapan elemen kelestarian alam sekitar dalam kalangan sampel dapat dilihat secara menyeluruh (Fraenkel, et.al, 2019).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian ini adalah diperoleh dan dianalisa melalui pemerhatian dan temu bual untuk mengenal pasti tahap perspektif guru-guru terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar dalam mata pelajaran bahasa Tamil. Hasil dapatan pemerhatian telah membuktikan jawapan bagi soalan kajian iaitu :

1. Apakah amalan guru dalam menerapkan elemen kelestarian alam sekitar dalam mata pelajaran bahasa Tamil?

Maklumat tentang amalan guru dalam menerapkan elemen kelestarian alam sekitar dalam mata pelajaran bahasa Tamil diperolehi melalui pemerhatian yang dijalankan ke atas 10 guru bahasa Tamil semasa menjalankan PdPC dalam kelas.

Jadual 1

Amalan guru dalam menerapkan elemen kelestarian alam sekitar dalam mata pelajaran bahasa Tamil

Bil.	Soalan	Ya (%)	Tidak (%)
1.	Guru memahami pengertian Elemen Kelestarian Alam Sekitar merupakan nilai tambah yang diterapkan dalam PdPC matapelajaran yang diajar.	100	0
2.	Guru integrasikan Elemen Kelestarian Alam Sekitar dalam kandungan PdPC.	90	10
3.	Guru integrasikan Elemen Kelestarian Alam Sekitar dalam PdPC yang mampu menambah pengetahuan dalam kalangan murid	90	10
4.	Guru mempunyai keinginan untuk meneroka ilmu dalam integrasikan Elemen Kelestarian Alam Sekitar dalam PdPC.	100	0
5.	Guru memberi gambaran yang jelas tentang elemen kelestarian alam sekitar dalam PdPC.	100	0
6.	Guru merancang aktiviti yang menarik minat murid dalam kelestarian alam sekitar.	80	20
7.	Guru memastikan objektif pembelajaran dicapai pada akhir PdPC.	90	10
8.	Guru memastikan strategi pembelajaran berpusatkan murid diutamakan	100	0
9.	Guru merancang aktiviti yang kreatif dalam menerapkan elemen kelestarian alam sekitar.	80	20
10.	Guru memastikan tahap penguasaan murid pada tahap 4,5 dan 6 pada akhir PdPC.	80	20

Jadual 1 menerangkan item-item yang diambil kira oleh pengkaji semasa mengadakan pemerhatian PdPC dalam kalangan 10 guru bahasa Tamil dalam bilik darjah. Hasil dapatan menunjukkan bahawa amalan guru berada di tahap yang tinggi setelah diperhatikan item 1, 4, 5 dan 8 yang menunjukkan 100% di mana Item 1 ialah “guru memahami pengertian elemen kelestarian alam sekitar merupakan nilai tambah yang diterapkan dalam pdpc matapelajaran yang diajar”, item 4 ialah “guru mempunyai keinginan untuk meneroka ilmu dalam integrasikan elemen kelestarian alam sekitar dalam PdPC”, Item 5 ialah “guru memberi gambaran yang jelas tentang elemen kelestarian alam sekitar dalam PdPC” dan Item 8 ialah “guru memastikan strategi pembelajaran berpusatkan murid diutamakan”. Manakala bagi item 2, 3 dan 7 menunjukkan 90% guru bahasa Tamil mengamalkan integrasi

elemen kelestarian alam sekitar dalam kandungan PdPC dan mampu menambah pengetahuan dalam kalangan murid serta memastikan objektif pembelajaran dicapai pada akhir PdPC. Walaubagaimanapun amalan guru 80% pada item 6,9 dan 10 iaitu guru merancang aktiviti yang menarik minat murid dan aktiviti yang kreatif dalam kelestarian alam sekitar dan memastikan tahap penguasaan murid pada tahap 4,5 dan 6 pada akhir PdPC. Secara keseluruhannya, kebanyakan responden memberikan respon positif dan membantu dalam mengukur amalan guru-guru terhadap penerapan elemen kelestarian alam sekitar dalam mata pelajaran bahasa Tamil yang sangat tinggi seperti yang digariskan dalam persoalan kajian. Sebaliknya, hasil daripada pemerhatian responden terdapat beberapa faktor luaran yang menyebabkan berlakunya pengurangan peratus dalam beberapa item. Antara faktor yang diutarakan ialah, pengalaman mengajar, beban tugas harian di sekolah yang melampau, kekangan masa dan sebagainya.

Hasil dapatan temu bual untuk mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru semasa menerapkan kelestarian alam sekitar dalam PdPC bahasa Tamil. Hasil temubual telah membuktikan jawapan bagi soalan kajian iaitu :

- ii. Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru semasa menerapkan kelestarian alam sekitar dalam PdPC bahasa Tamil?

Maklumat tentang cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru semasa menerapkan elemen kelestarian alam sekitar dalam mata pelajaran bahasa Tamil diperolehi melalui temubual yang dijalankan ke atas 2 orang guru bahasa Tamil dan seorang Ketua Panitia bahasa Tamil.

Jadual 2

Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru semasa menerapkan kelestarian alam sekitar dalam PdPC bahasa Tamil

Bil.	Soalan	Jawapan
1.	Adakah faktor pengalaman guru mengajar mempengaruhi penerapan elemen kelestarian alam sekitar dalam PdPC harian anda?	<p>R1: Ya. Sebab guru yang berpengalaman lebih matang dalam pengaplikasian nilai kelestarian alam dalam PdPC. Selain itu, pengalaman guru akan meningkatkan kesabaran dalam penyampaian PdPC seperti yang digariskan dalam objektif pelajaran.</p> <p>R2: Tidak semestinya. Hal ini adalah disebabkan sebagai seorang guru mereka harus bersedia untuk merancang dan menjalankan PdPC mengikut peredaran masa. Seorang guru walaupun baru ditempatkan ataupun berkhidmat banyak tahun beliau sentiasa bersedia untuk mengaplikasi pelajaran mengikut kehendak KPM yang menghasratkan kemenjadian murid.</p> <p>R3: Tidak sama sekali. Hal ini adalah disebabkan kelestarian alam sekitar merupakan perkara yang dilalui dalam kehidupan harian seseorang. Walaupun seorang guru baru ditempatkan dalam sesebuah beliau sentiasa peka terhadap kandungan pelajaran yang akan disampaikan walau apa jua unsur nilai tambah. Jika seorang guru yang berpengalaman beliau telahpun didedahkan dengan kandungan kelestarian alam yang sebelum ini dikenali sebagai matapelajaran alam dan kemanusiaan dalam sejak KBSR lagi. Oleh itu, pengalaman mengajar tidak mempengaruhi penerapan elemen kelestarian alam dalam PdPC seorang guru dalam bilik darjah.</p>

-
2. Apakah cabaran yang anda hadapi semasa merancang dan melaksanakan PdPC yang menerapkan elemen kelestarian alam sekitar?
- R1: Cabaran pertama ialah kekangan masa. Oleh sebab sekolah terlibat dalam banyak program sama ada akademik ataupun keakademik ia akan menyebabkan kandungan unsur kelestarian alam tidak dapat disampaikan sepenuhnya.
- Cabaran kedua ialah kemudahan prasarana yang tidak begitu banyak menyebabkan guru tidak dapat menyampaikan pelajaran dengan penuh berkesan. Contohnya, kemudahan ICT.
- Cabaran ketiga ialah, kepakaran guru dalam mengendalikan TMK dalam pelajaran. Kebanyakan guru yang berusia tinggi kurang berkepakaran dalam pengendalian TMK dalam pelajaran dan hal ini menyebabkan PdPC kurang dijalankan mengikut peredaran masa.
- R2: Terdapat banyak cabaran. Tapi cabaran utama ialah kekangan masa untuk mengabdikan sukatan pelajaran dalam masa yang ditetapkan. Hal ini menyebabkan beberapa unsur nilai tambah terlepas pandang semasa PdPC.
- R3: Bagi saya, kekangan masa dan beban kerja yang melampau merupakan cabaran dalam pengaplikasian unsur nilai tambah kelestarian alam sekitar dalam PdPC. Nilai kelestarian alam sekitar merupakan unsur pendidikan alam yang perlu didedahkan kepada murid zaman sekarang yang terlalu pengaruh dalam teknologi dan media sosial. Hal ini menyebabkan murid tiada rasa penghargaan kepada alam sekitar. Sebagai seorang guru, mereka perlu diberikan ruang yang secukupnya untuk menyalurkan nilai menghargai alam sekitar melalui PdPC. Tapi, dalam situasi sebenar keadaan tidak membenarkan seseorang guru untuk menyempurnakan tanggungjawab mereka.
-

Jadual 2 menerangkan item-item yang diambil kira oleh pengkaji semasa mengadakan pemerhatian PdPC dalam kalangan 3 guru bahasa Tamil. Hasil dapatan menunjukkan bahawa antara perkara-perkara yang dibincangkan dalam temu bual, cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru semasa menerapkan kelestarian alam sekitar dalam PdPC bahasa Tamil menjadi tumpuan utama dalam temu bual kerana secara keseluruhannya ia menjerus kepada kekangan masa dalam kalangan kesemua responden dalam kajian ini. Cabaran ini merupakan antara cabaran utama yang diutarakan oleh kebanyakan responden yang menyatakan bahawa faktor ini menjadi penghalang kepada mereka dalam penyaluran ilmu kepada generasi akan datang. Cabaran kekangan masa ini adalah timbul disebabkan oleh penglibatan sekolah dalam banyak program sama ada akademik ataupun ko akademik. Hal ini menyebabkan para guru kurang memberi perhatian dalam pengaplikasian unsur nilai tambah semasa PdPC dijalankan walaupun mengetahui kehendak KPM dalam penggubalan kurikulum yang terbaru ini. Menurut Mohd Zaki dan Mohammad Zohir (2021), para guru haruslah mengambil inisiatif dalam meneroka dan menerapkan elemen kelestarian alam sekitar dengan lebih meluas lagi mengikut topik-topik atau tema-tema dalam kurikulum matapelajaran bahasa Tamil. Selain itu, beliau juga menyarankan para guru untuk mempelbagaikan strategi dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran menarik dan interaktif dengan memfokuskan kepada pembentukan amalan kelestarian alam sekitar yang lebih responsif dalam kalangan murid pada peringkat sekolah rendah walau apa jua cabaran dihadapinya.

PERBINCANGAN

Hasil daripada dapatan kajian ini dapat dirumuskan bahawa tahap amalan guru terhadap penerapan elemen kelestarian alam sekitar dalam mata pelajaran bahasa Tamil berada pada tahap tinggi dan amat memuaskan. Di samping itu, amalan guru terhadap penerapan elemen kelestarian alam sekitar dalam mata pelajaran bahasa Tamil berdasarkan pengalaman mengajar berada pada tahap tinggi dalam kajian ini. Dapatan ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Sunthankanokpang dan Murphy (2019) yang telah melaporkan peratusan kesedaran yang tinggi terhadap elemen kelestarian iaitu sebanyak 69 peratus dan dapatan kajian Hanifah Mahat et al, (2015) yang telah melaporkan bahawa tahap amalan penggunaan lestari dalam kalangan guru di daerah Puchong berada pada tahap tinggi.

Sebagai tambahan lagi, hasil dapatan menunjukkan bahawa, amalan keprihatinan terhadap alam sekitar yang berada pada tahap tinggi bagi pekerja syarikat swasta dan pengguna Sabah yang sedar terhadap isu alam sekitar di pelbagai peringkat serta tahap kesediaan guru pelatih dalam melaksanakan Pembangunan Lestari SDGs yang baik. (Muhammad Fazli Sabri & Teoh Yong Yong, 2006; Mohd Hamdan & Diana Demiyah, 2020; Wensing & Torre, 2009; Nena, 2022). Justeru, dapat dirumuskan bahawa guru-guru bahasa Tamil mempunyai amalan yang baik dan tinggi dalam memupuk perasaan mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid, di samping membentuk etika menghargai alam sekitar dalam kalangan murid. Dapatan ini selaras dengan hasil dapatan kajian Hanifah Mahat et al (2015) yang telah melaporkan bahawa amalan penggunaan lestari dalaman bagi kebanyakan guru adalah berkaitan dengan isu penjimatan sumber dan pengurangan sampah. Sungguhpun begitu, dalam kajian yang dijalankan oleh Mohd Zaki Said dan Mohammad Zohir (2021) telah melaporkan bahawa kepelbagaian strategi pembelajaran yang aktif and berpusatkan murid yang membawa kepada pendekatan dunia sebenar dan pembelajaran penyelesaian masalah secara kritikal adalah disarankan bagi membentuk amalan kelestarian dalam kalangan murid. Dapatan kajian Mohd Zaki dan Mohammad Zohir (2021) tersebut telah mencadangkan kepada para guru bahasa Tamil juga dalam meneroka dan menerapkan unsur kelestarian alam sekitar dengan lebih meluas lagi mengikut topik-topik atau tema-tema dalam kurikulum bahasa Tamil, di samping melaksanakan kepelbagaian strategi dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran menarik dan interaktif dengan memfokuskan kepada pembentukan amalan kelestarian alam sekitar yang lebih responsif dalam kalangan murid pada semua peringkat persekolahan.

CADANGAN IMPLIKASI KAJIAN

Melalui pelaksanaan kajian, pengkaji didapati bahawa beberapa aspek yang harus dipertimbangkan untuk membuat penambahbaikan. Hal ini adalah disebabkan oleh responden adalah dalam kalangan guru bahasa Tamil, perspektif guru dalam penerapan elemen kelestarian alam sekitar harus diukur dan dinilai dalam kalangan guru mata pelajaran lain juga. Perkara ini disebabkan oleh pendidikan merupakan suatu usaha yang berterusan dan harus dinilai sejak awal sesi pra sekolah lagi. Dalam konteks ini, penerapan elemen kelestarian alam sekitar dalam semua mata pelajaran memberikan

impak lebih efisien jika dibandingkan dengan matapelajaran bahasa Tamil supaya guru mata pelajaran lain tidak ketinggalan dalam menyalurkan pendidikan kepada anak muridnya.

Selain itu, pengkaji juga boleh mempertimbangkan elemen merentas kurikulum yang selain daripada elemen kelestarian alam sekitar. sebagai contoh, unsur kreativiti dan Inovasi yang merupakan antara unsur-unsur EMK yang diterapkan dalam PdPC oleh seorang guru bagi tujuan melahirkan anak murid menjadi lebih efisien dan efektif semasa melibatkan diri dalam pembelajaran. Selain itu, tingkah laku anak murid juga dapat memanfaatkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam proses penyelesaian masalah dalam pembelajaran. Hal ini secara tidak langsung menjadikan seseorang individu mahir dan berkeupayaan mengaplikasikannya dalam apa jua situasi dalam kehidupan. Bagi merealisasikan hasrat ini, perspektif guru terhadap penerapan elemen yang lain juga turt dikaji

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini telah berjaya mengenal pasti dan menganalisis amalan guru dalam penerapan elemen kelestarian alam sekitar dalam konteks pendidikan. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti guru mempunyai amalan yang baik dan tinggi terhadap penerapan elemen kelestarian alam sekitar, khususnya dalam usaha membentuk pelajar yang peka dan bertanggungjawab terhadap persekitaran. Walau bagaimanapun, wujud variasi dalam tahap kefahaman dan pelaksanaan elemen kelestarian tersebut dalam amalan pengajaran harian.

Dapatan kajian turut mendedahkan beberapa cabaran yang dihadapi oleh guru, termasuk kekangan dari segi sumber pengajaran yang mencukupi, kurangnya latihan profesional yang spesifik, serta batasan masa dalam menerapkan elemen-elemen kelestarian secara menyeluruh dalam kurikulum sedia ada. Oleh itu, walaupun kesedaran guru terhadap kepentingan kelestarian adalah tinggi, kekurangan sokongan yang diperlukan bagi penerapan praktikal elemen ini masih menjadi halangan yang ketara.

Sehubungan itu, kajian ini menyarankan agar inisiatif yang lebih berfokus diberikan oleh pihak berkepentingan, termasuk Kementerian Pendidikan, dalam menyediakan sokongan tambahan seperti latihan berterusan dan bahan pengajaran yang lebih sesuai

dengan objektif kelestarian. Langkah-langkah ini adalah penting untuk memastikan guru-guru dilengkapi dengan pengetahuan, kemahiran, dan sumber yang diperlukan bagi memaksimumkan penerapan elemen kelestarian dalam pendidikan, seterusnya menyumbang kepada pembentukan budaya lestari dalam kalangan generasi muda.

RUJUKAN

- Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK). (2018). Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran Mata Pelajaran Bahasa Tamil. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Duron, R., Limbach, B., & Waugh, W. (2006). Critical thinking framework for any discipline. *International Journal of Learning and Teaching in Higher Education*, 17(2), 160-166.
- Farah Izyan Raman & Kamariah Abu Bakar (2019). Amalan Kelestarian Alam Sekitar Dalam Kalangan Guru Prasekolah. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 15(2), 15 – 30.
- Fraenkel, J. R., Wallen, N. E., & Hyun, H. H. (2019). *How to Design and Evaluate Research in Education* (10th ed.). McGraw-Hill Education.
- Hanifah Mahat, Shahrudin Ahmad, Noraziah Alip & Mohamad Suhaily Yusry Che Ngah. (2015). Tahap amalan penggunaan lestari dalam kalangan guru di Puchong, Selangor. *Sains Humanika*, 5(1), 19-26.
- Immaduddin Abdul Halim. (2020). Isu-isu alam sekitar di Malaysia menurut pandangan pakar: Satu analisis perbandingan berdasarkan Tafsir al-Misbah. *Borneo Akademia UITM Cawanangan Sabah*, 4(2), 42-32.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2. <https://www.moe.gov.my/index.php/my/arkib/pemberitahuan/2018/4183-skpmg2-%202018>
- Konting, M. M. (2004). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd Hamdan Adnan & Diana Demiyah. (2020). Persepektif Pengguna Sabah Terhadap Alam Sekitar. *Jurnal Kinabalu*, 23, 87-114.
- Mohd Zaki Said & Mohammad Zohir Ahmad @ Shaari, (2021). Matlamat Pembangunan Lestari (Sdgs): Tahap Amalan Pengajaran Guru-Guru Geografi. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 17(4), 62 – 73.
- Muhammad Fazli Sabri & Teoh Yong Yong. (2006). Tahap Keperihatinan Alam Sekitar Dan Amalan Kepenggunaan Hijau Pengguna Di Petaling Jaya, Selangor. *Pertanika: Jurnal Social Science & Humanities*, 14 (2), 95 – 109.
- Mukaddes, M., & Agnello, M.F. (2009). Sustainability/GREEN: Challenges and changes for educators and the engineering curriculum. American Society for Engineering Education (ASEE) Annual Conference and Exposition Proceedings 2009.
- Nadiatul Husna Hashim & Chin Chee Keong, (2020). Projek Sekolah Hijau: Pendidikan untuk Pembangunan Lestari (ESD) dalam kalangan warga sekolah. *Proceedings of International Conference on the Future of Education IConFed 2020*, Institute of Teacher Education Tunku Bainun Campus, Penang Malaysia, 17 – 18 November 2020.
- Nena, V. (2022). Student's Teacher readiness to implement Education for Sustainable Development. *Education Sciences*, 12(505), 1-12.
- Nena, V. (2022). Student's Teacher readiness to implement Education for Sustainable Development. *Education Sciences*, 12(505), 1-12.
- Omar, M., Dagol, L., Payus, C. M. & Leong, W. V. (2019). Hubungan Antara Suri Teladan Dan Celik Alam Sekitar Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Lima Di Tawau, Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(6), 22 - 31.
- Rahman, N.A., Halim, L., Ahmad, A.R., & Soh, T.M.T. (2018). Challenges of Environmental Education: Inculcating behavioural changes among indigenous students. *Creative Education*, 9(1), 43-51.
- Sunthankanokpang, W & Murphy, E (2019). Sustainability awareness, attitudes and active: A survey of pre-service teachers. *Issues in Education Research*, 29(2), 562 – 582.

- Taylor, SJ dan R Bogdan. 1984. *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings*. second edition. John Wiley and Sons. Toronto.
- UNESCO. (2022). UNESCO moving forward the 2030 Agenda for Sustainable Development. *UNESCO*. Retrieved from: <https://en.unesco.org/>
- Wensing, E. J & Torre, C.A (2009). The Ecology of Education: Knowledge System for Sustainable Development and Sustainability. *Journal of Teacher Educator for Sustainability*, 11(1), 3 -17.

THE ROLE OF MUSIC IN THE PHOR TOR (HUNGRY GHOST) FESTIVAL IN BUKIT MERTAJAM, PENANG

Tan Yng Ling,¹ Tan Sooi Beng (Ph.D)²
Jabatan Seni Visual dan Muzik,¹
Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun¹
Universiti Sains Malaysia²
tanynglingyes@gmail.com¹

Abstract

This study explores the role of music in religious ceremonies and ritual practices during the Phor Tor (Hungry Ghost) Festival in Penang. It focuses on two main objectives: first, to analyse the role of music in the festival's religious ceremonies, and second, to explore the cultural and spiritual functions of music in the rituals. Using an ethnomusicological approach, the research involves participatory-observations, interviews, and audio-visual recordings. Data was also collected from the interviews with the Taoist priest and the Teo Chew opera troupe members who perform the rituals during the religious ceremonies. The findings reveal that music plays a vital role in facilitating communication between the human world and the spirit world. Taoist priests use chants during the rituals, while the Teo Chew opera serves both as entertainment and an offering to the spirits. Music not only supports the rituals but also strengthens the cultural traditions and promotes a sense of community. This study highlights the importance of conserving cultural heritage, especially in modern times. It also offers insights that can be incorporated into educational programmes to promote local cultural understanding and appreciation.

Keywords: Hungry Ghost Festival, Ritual Music, Taoist priest, Teo Chew Opera, Ethnomusicology

Abstrak

Kajian ini mengkaji peranan muzik dalam upacara keagamaan dan amalan ritual semasa Perayaan Phor Tor (Hantu Lapar) di Pulau Pinang. Ia menumpukan kepada dua objektif utama. Pertama, untuk menganalisis peranan muzik dalam upacara keagamaan Perayaan Phor Tor, dan kedua, untuk menerokai fungsi budaya dan spiritual oleh muzik dalam amalan-amalan ritual tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan etnomuzikologi yang melibatkan pemerhatian kajian lapangan, temu bual, dan rakaman audio-visual. Data dikumpulkan daripada paderi Taoist dan kumpulan opera Teo Chew yang membuat persembahan-

persembahan ritual tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa muzik memainkan peranan penting dalam membantu perhubungan komunikasi antara dunia realiti dan dunia makluk halus. Paderi Taoist menggunakan bacaan doa dalam ritual, manakala opera Teo Chew berfungsi sebagai hiburan serta persembahan kepada roh. Muzik bukan sahaja menyokong amalan ritual dalam perayaan malah menguatkan perhubungan kebudayaan dan komuniti. Kajian ini mempunyai implikasi penting untuk kelestarian budaya dan tradisi, terutamanya dalam dunia moden. Ia juga boleh digunakan dalam program-program pendidikan demi memupuk pemahaman dan penghargaan terhadap kebudayaan tempatan.

Kata Kunci: Perayaan Hantu Lapar, Pulau Pinang, ritual, Pendeta Taoist, Opera Teo Chew, Etnomuzikologi

INTRODUCTION

The Phor Tor Festival, also known as the Hungry Ghost Festival, is a significant cultural and spiritual event celebrated by Chinese communities during the seventh lunar month. According to Chinese folk beliefs, as well as Taoist, and Buddhist traditions, the festival focuses on honouring ancestors and appeasing wandering spirits known as "Good Brothers" (好兄弟, *hǎo xiōng dì*), who may bring misfortune if neglected (Tan, 1988; DeBernardi, 2006).

The Phor Tor festival in Bukit Mertajam (BM), renowned for its large-scale participation, features the state of Penang's largest paper effigy of *Tai Su Yeah* (大士爷, *Dà Shì Yé*, King of Hades). Music plays an essential role in the festival's rituals, facilitating communication between the living and spiritual realms. Traditional Chinese music, chants, and instrumental ensembles establish the atmosphere, guide ceremonial activities, and ensure spiritual appeasement during the Phor Tor Festival. These elements serve both cultural and spiritual functions, enhancing the rituals and maintaining the community's connection to spiritual practices (Picard, 2017; Yan, 2023). Despite the importance of music in the Phor Tor Festival, there is limited research on its specific role and impact in the festival's rituals. Examining these aspects can deepen our understanding of the festival's cultural and spiritual significance, contributing to its conservation.

Figure 1

The hungry ghost festival: Paper effigy of Tai Su Yeah



(Source: Field Study, 2024)

The objectives of this research are: firstly, to analyse the role of music in ritual practices in the Phor Tor Festival's religious ceremonies; and secondly, to explore the cultural and spiritual functions of music in the Phor Tor Festival's ritual. The research seeks to answer the following questions: What is the role of music in the ritual practices of the Phor Tor Festival's religious ceremonies in BM? How does music contribute to the cultural and spiritual functions in the Phor Tor Festival's rituals?

Although this study focuses on BM and one festival season, it provides information for future comparative studies across different regions in Malaysia and other parts of the world where the Chinese live. As the celebration differs from place to place and over time, the study also imparts valuable data for further studies on the historical evolution of the music and the form.

This research holds significant importance for the Ministry of Education Malaysia (MOE) by supporting cultural conservation, academic research, and comprehensive education. Additionally, the study provides valuable insights into ethnomusicology and the study of

music in ritual, enriching academic literature in these fields. Understanding the role of music in community rituals also helps develop educational programmes that promote social harmony and inclusivity, aligning with the Ministry's broader educational objectives.

LITERATURE REVIEW

The theoretical framework for this research incorporates concepts from ethnomusicology and ritual theory, offering a comprehensive lens to examine the musical traditions of the Phor Tor Festival. Ethnomusicology, a field that studies the cultural, and musical dimensions of music across different societies, provides essential insights into how music influences and is influenced by the rituals and practices of the festival. This approach emphasizes the significance of music in cultural expression and social identity (Merriam, 1964; Nettl, 2015). According to Becker (2004, p. 60), the concept emphasizes that *“music not only reflects culture but also creates pathways for emotional engagement and trance-like states during religious practices.”* This highlights how music serves both as a cultural expression and as a means to evoke profound emotional and spiritual experiences in ritual contexts.

DeBernardi (2006, p. 52) accentuates the significance of immersive ethnographic methods, noting that these methods allow researchers to *“capture the nuanced interactions between ritual and community.”* DeBernardi's ethnographic approach stresses how religious rituals and popular cultural practices intertwine, providing a valuable framework for understanding the social and cultural dimensions of the Phor Tor Festival.

Ritual theory, which explores the symbolic and performative dimensions of rituals, is also essential for this research. This theory examines how rituals, including those in the Phor Tor Festival, function to reinforce cultural values, and facilitate communication with the spiritual realm. Victor Turner's concept of the “ritual process” provides a detailed framework, identifying three stages: *“separation, liminality, and reincorporation”* (Turner, 1969, p. 94). *“In the liminal phase, participants enter a transitional state, detached from societal norms, where music enhances the emotional and spiritual depth of the ritual.”*

This allows participants to engage with the ritual's symbolic meanings and connect with the spiritual realm in a heightened, transformative experience" (Turner, 1969, p.94). In the context of the Phor Tor Festival, music helps to create a spiritual atmosphere, to guide ceremonial activities, and to facilitate communication with the spirit world. Traditional Chinese music and chants are not merely performance elements but are central to the ritual's efficacy and spiritual resonance.

Furthermore, Bruno Nettl's work in ethnomusicology illuminates the importance of understanding music within its cultural contexts. Nettl argues that music should be studied not just as an art form but as a practice that reflects and shapes the beliefs and values of a community (Nettl, 2015). This perspective is particularly relevant to the Phor Tor Festival, where music plays a crucial role in the community's religious and cultural life. Nettl's focus on participant observation and immersive fieldwork aligns with the methodologies employed in this research, reinforcing the value of direct engagement with the festival's participants.

In her study of the Phor Tor Festival in Penang in the 1980s, Tan (1988), emphasizes that the festival had created a sense of *communitas* and brought the different types of Chinese who were normally divided by language, class, and religion together to pray, see shows, listen to music, and eat together publicly. Over one hundred celebrations that took place in the different streets also provided an opportunity for Chinese education and cultural activists, and politicians to raise funds for the building of Chinese schools, hospitals, and the Town Hall. They spoke about the necessity of conserving Chinese culture and education at the festival.

By integrating frameworks from ethnomusicology and the study of rituals, this research aims to provide a holistic understanding of the Phor Tor Festival's musical functions. This framework allows for a detailed analysis of how music operates within the festival's cultural and spiritual contexts, highlighting its multifaceted roles in enhancing ritual performance and preserving cultural heritage. The combination of these theoretical perspectives ensures a thorough examination of the Phor Tor Festival's music, contributing to the broader academic discourse on the interplay between music, ritual, and culture. This intersecting approach not only enhances our understanding of the

Phor Tor Festival but also contributes to the conservation and appreciation of this important cultural heritage.

RESEARCH METHODOLOGY

This research uses methods from ethnomusicology to study the role of music in the Phor Tor Festival's rituals and performances. The primary methods include participant observation, interviews, and audio-visual recordings. This approach provides a deep understanding of how music influences the festival and contributes to its overall atmosphere and significance. Ethnomusicology, as described by Bruno Nettl, emphasizes the importance of studying music within its cultural context. This means looking at how music functions and how it relates to the cultural processes (Nettl, 2015). By using ethnomusicological methods, we can gain a deeper understanding of the Phor Tor Festival's musical traditions and their role within the festival's rituals and spiritual practices.

Population / Sample

The study focuses on individuals involved with Pertubuhan Perayaan Yu Lan Bukit Mertajam, including the Taoist priests, as well as the agent and performers of the Chinese opera troupe. These participants provided diverse perspectives on the festival's musical traditions, offering a comprehensive understanding of how music is integrated into the Phor Tor festival's rituals.

Procedure of Data Collection

The data collection process began with participant observation. The researchers attended the festival, observing musical performances and rituals firsthand. This immersive approach allows for a detailed understanding of how music shapes the festival's atmosphere and guides its ceremonies. Participant observation is a key method in ethnomusicology, allowing the researchers to experience the cultural and social context of music directly. By being present at the festival,

the researchers could see how music interacted with other elements of the rituals and how it influenced the participants.

Next, structured interviews were conducted with the Taoist priests, the agent and the performers of the Chinese opera troupe. These interviews gathered personal insights and experiences regarding the significance of music in the festival. The interviews were designed to capture a wide range of perspectives, from the spiritual practices of the Taoist priests to the performers' interpretations. Alan Merriam (1964), emphasizes the importance of interviews in ethnomusicological research, as they provide direct accounts from those actively involved in the musical traditions being studied.

Audio-visual recordings were made of the music and performances during the festival. These recordings provided valuable materials for analysing the musical elements and their contexts within the festival. By capturing the live sound and visual dynamics of the performances, the researcher studied how the music interacted with other ritual components. Nettl (2015) points out that audio-visual recordings are crucial in ethnomusicology for documenting and analysing music within its cultural setting. Such recordings not only enhance understanding but also provide a rich context for the study of musical practices.

Procedure of Data Analysis

Systematic data analysis was then carried out. First, interview recordings and field notes from participant observations were transcribed. This ensured that all verbal and observational data were accurately captured for analysis. Thematic analysis was then used to identify patterns and themes related to the role of music in the festival. This involved coding the transcribed data to identify recurring motifs and insights into how music contributed to the festival's spiritual and cultural significance.

Additionally, an ethnomusicological analysis was conducted. This involved examining the music's structure, the context of its performance, and its cultural significance. The researchers studied the types of instruments used, the musical styles performed, and how these elements enhanced the festival's rituals. Bruno Nettl's approach to ethnomusicology emphasizes understanding music in its broader

social and cultural contexts, which is essential for this analysis (Nettl, 2015).

Furthermore, Merriam's model of ethnomusicological research, which includes studying music as culture, guided this research. Merriam (1964), states the importance of examining music within its social and cultural context, aligning with the goals of this study. By using Merriam's model, the researcher investigated how music is a cultural practice that reflects and shapes the community's beliefs and values.

In addition, Victor Turner's insights into the social dynamics of rituals complemented this framework. Turner (1969) explored how music served to reinforce cultural values and facilitate communication within the spiritual realm, providing a richer understanding of the interplay between music and ritual within the Phor Tor Festival.

By using these methods, the research provided a comprehensive understanding of how music influences the Phor Tor Festival, contributing to its cultural and spiritual importance. This detailed approach ensures that the study offers valuable insights into the festival's musical traditions and its broader implications for cultural heritage and community identity. The integration of Bruno Nettl's and Alan Merriam's ethnomusicological methodologies ensures that the research is grounded in a well-established theoretical framework, allowing for a thorough exploration of the festival's music and its significance. Furthermore, Victor Turner's insights into the ritual process enriched the analysis, illustrating how music enhances ritual practices and reinforces community bonds within the festival.

FINDINGS

This study shows the significant role of music in the Phor Tor Festival in BM, where two distinct types of music were utilized: the chanting of Taoist priests and performances by the Chinese Teo Chew Opera Troupe. These musical genres are strategically integrated into the festival's sequence of rituals, with each serving a specific purpose. The chanting by Taoist priests primarily supports the spiritual aspects of the rituals, facilitating communication with the supernatural realm, while the Teo Chew Opera provides entertainment for both the living community and the spirits. Together, these musical forms contribute to

the festival's overall success, balancing both spiritual and cultural functions.

Role of Taoist Priests and Ritual Music in the Phor Tor Festival

According to an interview with a Taoist priest, Mr. Chan Huan Seng (曾焕圣), he explains that Taoist priests play an important role in the Phor Tor Festival as they conduct ritualistic ceremonies that facilitate communication between the community and both divine beings and wandering spirits (also known as Good Brothers). These spirits are believed to be souls who have passed away tragically and who did not receive proper ancestral offerings. The priests' use of ritual music plays a key role in creating a spiritual atmosphere, which is important for successfully communicating with these spirits. At Bukit Mertajam, the Phor Tor Festival spans 15 days, with Taoist priests conducting rituals daily. These rituals follow three main stages which are the Lighting Ceremony (开光, *Kāi guāng*) & Awakening the Spirit (启灵, *qǐ líng*), Pacifying the Spirits (安神, *ān shén*) and Offering to the Good Brothers (布施好兄弟, *bù shī hǎo xiōng dì*). Each stage is enhanced through the use of music, chants, and symbolic actions that guide both the wandering spirits and the community through the rites

Table 1
Structure and the Role of Ritual Music in the Phor Tor Festival

Ritual Stage	Description	Music's Role
The Lighting Ceremony & Awakening the Spirit	A ceremony to awaken spiritual energy, starting the festival.	Ritual instruments like copper bells and chanting invoke spiritual forces.
Pacifying the Spirits	Rituals designed to calm wandering souls and ensure peace.	Rhythmic chanting and instrumental music guide the spirits.
Offering to the Good Brothers	Daily offering of food to wandering spirits to ensure peace and prevent disruption.	Use of bells and cymbals directs spiritual focus toward offerings.

The effigy of *Tai Su Yeah*, a central figure in the Phor Tor Festival, is set up on the first day of the 7th lunar month. *Tai Su Yeah* is believed to protect and oversee the wandering souls during the festival. The Taoist priest conducts the Lighting Ceremony (开光, *kāi guāng*) to "awaken" the effigy by filling it with spiritual presence. This act transforms the effigy into a channel for divine power, allowing devotees to pray to it for blessings of peace and health. The ritual is performed with copper hand bells (铜三清铃, *tóng sān qīng líng*), cymbals (钹, *bó*), and chanting, transforming the effigy into a medium for divine blessings. The rhythmic sounds of the bells and chanting are the main elements that ensure the success of the effigy's "awakening" as per Taoist practices, where music acts as a bridge between the spiritual and human worlds.

Figure 2

The Taoist priest chants and plays the bell



(Source: Field Study, 2024)

Throughout the 15-day festival, the Taoist priests lead daily rituals, including chanting, playing ritual instruments, and distributing food offerings to calm and satisfy the wandering souls. The chanting

during these rituals is rhythmic and accompanied by instruments such as the copper bell and cymbals, which help create a calm soundscape for the ceremonies. It is also believed that the chants can help to guide the wandering spirits to find peace and to maintain the spiritual efficacy of the rituals. This ritual of pacifying the spirits is sometimes referred to as *chāo dù* (超度), meaning "to transcend or surpass," guiding the souls beyond suffering and helping them find peace in the afterlife. As Picard (2017) highlights, in Chinese ritual practices, music is recognized as being able to move devotees from the spiritual to the entertainment world.

Offerings to the Good Brothers (布施好兄弟, *bù shī hǎo xiōng dì*), include food such as roasted pig, buns (*migu*), biscuits, and *buah rambai* to symbolize abundance and ensure that these spirits are satiated. This ceremony goes beyond symbolic gestures; it embodies the Taoist belief in compassion and care for wandering spirits, ensuring that the latter are not left in hunger. The act of throwing food during this ritual is called *shī shí* (施食), which means "offering food," symbolizing the act of providing nourishment to wandering spirits. In addition to food offerings, other objects used during the rituals hold deep symbolic significance. *Buak cao* (抹草 *Desmodium Caudatum*), a plant believed to have purifying properties, is placed in a cup of water to cleanse negative energies and unseen spiritual impurities. Additionally, the priest reads from a *qiu so* (手疏, *qiū shū*), a text that lists the names of those participating in the prayers and the items being offered. The *qiu so* is read out each morning to ask for blessings of peace, health, and prosperity for the community and to guide the wandering souls toward peace.

The interactive element in rituals is the call and response between the Taoist priest and the devotees. For instance, during the prayer, the priest proclaims blessings such as peace or health, to which the devotees respond with "Okay" or "Good" (好, *hǎo*). This participation enhances the spiritual experience and reinforces the effectiveness of the rituals. The vocal involvement represents more than just joining in; it reflects a collective wish for blessings and protection.

The Taoist priests' role in the Phor Tor Festival is essential to maintain the spiritual and cultural significance of the event. Through ritual music, chanting, and symbolic acts, the priests guide both the wandering souls and the community, ensuring the festival's success in

bringing peace, health, and prosperity to the living. Music and ritual objects play significant roles in these ceremonies, not only enhancing the atmosphere but also facilitating communication with the spiritual world. This dynamic interaction between sound, ritual, and community highlights the importance of Taoist music in preserving the spiritual efficacy of the Phor Tor Festival.

Role of Chinese Teo Chew Opera in the Phor Tor Festival

The Teo Chew opera troupe's performance is one of the offerings meant to appease wandering spirits and honour deities. It serves both a religious and cultural function, blending ritualistic practices with entertainment. According to Mr. Chew Choon Chuan (周俊全), the agent for the troupe performing at the BM Phor Tor celebration, three Teo Chew opera troupes from Bangkok, Thailand, were brought in for the 15-day celebration. This decision was made due to the cost-effectiveness of Thai troupes compared to those from China.

The Teo Chew Opera serves dual purposes: it provides entertainment for the living community and is an offering to the wandering spirits. Performances of traditional Teo Chew opera are held throughout the festival, particularly in the evening, attracting large crowds from the local community. These performances are seen as a form of worship and respect toward the spirits of the deceased, who are believed to enjoy the sights and sounds of the operatic displays. The cultural significance of Teo Chew opera lies in its function as a bridge between the human and spirit worlds. The performances are often held in outdoor stages near the festival site, with the first row of seats left empty to symbolize reserved seating for the wandering spirits. The combination of live music, intricate costumes, and storytelling offers the spirits entertainment and honour.

Figure 3

The Teo Chew Opera performance: story of Sì Láng Hui Mǔ (四郎会母)



(Source: Field Study, 2024)

The inclusion of Teo Chew opera in the Phor Tor Festival is not only for entertainment; it also holds spiritual significance. It is believed that the Good Brothers find joy in these performances, and the music serves as a way to keep them entertained, thereby reducing any potential for disruption or harm. By offering music in the form of opera, the living community members show their respect for the spirits and receive protection from bad fortune.

Table 2
Structure and the Role of Teo Chew Opera Performance in the Phor Tor Festival

Performance Section	Content & Structure	Role & Significance
Opening Act	Composed of five main segments:	Represents blessings of prosperity (五福, <i>wǔ fú</i>), longevity, offspring, and honour. Each act reflects a prayer for good fortune for the community and spirits.
	1. <i>Tang Ming Huang Cleansing the Stage</i> (唐明皇净棚, <i>Táng Míng Huáng Jìng Péng</i>)	
	2. <i>Eight Immortals Celebrate Longevity</i> (八仙贺寿, <i>bā xiān hè shòu</i>)	
	3. <i>Fairy Maiden Bringing a Child</i> (仙姬送子, <i>Xiān Jī Sòng Zǐ</i>)	
	4. <i>Jumping the Official's Hat</i> (跳加冠, <i>Tiào Jiā Guān</i>)	
Main Story	5. <i>Reunion in the Capital</i> (京城会, <i>Jīng Chéng Huì</i>)	Engages both the living and the spirits through storytelling. Each performance serves to honour the spirits and offer a shared cultural experience with the audience.
	Traditional stories chosen based on requests from the community, including famous tales such as:	
	• <i>The Orphan of Zhao</i> (赵氏孤儿, <i>Zhào Shì Gū'ér</i>)	
	• <i>Three Scholars from One Family</i> (一门三进士, <i>Yī Mén Sān Jìn Shì</i>)	
	• <i>Borrowing a Sword</i> (借剑, <i>Jiè Jiàn</i>)	
• <i>Autumn Rain in Xiaoxiang</i> (潇湘秋雨, <i>Xiāo Xiāng Qiū Yǔ</i>)		

	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Si Lang visits His Mother</i> (四郎会母 <i>Sì Láng Huì Mǔ</i>) 	
Closing Act	Final performance typically involves the Eight Immortals celebrating and thanking the deities. Performers thank deities and spirits for their presence and blessings. The troupe says farewell and receives blessings to perform elsewhere.	The farewell ceremony marks the end of the festival, where the opera troupe bids farewell, symbolizing the closing of the spiritual and physical connection.

Table 2 outlines the structure and role of Teo Chew opera performances during the Phor Tor Festival. The performance is divided into three main sections: (i) the opening act, featuring five segments symbolizing blessings of prosperity, longevity, offspring, and honour; (ii) the main story, where traditional tales are performed; and (iii) the closing act, in which the performers express gratitude to the deities and spirits, marking the end of the festival and the farewell of the opera troupe.

On the final day of the Phor Tor Festival, before the symbolic send-off and burning of *Tai Su Yeah*, the Teo Chew opera presents a traditional Closing Act. The final performance typically features the episode known as the Eight Immortals Celebrate Longevity (八仙贺寿, *bā xiān hè shòu*), where the Eight Immortals offer thanks to the deities for their blessings and presence throughout the festival. This final act is a symbolic gesture of gratitude, as the opera performers express their farewell to the deities and spirits, receiving blessings for their future performances elsewhere. Unlike the earlier performances on the stage, the Closing Act takes place on the ground, as the stage has been removed to make way for the procession of *Tai Su Yeah's* effigy. Performed on the floor in the middle of the *Yu Lan Square* (盂兰广场), the actors are surrounded by the community and devotees. This unique setting allows the crowd to fully participate and witness the final ritual up close. The farewell ceremony, therefore, not only marks the closing of the festival but also symbolizes the end of the spiritual and physical connection. The effigy is moved out of the square with the accompaniment of chanting and ritual music by the Taoist priest, and towards the crossroads where it will be sent off, ensuring that the

wandering souls return to the underworld and leave the community in peace.

The music ensemble used in the opera is divided into two categories: the civil ensemble and the military ensemble. The civil ensemble, also known as *Wen Chang Yue Qi* (文场乐器), is traditionally referred to as the "Dragon Section". The military ensemble or *Wu Chang Yue Qi* (武场乐器), was known as the "Tiger Section". Each section and the role of the instrument is illustrated in Table 3.

Table 3
Roles of Instruments used in Wen Chang Yue Qi (civil ensemble) and Wu Chang Yue Qi (military ensemble) in the Teo Chew Opera

Ensemble	Instruments	Description and Role of the Instrument
<i>Wen Chang Yue Qi</i>	<i>Yang Qin</i> (扬琴)	A hammered dulcimer that produces light, gentle tones. It is often used for soft and melancholic melodies, suitable for emotional or reflective scenes in the opera.
	<i>Er Hu</i> (二胡)	A two-stringed bowed instrument capable of producing highly expressive and emotive sounds. It is often used to portray sorrow or melancholy performance.
	<i>Dua Gou</i> (大鼓)	The big drum, used to emphasize major dramatic actions or pivotal moments in a performance.
<i>Wu Chang Yue Qi</i>	<i>Diong Gou</i> (中鼓)	A middle-sized drum that balances the larger and smaller drums, filling in rhythmic gaps and creating a fuller sound.
	<i>Suei Gou</i>	A smaller drum that adds

(小鼓)	rhythmic texture and contrast, complementing the larger drum's rhythm.
<i>Dua Kok</i> (大木)	A wooden block idiophone, struck with two wooden sticks to accentuate transitions between scenes or dramatic points.
<i>Tiak Bang</i> (拍板)	Clappers used to accompany the beats, especially during fast-paced scenes or moments involving rapid movement or dialogue.
<i>Dua Boak</i> (大钹)	Large cymbals with a deep, resonant tone, used to create powerful and dramatic soundscapes. The size of the cymbals can vary depending on the scene's intensity.
<i>Boak Gia</i> (小钹)	Small cymbals producing sharp, crashing sounds. These are often used to highlight sudden movements or actions, contributing to the dramatic feel of military scenes.
<i>Chim Bo</i> (沉波)	A deep-sounding gong used during moments of dramatic tension. Their deep resonance portrays suspense in the performance.
<i>Kek Lo</i> (曲锣)	The drama gong, known for its wide, metallic resonance. It creates an ominous or atmospheric sound, commonly used in scenes of dramatic or theatrical actions.
<i>Lo Gia</i> (锣仔)	Smaller gong played alongside the larger gongs to create a layered, harmonious sound. These gongs add higher-pitched

tones to complement the deeper
gongs like Chim Bo and Kek Lo.

The civil ensemble primarily uses chordophones (stringed instruments) and aerophones (wind instruments). These instruments are suitable for accompanying emotional scenes, such as dialogues or moments of sadness. The instruments used include *Yang Qin* and *Er Hu*. The civil ensemble plays a significant role in creating a calm or sentimental atmosphere, complementing the opera characters' dialogues and emotional expressions.

The military ensemble consists of idiophones (percussion instruments that are struck or shaken) and membranophones (drums). These instruments play a critical role in shaping the emotional landscape of the performance, especially during dramatic scenes, such as battle sequences or tense moments. The drum set, led by the *Si gu* (司鼓, the main drummer), serves as the backbone of the military ensemble. The coordination of drums, cymbals and gongs ensures that the rhythm of the performance remains steady and synchronized with the movements and actions of the actors on stage. While the military ensemble often highlights the exciting parts of the opera, it also serves important functions. For example, it marks the start of a performance or a ritual by creating a special atmosphere with the rhythmic beating of drums and crashing of cymbals, signaling that the show is about to begin. The ensemble also announces danger or important events during the performance; the loud sounds from the drums and gongs alert the audience to pay attention. Additionally, the precise rhythm of the ensemble enhances the actors' movements and expressions, making the performance more engaging and immersive, where the music and acting work together.

Figure 4

The military ensemble with the instruments Dua Gou, Dua Kok, Suei Gou, Diong Gou, Lo Gia, Kek Lo, Chim Bo, Dua Boak



(Source: Field Study, 2024)

Figure 5

The civil ensemble with the instruments Yang Qin and Er Hu.



(Source: Field Study, 2024)

To summarise, the distinction between the civil ensemble and the military ensemble in Teo Chew opera is crucial to the overall structure of the performance. Each ensemble has its own unique set of instruments and serves different narrative and emotional purposes. The music and performance elements of the opera create a sense of ritual theatre, wherein the audience becomes part of the spiritual world, engaging both consciously and unconsciously with the spirits who are believed to be present. This blending of theatricality and spirituality reinforces the concept that the festival is a community-wide effort to engage with the metaphysical world, bringing protection and blessings to the living.

SUGGESTIONS/ IMPLICATIONS

This research has provided useful insights into the role of music in the Phor Tor Festival, but there are areas where further study could improve our understanding. Future research could compare how the Phor Tor Festival is celebrated in different regions or communities. This could help us see how the music and rituals may differ and show different cultural interpretations of the festival. Another suggestion is to explore other forms of art, like visual elements, that are used alongside music during the festival. Studying these together would give a fuller picture of how they all work to create the spiritual and cultural atmosphere of the event.

It would also be useful to look at how modernization and globalization are affecting the festival's music. As the Phor Tor Festival changes over time, studying how younger generations engage with the music could show if they are keeping the traditional styles or adapting them in new ways. This would help us understand how the traditions are passed down and what might happen to them in the future.

The findings of this study can also help with efforts to conserve cultural heritage. The information can be a guide, keeping the festival alive while encouraging more people to participate. In education, the study can be used to teach about Malaysia's rich cultural traditions, helping younger generations appreciate their heritage. Overall, this research highlights the important role of music in spiritual practices and can help promote cultural conservation and social unity.

CONCLUSION

This study reveals that music plays a crucial role in the Phor Tor Festival's religious ceremonies, functioning as a key element in both ritual practices and spiritual communication. The chanting by Taoist priests facilitates spiritual communication, ensuring that wandering souls receive the necessary offerings and, in return, bestow blessings upon the devotees and the community. Meanwhile the Teo Chew opera serves as both an entertainment and a ritualistic offering to the spirits. These two musical elements create a spiritual atmosphere that ensures the success of the festival's ceremonies.

This study shows that music not only supports spiritual communication but also helps to conserve cultural traditions. The research highlights how music enhances the rituals by fostering a sense of community among participants. These findings point to the need for further exploration of how music strengthens both the religious practices and bonds among the participants. Overall, music is a vital part of the Phor Tor Festival, ensuring its spiritual success and bringing blessings to those who participate.

ACKNOWLEDGEMENTS

We extend our sincere gratitude to all the individuals and organizations who contributed to this research. Special thanks to Mr. Chan Huan Seng, the Taoist priest, for his invaluable insights into the Phor Tor Festival rituals; as well as Mr. Chew Choon Chuan, agent for the Chinese opera troupe; and Ah Mu, a dedicated troupe member from Bangkok, for sharing their unique perspectives. We also appreciate the support and cooperation of the committee members of Pertubuhan Perayaan Yu Lan Bukit Mertajam. This research was made possible by the sponsorship of Think City and the Small Towns Seberang Perai Grants Award.

REFERENCES

- DeBernardi, J. (2006). *The way that lives in the heart: Chinese popular religion and spirit mediums in Penang, Malaysia*. Stanford University Press. (Reprinted by NUS Press in 2009).
- Merriam, A. P. (1964). *The anthropology of music*. Northwestern University Press.
- Nettl, B. (2015). *The study of ethnomusicology: Thirty-three discussions*. University of Illinois Press.
- Picard, F. (2017). Music and ritual in China. *Turkish Journal of Sociology*, 37(2), 195–209.
- Tan, S. B. (1998). *The Phor Tor festival in Penang: Deities, ghosts and Chinese ethnicity*. Centre of Southeast Asian Studies, Monash University.
- Tan, S. B. (2000). *Community theatre and cultural activism in Malaysia*. University of Malaya Press.
- Tan, S. B. (2005). *Chinese street opera in Malaysia*. University of Malaya Press.
- Turner, V. (1969). *The ritual process: Structure and anti-structure*. Aldine Transaction. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/337291149_6_Heritagizing_the_Chaozhou_Hungry_Ghosts_Festival_in_Hong_Kong
- Yan, P. (2023). Interpretation of Taoist aesthetics in Chinese music art. *Scientific Research Publishing*. https://nbpublish.com/library_read_article.php?id=69527

HUBUNGAN SIKAP DAN MINAT TERHADAP KAEDAH LAWATAN DALAM PEMBELAJARAN SEJARAH DALAM KALANGAN PELAJAR PISMP

Malar Muthiah, (Ph.D)¹, Kaushalya Palanisamy²,
Norrolnadia Tajudin³
Jabatan Ilmu Pendidikan,^{1,2}
Jabatan Teknologi Pengajaran dan Kemanusiaan³,
Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun
drmmalar@gmail.com¹

Abstrak

Kaedah lawatan merupakan salah satu kaedah pembelajaran yang sesuai pada masa kini dalam menarik minat sekaligus dapat memberikan kefahaman dalam pembelajaran Sejarah. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap sikap dan minat serta hubungan antara sikap dan minat terhadap pembelajaran Sejarah melalui kaedah lawatan dalam kalangan pelajar PISMP. Seramai 41 orang pelajar PISMP yang mengambil elektif teras Sejarah telah dipilih sebagai sampel berdasarkan teknik persampelan bertujuan. Instrumen soal selidik kajian ini telah disahkan oleh pakar-pakar penilai dan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Data kajian ini dianalisis secara deskriptif melalui perisian IBM SPSS versi 26.0. Dapatan kajian ini menunjukkan tahap sikap terhadap pengajaran dan pembelajaran kursus sejarah berada pada tahap tinggi ($M=3.87$, $SD=0.56$) dalam kalangan pelajar elektif Sejarah. Tahap minat pelajar Sejarah bagi kaedah lawatan adalah tinggi iaitu ($M= 3.61$, $SD=0.623$). Ini menunjukkan pelajar elektif sejarah sangat berminat untuk mempelajari kursus Sejarah yang menggunakan kaedah pembelajaran yang berbentuk lawatan. Analisis statistik inferensi bagi korelasi Pearson telah dijalankan bagi mengenal pasti hubungan sikap dengan minat pelajar terhadap Sejarah melalui kaedah lawatan. Hasil analisis kajian ini menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang positif di antara sikap dengan minat pelajar dalam pembelajaran Sejarah melalui kaedah lawatan ($r = .562$, $p = .000 < .05$). Ini menunjukkan tahap sikap pelajar mempengaruhi minat mereka terhadap Sejarah melalui kaedah lawatan yang turut disarankan dalam Dokumen Standard Kurikulum Pelajaran (DSKP). Kajian ini telah melahirkan beberapa implikasi iaitu antaranya pelajar lebih bersemangat dan menunjukkan minat yang tinggi serta terlibat secara aktif dalam pembelajaran Sejarah di IPG Kampus Tuanku Bainun.

Kata kunci : sikap, minat, lawatan, sejarah, pembelajaran

Abstract

This descriptive review study aims to identify the level of attitudes and interest, as well as the relationship between attitudes and interest towards the learning method of history course visits among PISMP students. A total of 41 PISMP students were selected based on purposive sampling techniques. A questionnaire, adapted and validated by expert evaluators with good reliability, was used as the study instrument. The study data were analyzed descriptively using IBM SPSS version 26.0 software. The findings of this study indicate that the level of attitude towards the teaching and learning of history courses is high ($M=3.87$, $SD=0.56$) among History elective students. The level of student interest in the IPIM learning method is also high ($M=3.61$, $SD=0.623$). This shows that history elective students are very interested in learning history courses using the IPIM learning method. Inferential statistical analysis using Pearson correlation was conducted to identify the relationship between students' attitudes and interest. The results of the analysis show a significant positive relationship between students' attitudes and interest in learning history ($r = .562$, $p = .000 < .05$). This indicates that students' attitudes influence their interest in the IPIM learning method. This study has several implications, including students being more enthusiastic, showing high interest, and actively participating in History learning at IPG Kampus Tuanku Bainun.

Keywords : attitude, interest, visit, history, learning

PENGENALAN

Mata pelajaran Sejarah telah dilaksanakan secara rasmi bermula pada tahun 2014 di semua sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan di Malaysia. Kurikulum Sejarah di sekolah rendah memberi penekanan yang khusus kepada sejarah negara selaras dengan kehendak kerajaan untuk memastikan rakyat Malaysia celik sejarah di samping menghayatinya. Mata pelajaran Sejarah termasuk dalam mata pelajaran teras di bawah tunjang kemanusiaan. Mata pelajaran ini diajar kepada murid-murid Tahap 2 (Tahun 4, 5 dan 6). Matlamat utama kurikulum Sejarah sekolah rendah adalah untuk memastikan masyarakat Malaysia mempelajari asal usul serta sejarah perkembangan negara dan memupuk semangat setia negara (Nur Syazwani Abdul Talib *et al.*, 2019).

Mata pelajaran Sejarah juga mampu membentuk keperibadian pelajar dalam menyemai semangat patriotik dalam jiwa masyarakat Malaysia termasuk semangat kekitaan, berdisiplin, berusaha dan produktif. Menurut Susanto (2014), pembentukan sikap dalam sosial apabila masyarakat mempelajari latar belakang dalam sesuatu peristiwa sejarah. Justeru, kurikulum Sejarah sekolah rendah adalah satu usaha melahirkan warganegara yang bersatu padu, mempunyai perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia, berpengetahuan dan menghayati serta mengamalkan ciri-ciri kenegaraan (Soedjatmoko 1983; Sapriya, 2012; Zahro *et al.*, 2017). Elemen yang diterapkan dalam kurikulum Sejarah diharapkan menjadi wadah dalam penerapan nilai-nilai murni yang membentuk kehidupan masyarakat yang lebih patriotik dan jati diri.

Dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Sejarah bagi semua peringkat pengajian termasuk sekolah rendah, sekolah menengah dan pengajian tinggi, kaedah pengajaran dengan menitikberatkan langkah penyampaian yang tersusun adalah usaha penting untuk mendekati objektif pengajaran (Mok, 1992). Menurut Endacott dan Brooks (2013), kecekapan berfikir, pedagogi dan kebijaksanaan untuk merangsang tingkah laku pelajar terhadap kisah sejarah lampau akan mempengaruhi keberkesanan PdP Sejarah. Oleh itu, KPM telah menetapkan asas Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) yang perlu dikuasai oleh murid dan pelajar di semua peringkat pengajian. Kemahiran Pemikiran Sejarah yang perlu dipupuk antaranya kemahiran memahami kronologi, kemahiran menerokai bukti, kemahiran membuat interpretasi, kemahiran membuat imaginasi dan kemahiran membuat rasionalisasi (Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), 2003; 2015)

Mata pelajaran Sejarah bukan semata-mata untuk pengetahuan tetapi boleh dijadikan pedoman daripada peristiwa yang berlaku (Muhd. Yusuf 1994; Abd. Rahim 1999) kepada pelajar sehingga mampu mempengaruhi sikap dan minat pelajar. Namun, Sejarah juga salah satu mata pelajaran yang kurang diminati oleh pelajar dan menjadi lebih bermasalah apabila inisiatif untuk merangsang minat pelajar kurang dititikberatkan oleh para pendidik (Anuar *et al.*, 2009; Ahmad Syakirin & Anuar, 2016). Oleh itu, aktiviti yang dirancang oleh pendidik perlu memberi pengalaman yang dapat menyuburkan, berpusatkan pelajar secara aktif dan akhirnya melahirkan minat terhadap mata pelajaran Sejarah (Lee Bih Ni & Nurul Asyikin Hassan, 2023). Antaranya, pelajar melawat tempat-tempat yang menyimpan seni Sejarah seperti Muzium untuk menghubungkan

pengalaman sebenar dengan kandungan dalam buku teks (Ariegusrini Agus & Mohamad Johdi Salleh, 2009). Para pendidik juga digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun, mengolah, dan mempelbagai aktiviti mengikut kesesuaian pelajar. Menurut Aiza Maslan @ Baharudin (2024), Muzium berperanan sebagai sebuah institusi yang memperoleh, menyimpan, meneliti, berkomunikasi serta mempamerkan bagi tujuan pendidikan, pembelajaran dan keseronokan.

Dalam konteks mata pelajaran Sejarah, isu utama yang mempengaruhi pembelajaran dalam kalangan murid ialah mengingat dan menghuraikan fakta sehingga memberikan kesan terhadap minat pelajar tersebut. Ini jelas terutamanya bagi murid yang berprestasi rendah dari segi akademik. Pengaplikasian istilah pedagogi terbeza perlulah digunakan oleh guru Sejarah bagi merangsang minat murid untuk belajar mata pelajaran Sejarah. Pernyataan ini turut dibincangkan oleh Nur Syazwani Abdul Talib *et al.* (2016) iaitu pelajar akan menunjukkan kemampuan untuk mempelajari mata pelajaran dengan terperinci apabila mereka mempunyai minat mendalam melalui kepelbagaian kaedah pengajaran guru. Selain itu, masalah ini juga timbul kerana sikap kurangnya membaca dan minat terhadap mata pelajaran ini.

Seterusnya, pelajar mempraktikkan cara yang salah untuk menghafal fakta tanpa banyak mengambil kira konsep dan peristiwa kronologi. Pembelajaran Sejarah dalam kalangan pendidik masih menggunakan teknik syarahan dan hafalan semata-mata (Dahalan *et al.*, 2018). PdP mata pelajaran Sejarah selepas merdeka juga dilihat masih tradisional iaitu buku teks sebagai alat pengajaran utama (Sharipah Aini Jaafar & Arba'iyah Mohd Noor, 2016; M. Kaviza, 2020, Fatin Imanina Abd. Rahman & Anuar Ahmad, 2024). Selain itu, ayat yang panjang dan berliku dalam buku teks Sejarah juga menyebabkan kekeliruan dan kesukaran kepada murid untuk memahami dan minat terhadap mata pelajaran Sejarah.

PdP yang masih bersifat tradisional juga turut mempegaruhi sikap pelajar terhadap Sejarah. Menurut Nur Syazwani Abdul Talib *et al.* (2023), kaedah pembelajaran Sejarah kini masih bersifat sehala dan lebih berpusatkan guru sehingga menyebabkan pelajar tidak berinteraksi dengan guru seterusnya menjadikan pembelajaran kaku. Sikap pelajar juga turut menyumbang kepada masalah dalam PdP Sejarah iaitu pelajar tidak meminta penjelasan untuk topik yang mereka kurang faham ketika proses pembelajaran.

Kajian Sharipah Aini Jaafar & Arba'iyah Mohd Noor (2016) berkenaan pelaksanaan PdP Sejarah di sekolah-sekolah di Malaysia, mereka membincangkan tentang kebergantungan guru Sejarah terhadap buku teks telah mengakibatkan proses PdP tidak membantu murid meneroka ilmu Sejarah dengan terbuka dan meluas. Perkara ini berlaku disebabkan guru Sejarah kurang mendapat pendedahan mengenai kaedah pengajaran terkini dan bersesuaian untuk diaplikasikan di dalam bilik darjah.

Oleh itu, satu kaedah yang disarankan dalam DSKP Sejarah ialah Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM). IPIM ialah PdP Sejarah berasaskan muzium sebagai satu institusi yang dapat menyuntik pembelajaran sejarah dengan efektif memandangkan ia mempunyai sumber koleksi sejarah yang boleh digunakan dalam sesi pengajaran. Kaedah IPIM boleh dilaksanakan melalui pameran dan himpunan koleksi bagi memudahkan pembelajaran murid (Mohd Azmi, 2012). Selain itu, kaedah IPIM membantu kepelbagaian proses penyampaian maklumat yang lebih efektif. kaedah pembelajaran lawatan ke Muzium boleh membantu murid lebih memahami dan menghargai sejarah di samping memupuk sikap bangga terhadap usaha dan pencapaian yang telah dilakukan oleh generasi terdahulu.

Oleh itu, kaedah PdP melalui lawatan ke Muzium akan membantu dalam mewujudkan suasana yang berkesan akan dapat menarik minat pelajar IPGM terhadap pembelajaran Sejarah. Mempelajari Sejarah mempunyai pelbagai kepentingan yang dapat diterapkan dalam diri pelajar serta minat murid terhadap sejarah akan dapat ditingkatkan. Pembelajaran Sejarah melalui lawatan ke Muzium membolehkan murid mampu melihat sendiri koleksi yang ada dan cuba mengaitkan dengan pelajaran yang telah mereka pelajari. Pembelajaran melalui objek juga akan meningkatkan daya imaginasi pelajar (Lasky, 2009). Program Muzium yang hebat boleh menimbulkan minat pengunjung dan memberi inspirasi kepada mereka untuk terus belajar selepas lawatan (Sawyer, 1996).

Justeru, artikel ini bertujuan untuk mengkaji kaedah lawatan ke Muzium dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah sebagai satu bentuk pendedahan awal serta memupuk sikap dan minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah dalam kalangan pelajar PISMP.

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Menentukan tahap sikap pelajar terhadap kaedah pembelajaran lawatan ke Muzium.
- ii. Menentukan tahap minat pelajar terhadap kaedah pembelajaran lawatan ke muzium.
- iii. Mengenal pasti hubungan antara sikap dengan minat pelajar terhadap kaedah pembelajaran lawatan ke muzium.

SOALAN KAJIAN

- i. Apakah tahap sikap pelajar terhadap kaedah pembelajaran lawatan ke muzium?
- ii. Apakah tahap minat pelajar terhadap kaedah pembelajaran lawatan ke muzium?
- iii. Adakah terdapat hubungan antara sikap dengan minat pelajar terhadap kaedah pembelajaran lawatan ke muzium?

Hasil dapatan kajian ini diharap dapat memberi peluang kepada pensyarah dan guru-guru Sejarah untuk meneroka dengan lebih lanjut tentang kaedah pembelajaran IPIM dan mengamalkannya semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP). Ini membuka peluang kepada pensyarah untuk menyediakan sesi lawatan ke Muzium serta aktiviti atau tugas yang bersesuaian bersandarkan kepada muzium.

LITERATUR

Kajian Niveetha Mookan *et al.* (2021) mengenai pendekatan kepelbagaian pengajaran dari aspek penyampaian, alat bantu mengajar, pedagogi dan peneguhan dalam pembelajaran Sejarah menunjukkan bahawa mata pelajaran Sejarah kurang diminati oleh murid berpunca daripada gaya pengajaran guru Sejarah yang masih menggunakan kaedah yang membosankan dan kurang memberangsangkan. Hal ini berlaku disebabkan ketidakbolehpayaan guru dalam menggunakan kaedah pengajaran yang kreatif dan menarik. Pernyataan ini jelas membuktikan guru Sejarah kurang berkemahiran dan pakar terhadap aspek kaedah pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah telah menjadi cabaran kepada murid berdasarkan konteks pendidikan Sejarah (Fazida Ahmad & Nurfaradilla Mohamad Nasri, 2018).

Sehubungan itu, kajian Muhammad Ayisy Baharudin & Mohd Ashraf Ibrahim (2019) berkaitan kesediaan pelaksanaan pengajaran abad ke 21 dalam mendapati guru di sekolah rendah pelaksanaan kaedah pengajaran guru Sejarah masih menggunakan kaedah tradisional iaitu '*chalk and talk*'. Kaedah sebegini lebih menggunakan pendekatan berpusatkan guru, pengaplikasian komunikasi satu hala sahaja serta mewujudkan pengajaran tidak bermakna kepada murid. Hal ini mengakibatkan murid mudah bosan dan tidak memberikan tumpuan yang jitu semasa proses PdP Sejarah berlangsung (Norakma *et al.*, 2015). Perkara ini juga terdapat dalam kajian Owing Ji Seng *et al.* (2018) yang mengatakan bahawa kaedah pengajaran yang tidak sesuai menunjukkan guru tidak berkemampuan untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan.

Justeru, isu penggunaan kaedah dan strategi pengajaran guru ini perlulah ditekankan supaya tidak menjejaskan tahap pencapaian murid sekolah rendah khususnya dalam mata pelajaran Sejarah. Penglibatan pelajar secara aktif akan menimbulkan keseronokan semasa belajar mata pelajaran Sejarah. Ini disokong dengan kajian M. Kaviza (2021) iaitu sikap murid terhadap pembelajaran Sejarah dianggap membosankan boleh dielakkan jika guru boleh mengubahsuai pendekatan, kaedah dan strategi PdP yang lebih interaktif dan kreatif di dalam bilik darjah. Menurut beliau pembelajaran yang membolehkan murid dapat menggayakan pelbagai aktiviti pembelajaran seperti penghasilan video dan gambar koleksi, menggunakan peta I-Think dalam mencatat maklumat dan

mempersembahkan hasil melalui pembentangan dalam kelas akan berjaya mengubah persepsi mereka tentang mata pelajaran sejarah.

Oleh itu kaedah IPIM merupakan satu strategi yang berkesan dalam pembelajaran sejarah kerana terdapat koleksi, sejarah tulen artifak yang dipamerkan di Muzium membantu dalam memperoleh pengalaman pembelajaran baharu dengan melihat, menyentuh, dan berinteraksi dengan bahan sejarah yang tidak terdapat di tetapan bilik darjah. Pembelajaran sejarah secara *hands-on* juga akan lebih banyak menimbulkan perasaan seronok dan menarik perhatian pelajar. Tambahan pula, belajar sejarah di Muzium juga meningkatkan pemahaman pelajar tentang konsep sejarah yang diajar di dalam bilik darjah (Azman Lingun, 2017). Lawatan ke Muzium juga membantu pelajar untuk melihat sendiri koleksi yang ada dan cuba mengaitkan dengan pelajaran yang telah mereka pelajari serta menarik minat pelajar untuk mempelajari sejarah. Pembelajaran melalui objek juga akan meningkatkan daya imaginasi pelajar.

Seterusnya, koleksi yang dipamerkan di muzium mampu memberikan gambaran yang jelas mengenai peristiwa yang berlaku dan bersesuaian dengan proses pengajaran dan pembelajaran sejarah. Justeru itu, penglibatan muzium dalam pembelajaran sejarah akan dapat memberikan kepentingan kepada muzium dan pendidikan dalam melahirkan pelajar yang mempunyai bermotivasi serta berminat terhadap pembelajaran sejarah. Objek yang dipamerkan merupakan bahan warisan negara. Melaluinya pelajar akan dapat menyentuh artifak yang dipamerkan dan akan mengaitkan dengan pembelajaran yang telah berlangsung. Pembelajaran di muzium akan berlangsung melalui koleksi, pameran, *lectures and talk*, mengadakan kelas mengikut subjek, penerbitan dan *teach and touch concept* (Ab Samad, Zuraidah dan Yusmilayati, 2010).

Kajian mengenai muzium sebagai institusi pendidikan tidak formal dalam mata pelajaran sejarah telah mendapati bahawa muzium dapat dijadikan satu kaedah dalam pembelajaran sejarah bagi menarik minat pelajar terhadap sejarah (Mohd Azmi Mohd Yusof dan Miti Fateema Sherzeella Mohd Yusoff, 2012). Pembelajaran di muzium akan memberikan ruang kepada pelajar untuk meneroka dan menjalankan penyiasatan semasa aktiviti pembelajaran dilaksanakan. Pembelajaran di muzium akan melengkapkan pembelajaran di bilik darjah melalui pengalaman baru pelajar untuk lebih memahami peristiwa sejarah menerusi bukti yang ada di muzium dan kefahaman pelajar juga akan dapat ditingkatkan. Kajian mengenai muzium turut

dilakukan untuk mengetahui tahap keberkesanan lawatan ke muzium, minat pelajar dalam membuat lawatan ke muzium akan tahap kemahiran pemikiran sejarah terhadap pembelajaran sejarah di muzium.


Lawatan ke muzium dapat menarik minat pelajar terhadap sejarah dan meningkatkan tahap pemikiran sejarah. Pembelajaran melalui lawatan ke muzium telah memberikan kesan positif terhadap pembelajaran sejarah. Pelajar bersetuju pembelajaran di muzium dapat membantu mereka mengetahui dengan lebih lanjut mengenai sejarah negara dan mengembangkan imaginasi serta membantu proses pembelajaran di bilik darjah. Suasana pembelajaran di muzium juga menyeronokkan berbanding pembelajaran di bilik darjah dan ini dapat meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran sejarah. Program IPIM yang hebat boleh menimbulkan minat pengunjung dan memberi inspirasi kepada mereka untuk terus belajar selepas lawatan ke muzium.

Teori Pembelajaran Sosial Bandura (1946) berfokus kepada pembelajaran individu yang berlaku disebabkan oleh faktor persekitaran dan tingkahlaku. Menurut Bandura (1986) proses pembelajaran berlaku melalui pemerhatian dan peniruan. Proses pembelajaran berlaku melalui bahasa, misalan dan teladan.

Bandura (1986) dalam teori perlakuan model menekankan perhubungan rapat di antara persekitaran dan individu dalam mempelajari sesuatu. Menurut beliau, persekitaran turut memainkan peranan penting dalam menjana daya kognitif individu. Penjanaan ini akan menentukan serapan maklumat kekal atau pun sebaliknya untuk digunakan di masa akan datang. Memang benarlah bagai dikata, pengalaman merupakan guru yang paling baik dalam mengemudi kehidupan mendatang.

Rajah 1

Teori Pembelajaran Sosial Bandura(1986)



Berasaskan Rajah 1, Bandura (1986) berpendapat pembelajaran melalui pemerhatian merupakan pembentukan asas tingkah laku manusia. Melalui pemerhatian terhadap proses dan hasil perubahan tingkah laku orang lain, individu secara tidak langsung, mempelajari tingkah laku tersebut. Kaedah pembelajaran lawatan ke Muzium melalui koleksi yang terdapat di situ mampu menarik minat pelajar untuk terlibat secara aktif semasa sesi pembelajaran.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk tinjauan. Kajian tinjauan ini melibatkan pendekatan kuantitatif, dengan mengemukakan analisis data deskriptif daripada satu set soalan soal selidik. Populasi kajian terdiri daripada pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) yang sedang mengikuti kursus sejarah sebagai kursus elektif di IPG Kampus Tuanku Bainun. Dalam kajian ini, responden kajian ialah 41 orang pelajar elektif Sejarah Tahun 2 Sem 2. Responden kajian dipilih menggunakan teknik pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Bagi mendapatkan data penilaian bagi kajian ini, pengkaji telah mengubahsuai soal selidik daripada kaji selidik Ahmad Al-Munzir (2020), dalam kajiannya yang mengkaji "Tahap Kesiediaan Pensyarah Terhadap Penggunaan Mata pelajaran dalam Sistem Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET)." Item soal selidik tersebut kemudiannya disesuaikan mengikut objektif kajian ini dengan menggunakan skala Likert Empat Mata. Soal selidik terdiri daripada 30 item. Perisian SPSS 26.0 digunakan untuk menganalisis

data soal selidik. Pengkaji menggunakan analisis deskriptif yang merujuk kepada penganalisan data yang diperoleh dari hasil soal selidik. Bagi tujuan interpretasi tahap sikap dan tahap minat terhadap kaedah pembelajaran lawatan Muzium skor min yang diperoleh dikod semula kepada tiga tahap: rendah, sederhana, dan tinggi (Pallant, 2007).

SAMPEL

Sampel atau responden kajian ialah pelajar PISMP Tahun 2 Semester 2. Responden kajian merupakan pelajar yang mengambil kursus sejarah di IPG Kampus Tuanku Bainun . Pelajar elektif sejarah terdiri daripada 41 orang. Persampelan tujuan atau *purposive sampling/ judgement sampling*. Merujuk kepada prosedur persampelan iaitu sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu sahaja dipilih sebagai responden kajian berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus penyelidikan. Pengkaji. Ini bermakna pengkaji memilih responden yang tersedia ada (Creswell,2019).

PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Prosedur kajian ini melibatkan pengumpulan data melalui soal selidik yang telah diedarkan kepada pelajar PISMP Tahun 2 Sem 2 di Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun (IPGKTB). Soal selidik tersebut dirancang untuk mengukur tahap sikap dan minat terhadap kaedah pembelajaran lawatan Muziumberasaskan Teori Bandura(1986). Data yang dikumpulkan kemudian dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for The Social Sciences* versi 26.0 (SPSS). Melalui SPSS, nilai min dan sisihan piawai bagi setiap aspek yang dikaji memungkinkan analisis yang lebih mendalam dan terperinci mengenai tahap sikap dan minat terhadap pembelajaran kursus sejarah di IPG Kampus Tuanku Bainun Prosedur ini memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan dapatan kajian, yang seterusnya digunakan untuk membuat kesimpulan dan cadangan yang relevan (Cresswell.J, 2012). Instrumen kajian telah diedarkan kepada pelajar dalam talian iaitu dalam bentuk *Google form*. Pelajar diberi tempoh masa selama 2 minggu untuk melengkapkan borang soal selidik tersebut. Sebelum borang soal selidik diedarkan kepada

pelajar, pengkaji telah meminta kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Kementerian Pelajaran Malaysia. Seterusnya, pengkaji telah mendapatkan kebenaran dari Institut Pendidikan Guru Malaysia dan juga Pengarah IPG Kampus Tuanku Bainun untuk melaksanakan kajian di institut tersebut.

Instrumen kajian ini ialah soal selidik yang digunakan dalam kajian ini telah diadaptasi dan diubahsuai daripada instrumen yang digunakan oleh Norliza (2003) dan Siti Suzainah dan Abdul Razaq (2015). Pendekatan kaedah soal selidik dilihat sebagai satu kaedah yang boleh memberi panduan untuk menilai keperluan tentang sesuatu bahan atau objektif kajian yang ingin dikaji (Chua, 2011) . Instrumen ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu demografi guru, sikap pelajar dan minat terhadap kursus sejarah elektif di IPG Kampus Tuanku Bainun. Instrumen yang digunakan adalah borang soal selidik kerana penggunaan borang soal selidik adalah lebih efektif dan mudah untuk penyelidik menjalankan kajiannya (Mohamad Najib, 1999). Item- item dalam soal selidik pada Bahagian B dan Bahagian C menggunakan Skala Likert 4 poin iaitu 'Sangat Tidak Setuju', 'Tidak Setuju', 'Setuju', dan 'Sangat Setuju'. Skala Likert mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi kerana responden boleh memilih jawapan yang mereka kehendaki (Mohd Majid, 1993 dalam Rabaishah, 1999). Keputusan analisis kebolehpercayaan menunjukkan nilai *Alpha Cronbach* bagi setiap bahagian adalah tinggi iaitu Bahagian B (.734) dan Bahagian C (.821). Nilai yang diperoleh ini adalah menghampiri 1.00. Hal ini menunjukkan bahawa item-item dalam skala tersebut mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi.

Bagi menjawab persoalan kajian satu dan dua, pengkaji menggunakan analisis deskriptif melalui min dan sisihan piawai. Manakala Analisis *Korelasi Pearson* digunakan untuk melihat hubungan antara sikap terhadap minat pembelajaran dengan menggunakan kaedah IPIM dalam kalangan pelajar elektif sejarah bagi menjawab persoalan kajian ketiga. Interpretasi skor min tahap sikap pelajar dan tahap minat diperjelaskan seperti dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1
Interpretasi Min

Skor Min	Tahap
3.51-4.00	Tinggi
2.51-3.50	Sederhana
1.51-2.50	Rendah
1.00-1.50	Sangat Rendah

(Sumber: Mohd Asri Harun et al., 2016)

Bagi menentukan tahap sikap dan tahap minat terhadap kaedah pembelajaran Sejarah, skala Likert 4 telah dibahagikan kepada 4 Kategori iaitu sangat rendah, rendah, sederhana dan tinggi seperti yang disarankan oleh Mohd Asri Harun, Zulkifley Hamid dan Kartini Abd Wahab (2016). Sementara itu, kekuatan hubungan di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam kajian ini dianggar dengan menggunakan skala kekuatan yang dicadangkan oleh Davies (1971) iaitu amat tinggi (0.70-1.00), tinggi(0.50-0.69), sederhana tinggi (0.30-0.49), rendah (0.10- 0.29) dan diabaikan jika (0.00-0.09).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisis deskriptif menerangkan maklumat responden kajian dari aspek jantina, unit/opsyen, dan pendedahan terhadap pembelajaran IPIM. Analisis profil demografi responden kajian menunjukkan 13 orang lelaki (31.7%) dan 28 orang (74.3%) adalah pelajar perempuan. Responden kajian terdiri daripada pelajar dari pelbagai jurusan pengkhususan di IPGK iaitu 7 orang pelajar (17.1%) ialah dari opsyen Pengajian Cina, 8 orang pelajar (19.5%) adalah dari opsyen Pengajian Tamil serta 26 (63.4%) adalah dari opsyen Pengajian Inggeris (TESL). Manakala seramai 41 orang pelajar (100%) yang ada pendedahan tentang IPIM kerana kaedah ini terdapat dalam Maklumat Kursus Sejarah (MK). Pelajar memang diberi pengetahuan tentang pembelajaran berasaskan Muzium dalam Maklumat Kursus Pedagogi Matapelajaran Sejarah di Tahun 2 Sem 2.

Sikap Terhadap Kursus Sejarah di IPG Kampus Tuanku Bainun

Berdasarkan Jadual 2, tahap sikap terhadap pengajaran dan pembelajaran kursus sejarah berada pada tahap tinggi ($M=3.87$, $SD=0.56$) dalam kalangan pelajar elektif Sejarah. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap sikap terhadap pengajaran dan pembelajaran kursus sejarah berada pada tahap tinggi dalam kajian ini.

Jadual 2

Sikap Terhadap Kursus Sejarah

	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Sikap	3.87	0.56	Tinggi

Dapatan kajian menunjukkan tahap sikap terhadap pengajaran dan pembelajaran kursus Sejarah berada pada tahap tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa sikap terhadap pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan kaedah IPIM secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi dalam kalangan pelajar IPGM Kampus Tuanku Bainun. Hal ini kerana pelajar merasakan kursus sejarah itu sangat berguna kepada mereka kerana pembelajaran lawatan ke Muzium telah membantu dalam mewujudkan suasana sesi PdP menarik. Ini adalah kerana pelajar dapat melihat, mendengar dan menyentuh objek di muzium. Dapatan juga menyatakan pelajar gembira mengalami pembelajaran di Muzium sehingga ingin berkunjung lagi ke Muzium pada masa yang lain (Zuraidah 2012). Hasil dapatan kajian ini adalah selaras dengan kajian Kaviza (2019) iaitu sikap pelajar akan mewujudkan kesedaran dalam diri mereka tentang keperluan serta kepentingan belajar sejarah, mewujudkan keseronokkan belajar, meningkatkan kemampuan belajar sejarah serta bermotivasi untuk belajar sejarah. Sehubungan itu, para pendidik sejarah perlu mengambil inisiatif yang strategik bagi memastikan sikap positif yang berterusan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran kursus sejarah dapat dibentuk dalam kalangan pelajar.

Jadual 3
Minat terhadap Pembelajaran IPIM

Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya sangat berminat terhadap pembelajaran kaedah IPIM	3.43	.551	Sederhana
Kaedah Pembelajaran IPIM yang sangat menyeronokkan	3.54	.702	tinggi
Kaedah Pembelajaran IPIM meningkatkan pemahaman konsep/fakta sejarah	3.65	.776	tinggi
Kaedah Pembelajaran IPIM sangat menyeronokkan melalui lawatan ke Muzium	3.67	.568	tinggi
Saya dapat mengingat konsep/fakta tentang peristiwa sejarah melalui kaedah pembelajaran IPIM	3.54	.661	tinggi
Saya dapat menghubungkan kait pengetahuan lama dan baru melalui kaedah pembelajaran IPIM	3.74	.499	tinggi
Kaedah Pembelajaran IPIM membantu saya mendalami maklumat mengenai sejarah negara	3.61	.642	tinggi
Kaedah Pembelajaran IPIM membantu saya dalam menyiapkan tugas sejarah di IPG	3.66	.581	tinggi
Kaedah Pembelajaran IPIM membantu saya mengembangkan imaginasi dan daya cipta	3.65	.632	tinggi
Kaedah Pembelajaran IPIM melibatkan saya secara aktif semasa pembelajaran sejarah	3.56	.577	tinggi
Kaedah Pembelajaran IPIM sangat berkesan dan mendorong motivasi saya	3.80	.482	tinggi
Saya seringkali mencari bahan /maklumat tentang Kaedah Pembelajaran IPIM	3.52	.799	tinggi
Min Keseluruhan	3.61	.623	Tinggi

Berdasarkan Jadual 3 secara keseluruhannya tahap minat pelajar bagi kaedah pembelajaran IPIM adalah tinggi iaitu min 3.61 (.623). Sebelas aspek minat pelajar kaedah pembelajaran IPIM menunjukkan nilai min yang tinggi. Dua belas item telah digunakan untuk mengukur minat pelajar bagi mata pelajaran Sejarah. Skor min paling tinggi ialah item nombor enam (6) dengan skor min 3.74 (0.499) serta skor sebelas(11) dengan skor min 3.80(0.482). Manakala, skor min paling rendah ialah item pertama(1) dengan skor min 3.43(0.551). Ini menunjukkan secara keseluruhan hasil dapatan kajian menunjukkan tahap minat pelajar terhadap kaedah pembelajaran IPIM adalah tinggi. Ini menunjukkan pelajar elektif sejarah sangat berminat untuk

mempelajari kursus Sejarah dengan menggunakan kaedah pembelajaran IPIM.

Berdasarkan dengan dapatan menunjukkan tahap minat pelajar adalah tinggi dalam kalangan pelajar PISMP dalam Sejarah. Sehubungan dengan itu, pelajar sangat tertarik dan menunjukkan minat dalam pembelajaran Sejarah semasa melawat muzium. Dapatan ini selari dengan kajian lepas (Kaviza *et al.*, 2018; Kamarulzaman Abdul Ghani dan Nur Azuki Yusuff, 2019; Nur Syazwani Abdul Talib *et al.*, 2023) yang pembelajaran di Muzium juga memberikan ruang kepada pelajar untuk mendalami Sejarah. Pelajar menunjukkan minat yang tinggi disebabkan kaedah pengajaran yang lebih interaktif dan menarik apabila dapat melawat ke muzium.

PdP yang menggunakan penggunaan teknologi, projek penyelidikan, atau lawatan sejarah, boleh menonjolkan minat pelajar dengan lebih baik. Strategi PdP sebegini telah menyumbang kepada minat pelajar secara mendalam dalam Sejarah. Lawatan Muzium telah secara langsung telah mengaitkan pengajaran Sejarah dengan konteks tempatan dan budaya membantu dalam mengekalkan dan meningkatkan minat pelajar, serta memberi mereka pemahaman yang lebih mendalam tentang Sejarah dalam kehidupan mereka. Terdapat kajian mendapati bahawa muzium dapat dijadikan satu kaedah dalam pembelajaran sejarah menarik minat pelajar terhadap sejarah (Mohd Azmi Mohd Yusof dan Miti Fateema Sherzeella Mohd Yusoff, 2012).

Hubungan antara sikap dengan minat pelajar

Analisis statistik inferensi bagi korelasi *Pearson* dijalankan bagi mengenal pasti hubungan sikap dengan minat pelajar. Hasil analisis menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang positif di antara sikap dengan minat pelajar dalam pembelajaran sejarah ($r = .562$, $p = .000 < .05$). Ini menunjukkan tahap sikap pelajar mempengaruhi minat mereka terhadap kaedah pembelajaran IPIM.

Dapatan kajian menunjukkan pelajar mempunyai minat yang tinggi terhadap kaedah pembelajaran IPIM serta pendekatan ini berjaya memenuhi keperluan dan jangkaan pelajar. Kaedah pembelajaran IPIM melibatkan pendekatan yang lebih interaktif dan berpusatkan pelajar yang dapat membuat proses pembelajaran lebih menarik dan relevan. Ini adalah satu kaedah pembelajaran aktif yang memainkan peranan penting dalam mengekalkan minat pelajar.

Hubungan positif yang signifikan antara sikap dan minat menunjukkan bahawa usaha untuk meningkatkan sikap positif pelajar terhadap subjek Sejarah.

IMPLIKASI KAJIAN DAN CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Kajian tentang lawatan ke Muzium dalam PdP sejarah boleh memberikan panduan yang berharga untuk meningkatkan strategi pengajaran dan pembelajaran, serta memupuk pengalaman pendidikan yang lebih bermanfaat dan bermakna bagi pelajar. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai minat yang tinggi dengan kaedah pembelajaran lawatan ke Muzium untuk meningkatkan kefahaman, memperoleh maklumat dan pengalaman yang tidak dapat diperolehi melalui pembacaan. Kaedah lawatan Muzium ini juga turut mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Sejarah seperti peningkatan semangat inkuiri. Sikap pelajar ini boleh merangkumi pelbagai aspek seperti minat, motivasi, dan pandangan terhadap subjek tersebut. Kajian ini memfokuskan kepada minat dan sikap pelajar terhadap kaedah lawatan Muzium dalam PdP Sejarah. Bagi mengukuhkan dapatan kajian ini, kajian akan datang boleh mengkaji dari segi kekerapan pelajar dan pensyarah melaksanakan pembelajaran luar bilik darjah seperti lawatan ke muzium.

Kajian ini menunjukkan sikap pelajar terhadap kaedah pengajaran tertentu boleh memandu pendidik untuk menyesuaikan teknik pengajaran mereka. Jika pelajar lebih cenderung terlibat dengan kaedah interaktif, pendidik boleh mengintegrasikan lebih banyak aktiviti praktikal dan teknologi dalam PdP. Bagi mendapatkan data yang lebih deskriptif, pengkaji akan datang boleh menggunakan kaedah kualitatif untuk mendalami sikap pelajar melalui instrumen temubual dan pemerhatian.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, lawatan ke Muzium dalam konteks PdP Sejarah merupakan salah satu cara yang berkesan untuk meningkatkan pemahaman dan minat pelajar terhadap subjek tersebut. Pensyarah Sejarah perlu memaksimumkan penggunaan sumber termasuk membuat aktiviti luar bilik darjah seperti lawatan ke Muzium untuk lebih mendalami sesuatu Sejarah itu. lawatan ke Muzium membolehkan pelajar melihat dan mengalami artifak Sejarah secara langsung, yang membantu mereka memahami konteks Sejarah dengan lebih mendalam. Ini mengatasi kekurangan dalam pembelajaran hanya melalui teks dengan memberikan pengalaman visual dan sentuhan yang lebih nyata terhadap objek Sejarah. Pelajar yang terlibat secara aktif dalam lawatan ke Muzium biasanya menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam pembelajaran Sejarah.

RUJUKAN

- Aiza Maslan @ Baharudin (2024). Peranan Muziumdi Malaysia dalam Melestarikan Sejarah dan Warisan Haji [The Role of Museums in Malaysia in Preserving Hajj History and Heritage]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* (e- ISSN: 2600-9080), 7(1), 156-166.
- Bandura, Albert. (1986). *Social Foundation of Thought and Action: A Social Cognitive Theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall
- Davies, J. A. (1971). *Elementary survey analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- Faiz Zahiruddin, Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad¹, Shakila Che Dahalan(2019). *Learning at The Museum Will Enhance the Skills of Historical Thinking (KPS) Students*. The 2nd International Conference on Sustainable Development and Multi Ethnic Society Education and Humanities.Vol.2.
- Fatin Imanina Abd. Rahman & Anuar Ahmad (2024). Cabaran Guru Menggunakan Bahan Elektronik dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(2), e002701-e002701.
- Kalpana Mohan, Anuar Ahmad & Norasmah Othman (2024). Kesediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Luar Bilik Darjah dalam Mata Pelajaran Sejarah Sekolah Rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(1), e002652-e002652.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). Dokumen Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Sejarah Tahun 4.
- Mohd Azmi, M. Y. & Mimi Fateema Sherzeela (2012). *Muzium Sebagai Institusi Pendidikan Tidak Formal dalam Pengajaran & Pembelajaran Subjek Sejarah*. Kuala Lumpur : Jabatan Muzium Malaysia.
- Muhammad Zulfiqar Mat Lui & Anuar Ahmad (2021). Minat murid terhadap gaya, kaedah pengajaran dan pembelajaran guru dalam pendidikan sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(2), 211-221.
- M. Kaviza. (2019). Sikap Belajar Sejarah Melalui Penerokaan Sumber Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* Volume 4, Issue 5, September 2019.

- Najwa Abdul Aziz, Anuar Ahmad & Norasmah Othman (2024). Keekerapan Penggunaan Buku Teks dengan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Sekolah Rendah dalam Mata Pelajaran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(1),
- Nur Syazwani Abdul Talib, Kamarulzaman Abdul Ghani & Nur Azuki Yusuff. (2019). Kaedah pembelajaran sejarah berasaskan lawatan ke muzium. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 2(1), 45-57.
- Nur Syazwani Abdul Talib, Kamarulzaman Abdul Ghani & Nur Azuki Yusuff. (2023). Keberkesanan Aktiviti Pembelajaran Sejarah Di Muzium: Satu Kajian Kes. *Kajian Malaysia*, Vol. 41, No. 2, 2023, 267–290
- Nurul Firzanah Abdul Karim, Khalijah Ahmad & Ahamad Jama'amin Yang (2023). Lawatan Maya dalam Pengajaran Sejarah: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Wacana Sarjana*, 7(5), 1-12. e002677-e002677.
- Petah Wazzan Iskandar(2019). Muzium Pupuk Rasa Cinta Kepada Negara. Berita Harian online 3 April 2019.
- Siva Sankar A/L R.Mahalingam, & Mohd Isa bin Hamzah. (2016). Penggunaan Kaedah Inkuiri Penemuan dalam Kalangan Guru-guru Sejarah Sekolah Menengah. International Seminar on Generating Knowledge through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 Oktober 2016, Universiti Utara Malaysia,1(11), 1-11.
- Zarina Md Yasin (2013). *Penilaian Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) Peringkat Menengah Atas*. Tesis Dr. Falsafah: Universiti Kebangsaan Malaysia.

CABARAN GURU SEJARAH MELAKSANAKAN KEMAHIRAN PEMIKIRAN SEJARAH (KPS) DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP) SEJARAH

Suhaida Binti Mohd Sahid (Ph.D)¹, Shahabuddin Bin Hashim (Ph.D),²
Salmiza Binti Mohd Sahid³
Unit Ko kurikulum,¹
Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.^{2,3}
suhaidamsahid@gmail.com¹

Abstrak

Salah satu disiplin sejarah yang perlu dilaksanakan oleh guru Sejarah dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Sejarah ialah Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS). Terdapat lima elemen iaitu memahami kronologi, meneroka bukti, membuat interpretasi, membuat imaginasi dan membuat rasionalisasi yang terkandung dalam KPS. Walau bagaimanapun, kurangnya bahan rujukan yang sesuai, kekangan masa dalam kurikulum, dan kekurangan latihan yang khusus berkaitan dengan Kemahiran Pemikiran Sejarah antara cabaran utama yang dihadapi oleh guru Sejarah (Rahman et al., 2019). Kajian ini bertujuan untuk mengkaji cabaran guru terhadap pelaksanaan KPS dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Sejarah. Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes yang melibatkan tiga orang guru Sejarah sekolah menengah. Kaedah temu bual digunakan untuk mendapatkan maklumat bagi menjawab persoalan kajian. Soalan temu bual adalah instrumen utama untuk mengumpul data bagi menjawab semua persoalan mengenai cabaran guru Sejarah dalam melaksanakan KPS dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP Sejarah). Hasil kajian ini menunjukkan bahawa guru Sejarah mempunyai beberapa cabaran terhadap pelaksanaan KPS antaranya cabaran sendiri iaitu cabaran komitmen dan cabaran kompetensi. Selain itu, guru Sejarah juga mengalami cabaran sekolah iaitu dari segi kemudahan prasarana dan bahan bantu mengajar (BBM) yang terhad. Oleh itu, implikasi kajian ini mencadangkan kepada semua guru Sejarah untuk melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan bagi memastikan segala cabaran dapat diatasi supaya KPS dapat dilaksanakan dalam proses PdP Sejarah. Dapatan ini diharap dapat dijadikan panduan terutamanya kepada guru Sejarah, pihak sekolah, penggubal dasar, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Institusi Pendidikan Guru (IPG) dan pihak universiti.

Kata Kunci: Cabaran, Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS), Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Abstract

One of the historical disciplines that must be implemented by History teachers in the teaching and learning of History is Historical Thinking Skills. There are five elements which are understanding chronology, exploring evidence, making interpretations, making imaginations and making rationalizations contained in Historical Thinking Skills. However, the lack of appropriate reference materials, time constraints in the curriculum, and the lack of specific training related to Historical Thinking Skills are among the main challenges faced by History teachers (Rahman et al., 2019). This qualitative study uses a case study design involving three high school History teachers. The interview method was used to obtain information to answer the research questions. Interview questions are the main instrument to collect data to answer all questions about the challenges of History teachers in implementing KPS in teaching and learning. The results of this study show that History teachers have a number of challenges to the implementation of Historical Thinking Skills, among them self challenges which are commitment challenges and competency challenges. In addition, History teachers also experience school challenges which are limited infrastructure facilities and teaching aids. Therefore, the implications of this study suggest to all History teachers to equip themselves with knowledge to ensure that all challenges can be overcome so that Historical Thinking Skills can be implemented in the process of Teaching and Learning History. It is hoped that this finding can be used as a guide especially for History teachers, schools, policy makers, the Malaysian Ministry of Education, the State Department of Education, Teacher Education Institutions and universities.

Keywords: Challenges, Historical Thinking Skills, Teaching and Learning

PENGENALAN

Mata pelajaran Sejarah kini semakin diberi perhatian dalam sistem pendidikan Malaysia dengan memartabatkan mata pelajaran ini sebagai mata pelajaran teras yang wajib lulus di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sejak tahun 2013 (Nur Syazwani Abdul Talib et al, 2016). Mulai tahun 2014 mata pelajaran ini wajib dipelajari oleh murid-murid di sekolah rendah melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan sekolah menengah melalui Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) mulai tahun 2017. Terdapat enam disiplin sejarah yang perlu dilaksanakan oleh guru Sejarah, salah satunya ialah Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS). Terdapat lima elemen dalam KPS antaranya memahami kronologi, meneroka bukti, membuat interpretasi, membuat imaginasi dan membuat rasionalisasi yang menggalakkan proses pemikiran secara kritis dan analitis dalam kalangan murid-murid dan membentuk warganegara Malaysia yang lebih bertanggungjawab, berpatriotik serta mempunyai semangat cinta akan negara (Ahmad Razaai Ayudin, 2011; Haminah Suhaibo, 2010; Nur Syazwani Abdul Talib et al, 2016). Kemahiran Pemikiran Sejarah merupakan suatu proses intelektual yang bersifat kompleks yang perlu dikuasai oleh murid dalam mengkaji sesuatu peristiwa sejarah secara kritis (Korber & Meyer-Hamme, 2015; Levesque, 2016; Peck & Seixas, 2008). Kemahiran ini merupakan salah satu elemen penting dalam kurikulum Sejarah yang diperlukan dalam proses pembelajaran Sejarah pada semua peringkat persekolahan (Chapman, 2015; Sivachandralingam Sundara Raja, 2018; Spoehr & Spoehr, 1994).

Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) merupakan salah satu aspek penting dalam pendidikan Sejarah, yang bertujuan membentuk pelajar yang kritis, analitis, dan mampu memahami konteks sejarah dengan lebih mendalam. Namun, dalam proses pengajaran dan pembelajaran, guru-guru menghadapi pelbagai cabaran yang menyukarkan usaha melaksanakan kemahiran ini. Antara cabaran utama yang dihadapi oleh guru termasuklah kurangnya bahan rujukan yang sesuai, kekangan masa dalam kurikulum, dan kekurangan latihan yang khusus berkaitan dengan Kemahiran Pemikiran Sejarah (Rahman et al., 2019). Di samping itu, perbezaan tahap pemahaman murid juga menjadi halangan bagi guru untuk mengajar kemahiran ini dengan berkesan (Mahmud, 2020). Oleh itu, cabaran-cabaran ini perlu diatasi untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran Sejarah serta memastikan murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan. Penerapan KPS dalam kalangan murid akan berhadapan dengan

masalah sekiranya guru Sejarah kurang berpengetahuan dan pengajarannya tanpa bergantung kepada buku teks semata-mata (Noria Munirah dan Anuar Ahmad 2015). Tanggapan negatif yang sering diutarakan oleh guru Sejarah berkaitan pelaksanaan KPS. Walau bagaimanapun, segala cabaran guru dalam melaksanakan KPS dalam PdP Sejarah perlulah diatasi agar pelaksanaan KPS dapat dilaksanakan dengan baik.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:

Mengenal pasti cabaran guru sejarah terhadap pelaksanaan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah.

Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini ialah:

Sejauh manakah cabaran guru Sejarah terhadap pelaksanaan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah?

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan maklumat tentang cabaran guru mata pelajaran Sejarah terhadap pelaksanaan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) dalam PdP Sejarah. Maklumat daripada kajian ini diharap dapat membantu dalam merealisasikan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM, 2013-2025) yang menekankan kepentingan elemen kemahiran pemikiran sejarah (KPS). Dapatan kajian ini diharap dapat juga membantu merealisasikan matlamat pendidikan Sejarah yang bertujuan melahirkan generasi baharu yang mempunyai pemikiran tinggi, bermoral dan berupaya mengatasi cabaran masa depan (PPPM, 2013-2025, KPM, 2012). Untuk mencapai matlamat tersebut, adalah sangat penting pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah perlu menekankan kemahiran pemikiran sejarah yang berasaskan disiplin Sejarah.

Kajian ini diharapkan dapat membantu guru dalam meningkatkan kompetensi guru terutama dalam pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan pedagogi untuk melaksanakan KPS dalam PdP Sejarah. Selain itu, hasil kajian yang dilaksanakan ini diharap dapat memberi maklumat tentang cabaran serta cadangan pelaksanaan KPS yang terbaik bagi melahirkan murid yang berpemikiran sejarah seterusnya berkemahiran untuk berfikir secara sistematik. Di samping itu, kajian ini akan membantu guru dalam menyediakan, merancang dan mewujudkan suasana pembelajaran yang interaktif dalam menyampaikan kelima-lima kategori dalam KPS dengan berkesan. Ini kerana KPS menerusi KSSM dalam PdP Sejarah adalah suatu yang baharu diperkenalkan mulai tahun 2017 dalam kalangan guru-guru mata pelajaran Sejarah.

Dapatan kajian ini juga diharapkan dapat dijadikan sumber maklumat kepada pihak pengurusan dan pentadbiran sekolah, Jabatan Pelajaran Daerah dan Negeri serta Pusat Perkembangan Kurikulum dan Kementeriaannya untuk merancang dan melaksanakan sebarang perubahan atau pembaharuan dalam kurikulum Sejarah selaras dengan hasrat matlamat KSSM untuk melahirkan murid menguasai ilmu sejarah Malaysia dan seluruh dunia dengan menggalakkan pemupukan aspek kemahiran berfikir dalam memastikan aspirasi pendidikan negara dapat dicapai (KPM, 2013, PPK, 2003; 2015, Said Hamid Hasan, 2019).

Kajian ini terhad kepada analisis pengalaman guru Sejarah yang mengajar di sekolah menengah daerah Seberang Perai Utara, Negeri Pulau Pinang. Data diperolehi melalui temu bual mendalam dengan tiga peserta, yang dipilih secara bertujuan (*purposive sampling*) berdasarkan kriteria tertentu. Oleh itu, penemuan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada populasi yang lebih luas, kerana kaedah kualitatif bertujuan untuk memahami pengalaman khusus secara mendalam. Di samping itu, perspektif yang diberikan oleh responden mungkin dipengaruhi oleh persekitaran sosial dan budaya tempatan mereka, yang boleh mempengaruhi keberlakuan penemuan di konteks lain.

TINJAUAN LITERATUR

Pendidikan Sejarah bertujuan melahirkan generasi baru yang mempunyai pemikiran tinggi, beretika, bermoral dan berupaya mengatasi cabaran masa depan (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), 2013-2025, KPM, 2012). Untuk mencapai matlamat pendidikan sejarah seperti yang dinyatakan, pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah perlu menekankan unsur pemikiran yang berasaskan disiplin sejarah. Dalam konteks pendidikan sejarah di negara Malaysia, mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran wajib lulus pada peringkat menengah atas telah menimbulkan pelbagai reaksi dari segi strategi dan cadangan terhadap pelaksanaan mata pelajaran tersebut dengan lebih berkesan bagi meningkatkan Kemahiran Pemikiran Sejarah yang merupakan salah satu cabaran yang dihadapi dalam kalangan murid-murid (Wineburg, 2001; Sarmila Tamoh Deram & Abdul Razaq Ahmad, 2017).

Kajian oleh Abdul Razaq dan Mohd Johdi (2019) mendapati sebilangan guru masih kurang mahir dalam kaedah pengajaran yang melibatkan KPS. Ini termasuk kesukaran dalam membimbing pelajar untuk menganalisis sumber sejarah dan membuat interpretasi yang tepat. Bukan itu sahaja, guru menghadapi kesukaran untuk melaksanakan KPS secara berkesan kerana kekangan masa dan bebanan tugas pentadbiran yang tinggi. Menurut kajian Mohd Mahzan et al. (2016), guru terpaksa mengejar silibus dan tidak dapat memberi tumpuan sepenuhnya kepada pembangunan KPS dalam kalangan pelajar.

Kajian oleh Mohamad Johdi dan Ariegusrini (2018) menunjukkan guru menghadapi masalah kekurangan sumber primer dan bahan bantu mengajar yang sesuai untuk mengajar KPS secara berkesan. Menurut Rosy Talin (2020), kemudahan infrastruktur yang terhad seperti makmal sejarah dan peralatan ICT yang terhad turut menjejaskan keberkesanan pengajaran KPS.

Walaupun pengkaji telah mengesan beberapa cabaran yang dihadapi oleh peserta kajian semasa melaksanakan KPS dalam PdP Sejarah, namun dalam penulisan ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada cabaran sendiri dan cabaran sekolah. Cabaran aspek sendiri meliputi komitmen guru dan kompetensi guru. Manakala cabaran aspek sekolah pula melibatkan cabaran kemudahan prasarana dan cabaran bahan bantu mengajar. Sekiranya masalah ini tidak ditangani

dengan baik, maka pelaksanaan KPS tidak dapat disampaikan dengan berkesan.

METODOLOGI KAJIAN


Pendekatan kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini. Berdasarkan reka bentuk kajian ini, pengkaji menjalankan kajian menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan maklumat bagi menjawab persoalan kajian. Soalan temu bual adalah instrumen utama untuk mengumpul data bagi menjawab semua persoalan mengenai cabaran guru Sejarah dalam melaksanakan KPS dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP Sejarah). Peserta kajian terdiri daripada tiga orang guru Sejarah dari tiga buah sekolah menengah di daerah utara Semenanjung Malaysia yang dipilih berdasarkan teknik pensampelan bertujuan. Dalam kajian ini, pengkaji menjalankan temu bual berbentuk semi berstruktur untuk memastikan pengkaji dapat menganalisis data dengan lebih terperinci dan menjawab semua persoalan dengan lebih tepat. Bagi memastikan kajian ini lebih bermakna, pengkaji telah memilih reka bentuk penyelidikan kualitatif berbentuk kajian kes. Kajian ini dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan kaedah tematik.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan hasil dapatan kajian bagi mencapai objektif, iaitu mengenal pasti cabaran guru Sejarah dalam melaksanakan KPS dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Bagi memudahkan perbincangan, peserta kajian diberi kod seperti G1 merujuk kepada peserta kajian 1, G2 merujuk kepada peserta kajian 2 dan seterusnya G3 merujuk kepada peserta kajian 3. Dapatan kajian diringkaskan seperti pada rajah 1.

Rajah 1

Cabaran Guru dalam melaksanakan KPS



Pengkaji menjalankan temu bual berstruktur dengan peserta kajian. Soalan temu bual yang pengkaji kemukakan telah ditetapkan sebelum menjalankan sesi temu bual dan telah mendapat kesahan daripada tiga orang pakar bidang. Pengkaji mencatat hasil temu bual untuk menunjukkan respon peserta kajian berkaitan cabaran-cabaran yang dihadapi. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa peserta kajian mempunyai beberapa cabaran terhadap pelaksanaan KPS antaranya cabaran sendiri iaitu komitmen guru dan kompetensi guru. Selain itu peserta kajian juga mengalami cabaran sekolah iaitu kemudahan prasarana dan bahan bantu mengajar (BBM) yang terhad.

Sejauh manakah cabaran guru Sejarah terhadap pelaksanaan KPS dalam PdPc Sejarah?

Cabaran Kendiri

Berdasarkan data temu bual G1, G2 dan G3 cabaran yang dihadapi aspek cabaran kendiri dalam melaksanakan KPS dalam PdP ialah komitmen guru dan kompetensi guru. Berikut merupakan pernyataan oleh peserta kajian.

Komitmen Guru

Cabaran bagi komitmen guru ialah bebanan tugas dan kekangan masa.

Bebanan tugas

Berdasarkan temu bual, dapatan menunjukkan ketiga-tiga peserta kajian berpendapat bahawa komitmen mereka sebagai guru Sejarah bukan sekadar mengajar mata pelajaran Sejarah, malah mereka turut diminta untuk menggalas tugas dan tanggungjawab lain.

Menurut peserta kajian G1 menyatakan dan G2, komitmen mereka menggalas tugas seperti kerja-kerja pengkeranian merupakan cabaran mereka dalam melaksanakan KPS.

“...kadang saya rasa tak boleh fokus nak mengajar sebab tugas pengkeranian nak kena key in macam-macam la ni...” (E1;G1;TB3;B227).

*“...banyak kerja pengkeranian yang kena buat, jadi kadang tu tak sempat nak rancang aktiviti-aktiviti yang best la untuk murid-murid rasa tak cukup tangan”
(E1;G2;TB3;B217-218).*

Manakala G3 turut menyatakan perkara yang hampir sama iaitu

“...saya guru kelas lagi, guru disiplin lagi lepas tu guru cemerlang lagi, tapi kena jugak la nak buat macam mana kesian kat budak-budak”.. (E1;G3;TB3;B228).

Kekangan Masa

Hasil analisis dapatan kajian mendapati bahawa masa merupakan antara faktor cabaran yang dihadapi oleh ketiga-tiga peserta kajian terhadap pelaksanaan KPS dalam PdPc Sejarah. Waktu yang diperuntukkan untuk Sejarah di sekolah menengah adalah empat waktu atau dua jam seminggu. Keadaan ini menyebabkan guru Sejarah menghadapi cabaran masa untuk menghabiskan silibus mata pelajaran Sejarah tingkatan empat iaitu sebanyak 10 bab.

Selain itu, guru Sejarah tidak dapat mengaplikasikan sepenuhnya pengetahuan pedagogi yang dimiliki berkaitan pelaksanaan KPS kerana mereka perlu menghabiskan silibus seperti yang dinyatakan oleh G1

“Saya memang kena habiskan silibus cepat-cepat sebab saya juga mengajar form 5 tu kadang tidak sempat fokus pasai KPS semasa mengajar”... (E1;G1;TB3;B236-B237).

Perkara yang hampir sama turut dinyatakan oleh peserta kajian G2 dan G3 iaitu

“...kekangan masa sebab nak kejaq silibus, tapi memang saya buat yang terbaik jugak la untuk laksanakan KPS...” (E1;G2;TB3;B230-B231).

“... Projek memang tak sempat nak buat kalau satu jam. Tapi sebab budak-budak saya suka, saya buat la cuma kalau habis masa, kami sambung pula buat waktu sejarah lepas tu...”(E1;G3; TB3 “B234-B235).

Kompetensi Guru

Cabaran dari sudut kompetensi guru pula adalah kerana ketiga-tiga peserta kajian kurang mendapat pendedahan dan latihan berkaitan dengan cara untuk membimbing dan melaksana KPS kepada murid-murid dalam PdPc Sejarah. Pendedahan terhadap KPS dalam pembelajaran dan pemudahcaraan dilaksanakan semasa mereka melanjutkan pelajaran dahulu. Tambahan pula pendedahan dan penjelasan terhadap kandungan KPS menerusi KSSM telah lama dijalankan.

Peserta kajian G1 dan peserta kajian G2 juga menjelaskan:

“...pernah belajar mungkin masa di universiti dulu”... (E1;G1;TB3;B228).

“...ya, memang la pensyarah ajar, tapi sebab lama dah habis semua lupa...” (E1;G2;TB3;B219).

Memandangkan tidak mendapat pendedahan dan latihan berkaitan pelaksanaan KPS peserta kajian G3 melaksanakan KPS mengikut pemahaman mereka sendiri

“...saya ikut pemahaman sendiri dan setakat sekarang ok no problem...” (E1;G3;TB3;B229).

Kursus dalam perkhidmatan

Cabaran yang seterusnya ialah ketiga-tiga peserta kajian kurang berpeluang untuk menghadiri kursus dan bengkel bagi mempelajari pedagogi berkaitan pelaksanaan KPS kepada murid-murid. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa ketiga-tiga peserta kajian bersetuju dengan menghadiri kursus dan bengkel dapat meningkatkan pengetahuan tentang pedagogi terkini berkaitan dengan KPS. Namun demikian, kursus dan bengkel yang mereka hadiri selalunya tidak mendedahkan mereka dengan pedagogi yang diperlukan itu.

Peserta kajian G1 menjelaskan

“Sebabnya kursus yang berkaitan dengan KPS ni kurang sangat. Selalunya ada bengkel je. Bengkel pun hanya perkongsian daripada guru cemerlang atau juru latih utama...” (E1;G1;TB3;B229- B230).

G2 yang menyatakan bahawa

“...kursus yang saya hadiri tak tekan pasai KPS pun...”(E1;G2;TB3;B220).

Peserta kajian G1 turut menjelaskan

“kalau saya berpeluang join bengkel ka, seminar ka yang berkaitan KPS ni saya rasa saya boleh ajar lagi baik sebab ada ilmu tentang KPS”] (E1;G1;TB3;B231-B232).

Peserta kajian G3 adalah seperti berikut

“...saya selalu menghadiri kursus dalam bidang Sejarah...” (E1;G3;TB3;B230).

Peserta kajian G3 menjelaskan hasil daripada bengkel atau kursus akan disampaikan kepada rakan-rakan di bawah panitia Sejarah.

“...bila balik ke sekolah kami buat bengkel bersama panitia Sejarah dan saya akan share maklumat kepada semua cikgu Sejarah, aaa... dari situ membawa banyak penambahbaikan dalam proses pengajaran sejarah terutamanya berkaitan dengan pengajaran berkaitan KPS ni” (E1;G3;TB3;B231-B233).

Peserta kajian G2 pula menyatakan jika modul sejarah berkaitan KPS disediakan, mungkin dapat membantu mereka dalam melaksanakan KPS dengan lebih berkesan.

“...aaa saya kalau dapat modul sejarah berkaitan KPS atau dapat pi kursus tentang KPS memang boleh buat yang terbaik lagi la dari sebelum ni, lagi confident la nak ajar hihhi...” (E1;G2;TB3;B221-B222).

Pengkhususan Bidang

Pengetahuan guru sejarah terhadap mata pelajaran Sejarah secara mendalam sangat penting dalam pengajaran Sejarah terutama berkaitan KPS. Sekiranya guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah bukan dalam bidang Sejarah berkemungkinan akan menjejaskan kualiti pengajaran mereka dalam PdPc Sejarah.

Walau bagaimanapun, keadaan ini berbeza dengan peserta kajian G2 yang menjelaskan seperti berikut

“walaupun saya bukan opsyen Sejarah, tapi saya usaha la study, tengok DSKP, tanya kawan-kawan senior untuk tahu tentang KPS, jadi mudahlah saya ajar murid saya”(E1;G2;TB3;B223-B24).

Peserta kajian G1

“...Saya memang bidang Sejarah, masa belajar dulu ada la juga sikit-sikit pengalaman(E1;G1;TB3;B233).

Peserta kajian G3 menyatakan

“masa awal-awal mengajar dulu agak kekok la sikit, tapi lama-lama dah ada pengalaman ok dah la...”
(E1;G3; TB3 “B231).

Tiada garis panduan

Melalui temu bual bersama peserta kajian, pengkaji mendapati bahawa, kesemua peserta kajian menyatakan cabaran yang hampir sama dalam melaksanakan KPS dalam PdPc Sejarah. Ketiga-tiga peserta kajian menjelaskan

“kalau dapat pendedahan daripada pihak KPM atau JPN lagi baiklah, saya bolehlah mengajar dengan lebih baik sebab ada panduan khas...”
(E1;G1;TB3;B234-B235).

Peserta kajian G2 menyatakan menerusi temu bual seperti berikut

“mengajar ikut buku teks dan sukatan yang ada dalam DSKP la, sebab tak ada garis panduan yang kami dapat berkaitan KPS ni...”
(E1;G2;TB3;B228-B229).

Peserta kajian G3 menjelaskan pendapat beliau agar modul atau buku panduan berkaitan KPS disediakan untuk guru Sejarah agar dapat membantu mereka dalam melaksanakan PdPc berkaitan KPS dengan berkesan. Pandangan dan pendapat G3 yang menjelaskan

“Kalau cikgu-cikgu Sejarah diberi modul atau buku panduan untuk laksanakan KPS ni lagi baik, PdPc lebih menarik dan mantap” (E1;G3; TB3 “B232-B233)

Cabaran Sekolah

Berdasarkan data temu bual G1, G2 dan G3 cabaran yang dihadapi aspek cabaran sekolah dalam melaksanakan KPS dalam PdP ialah kemudahan prasarana dan bahan bantu mengajar. Berikut merupakan pernyataan oleh peserta kajian.

Kemudahan Prasarana

Kekurangan kemudahan prasarana sekolah menjadi cabaran kepada peserta kajian untuk melaksanakan KPS dalam pengajaran. Antaranya ialah kemudahan dari segi bilik-bilik khas yang sangat terhad. Situasi ini berlaku kepada peserta kajian G1 dan G2. Hasil temu bual bersama peserta kajian G1 menjelaskan

“Bilik-bilik khas yang ada pun tak banyak sebab sekolah saya kecil, kalau nak guna memang kena cepat-cepat tempah la...” (E1;G1;TB3;B248-B249).

Hal ini turut dijelaskan oleh G2 yang menyatakan mereka terpaksa ke Bilik Komputer sekolah jika ingin menggunakan *projector* untuk memaparkan *slide powerpoint*.

“Berebut kalau nak guna LCD, nak tayang powerpoint dalam kelas memang tak ada, kena pi bilik Komputer atau bilik sejarah sahaja” (E1;G2;TB3;B239-240).

Bagi peserta kajian G3 pula, beliau menyatakan kemudahan prasarana seperti bilik-bilik khas tiada menjadi isu kepadanya kerana pihak panitia telah menetapkan jadual waktu untuk kegunaan guru-guru Sejarah.

“...kami di bawah Panitia Sejarah ada bilik khas iaitu Bilik Sejarah, cikgu masuk ikut jadual dan waktu yang ditetapkan, so tak dak masalah sangat” (E1;G3; TB3 “B245-B246).

Bahan Bantu Mengajar (BBM)

Peserta kajian berhadapan dengan cabaran menyediakan bahan pengajaran bagi melaksanakan KPS dalam PdPc Sejarah. Bahan Bantu Mengajar (BBM) perlu disediakan oleh setiap guru untuk sesuatu pengajaran agar pengajaran menjadi lebih menarik dan murid lebih tertarik untuk belajar topik yang diajar. Namun demikian, cabaran yang dialami oleh peserta kajian G1 dan G2 adalah kesukaran dalam mendapat BBM yang berbantuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

“Kalau dapat bawa depa masuk dalam bilik komputer, memang depa seronok gila la belajaq Sejarah, tambah kalau saya pasang video lagi la depa fokus tengok sampai habis”] (E1;G1;TB3;B250-B251).

Bagi peserta kajian G2 pula menyatakan cabaran dari segi BBM ini disebabkan oleh sekolah mereka memberi peluang kepada kelas-kelas yang terlibat dengan peperiksaan dan selalunya guru yang mengajar tingkatan lima berpeluang masuk ke Bilik Sejarah dan menggunakan kemudahan yang ada.

Sekiranya G2 terpaksa mengajar Sejarah di dalam kelas, G2 akan menyediakan BBM dan meminta murid-murid juga untuk membawa BBM dari rumah untuk membuat aktiviti yang dirancang.

“kalau tak dapat guna bilik sejarah atau makmal komputer, saya minta murid saya bawa bahan dari rumah, depa bagi kerjasama, depa bawa dan kami buat aktiviti dalam kelas saja”
(E1;G2;TB3;B241-243).

Peserta kajian G2 dan G3 menyatakan bahawa mereka membeli sendiri LCD dan membawa laptop dan pembesar suara untuk digunakan dalam kelas. Jika tidak dapat masuk bilik-bilik khas, mereka masih boleh menggunakan BBM berbantuan teknologi. Walaupun guru perlu membeli sendiri BBM tersebut kesannya mereka dapat menggunakannya pada bila-bila masa sahaja. Berikut merupakan penjelasan peserta kajian G2 dan G3:

“saya ada beli juga LCD, senang nak guna masa mana pun boleh. Ada juga yang panitia Sejarah beli, tapi kalau nak guna kena tempah awai takut tak sempat guna”
(E1;G2;TB3;B244-245).

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan KPS dalam kalangan guru Sejarah ialah cabaran sendiri dan cabaran sekolah. Antara cabaran yang dihadapi termasuklah komitmen guru, kompetensi guru iaitu kurang berpeluang mengikuti kursus dalam perkhidmatan yang berkaitan KPS, pengkhususan bidang dan tiada garis panduan yang lengkap untuk mereka. Selain itu, cabaran guru Sejarah juga adalah kekangan masa.

Dapatan kajian ini selari dengan kajian Rahman et al., (2019) yang menyatakan cabaran utama yang dihadapi oleh guru termasuklah kurangnya bahan rujukan yang sesuai, kekangan masa dalam kurikulum, dan kekurangan latihan yang khusus berkaitan dengan Kemahiran Pemikiran Sejarah. Walau bagaimanapun peserta kajian menunjukkan sikap yang sangat positif. Hal ini demikian kerana menurut peserta kajian G2 beliau tetap melakukan yang terbaik untuk murid-murid dalam melaksanakan KPS. Peserta kajian G2 menyatakan berikut *“...kekangan masa sebab nak kejaq silibus, tapi memang saya buat yang terbaik jugak la untuk laksanakan KPS...”* (E1;G2;TB3;B230-B231). Begitu juga dengan peserta kajian G3 juga yang menyatakan *“... Projek memang tak sempat nak buat kalau satu jam. Tapi sebab budak-budak saya suka, saya buat la cuma kalau habis masa, kami sambung pula buat waktu sejarah lepas tu...”*(E1;G3; TB3 “B234-B235). Menerusi kajian ini menunjukkan kesungguhan

guru dalam melaksanakan KPS walaupun mempunyai pelbagai cabaran.

Selain itu, dapatan kajian ini juga adalah selari dengan kajian Rosy Talin (2020), yang mendapati kemudahan infrastruktur yang terhad seperti Bilik Sejarah dan peralatan ICT yang terhad turut menjejaskan keberkesanan pengajaran KPS. Berikut merupakan pernyataan peserta kajian G1 “Bilik-bilik khas yang ada pun tak banyak sebab sekolah saya kecil, kalau nak guna memang kena cepat-cepat tempah la...” (E1;G1;TB3;B248-B249).

Dapatan kajian berkaitan cabaran guru terhadap kekurangan bahan bantu mengajar dijelaskan oleh G2 juga yang menyatakan mereka terpaksa ke Bilik Komputer sekolah jika ingin menggunakan *projector* untuk memaparkan *slide powerpoint*. Peserta kajian G2 menyatakan “*Berebut kalau nak guna LCD, nak tayang powerpoint dalam kelas memang tak ada, kena pi bilik Komputer atau bilik sejarah sahaja*” (E1;G2;TB3;B239-240). Kajian ini mempunyai persamaan dapatan kajian Mohamad Johdi dan Ariegusrini (2018) yang menunjukkan guru menghadapi masalah kekurangan sumber primer dan bahan bantu mengajar yang sesuai untuk mengajar KPS secara berkesan. Peserta kajian G2 juga menyatakan jika mengajar Sejarah di dalam kelas, beliau akan menyediakan BBM dan meminta murid-muridnya juga membawa BBM dari rumah untuk membuat aktiviti yang dirancang. Peserta kajian G2 menyatakan “*kalau tak dapat guna bilik sejarah atau makmal komputer, saya minta murid saya bawa bahan dari rumah, depa bagi kerjasama, depa bawa dan kami buat aktiviti dalam kelas saja*” (E1;G2;TB3;B241-243). Kajian ini mendapati guru-guru Sejarah perlu kreatif dan peka serta bijak merancang agar membolehkan pelaksanaan KPS dijalankan dengan berkesan dalam PdP Sejarah.

Namun bagi peserta kajian G3, beliau menyatakan kemudahan prasarana seperti bilik-bilik khas tidak menjadi isu kepadanya kerana pihak panitia telah menetapkan jadual waktu untuk kegunaan guru-guru Sejarah. “*...kami di bawah Panitia Sejarah ada bilik khas iaitu Bilik Sejarah, cikgu masuk ikut jadual dan waktu yang ditetapkan, so tak dak masalah sangat*” (E1;G3; TB3 “B245-B246). Kajian ini mendapati, isu kemudahan prasarana bilik-bilik khas tiada masalah sekiranya pihak pengurusan atau panitia mata pelajaran Sejarah menyediakan jadual waktu untuk guru-guru membuat tempahan bilik khas sebelum kelas bermula. Walaupun peserta kajian mempunyai

cabaran-cabaran tersebut, mereka tetap berusaha mengatasinya dengan sikap yang sangat positif. Dengan ini pelaksanaan KPS dapat dilaksanakan dengan baik kerana cabaran yang dihadapi dapat diatasi oleh mereka.

CADANGAN IMPLIKASI KAJIAN

Berdasarkan analisis kajian, setiap guru Sejarah mempunyai hampir sama cabaran dalam melaksanakan KPS dalam PdP Sejarah. Oleh yang demikian guru Sejarah sangat dituntut agar memiliki pengetahuan terhadap isi kandungan subjek itu sendiri serta isi kandungan pedagogi agar dapat mengatasi cabaran-cabaran yang dihadapi mereka dalam melaksanakan KPS. Dapatan ini memberi implikasi kepada sistem pendidikan negara supaya perlu meningkatkan kompetensi guru-guru Sejarah dengan mengadakan kursus dalam perkhidmatan dan memberi fokus kepada pelaksanaan KPS. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), pihak universiti, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) perlulah memberi pendedahan berkaitan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) seperti menyediakan modul berkaitan KPS kepada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah agar guru dapat melaksanakan KPS dengan lebih baik kerana mempunyai panduan khas berkaitan KPS.

Selain itu, kajian ini memberi implikasi kepada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah di mana, walaupun bukan dalam pengkhususan bidang Sejarah, mereka masih dapat melaksanakan KPS dengan berkesan sekiranya pengetahuan guru sejarah terhadap kandungan mata Pelajaran ini terutama berkaitan KPS dikuasai dengan baik. Guru yang mengajar Sejarah walaupun bukan dari pengkhususan bidang Sejarah mampu mengajar dan melaksanakan KPS dengan baik sekiranya mereka juga menguasai pengetahuan pedagogi iaitu memiliki pengetahuan dalam merancang dan menyediakan bahan bantu mengajar (BBM) walaupun kekurangan kemudahan prasarana dan BBM di sekolah. Seperti yang di nyatakan oleh Hanifah et al. (2020) golongan pendidik pada masa kini perlu mempunyai pengetahuan dalam menggunakan teknologi digital supaya proses PdP dapat menarik minat murid dalam mendapatkan ilmu pengetahuan dan pendedahan kepada proses PdP yang lebih menarik dan interaktif di dalam kelas. Bukan itu sahaja guru sejarah berpeluang untuk mengubah persepsi pelajar terhadap mata pelajaran

ini dengan mempelbagaikan penggunaan bahan bantu mengajar untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan khususnya melalui medium pembelajaran maya (Nur Farhanah et al., 2020).

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Kajian ini memberikan gambaran awal mengenai cabaran yang dihadapi oleh guru Sejarah dalam melaksanakan Kemahiran Pemikiran Sejarah berdasarkan perspektif tiga orang peserta kajian. Namun, terdapat beberapa batasan yang perlu diambil kira, terutamanya berkaitan dengan bilangan peserta kajian yang terhad. Oleh itu, kajian lanjutan disarankan untuk memperluas sampel kajian. Kajian akan datang boleh melibatkan lebih ramai peserta dari pelbagai latar belakang, termasuk guru dari kawasan bandar, luar bandar, dan pelbagai jenis sekolah (sekolah harian, sekolah berasrama penuh, dan sekolah swasta). Pendekatan ini akan membantu menghasilkan data yang lebih representatif dan membolehkan generalisasi yang lebih meluas. Selain itu, kajian lanjutan boleh mengintegrasikan pendekatan kuantitatif. Selain pendekatan kualitatif, kajian campuran (*mixed-method*) boleh digunakan untuk mengukur sejauh mana cabaran ini mempengaruhi prestasi pelajar. Misalnya, soal selidik boleh diedarkan kepada sejumlah besar guru untuk mendapatkan data kuantitatif yang melengkapi hasil kajian ini. Kajian masa depan juga boleh menumpukan kepada pengenalanpastian dan penilaian keberkesanan intervensi atau latihan profesional yang bertujuan untuk membantu guru mengatasi cabaran dalam melaksanakan Kemahiran Pemikiran Sejarah.

KESIMPULAN

Cabaran yang dihadapi guru akan menjejaskan pelaksanaan KPS dalam PdP Sejarah. Proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah berkaitan pelaksanaan KPS tidak akan berkesan sekiranya guru-guru menghadapi cabaran dan cabaran tersebut tidak diatasi. Melalui pengalaman melaksanakan kajian tindakan ini, pengkaji mendapati semua pihak perlu bekerjasama dalam menyelesaikan segala cabaran yang dihadapi oleh guru-guru Sejarah agar pelaksanaan KPS dapat dilaksanakan dengan berkesan dalam PdP Sejarah. Pendidikan pada masa kini juga perlu berorientasikan teknologi canggih dengan

harapan dapat membantu murid-murid dalam mewujudkan PdP secara interaktif, produktif, efektif, inspiratif, konstruktif dan menyenangkan (Taufik Ridwan & Aldo Faisal 2021). Oleh yang demikian, pengkaji ingin mengemukakan beberapa cadangan tindakan susulan bagi meningkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan KPS dalam PdP Sejarah iaitu pengkaji akan datang bolehlah membangunkan modul berkaitan KPS agar cabaran guru dalam melaksanakan KPS dapat diatasi dan seterusnya membantu guru-guru sejarah dalam melahirkan lebih ramai masyarakat yang berpemikiran sejarah.

RUJUKAN

- Abdul Razaq, A., & Mohd Johdi, S. (2019). Tahap kemahiran guru dalam pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah. *Malaysian Journal of Education*, 44(2), 1-15.
- Ahmad Rafeai Ayudin. (2011). *Keberkesanan Pengajaran Sejarah Berasaskan Pencapaian Matlamat Pembelajaran, Kesediaan Belajar, Kefahaman Konsep dan Pemikiran Sejarah* (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chapman, A. (2015). *Developing historical and metahistorical thinking in history classrooms: Reflections on research and practice in England*. *Diogenes*, 62(1), 129-147.
- Haminah Suhaibo.(2010). Pemikiran Sejarah Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Sejarah Di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2), 61-69.
- Hanifah Mahat, Satryani Arshad, Yazid Saleh, Kadaruddin Aiyub, Mohmadisa Hashim & Nasir Nayan (2020). Penggunaan dan penerimaan bahan bantu mengajar multimedia terhadap keberkesanan pembelajaran Geografi. *Malaysian Journal of Society and Space*, 16(3), 219–234. doi:10.17576/geo-2020-1603-16
- Körber, A., & Meyer-Hamme, J. (2015). *Historical thinking, competencies, and their measurement: Challenges and approaches*. In K. Ercikan & P. Seixas (Eds.), *New directions in assessing historical thinking* (pp. 89-101).
- Lévesque, S. (2016). *Going beyond "narratives" vs. "competencies": A model of history education*. *Public History Weekly*, 4(12), 1-6.

- Peck, C., & Seixas, P. (2008). *Benchmarks of historical thinking: First steps*. Canadian Journal of Education, 31(4), 1015-1038.
- Mohamad Johdi, S., & Ariegusrini, A. (2018). *Cabaran pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah: Analisis penggunaan sumber dan bahan bantu mengajar*. Jurnal Pendidikan Malaysia, 43(2), 77-89.
- Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, Noria Munirah, Yakub & Ahmad Ali Seman. (2016). *Historical Thinking Skills among Pre-Service Teachers in Indonesia and Malaysia*. Creative Education, 7, 62-76
- Noria Munirah Yakub dan Anuar Ahmad (2015). *Kemahiran berfikir sejarah (KPS) dalam kalangan bakal guru institut pengajian tinggi awam (IPTA)*. www.academia.edu.
- Nur Farhanah Halim, Abdul Razaq Ahmad & Mohd Mahzan Awang (2020). *Tahap Pengetahuan Dan Sikap Murid Tahun 4 Terhadap Pembelajaran Atas Talian Dalam Subjek Sejarah. Implication Of Covid-19 Pandemic Towards Education*, Social Life & Global Economics, 72.
- Nur Syazwani Abdul Talib and Kamarulzaman Abdul Ghani, and Nur Azuki Yusuff and Mohd Mahzan Awang (2016) *Kaedah pembelajaran sejarah dengan mengambil kira minat dan peningkatan prestasi*. In: National Reseach Seminar (SPK2016), 14 May 2016, E-learning Building, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim, Perak. (Unpublished)
- Rahman, A., Abdullah, N., Ismail, Z., & Ahmad, M. (2019). *Cabaran guru dalam pengajaran kemahiran abad ke-21: Satu kajian tinjauan*. Jurnal Pendidikan Malaysia, 44(2), 12-24.
- Mahmud, S. (2020). *Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pelajar sekolah menengah: Perspektif guru*. Malaysian Journal of Education, 5(3), 45-60.
- Sarmila Tamoh Deram & Abdul Razaq Ahmad. (2017). *Pembangunan Modul 5E dalam meningkatkan Kemahiran Pemikiran Sejarah*. 2nd International Conference in Education and regional Development. 20-21 November 2017. Bandung, Indonesia.
- Sivachandralingam Sundara Raja. (2018). *Pemikiran Sejarah Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Sejarah Di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Spoehr, K. T., & Spoehr, L. W. (1994). *Learning to think historically*. Educational Psychologist, 29(2), 71-77.

- Talin, R. (2020). *Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Sejarah: Perspektif guru-guru Sejarah di Sabah*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 5(11), 95-104.
- Taufik Ridwan & Aldo Faisal Umam (2021). Pengaruh Media Pembelajaran Google Classroom dalam Pembelajaran terhadap Motivasi Belajar Mahasiswa. *Cerdika: Jurnal Ilmiah Indonesia*, 1(1), 37-46.
- Wineburg, S. (2001). *Historical thinking and other unnatural acts: Charting the future of teaching the past (Critical perspectives on the past)*. Temple University Press.

LEGAL LITERACY OF PRE-SERVICE TEACHERS: A CASE STUDY AT THE INSTITUTE OF TEACHER EDUCATION CAMPUS TUANKU BAINUN

Moganashwari Kandasamy (Ph.D)¹, Raguna Arumugam²,
Haida Umeira Hashim (Ph.D)³
Jabatan Pengajian Inggeris,^{1,2}
Institut Pendidikan GuruTuanku Bainun
Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam³
moganash@hotmail.com¹

Abstract

Legal literacy is essential for everyone. The rules and regulations governing educational law establish the legal rights and responsibilities of educators. Currently, disputes and litigations involving educators are increasing, highlighting an urgent need to address this issue. This research investigates the level of legal literacy among pre-service teachers. The study involved 49 respondents who completed a survey questionnaire, along with 10 participants who took part in semi-structured interviews. Descriptive statistics were used to analyze the survey responses, while thematic analysis was applied to the transcribed interview sessions. The findings indicate that pre-service ESL teachers possess moderate legal literacy knowledge. Their limited understanding of legal principles impedes their ability to perform effectively in the workforce. Notably, the lack of knowledge regarding General Orders, tort law, contract law, and the Federal Constitution is concerning. Therefore, it is crucial to implement measures that equip pre-service teachers with the necessary legal knowledge before they transition into full-time teaching roles.

Keywords: legal, literacy knowledge, omission, breach, contract

Abstrak

Literasi undang-undang adalah penting untuk semua orang. Undang-undang pendidikan menubuhkan hak dan tanggungjawab untuk pendidik. Pada masa ini, pertikaian dan litigasi yang melibatkan pendidik semakin meningkat, menonjolkan keperluan mendesak untuk menangani isu ini. Penyelidikan ini menyiasat tahap literasi undang-undang di kalangan guru pra-perkhidmatan. Kajian itu melibatkan 49 responden yang menjawab soal selidik tinjauan, bersama dengan 10 peserta yang mengambil bahagian

dalam temubual separa berstruktur. Statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis tindak balas tinjauan, sementara analisis tematik telah digunakan untuk sesi temubual yang ditranskripsikan. Penemuan menunjukkan bahawa guru ESL pra-perkhidmatan mempunyai pengetahuan literasi undang-undang yang sederhana. Pemahaman mereka yang terhad mengenai prinsip undang-undang menghalang keupayaan mereka untuk melaksanakan tugas dengan berkesan. Terutama, kekurangan pengetahuan mengenai perintah umum, undang-undang tort, undang -undang kontrak, dan perlembagaan persekutuan adalah penting. Oleh itu, adalah penting untuk melaksanakan langkah-langkah yang melengkapkan guru pra-perkhidmatan dengan pengetahuan undang-undang yang diperlukan sebelum mereka ditempatkan ke sekolah sebagai guru terlatih.

Kata Kunci: undang-undang, pengetahuan, kelalaian, pelanggaran, kontrak

INTRODUCTION

In today's litigious society, public schools are often immune to lawsuits. However, there is a lack of research examining legal literacy among pre-service teachers at the Institute of Teacher Education in Malaysia (Mohd, 2014). Pre-service teachers trained at 27 Institutes of Teacher Education complete a five-year teacher training program before being placed in primary schools nationwide. Pre-service teachers' legal literacy refers to the level of knowledge that teacher candidates in education programs possess regarding educational law and policies, and how these affect their preparation before entering the teaching profession (Muhammad et al., 2022). When teachers enter public school classrooms, they represent not only themselves but also the school, district, state, and ministry. In *Wood v. Strickland* (1975), the court determined that school personnel could be held liable for violating students' constitutional rights if they knew, or reasonably should have known, that their actions would result in such violations. Importantly, the numerous daily interactions teachers have with students, colleagues, administrators, and parents carry constitutional implications that are seldom taken seriously (Benjamin et al., 2019).

Although teacher legal literacy is important, it remains an under-researched area that is seldom explored by researchers. There is currently no universally accepted definition of legal literacy. In the literature, it is best described as "the legal knowledge, understanding, and skills that enable educators to apply relevant legal rules in their everyday practice" (Decker & Brady, 2016). The definition by Decker and Brady (2016) provides a solid foundation for understanding how legal literacy knowledge may impact individuals.

Kajian ini amat penting kepada Jabatan Perancangan Penyelidikan dan Inovasi IPGK sebagai pengurus utama penyelidikan dan inovasi. Justeru kajian ini sangat relevan untuk mengenalpasti kecenderungan pemilihan rekabentuk penyelidikan dalam kalangan pelajar. Perlu ada kesaksamaan dalam pemilihan reka bentuk penyelidikan, supaya pelajar tidak tertumpu hanya kepada satu jenis penyelidikan selaras dengan dasar dan polisi IPGM. Kajian ini amat penting supaya trend kecenderungan pemilihan rekabentuk dapat dikenal pasti dalam kalangan pelajar IPGK dan usaha memantapkan perancangan dan pengurusan penyelidikan dan Inovasi di IPGK masing-masing dapat dilaksanakan. Maklumat berkaitan pemilihan reka bentuk kajian dalam kalangan pelajar dapat memberi gambaran terhadap tahap pengetahuan dan kecenderungan dalam pemilihan rekabentuk serta sejauh mana aspek pengetahuan mempengaruhi faktor pemilihan. Analisis trend ini akan memberi gambaran keseluruhan terhadap pelaksanaan kursus asas penyelidikan dan kertas projek penyelidikan dalam pendidikan. Justeru JPPI dapat merancang dan menggubal langkah-langkah penambahbaikan agar pelajar dapat membuat pilihan yang diminati serta mempelbagai skop kajian masing-masing.

Batasan Kajian

Kajian melibatkan pelajarambilan Jun 2020 danambilan Jun 2021 dari sebuah IPGK di zon utara. Selain itu kajian dihadkan kepada tempoh masa yang singkat sahaja dan bertumpu pada pelajar yang mengambil kursus asas penyelidikan dan kertas projek sahaja. Data kajian dikumpulkan menerusi instrumen tinjauan melalui soal selidik yang dihantar secara "google form" kepada 242 responden. Namun hanya 191 sahaja yang menjawab soal selidik tersebut. Jenis penyelidikan hanya terhad kepada penyelidikan tindakan, tinjauan, kes dan kuasi eksperimental sahaja. Penyelidikan etnografi tidak dimasukkan dalam kajian ini.


LITERATUR

Menurut Coleman (2013), sosiologi memusatkan perhatian pada sistem sosial, di mana fenomena makro harus dijelaskan oleh faktor internalnya, khususnya oleh faktor individu. Alasan untuk memusatkan perhatian pada individu bertujuan untuk menciptakan perubahan sosial. Perspektif Coleman (2013) ialah bahawa teori sosial tidak hanya merupakan latihan akademik, malah tindakan tersebut harus dapat mempengaruhi kehidupan sosial melalui intervensi tersebut. Intervensi merujuk kepada perubahan yang dibawa oleh seseorang individu yang seterusnya mencipta persekitaran baharu. Individu merupakan agen penting yang mencetus kepada perubahan. Agen yang membawa perubahan ialah tindakan individu tersebut. Kajian terhadap kecenderungan pemilihan rekabentuk penyelidikan dalam kalangan pelajar menunjukkan agen utama yang akan menentukan perubahan ialah tindakan pelajar tersebut. Pelajar akan bertindak dengan membuat pilihan rasional mengenai reka bentuk penyelidikan. Fenomena makro adalah merujuk kepada keadaan situasi para responden telah didedahkan dengan keempat-empat jenis reka bentuk penyelidikan. Faktor internal merujuk kepada tindakan atau peranan responden dalam membuat pemilihan terhadap reka bentuk tersebut. Seterusnya pemilihan tersebut akan memberi kesan pada keseluruhan unit sosial yang dikaji iaitu di salah sebuah IPGK.

Teori pilihan rasional Coleman (2013) jelas dengan gagasan dasarnya bahawa tindakan perseorangan mengarah pada suatu tujuan dan tujuan tersebut adalah tindakan yang ditentukan oleh nilai atau preferensi (pilihan). Coleman (2013) menyatakan bahawa memerlukan konsep tepat mengenai faktor rasional yang berasal dari ilmu ekonomi yang melihat faktor memilih tindakan yang dapat memaksimumkan kegunaan ataupun keinginan masing-masing. Perkara tersebut bertepatan dengan teori pilihan rasional yang dibahaskan oleh Barry (1970). Beliau berpandangan bahawa aspek pilihan mempunyai perkaitan secara langsung dengan ekonomi. Pelaku merupakan individu yang mempunyai pilihan pelbagai dan pelaku juga akan membuat pertimbangan secara mendalam setelah meneliti keupayaan untuk menentukan pilihan dan tindakan yang diinginkan (Ritzer et al, 2012)

Rajah 1

Teori Pengambilan Keputusan



(Sumber: Herbert A. Simon, 1977)

Herbert A. Simon (1977) menyatakan proses pengambilan keputusan adalah melibatkan tiga proses utama iaitu kepandaian, jenis/ cara penyelesaian dan pilihan kriteria penyelesaian. Turban (2005) kemudiannya menambah yang keempat adalah implimentasi.

Berasaskan Rajah 1 di atas, kajian menjurus kepada proses membuat pilihan mengenai reka bentuk penyelidikan. Kecenderungan pilihan rekabentuk penyelidikan sangat dipengaruhi oleh faktor kepakaran iaitu pengetahuan dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan. Seterusnya langkah penyelesaian atau pemilihan akan dibentuk sebelum membuat pilihan akhir dalam proses membuat keputusan. Model ini sangat relevan dengan proses membuat pilihan reka bentuk penyelidikan dalam kalangan pelajar IPGK. Pada peringkat awal, pelajar didedahkan dengan pelbagai rekabentuk penyelidikan. Dengan jumlah pengetahuan yang ada, pelajar dapat meneliti setiap rekabentuk yang diberi pilihan. Pada akhirnya proses pilihan secara rasional terhadap rekabentuk akan diputuskan sepenuhnya oleh diri individu.

Seterusnya kajian ini akan mengkaji faktor yang mempengaruhi kecenderungan dalam pemilihan reka bentuk penyelidikan. Ini kerana berdasarkan kajian lalu didapati banyak kajian berkisar tentang pensyarah seperti kajian oleh Marina (2020) menyatakan terdapat 5 faktor utama penglibatan pensyarah dalam menjalankan penyelidikan iaitu faktor beban tugas, fasiliti/ infrastruktur, kemahiran, pengetahuan dan sumber kewangan. Anita (2023) pula melaporkan bilangan penghasilan penulisan penyelidikan dalam

kalangan pensyarah di peringkat kebangsaan bagi tahun 2020 hanya 13 (10.4%) buah kajian berbanding pada tahun 2021 adalah sebanyak 39 (39.7%) buah kajian. Peningkatan penghasilan penyelidikan disebabkan oleh pendedahan bengkel yang diadakan oleh pihak IPGM dan IPGK masing-masing dan adanya komitmen pihak pengurusan sememangnya telah berjaya meningkatkan penghasilan penulisan penyelidikan dalam kalangan pensyarah. Shaliza et al., (2018) juga menyatakan usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak pengurusan kolej komuniti telah menggalakkan lebih ramai pensyarah mereka melakukan penyelidikan.

Oleh itu, kajian ini akan mengkaji dari tahap pengetahuan, kecenderungan jenis reka bentuk penyelidikan dan faktornya serta hubungan antara tahap pengetahuan dan pemilihan reka bentuk penyelidikan dalam kalangan pelajar IPGKTB.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk tinjauan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif merangkumi analisis deskriptif dan inferensi berasaskan instrumen soal selidik. Penyelidikan tinjauan digunakan untuk mendapatkan data dari sampel saiz besar kerana proses menggunakan kaedah lain adalah sukar dan kompleks (Mohd Najib, 2003). Ianya sesuai untuk mendapatkan maklumat berkaitan fakta, kepercayaan dan perasaan responden (Creswell, 2012). Bentuk kajian deskriptif adalah kajian yang membolehkan maklumat mudah dikumpulkan (Mohd Najib Abdul Ghafar, 2006; Chua, 2011).

Kaedah soal selidik digunakan sebagai alat kajian disebabkan ia adalah suatu kaedah yang biasa digunakan untuk mengumpul data daripada sampel yang ramai (Chua, 2011; Mohd Majid Konting, 2000). Memandangkan pelajar yang terlibat dengan penyelidikan dari semua jabatan agak ramai, jadi kaedah kuantitatif melalui penyebaran soal selidik digunakan. Kajian ini menumpukan kepada kajian kekerapan, min, sisihan piawai dan peratusan sebagaimana dicadangkan oleh Mohd Majid Konting (2000) dan Mohd Najib Abdul Ghafar (2006).

Populasi kajian ini ialah pelajar-pelajar yang mengambil kod kursus 3143 dan kod kursus 3173 dari semua bidang pengajian bagi ambilan Jun 2020 - 2024 dan Jun 2021 - Julai 2025 iaitu seramai 695 orang. Berdasarkan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970) didapati sampel yang ditetapkan ialah seramai 242 orang. Sampel ini dipilih secara rawak menggunakan teknik persampelan rawak bertujuan dan rawak mudah bagi memastikan setiap sampel mempunyai peluang yang sama untuk dipilih, mengurangkan bias, dan menjadikan sampel lebih representatif terhadap populasi keseluruhan (Chua, 2012; Cresswell & Cresswell, 2018). Setelah diedarkan borang soal selidik hanya 191 orang sahaja responden yang berjaya menjawab soal selidik.


Dalam pengumpulan data untuk kajian ini, instrumen soal selidik digunakan melalui platform *Google Forms*. Soal selidik diedarkan kepada semua pelajar melalui pautan atas talian dan memberi peluang yang sama banyak kepada semua responden kajian. Setelah data dikutip, data dipindahkan dan dibersihkan dalam pangkalan data SPSS. Analisis data deskriptif dan inferens dijalankan bagi menjawab keempat-empat persoalan kajian. Data mengenai item-item dalam soal selidik dianalisis secara deskriptif dan inferensi untuk menggambarkan taburan data (Mohd Najib Abdul Ghafar, 2006; Chua, 2011). Antara analisis yang digunakan ialah analisis min, sisihan piawai dan korelasi Pearson.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan profil responden seramai 191 orang yang terdiri daripada 127 orang responden ambilan Jun 2020 dan 64 orang responden ambilan Jun 2021-Julai 2025. Analisis Rajah 2, menunjukkan pecahan bidang pengajian. Majoriti responden adalah daripada JAPIM iaitu 66 orang, diikuti 46 orang daripada JSVM dan 25 orang daripada JPM. 18 orang daripada JPC, 11 orang daripada JPI dan 5 orang daripada JSTEM, 10 orang dari PJK dan 2 dari lain-lain.

Rajah 2

Bidang Pengajian Responden



(Sumber: Soal selidik, 2024)

Dapatan bagi soalan kajian pertama: Tahap pengetahuan dalam pemilihan reka bentuk penyelidikan dalam pendidikan dalam kalangan pelajar IPGKTB.

Bahagian ini menerangkan mengenai hasil data yang telah dianalisis berdasarkan 191 borang soal selidik yang dikembalikan. Maklumat yang diperolehi telah dianalisis menggunakan prosedur deskriptif menerusi perkiraan min, dan kekerapan serta peratusan dengan merujuk kepada interpretasi skor min oleh Wiersma (2011) seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2
Interpretasi skor min

Skor Min	Interpretasi
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana
3.01-4.00	Tinggi

(Sumber: Wiersma, 2011)

Dapatan bagi soalan kajian pertama adalah seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3

Tahap Pengetahuan pemilihan reka bentuk penyelidikan

BIL	ITEM	MIN	SP	Interpretasi
1	Saya tahu bahawa penyelidikan tinjauan memerlukan populasi dan sampel yang besar	3.46	.55	Tinggi
2	Saya tahu bahawa penyelidikan tinjauan menggunakan instrumen soal selidik sebagai instrumen utama	3.53	.51	Tinggi
3	Saya tahu bahawa persampelan bagi penyelidikan kes memerlukan pemerhatian yang teliti dengan hanya menumpukan sampel yang kecil (atau jumlah kecil) dalam satu kumpulan	3.33	.54	Tinggi
4	Saya tahu bahawa bahawa penyelidikan kes boleh menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif	3.26	.56	Tinggi
5	Saya tahu penyelidikan kuasi eksperimen digunakan untuk menilai keberkesanan suatu program.	3.24	.53	Tinggi
6	Saya tahu penyelidikan kuasi eksperimen menggunakan dua kumpulan responden	3.19	.59	Tinggi
7	Saya tahu tujuan penyelidikan tindakan untuk menambah baik atau memperbaiki suatu amalan pendidikan	3.55	.55	Tinggi
8	Saya tahu tujuan penyelidikan tindakan menggalakkan guru untuk mereflek amalan mereka dan seterusnya melakukan perubahan terhadap amalan tersebut.	3.54	.51	Tinggi
MIN KESELURUHAN		3.39	.54	Tinggi


Dapatan menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dalam pemilihan reka bentuk penyelidikan dalam pendidikan dalam kalangan pelajar IPGKTB adalah pada tahap yang tinggi iaitu pada skor min 3.39 dan sisihan piawai .54. Jika diperincikan, item “Saya tahu tujuan penyelidikan tindakan untuk menambah baik atau memperbaiki suatu amalan pendidikan” adalah pada skor min tertinggi iaitu 3.55. Diikuti dengan item “Saya tahu tujuan penyelidikan tindakan menggalakkan guru untuk mereflek amalan mereka dan seterusnya melakukan perubahan terhadap amalan tersebut” dengan skor min 3.54. Seterusnya item “Saya tahu bahawa penyelidikan tinjauan menggunakan instrumen soal selidik sebagai instrumen utama” dengan skor min 3.53. Manakala item “Saya tahu penyelidikan kuasi eksperimen menggunakan dua kumpulan responden” mendapat skor min paling rendah iaitu 3.19 tetapi masih dalam interpretasi tinggi. Dapatan kajian ini bercanggah dengan kajian Jantan (2014) yang menyatakan pengetahuan yang cetek dalam ilmu penyelidikan adalah penyebab kurangnya inisiatif responden melaksanakan penyelidikan.

Dapatan bagi soalan kajian kedua: Menganalisis kecenderungan pelajar dalam pemilihan reka bentuk penyelidikan dalam pendidikan.

Hasil analisis dapatan pada Rajah 3 menunjukkan kecenderungan pelajar dalam pemilihan reka bentuk penyelidikan iaitu seramai 113 orang (59.2%) memilih penyelidikan tinjauan, diikuti 62 orang (32.5%) penyelidikan tindakan, seramai 12 orang (6.3%) penyelidikan kes dan 4 orang (2.1%) kuasi eksperimental.

Rajah 3

Kecenderungan pemilihan rekabentuk penyelidikan



(Sumber: Soal selidik, 2024)

Dapatan kajian menunjukkan kecenderungan pelajar paling ketara dalam penyelidikan tinjauan. Ini bertentangan dengan kajian oleh Ainur Rosyid (2020) yang majoriti respondennya memilih Penyelidikan Tindakan 33.3% berbanding Penyelidikan Tinjauan hanya 18.2% di sebuah universiti pendidikan di Indonesia ;

Dapatan bagi soalan kajian ketiga: Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan dalam pemilihan reka bentuk penyelidikan dalam kalangan pelajar IPGK.

Bahagian ini menerangkan mengenai hasil data yang telah dianalisis berdasarkan 191 borang soal selidik yang dikembalikan. Maklumat yang diperoleh telah dianalisis dan dikategorikan berdasarkan julat skor kecenderungan pemilihan rekabentuk penyelidikan. Menurut Abdul Ghaffar dan Mohd Najib (2003), setelah data dianalisis, item-item boleh dikelaskan kepada lima julat kecenderungan yang berbeza berdasarkan julat skor yang diperoleh iaitu masing-masing sangat tidak cenderung ($1.00 < 1.80$), tidak cenderung ($1.80 < 2.60$), neutral ($2.60 < 3.40$), cenderung ($3.40 < 4.20$) dan sangat cenderung ($4.20 < 5.00$) seperti Jadual 4.

Jadual 4

Tahap Kecenderungan berdasarkan julat skor

Skor	Tahap Kecenderungan	Julat Skor
1	Sangat Tidak Cenderung	$1.00 < 1.80$
2	Tidak Cenderung	$1.80 < 2.60$
3	Neutral	$2.60 < 3.40$
4	Cenderung	$3.40 < 4.20$
5	Sangat Cenderung	$4.20 < 5.00$

(Sumber: Abdul Ghaffar dan Mohd Najib, 2003)

Dapatan bagi faktor yang mempengaruhi kecenderungan dalam pemilihan rekabentuk penyelidikan dalam kalangan pelajar IPGK adalah seperti terpapar dalam Jadual 5.

Jadual 5

Faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan dalam pemilihan rekabentuk penyelidikan

BIL	ITEM	MIN	S.P	Kecenderungan
1	Saya memilih rekabentuk penyelidikan kerana faham keperluan jenis penyelidikan yang dipilih	3.40	.49	Cenderung
2	Saya memilih rekabentuk penyelidikan kerana saya mahir terhadap keperluan jenis penyelidikan yang dipilih	3.19	.57	Neutral
3	Saya memilih rekabentuk penyelidikan kerana dicadangkan oleh penyelaras penyelidikan Jabatan saya.	3.15	.64	Neutral
4	Saya memilih rekabentuk penyelidikan kerana dicadangkan oleh pensyarah pembimbing saya.	3.24	.59	Neutral
5	Saya memilih rekabentuk penyelidikan kerana Jabatan Perancangan Penyelidikan dan Inovasi (JPPI) telah memberi pendedahan yang jelas mengenai jenis rekabentuk penyelidikan	3.28	.54	Neutral
6	Saya memilih rekabentuk penyelidikan kerana ada banyak rujukan diperolehi yang mudah dicapai .	3.27	.56	Neutral
7	Saya memilih rekabentuk penyelidikan ini atas galakan dan saranan pelajar yang lebih <i>senior</i>	2.86	.77	Neutral
	MIN KESELURUHAN	3.20	.59	Neutral

Dapatan soal selidik menunjukkan faktor kecenderungan pelajar dalam pemilihan reka bentuk penyelidikan dalam pendidikan keseluruhannya pada skor min 3.20 dengan sisihan piawai .59 pada iaitu tahap kecenderungan yang neutral. Jika diperincikan item yang paling tinggi mendapat skor min 3.40 pada tahap cenderung ialah "Saya memilih rekabentuk penyelidikan kerana faham keperluan jenis penyelidikan yang dipilih." Diikuti dengan "Saya memilih rekabentuk penyelidikan kerana Jabatan Perancangan Penyelidikan dan Inovasi (JPPI) telah memberi pendedahan yang jelas mengenai jenis rekabentuk penyelidikan dengan skor min 3.28. Kemudian diikuti item "Saya memilih rekabentuk penyelidikan kerana ada banyak rujukan diperolehi yang mudah dicapai dengan skor min 3.27. Seterusnya "Saya memilih rekabentuk penyelidikan kerana dicadangkan oleh pensyarah pembimbing saya" dengan skor min 3.24. Diikuti item "Saya memilih rekabentuk penyelidikan kerana dicadangkan oleh penyelaras penyelidikan Jabatan saya dengan skor miiin 3.15. Item paling neutral dengan skor min terendah 2.86 ialah "Saya memilih rekabentuk penyelidikan ini atas galakan dan saranan pelajar yang lebih *senior*".

Dapatan ini selari dengan dapatan Ainul Rosyid (2020) yang mendapati pemilihan reka bentuk penyelidikan dipengaruhi oleh diri mahasiswa sendiri dan pensyarah pembimbing. Iaitu pengetahuan dan kemampuan mahasiswa melakukan penyelidikan dan menyelesaikan isu dalam penyelidikannya. Manakala yang dimaksudkan dengan pensyarah pembimbing ialah kepakaran pensyarah dalam bidangnya dan kejayaannya dalam membimbing mahasiswa. Ini bertepatan dengan kajian Marina et al. (2020) yang menyatakan faktor pengetahuan pensyarah adalah salah satu faktor tertinggi dalam menjalankan penyelidikan. Dapatan kajian Anita (2023) menyatakan bilangan penghasilan penulisan penyelidikan dalam kalangan pensyarah di peringkat kebangsaan bagi tahun 2020 hanya 13 (10.4%) buah kajian berbanding pada tahun 2021 adalah sebanyak 39 (39.7%) buah kajian. Dapatan ini menunjukkan terdapat perbezaan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah IPG bagi tahun 2020 dan 2021 di peringkat kebangsaan. Peningkatan penghasilan penyelidikan disebabkan oleh pendedahan bengkel yang diadakan oleh pihak IPGM dan IPGK masing-masing dan adanya komitmen pihak pengurusan sememangnya telah berjaya meningkatkan penghasilan penulisan penyelidikan dalam

kalangan pensyarah. Shaliza et. al (2018) juga menyatakan usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak pengurusan kolej komuniti telah menggalakkan lebih ramai pensyarah mereka melakukan penyelidikan.

Dapatan bagi soalan kajian keempat: Mengkaji hubungan antara pengetahuan dengan pemilihan reka bentuk penyelidikan dalam kalangan pelajar IPGK

Jadual 6

Hubungan antara tahap pengetahuan dan kecenderungan pemilihan reka bentuk penyelidikan

Konstruk	Pekali Kolerasi Pearson (r)	Tahap Signifikan	Interpretasi Kekuatan Hubungan
Tahap pengetahuan dan kecenderungan pemilihan reka bentuk penyelidikan	-0.451	.000	Sederhana

Nilai korelasi Pearson antara dua dapatan ini adalah kira-kira **0.451**. Ini menunjukkan hubungan negatif yang sederhana antara tahap pengetahuan dan kecenderungan pemilihan reka bentuk penyelidikan dalam kalangan pelajar IPGKTB.

Terdapat hubungan yang sederhana tetapi negatif antara tahap pengetahuan pelajar mengenai penyelidikan dan kecenderungan mereka dalam memilih reka bentuk penyelidikan.

Hubungan negatif bermaksud apabila tahap pengetahuan pelajar meningkat, kecenderungan mereka untuk memilih reka bentuk penyelidikan tertentu menurun, atau sebaliknya. **Hubungan sederhana** menunjukkan bahawa kekuatan hubungan ini tidak terlalu kuat tetapi masih signifikan.

Dalam konteks lain, pelajar yang mempunyai pengetahuan yang lebih tinggi mungkin lebih kritikal atau selektif dalam memilih reka bentuk penyelidikan, manakala pelajar dengan pengetahuan yang lebih rendah mungkin lebih cenderung untuk memilih reka bentuk penyelidikan tanpa banyak pertimbangan. Dapatan kajian ini selari dengan kajian oleh Fitrisehara Kazilan et.al (2009) mendapati sekalipun terdapat pelajar institusi latihan kemahiran yang percaya

bahawa mereka mempunyai kemahiran yang baik dalam membuat keputusan didapati kumpulan responden yang sama juga mempunyai kualiti rasionalisasi yang paling rendah berbanding faktor kemahiran berfikir yang lain.

Implikasi Kajian

Implikasi daripada kajian ini ialah IPGM mendapat figur yang tepat tentang kepelbagaian rekabentuk penyelidikan di sebuah kampus IPGK. Ternyata ini menepati hasrat yang diimpikan oleh IPGM agar pelajar sentiasa terdedah dan meneroka ilmu penyelidikan yang baru demi survival profesionalisme mereka.

Implikasi kepada pensyarah adalah untuk mempelbagaikan kemahiran dan kepakaran dalam menyampaikan pelbagai rekabentuk penyelidikan seiring dengan pilihan para pelajar dan yang dihasratkan oleh IPGM.

Cadangan Kajian Lanjutan

Dicadangkan agar kajian dilaksanakan di kampus-kampus IPGK yang lain, kerana manfaatnya yang besar kepada kampus. Malah digalakkan untuk menggunakan instrumen berbeza seperti temubual dan analisis dokumen.

Kesimpulan

Tuntasnya, kajian ini dapat menjawab soalan kajian dan berjaya mendedahkan figur sebenar pemilihan reka bentuk penyelidikan dan faktor-faktor yang mendorong kepada pemilihan tersebut. Ternyata tahap pengetahuan pelajar terhadap pemilihan reka bentuk penyelidikan berada pada tahap yang tinggi. Pelajar mengetahui keperluan jenis-jenis penyelidikan yang dipilih. Apabila ditinjau dari segi pemilihan reka bentuk penyelidikan, ternyata penyelidikan tinjauan mendapat pilihan majoriti responden, diikuti penyelidikan tindakan, penyelidikan kuasi eksperimen dan penyelidikan kes. Manakala faktor pemilihan reka bentuk penyelidikan adalah kerana mereka faham keperluan jenis penyelidikan yang dipilih, pendedahan yang jelas daripada jabatan yang menguruskan penyelidikan dan kesediaan bahan rujukan yang banyak.

Justeru, diharapkan dengan penerokaan jenis penyelidikan yang pelbagai dalam kalangan pelajar IPG dapat membantu usaha IPGM untuk mempertingkatkan dan memperkasakan kecemerlangan penyelidikan dan inovasi berimpak tinggi. Hala tuju ini akan tercapai melalui pemantapan perancangan dan pengurusan penyelidikan, pembangunan kepakaran pensyarah dalam bidang penyelidikan, pemantapan pangkalan data penyelidikan, dan peningkatan kualiti dan pengantarabangsaan penyelidikan.

Rujukan

- Ainur Rosyid. (2020). Analisis kecenderungan penelitian mahasiswa sebagai tugas akhir studi sarjana program studi PGSD Universitas Esa Unggul. *Forum Ilmiah*. Vol 17, No 02
- Anita Binti Abu Hasan, Ros Eliana Binti Ahmad Zuki, Md Daud Bin Md Jani, Ngau Chai Hong, Santhanamary R. Anthony (2023), Budaya Penyelidikan Dalam Kalangan Pensyarah IPG: Satu Perbandingan, *Jurnal Penyelidikan MUADDIB*, Volume 16, No. 1, Pages 89 to 101
- Barry, B., (1970). *Sociologist, economists and democracy*. London: The MacMillan Company
- Chua Yan Piaw (2011) *Kaedah dan statistik penyelidikan: Kaedah penyelidikan*. Edition: 2nd Edition. McGraw-Hill Education
- Efraim Turban, Jay E. Aronson, Ting-Peng Liang (2005). *Decision support systems and intelligent systems*. Pearson/Prentice Hall
- Fitriahara Kazilan, Ramlah Hamzah dan Ab. Rahim Bakar. (2009). Employability skills among the students of technical and vocational training centers in Malaysia. *European Journal of Social Sciences*, 9 (1), 147-160.
<https://doi.org/10.1108/17511341011073988>
- IPGM (2017). *Transformasi Institusi Pendidikan Guru 2016-2025, Edisi Kedua*. Penerbit IPGM
- IPGM (2024). *Dasar Penyelidikan dan Inovasi IPG Edisi 2*. Penerbit IPGM
- J. David Creswell.(2012) *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches(3rd ed.)*SAGE Publications
- James S. Coleman (2013). *Dasar-dasar Teori Sosial / Foundation of Sosial Theory*. Bandung: Nusa Media)
- Jantan, N. (2014). Isu-Isu Yang Dihadapi Dalam Pelaksanaan Penyelidikan Dan Pembangunan (R&D) Di Politeknik Merlimau Dan Kaedah Untuk Mengatasinya: Politeknik Merlimau Melaka. (PDF) *Professionalism Practice among Lecturers in Polytechnic in Malaysia*. Available from: https://www.researchgate.net/publication/324909024_Professionalism_Pactice_among_Lecturers_in_Polytechnic_in_Malaysia [accessed Oct 24 2024].
- John W. Creswell, J. David Creswell. (2018) *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches 5th Edition*.SAGE Publications

- Kalantari, B. (2010). Herbert A. Simon on making decisions: enduring insights and bounded rationality. *Journal of Management History*, Vol. 16 No. 4, pp. 509-520.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). *Determining sample size for research activities. Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610
- Marina Muhammad Razaki, Linamalini Mat Nafi & Khairulnazrin Nasir (2020), Persepsi Pensyarah Terhadap Penyelidikan: Satu Kajian di KIAS, KUIS dan UniSHAMS, *Jurnal Rabbanica*, vol.1, no.1, (Nov 2020)
- Mohd. Majid Konting. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Najib Abdul Ghafar. (2003) *Reka bentuk tinjauan soal selidik pendidikan*. Penerbit UTM, Skudai, Johor Bahru.
- Pusat Pembangunan Akademi, IPGM. (2018) *Buku Panduan Penyelidikan Tinjauan*. Penerbit IPGM
- Ritzer, George, dan Douglas J. Goodman, (2012). *Teori sosiologi modern edisi revisi*. Yogyakarta: Kreasi Wacana
- Shaliza Amira Sarif, Nurul Liyana Mahmud & Nuraishahtul Akmar Kamaruddin (2017).Kecenderungan menjalankan penyelidikan di kalangan pensyarah Kolej Komuniti Selandar, Melaka. *eProceeding National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEx'17)*.

AMALAN PENERAPAN QUDWAH HASANAH GURU DALAM KALANGAN GURU PDPP DAN PDP INSTITUT PENDIDIKAN GURU ZON UTARA

Ahmad Sukari Mohamad (Ph.D)¹, Noraziah Ahmad
Nadzim (Ph.D)²
Jabatan Perancangan Penyelidikan dan Inovasi,^{1,2}
Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun
sukari3131@gmail.com¹

Abstrak

Secara praktikalnya, peribadi dan adab guru Pendidikan Islam (GPI) sepatutnya mampu dicontohi dan diteladani oleh para pelajar. Seluruh kehidupan GPI juga perlu berupaya menonjolkan adab-adab agama dan sifat-sifat mahmudah supaya seluruh amal dan pekerjaannya menjadi ibadat kepada Allah dan berlandaskan sunnah yang telah ditunjukkan nabi Muhammad SAW. Justeru, artikel ini bertujuan membentangkan hasil kajian tentang amalan penerapan qudwah hasanah dalam kalangan guru pelatih Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) dan guru pelatih Program Diploma Pendidikan (PDP). Kajian ini berbentuk tinjauan yang menggunakan kaedah kuantitatif. Data kuantitatif diperoleh daripada 78 orang guru pelatih PDPP dan PDP dini yang sedang menjalani latihan praktikum keguruan di Institut Pendidikan Guru (IPG) zon utara melalui set instrumen soal selidik yang dianalisis menggunakan SPSS v. 27. Hasil data kuantitatif menunjukkan bahawa guru PDP dan PDPP melaksanakan amalan penerapan qudwah hasanah dengan baik terhadap pelajar dengan cara menjaga penampilan diri dan adab sopan, melibatkan diri dengan aktiviti sekolah, bersikap rendah diri, menjaga hubungan baik dengan Allah dan sesama manusia.

Kata Kunci: Penerapan qudwah hasanah, guru pendidikan Islam

Abstract

Practically,, the personality and manners of Islamic Education (GPI) teachers should be able to be emulated and imitated by students. The entire life of the GPI also needs to strive to emphasize religious etiquette and mahmudah qualities so that all its deeds and work become worship of Allah and are based on the sunnah that was demonstrated by the Prophet Muhammad SAW. In fact, this article aims to present the results of a study regarding the practice of implementing qudwah hasanah among teacher trainers for the Postgraduate Education Diploma Program (PDPP) and teacher trainers for the Education Diploma Program (PDP). This study is in the form of a review that uses quantitative methods. Quantitative data was obtained from 78 PDPP and PDP teachers trainee who were undergoing teacher practicum training at the Institute of Teacher Education (IPG) in the northern zone by questionnaire and analyzed by using SPSS v. 27. The results of the quantitative data show that PDP and PDPP teachers carry out the practice of implementing qudwah hasanah towards students by maintaining their personal appearance and polite manners, involving themselves in school activities, being humble, maintaining good relationships with Allah and fellow humans.

Keywords: Application of qudwah hasanah, Islamic education teacher

PENGENALAN

Tugas guru Pendidikan Islam (GPI) bukan sekadar memindahkan ilmu pengetahuan secara teori kepada murid tetapi perlu mempraktikkan akhlak mulia untuk dicontohi dan diamalkan oleh murid-muridnya. GPI perlu menjiwai tugas sebagai guru dan mempunyai personaliti yang baik agar dapat mempengaruhi pembentukan peribadi murid. GPI perlulah menunjukkan qudwah hasanah yang dapat memberi kesan kepada perubahan tingkahlaku yang baik terhadap anak muridnya (Ab. Halim Tamuri, 2021).

Qudwah bermaksud perbuatan yang patut diikuti, dicontohi atau ditiru oleh orang lain. Hasanah pula bermaksud yang baik atau kebaikan (Noresah Baharum et. al (2010). Qudwah hasanah dalam konteks agama merujuk kepada mengambil contoh atau meniru terutama bagi menghasilkan sifat atau tingkah laku yang baik. Adab baik tersebut seterusnya mampu menjaga hubungan sesama manusia dan menimbulkan rasa malu untuk melakukan perkara yang

bertentangan dengan peraturan Allah SWT (Haron Din, 1988). Al-Quran menggesa orang Islam menjadikan Rasulullah SAW dan Nabi Ibrahim sebagai suri teladan dan contoh ikutan dalam menjalani kehidupan. Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingat Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).”

Surah Al-Ahzab (33) :21

Mengikuti Ibnu Kathir dalam ayat di atas, Allah SWT menyeru umat Islam mencontohi Rasulullah SAW pada perkataan, perbuatan dan tingkah laku Baginda. Umat Islam juga diseru mengambil contoh kesabaran Rasulullah SAW, kesungguhannya, dan pergantungan Baginda yang kuat kepada Allah SWT pada hari peperangan al-Ahzab ketika berdepan dengan musuh yang ramai daripada tentera al-Ahzab (Ibn Kathir, 1420H). Dalam ayat tersebut Allah SWT menyatakan bahawa mereka yang menjadikan Rasulullah SAW sebagai *qudwah* sentiasa pasrah dan mengharapkan redha Allah SWT, yakin kepada hari kiamat dan sentiasa mengingat Allah SWT. Muhammad Qutb (1987) pula menjelaskan maksud *uswah hasanah* bahawa Rasulullah SAW merupakan *qudwah* dari segi kemantapan akidah, *qudwah* dari segi pelaksanaan ibadah, *qudwah* dari segi kepimpinan negara, *qudwah* sebagai suami dan bapa. Sifat kepimpinan Baginda SAW merupakan teladan kepada pemimpin, para ibu bapa, pendidik dan sebagainya.

Menurut Mohd Kamal Hassan (1988), guru perlu meneladani model peribadi Rasulullah SAW dengan menunjukkan *qudwah* dan akhlak mulia kerana *qudwah* hasanah inilah yang akan membantu pembentukan akhlak para pelajar. Menurut beliau tidak ada tutur kata, amalan dan tingkah laku seorang guru yang bersifat *value free* (bebas nilai). Asmawati Suhid (2006) pula menyatakan amalan dan tingkah laku guru seharusnya mencerminkan kurikulum adab Islam yang diajar di sekolah iaitu adab dalam kehidupan seharian, adab dalam kehidupan sosial, adab dalam menunaikan ibadah, adab terhadap ibu bapa dan keluarga, adab menuntut ilmu dan adab dengan Al-Quran. Ini bermaksud guru sebagai penerap *qudwah* hasanah perlu berupaya membimbing, memandu, menunjuk jalan dan mengamalkan adab-

adab seorang Muslim terhadap dirinya sama ada bersifat adab zahir atau batin, mengamalkan ilmu yang diajar dan memimpin pelajar untuk mengamalkan adab-adab tersebut (Ahmad Sukari, 2014).

Kajian oleh Ahmad Fakhruddin, Najmi Mustapa & Khazri Osman (2024) mendapati bahawa program dakwah dan tarbiah di Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin (SMAASZA), dapat direalisasikan dengan baik hasil kerjasama semua pihak sama ada pelajar, guru, pentadbir dan ibu bapa dalam membina sahsiah diri pelajar. Guru-guru GPI didapati menjadikan diri mereka contoh terpuji dalam aspek penampilan diri, ibadah, amalan adab-adab dan sunah Rasulullah SAW. Walau bagaimanapun, Kajian Abdul Halim Tamuri dan Ahmad Munawar Ismail (2021) terhadap tahap kualiti guru Pendidikan Islam (GPI) daripada aspek menjadikan guru sebagai ikutan atau qudwah berdasarkan persepsi pelajar masih berada pada tahap rendah. Berdasarkan kajian ini hubungan baik guru, pelajar dan ibubapa, contoh teladan dan persekitaran yang baik berupaya melahirkan pelajar yang bersahsiah tinggi. Kajian ini menyamai dapatan terdahulu Abdul Halim Tamuri et. al (2007) yang mendapati GPI kurang berjaya menerapkan aspek qudwah hasanah kepada pelajar dari segi penampilan yang kurang kemas, kelihatan tidak terurus, berkeperibadian buruk dan tingkah laku tidak selari dengan akhlak dan ilmu agama yang disampaikan kepada pelajar. Sebaliknya, kajian oleh Arifin Mamat et. al. (2014) berkaitan *Tahap Profesionalisme Guru-guru Agama Sekolah Rendah Agama - Jabatan Agama Islam Selangor: Satu Kajian tentang Sikap Guru* menunjukkan majoriti daripada responden berpuas hati dengan ciri-ciri sikap guru yang mengajar di SRA-JAIS. Walau bagaimanapun, kajian ini juga menunjukkan beberapa dapatan yang berada pada tahap sederhana tinggi seperti guru-guru tidak menepati waktu (min = 3.96), contoh teladan guru (min = 3.97) dan kesediaan untuk berkhidmat di luar waktu tugas rasmi (min = 3.91).

Kebelakangan ini, pelbagai isu pendidikan yang timbul adalah amat berkait rapat dengan persoalan etika guru pada pelbagai peringkat. Saban tahun kedengaran beberapa kesalahan etika yang melibatkan guru seperti salah laku moral dan gangguan seksual. Contohnya, guru didakwa memperdagang Wanita untuk eksploitasi seks (Berita Harian, 2024), guru ponteng sekolah selama tujuh bulan (Malaysiakini, 2023), melakukan amang seksual dan kelucuhan melampau terhadap-kanak-kanak (Astro Awani, 2022) kes tiga pelajar tahfiz cedera dirotan (Berita Harian, 29 Julai 2016), guru terlibat dalam penipuan dan skim cepat kaya (Utusan, 6 Ogos 2016), guru besar

dijatuhi hukuman penjara dan denda atas tuduhan salah guna kuasa (Harian Metro, 27 Julai 2017) dan pelbagai kes-kes lain. Walaupun kes-kes ini sebahagiannya masih dalam siasatan namun ia telah dilaporkan oleh media massa yang sedikit sebanyak menjejaskan pandangan masyarakat terhadap imej guru.

Lantaran itu, kajian berkaitan amalan penerapan qudwah hasanah dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) dan Program Diploma Perguruan (PDP) di Institut Pendidikan Guru (IPG), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) wajar dijalankan bagi mengenalpasti tahap amalan mereka dalam menerapkan qudwah hasanah kepada pelajar. Hal ini adalah kerana mereka merupakan guru permulaan dan sedang menjalani praktikum di IPG.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif kajian berikut:

- i. Menenalpasti tahap perbezaan amalan qudwah hasanah dalam kalangan guru PDPP dan PDP Zon Utara berdasarkan jantina.
- ii. Menenalpasti tahap perbezaan amalan qudwah hasanah dalam kalangan guru PDPP dan PDP Zon Utara berdasarkan program.
- iii. Menenalpasti tahap amalan penerapan amalan qudwah hasanah guru PDPP dan PDP IPG Zon Utara.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan bagi menjawab soalan

- i. Adakah terdapat perbezaan amalan qudwah hasanah dalam kalangan guru PDPP dan PDP IPG zon utara berdasarkan faktor jantina?
- ii. Adakah terdapat perbezaan amalan qudwah hasanah dalam kalangan guru PDPP dan PDP Zon Utara berdasarkan program?
- iii. Apakah tahap amalan qudwah hasanah dalam kalangan guru PDPP dan PDP IPG zon utara?

Kajian amalan penerapan qudwah hasanah guru PDPP dan PDP Zon Utara ini penting untuk dilaksanakan bagi memberi sumbangan input kepada Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya dan amnya kepada semua warga GPI daripada aspek:

- i. menghasilkan guru yang berwibawa dan berakhlak mulia dalam memartabatkan profesion keguruan.
- ii. memberi maklumat berkaitan amalan penerapan qudwah hasanah guru terhadap pelajar supaya dapat menjadi contoh teladan yang baik terhadap para pelajarnya.
- iii. menyediakan kursus atau latihan yang dapat meningkatkan kualiti peribadi guru sebagai agen qudwah hasanah.

LITERATUR

GPI seharusnya berupaya menonjolkan adab yang baik yang boleh diteladani, ditiru atau dijadikan contoh oleh para pelajar dan warga sekolah. Pertuturan, perbuatan dan tingkah laku guru seharusnya mencerminkan adab dan akhlak Islam sebagaimana Saidatina Aisyah menggambarkan bahawa akhlak nabi adalah cerminan daripada ajaran dan kandungan al-Quran. Menurut Asmawati Suhid (2006), amalan dan tingkah laku guru seharusnya mencerminkan keperibadian seorang guru yang berwatak Islam di sekolah.

Al-Ghazali (t.t) memberikan satu perumpamaan yang menarik berkaitan qudwah guru. Menurut beliau guru yang membimbing pelajar umpama ukiran dengan tanah liat atau bayangan dengan tongkat. Menurut beliau "*mana mungkin tanah liat dapat terukir sendiri tanpa ada alat untuk mengukur, bagaimana mungkin bayangan menjadi lurus kalau tongkat itu bengkok*". (Abidin Ibnu Rusn, 1988).

Lantaran itu, satu dimensi penting contoh qudwah adalah apa yang keluar dari *lisan* guru sama dengan apa yang ada di hati. Guru perlu bertindak sesuai dengan apa yang dinasihatkan atau dengan kata lain percakapannya seiring dengan perbuatan. Allah mencela golongan yang pandai bercakap tetapi perbuatannya tidak seiring dengan percakapan melalui firman-Nya yang bermaksud:

“Patutkah kamu menyuruh manusia supaya berbuat kebaikan sedang kamu lupa akan diri kamu sendiri; padahal kamu semua membaca Kitab Allah, tidakkah kamu berakal?”

Surah Al-Baqarah (1) : 44

Dalam konteks guru, Mohd Kamal Hassan (1988) menyatakan guru perlu meneladani model peribadi Rasulullah SAW dengan menunjukkan teladan dan akhlak mulia kerana qudwah hasanah inilah yang akan membantu pembentukan akhlak para pelajar. Menurut beliau, tidak ada tutur kata, amalan dan tingkah laku seorang guru yang bersifat *value free* (bebas nilai). Guru agama yang baik, berdedikasi serta menunjukkan tauladan yang baik akan cuba memenuhi empat saranan pendidikan agama iaitu pemberian ilmu pengetahuan, kepercayaan-kepercayaan dan sikap-sikap yang dikehendaki agama, pembentukan akhlak, tingkah laku dan budi pekerti dan yang terakhir adalah pembentukan kemahuan bertindak dan beramal sesuai dengan kehendak Islam. (Ahmad Sukari, Mohd Nizam, 2020)

Teori Pembelajaran Sosial Menurut Albert Bandura (1999), menyatakan manusia bertindak balas terhadap pemerhatian yang dilaksanakannya melalui pancaindera mata, lidah dan telinga. Melaluinya proses pembelajaran berlaku secara semula jadi dan merangsang interaksi sosial yang lain. Dalam hal ini, perlakuan manusia merangkumi zahiriah dan batiniah. Aspek batiniah sukar dikawal serta ia mengawal tingkah laku zahiriah manusia (Fariza, Salasih Hanin & Mohd. Jurairi Sharifuddin, 2013). Hal ini kerana manusia tidak boleh melihat pemikiran dan emosi seseorang melainkan apabila telah dizahirkan melalui tingkah laku dan perlakuan manusia.

Bagi memastikan guru merupakan seorang penerap qudwah hasanah, beberapa adab dan sifat-sifat tertentu perlu dimiliki oleh GPI termasuk guru pelatih PDP dan PDPP. Gamal Abdul Nasir (2003) telah mengeluarkan beberapa pandangan Ibnu Sahnun dalam kitabnya *Adab Al-Mutaallimin* mengenai sifat guru. Antara sifat guru menurut beliau ialah ikhlas, takwa, bertanggungjawab dan sopan santun, Menurut al-Nawawi, guru mesti memiliki akhlak yang baik sebagaimana yang ditetapkan syarak, berkelakuan terpuji dan mengamalkan sifat-sifat baik yang disunatkan Allah SWT seperti zuhud terhadap dunia, bersifat pemurah dan dermawan, wajah yang

berseri-seri tanpa melampaui had, penyantun, sabar, bersifat warak, khusyuk, tenang, berwibawa, rendah hati menghindari senda gurau dan ketawa yang berlebihan. Guru juga mestilah mengamalkan amalan syariah seperti membersihkan kotoran pada diri, menggunting misai dan kuku, menyikat janggut, menghilangkan bau busuk dan menghindari pakaian-pakaian tercela. Sifat-sifat tercela seperti dengki, riyak, sombong dan suka melecehkan orang lain sekali pun lebih rendah kedudukannya perlu dijauhan.

Lima sifat utama guru cemerlang pendidikan Islam hasil kajian Kamarul Azmi Jasmi (2011) ialah amanah, ikhlas, takwa, berilmu serta beramal, khusyuk dan tawaduk. Menurut Abdullah Nasih Ulwan (1991), adalah suatu kewajiban seorang guru mendahulukan pembentukan peribadi dan akhlak daripada pembentukan segi ilmu dan pembelajaran anak-anak. Al-Syaikh Abd Al-Samad al-Falimbani (2002) dalam kitabnya *Sairu al-Salikin Jalan Kemuliaan Ahli Sufi* telah menyenaraikan beberapa sifat yang perlu ada pada guru supaya dapat dijadikan teladan. Antaranya (a) bersifat sabar, (b) bersifat penyantun, (c) bersopan santun, (d) jauhi sifat takbur, (e) bersifat tawaduk, (f) bersifat kasih sayang, (g) meneliti pertanyaan dengan saksama, (h) jangan mengambil upah, (i) jangan malu mengakui kelemahan, (j) perhatikan pertanyaan dengan baik, (k) menerima dalil orang lain, (l) mengikuti kebenaran, (m) mencegah kemudaratan, (n) menegah orang berpaling dari niat baik, (o) tidak mendahulukan Fardu kifayah, dan (p) mengamalkan ilmunya.

Al-Muhammadi (1982) menyatakan bahawa Syeikh Abdul Samad al-Kelantani dalam kitabnya *Minhatul Qarib* membicarakan tentang hubungan guru dengan pelajar dan sifat-sifat yang perlu ada pada seorang guru. Antara sifat yang perlu ada pada seorang guru mengikut Syeikh Abdul Samad adalah,:

- a. Bersedia dan mampu memikul beban kesusahan.
- b. Mengamalkan adab seorang guru seperti duduk dalam keadaan beradab, menjaga pandangan mata, rendah diri dan tawaduk, tidak takabbur dan menjaga hubungan baik dengan Pencipta.
- c. Berupaya mengawal diri ketika marah
- d. Bersifat tawaduk dalam perhubungan dengan orang lain dan menjauhi sifat takabbur..
- e. Bersifat lemah lembut dan bersabar terhadap soalan daripada para pelajar walaupun soalan itu nampak remeh.

- f. Bersedia mengakui sesuatu yang dia tidak tahu. Malahan sedia menerima pandangan pelajar jika hujah yang diberikan lebih bernas.
- g. Melarang pelajar daripada mempelajari sebarang ilmu yang tidak bermanfaat.
- h. Mengamalkan ilmu yang diajarkan kepada pelajar supaya menjadi contoh kepada mereka.

Al-Ghazali pula memberi penekanan kepada penjagaan adab zahir dan batin bagi memastikan guru berupaya menjadi teladan kepada para pelajar:

- a. Adab zahir merujuk kepada menjaga penampilan diri seperti kebersihan tubuh badan, penjagaan gigi, sentiasa menjaga perkara fitrah seperti memotong kuku, menggunting dan menyikat rambut, menggunting misai, memakai bau-bauan yang menyenangkan bagi guru lelaki, dan pemilihan pakaian yang kemas, bersih dan sesuai (Kamarul Azmi Jasmi, 2010). Penampilan pakaian seorang guru agama mestilah menunjukkan dia seorang guru agama. Pakaian selekeh, comot, tidak kemas, ketat dan sebagainya menjatuhkan martabat diri guru di hadapan para pelajar. Ini bermaksud guru mestilah mengelakkan daripada memakai pakaian atau membawa satu penampilan buruk yang mendatangkan kesan negatif dan tanggapan tidak baik menurut kaca mata Islam. Imam Abu Hanifah sebagai contoh seorang yang cukup menjaga penampilan diri sehingga apabila beliau lalu orang lain mengetahui melalui wangian yang dipakai oleh beliau. Termasuk dalam amalan adab terhadap diri sendiri yang perlu diberi perhatian oleh GPI adalah adab ketika makan, adab ketika musafir, ketika memakai pakaian, melihat cermin, memasuki masjid, ketika tidur, ketika menyambut tetamu, ketika duduk dan lain-lain lagi (Ahmad Sukari, Mohd Nizam, 2020)
- b. Adab batin merujuk kepada kebersihan batin iaitu usaha memelihara diri dari sifat-sifat *mazmumah* dan menggantikan dengan *fadilat* dan sifat *mahmudah*.

Kesimpulannya, GPI seharusnya mempunyai aras (*standard*) amalan dan tingkah laku tertentu sehingga memungkinkan dia dilihat sebagai contoh dan teladan oleh pelajar. Amalan GPI termasuk guru pelatih PDP dan PDPP seharusnya mencerminkan kurikulum yang diajar bahkan dilihat sebagai kurikulum bergerak oleh para pelajar. Justeru, guru pelatih PDP dan PDPP perlu mempunyai sahsiah yang sesuai dengan watak sebagai GPI, mempunyai hubungan yang baik dengan Allah SWT dan sesama manusia serta menjaga adab-adab zahir seperti kebersihan pakaian dan adab batin seperti ketulusan hati.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kuantitatif ini berbentuk tinjauan. Sampel kajian ini terdiri daripada populasi 120 GPI PDPP dan PDP yang melibatkan 78 sampel bagi Kursus Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) dan Program Diploma Perguruan (PDP) daripada 4 IPG Kampus Zon Utara. iaitu di Pulau Pinang dan Kedah.

Satu set soal selidik yang menggunakan skala likert bagi meninjau pandangan guru pelatih PDP dan PDPP berkaitan amalan penerapan qudwah hasanah telah digunakan. Skala likert (5 poin) yang digunakan ialah tidak pernah, jarang-jarang, kadang-kadang, kerap dan sangat kerap. Item soal selidik telah . Kajian Amalan Penerapan Qudwah Hasanah Guru PDPP dan PDP IPG Zon Utara ini menggunakan instrumen set soal selidik melalui *googleform* yang telah disemak dan telah mendapat kesahan pakar dari Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia dan pakar Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia. Set soal selidik ini diedarkan melalui pautan (*link*) yang disediakan melalui aplikasi *whatsapp* kepada Ketua Jabatan, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral IPG Kampus yang terlibat.

Pengkaji menggunakan statistik deskriptif bagi menunjukkan skor min, peratusan dan sisihan piawai untuk menyatakan ciri-ciri sesuatu pembolehubah yang dikaji. Analisis inferensi turut digunakan bagi mendapat nilai perbezaan amalan qudwah hasanah GPI berdasarkan jantina dan juga program. Bagi tujuan menginterpretasi data berkaitan tahap amalan qudwah hasanah guru PDPP dan PDP Zon Utara, pengkaji mengguna pakai rumusan Nunally (1978) yang telah digunakan oleh Azhar Ahmad (2006) dan Kamarul Azmi Jasmi (2010) seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1*Skala Tahap Amalan Qudwah Hasanah Guru*

Skor Min	Interpretasi
4.01 – 5.00	Tinggi
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
1.00 – 2.00	Rendah

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bersama ini disertakan maklumat demografi responden yang lengkap sebelum pengkaji memberikan dapatan bagi soalan-soalan kajian.

Jadual 2*Taburan responden mengikut program dengan jantina*

		Jantina		Keseluruhan
		lelaki	perempuan	
Program	PDPP	22	31	53
	PDP	7	18	25
Total		29	49	78

Jadual 3

Taburan responden mengikut tahap pendidikan

Tahap pendidikan	Program		Keseluruhan
	PDPP	PDP	
SPM	0	3	3
STPM	0	5	5
DIPLOMA	0	7	7
IJAZAH	48	9	57
MASTER	5	1	6
Keseluruhan	53	25	78

Secara keseluruhan terdapat seramai 120 orang guru PDPP dan guru PDP yang mengikuti pengajian di institut Pendidikan guru Zon utara. Maklumat responden berasaskan jadual 2 ini secara asasnya menggambarkan bahawa responden telah mewakili populasi kajian. Sementara data pada jadual 3 pula menggambarkan tahap Pendidikan yang berbeza bagi responden kajian iaitu secara keseluruhan pelajar PDPP memiliki ijazah sarjana muda bidang Pendidikan Islam. Malahan terdapat seramai 5 orang memiliki ijazah peringkat master. Sebaliknya ini berbeza dengan guru PDP kerana ada di kalangan mereka yang hanya memiliki sijil SPM dan STPM. Ini adalah kerana syarat minima pengampilan guru PDP adalah SPM. Selain itu guru PDP yang memiliki ijazah dan master bukanlah daripada bidang Pendidikan Islam.

Dapatan Kajian

1. Adakah terdapat perbezaan amalan qudwah hasanah dalam kalangan guru PDPP dan PDP IPG zon utara berdasarkan faktor jantina?

Ho¹ : Tidak Terdapat Perbezaan yang Signifikan di Antara Skor Min Amalan Qudwah Hasanah Berdasarkan Jantina.

Hipotesis nul ini bertujuan untuk melihat sama ada wujudnya perbezaan yang signifikan antara Amalan qudwah hasanah dengan jantina responden kajian. Keputusan ujian-t dalam jadual ini menunjukkan min bagi lelaki ialah 4.4787 dan perempuan ialah 4.3878 dan nilai $t = 963$. Oleh itu nilai $p = 0.071$ adalah lebih besar daripada $\alpha 0.05$ ($p = 0.071 > 0.05$).

Jadual 4

Keputusan Ujian -T Perbezaan Jantina Dengan Amalan Qudwah Hasanah

<i>Jantina</i>	<i>Bil</i>	<i>Min</i>	<i>SP</i>	<i>t</i>	<i>p</i>
Lelaki	29	4.4787	.34470	.963	.071
Perempuan	49	4.3878	.43358		

Hasil keputusan ujian seperti ditunjukkan dalam Jadual 4 gagal menolak hipotesis nul kajian. Kesimpulannya tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara amalan qudwah hasanah dengan jantina.

Dapatan ini menunjukkan bahawa amalan qudwah hasanah dilaksanakan oleh semua guru lelaki dan perempuan dengan baik. Walaupun tidak terdapat perbezaan yang signifikan sehingga hipotesis nol ditolak namun dapatan menunjukkan bahawa min guru lelaki iaitu 4.4778 lebih tinggi berbanding guru perempuan iaitu 4.3878. Ini menunjukkan guru lelaki dari segi amalan qudwah hasanah lebih tinggi sedikit berbanding guru perempuan.

2. Adakah terdapat perbezaan amalan qudwah hasanah dalam kalangan guru PDPP dan PDP IPG zon utara berdasarkan faktor program?

Ho²: Tidak Terdapat Perbezaan yang Signifikan di Antara Skor Min Amalan Qudwah Hasanah Berdasarkan Program

Hipotesis nul ini bertujuan untuk melihat sama ada wujudnya perbezaan yang signifikan antara Amalan qudwah hasanah dengan program responden kajian. Keputusan ujian-t dalam jadual ini menunjukkan min bagi PDPP ialah 4.4051 dan PDP ialah 4.4565 dan nilai $t = .838$. Oleh itu nilai $p = 0.042$ adalah lebih kecil daripada α 0.05 ($p = 0.071 < 0.05$).

Jadual 5

Keputusan Ujian -T Perbezaan Program Dengan Amalan Qudwah Hasanah

<i>Program</i>	<i>Bil</i>	<i>Min</i>	<i>SP</i>	<i>t</i>	<i>p</i>
PDPP	53	4.4051	.40601	.838	.042
PDP	25	4.4565	.40230		

Hasil keputusan ujian seperti ditunjukkan dalam Jadual 5 berjaya menolak hipotesis nul kajian. Kesimpulannya terdapat perbezaan yang signifikan di antara amalan qudwah hasanah dengan program GPI.

Hasil dapatan kajian ini adalah selaras dengan kajian oleh Supian Hashim dan Khadijah Daud (2014) yang menunjukkan prestasi kerja guru yang berada di tahap tinggi dalam kalangan guru sekolah rendah di daerah Segamat. Hasil dapatan kajian kes oleh Rosnah Ishak (2018) juga menunjukkan prestasi kerja guru yang tinggi dalam kalangan guru di sebuah sekolah di Sabah. Dalam kajian ini, tahap prestasi kerja guru yang tinggi menunjukkan bahawa majoriti responden amat bersetuju bahawa dengan adanya bimbingan pengajaran SISC+ ini, kedua-dua sub bahagian tersebut telah meningkat. Ia memberi gambaran bahawa guru akan lebih bersedia dan berkeyakinan untuk bekerja apabila ilmu pengetahuan tentang dasar, pedagogi, pentaksiran makin bertambah. Prestasi kerja mereka juga telah meningkat apabila mereka dapat mengadaptasi diri dengan persekitaran kerja dan perubahan sikap yang dizahirkan dengan amalan profesionalisme dan sahsiah yang lebih baik. Keinginan mereka untuk berusaha mencari peluang menambah ilmu dan menajamkan kemahiran sedia ada sebagai guru juga telah meningkat dan memberi kesan kepada prestasi kerja mereka.

Hal ini bagaimanapun sedikit berbeza dengan kajian yang dijalankan Dalila Abdul Muttalip, Ruslin Amir dan Salleh Amat (2021) yang mendapati tahap prestasi kerja guru sekolah rendah di daerah Sarikei adalah pada tahap sederhana. Dalam satu kajian yang lain, Nadiyah Bani Amin, Amizawati Mohd Amir, Siti Farahhani Ismail (2019) mendapati prestasi kerja guru di sekolah kerajaan berada pada tahap yang tinggi walaupun dengan beban kerja yang banyak dan tidak dipengaruhi oleh faktor-faktor kepimpinan mahupun bimbingan

profesional. Pengkaji merumuskan bahawa guru guru tersebut bijak dalam menguruskan beban kerja mereka.

Analisis inferensi bagi mengkaji samada terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kualiti bimbingan SISC+ dengan tahap prestasi kerja guru adalah ujian korelasi. Interpretasi hubungan dua variable ini adalah mengikut nilai korelasi berdasarkan *rule of thumb* oleh korelasi Pearson iaitu jika nilai korelasi adalah .50-1.0 hubungan antara variable yang dianalisis adalah sangat tinggi, .30-.49 menunjukkan hubungan yang sederhana dan .10-.29 menunjukkan hubungan rendah (Pallant, 2016). Rajah 3 di bawah menunjukkan hubungan antara tahap kualiti bimbingan SISC+ dan prestasi kerja guru yang dibimbing untuk kajian ini, berada pada hubungan yang positif dan sangat tinggi dengan signifikan ($r(70) = .913$, $p=0.1$, $r^2 = .833$).

- $df = n-2 = 72-2 = 70$
- $r^2 = 0.9132 = 0.833$

Rajah 3

Hubungan Tahap Kualiti Bimbingan SISC+ dengan Prestasi Kerja Guru

Korelasi	Prestasi Kerja Guru		
	n	Pearson (r)	p
Tahap Kualiti Bimbingan SISC+	72	.913	.000

**Signifikan pada aras $p < .01$ (2-tailed)

Daripada analisis ini dapatlah disimpulkan bahawa apabila $p=0.01$, maka hipotesis nol ditolak. Ini bermakna, terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap kualiti bimbingan pengajaran SISC+ dan prestasi kerja guru. Ini disokong oleh kajian-kajian lepas bahawa kualiti bimbingan pengajaran SISC+ dan peranan mereka telah membuktikan bahawa ia sangat membantu guru-guru meningkatkan kualiti PdP mereka di dalam bilik darjah dan dengan secara tidak langsung ia meningkatkan prestasi kerja mereka.

Kajian Rozita Radhiah Said, Mohammad Brahim dan Azhar Md. Sabil (2016) membuktikan bahawa bimbingan SISC+ telah memberi impak yang amat baik dan relevan dalam membantu guru meningkatkan prestasi mereka dan kesannya dalam melaksanakan PdP yang berkualiti. Kajian Noel Jimbai Balang, Zamri Mahamod dan Nor Aishah Buang (2020) juga membuktikan bahawa SISC+ merupakan katalis dalam meningkatkan kemahiran pedagogi dalam kalangan guru. Guru-guru lebih berpengetahuan dan dapat membuat penambahbaikan dalam rutin kerja mereka. Wan Fadhlurrahman W. Md Rasidi, Al-Amin Mydin dan Aziah Ismail (2020) juga telah mendapati amalan profesionalisme guru dalam PdP telah meningkat setelah mendapat bimbingan daripada SISC+.

Jelas di sini membuktikan kepada kita tentang prestasi guru yang akan meningkat apabila sokongan dan bimbingan diberikan oleh kumpulan pakar secara sistematik dan berterusan.

Bagi mengkaji samada bimbingan pengajaran SISC+ merupakan faktor peramal terhadap prestasi kerja guru, maka ujian regresi linear mudah digunakan. Daripada analisis yang dilakukan, didapati tahap kualiti bimbingan SISC+ adalah peramal yang signifikan bagi prestasi kerja guru, $\beta=.913$, $t(71)=18.781$, $p=0.01$, $R^{2adj}=.832$. Saiz kesan menunjukkan bahawa 91.3% daripada varian dalam prestasi kerja guru dapat dijelaskan oleh tahap kualiti bimbingan SISC+. Dengan ini, hipotesis nol juga ditolak. Rajah 4 menunjukkan data yang diperolehi.

Rajah 4

Faktor Peramal Tahap Kualiti Bimbingan Pengajaran SISC+ terhadap Prestasi Kerja Guru (Model Summary)

Model Summary ^b				
Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.913a	.834	.832	.17806

a. Predictors: (Constant), bimbingan

b. Dependent Variabale: Prestasi Kerja Guru

Rajah 5

Faktor Peramal Tahap Kualiti Bimbingan Pengajaran SISC+ terhadap Prestasi Kerja Guru (Coefficients)

Model		Unstandardized Coefficients		Coefficients ^a Standardized Coefficients			99.0% Confidence Interval for B	
		B	Std. Error	Beta	t	Sig.	Lower Bound	Upper Bound
1	(Constant)	-.554	.274		-.2022	.047	-1.280	.172
	bimbingan	1.173	.062	.913	18.781	.000	1.008	1.338

a. Dependent Variable : Prestasi Kerja Guru

Persamaan regresi ialah :

$$Y_1 = b x + a$$

$$Y_1 = 1.173 x + (-.554)$$

atau

$$\text{Prestasi kerja guru yang diramal} = 1.173(\text{bimbingan}) + (-.554)$$

Dapatan ini adalah adalah sepadan dengan model bimbingan pengurusan dan model prestasi kerja guru yang dirujuk dalam kajian ini. McLean et al. (2005) telah menggariskan ciri-ciri seorang pembimbing yang baik manakala Visweswaran dan Ones (2000) pula menyatakan bahawa dengan bimbingan dan sokongan profesional yang baik, ia boleh meningkatkan prestasi kerja dalam kalangan pekerja. Dengan kata lain, untuk membangunkan potensi sumber manusia yang ada, latihan dan sokongan yang sistematik dan berfokus perlu sentiasa diberikan.

IMPLIKASI KAJIAN DAN CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah memberi maklumat berkaitan tahap kualiti bimbingan pengajaran SISC+ dan kesannya kepada prestasi kerja guru tersebut. Antara implikasi kajian ini yang boleh diberi perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan adalah seperti berikut:

a. Pihak Pejabat Pendidikan Daerah perlu sentiasa menilai semula bimbingan pengajaran yang diberikan kepada guru yang dibimbing oleh SISC+ supaya bimbingan tersebut benar-benar mendatangkan impak yang tinggi.

b. Pihak Pejabat Pendidikan Daerah perlu mendapatkan maklum balas yang menyeluruh daripada guru-guru yang terpilih sebagai guru yang dibimbing dengan lebih telus dan terperinci sepanjang tempoh bimbingan mengikut kesesuaian masa.

c. Pihak Pejabat Pendidikan Daerah juga perlu membuat penerangan kepada pihak sekolah tentang kelebihan menjadi guru yang terpilih sebagai guru dibimbing oleh SISC+. Mereka perlu menganggap ia sebagai satu peluang untuk meningkatkan kemahiran mengajar mereka dan bukannya merasa rendah diri sehingga mendapat tekanan perasaan kerana perlu dibimbing walaupun ada di antara mereka yang mempunyai pengalaman mengajar yang lama.

d. Pihak guru yang dibimbing perlu dimaklumkan tentang keterbukaan SISC+ untuk berbincang fokus dan kaedah terbaik untuk membuat bimbingan kepada guru-guru supaya mereka dapat memberikan maklum balas yang telus.

e. SISC+ perlu memastikan bimbingan dari aspek penyeliaan pengajaran kepada kumpulan pemimpin pertengahan adalah berkesan dan kumpulan ini dapat membuat bimbingan yang sepatutnya kepada guru-guru di bawah seliaan mereka.

f. Pihak KPM perlu mengumpulkan data yang sah berkaitan maklum balas bimbingan SISC+ dan boleh diakses oleh pihak berkuasa untuk tindakan susulan kepada cadangan yang diterima daripada guru yang dibimbing.

Kajian yang dijalankan ini boleh ditambahbaik dengan mengambilkira beberapa aspek lain yang membolehkan kajian yang lebih komprehensif dijalankan terhadap dua variabel dalam kajian ini iaitu tahap kualiti bimbingan pengajaran SISC+ dan prestasi kerja guru. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan seperti berikut:

a. Kajian ini hanya merujuk kepada satu faktor yang menjadi pemangkin atau motivasi kepada guru-guru untuk bekerja dengan lebih baik. Para pengkaji baharu disarankan untuk mengkaji beberapa lagi variabel yang boleh dikaitkan dengan impak tahap kualiti

bimbingan pengajaran SISC+ seperti kepuasan berkerja, motivasi, kesediaan guru, komitmen organisasi, jati diri, efikasi diri dan lain-lain lagi.

b. Kajian jangka panjang yang menggabungkan data-data kuantitatif dan kualitatif melalui kaedah temu bual, soal selidik malah pemerhatian juga boleh dilakukan supaya responden dapat memberi maklumat yang lebih terperinci dan tepat berkaitan bimbingan pengajaran SISC+. Hal yang demikian dapat membantu pihak SISC+ mengenalpasti kekuatan dan kelemahan bimbingan masing-masing seterusnya mengambil langkah-langkah untuk penambahbaikan.

c. Item berkaitan cadangan penambahbaikan juga boleh ditambah di dalam instrumen yang digunakan supaya responden dapat menyampaikan keperluan atau kehendak mereka kepada SISC+ dalam proses bimbingan.

d. Pengkaji pada masa hadapan boleh membuat perbandingan tahap kualiti bimbingan pengajaran SISC+ di antara daerah-daerah yang ada dalam negeri Kedah supaya ia boleh memberi gambaran keberkesanan bimbingan dalam kalangan SISC+ di peringkat negeri.

e. Populasi kajian boleh dibesarkan dengan melibatkan responden dalam kalangan kumpulan pemimpin pertengahan yang dibimbing dari aspek penyeliaan pengajaran. Ini berikutan, perubahan yang berlaku kepada fokus SISC+ mulai tahun 2019.

KESIMPULAN

Transformasi Pendidikan Negara telah melahirkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025). Di bawah Anjakan ke-6 iaitu pengupayaan JPN, PPD dan sekolah untuk menyediakan penyelesaian khusus berasaskan keperluan, Program Transformasi Daerah diwujudkan dan telah melaksanakan intervensi iaitu menyediakan sokongan profesional kepada pemimpin sekolah dan guru-guru. Dalam konteks kajian ini, sokongan profesional yang diberikan kepada guru-guru adalah melalui bimbingan pengajaran SISC+. Keseluruhan kajian ini telah memberi maklumat tambahan berkaitan kualiti bimbingan pengajaran SISC+ dan perkaitannya dengan prestasi kerja guru yang telah dibimbing. Hasil dapatan analisis data dapat menjawab persoalan kajian iaitu tahap kualiti bimbingan pengajaran SISC+ di sebuah daerah berada pada tahap

yang tinggi, tahap prestasi kerja guru yang telah dibimbing juga berada pada tahap yang tinggi, terdapat hubungan yang positif yang kuat antara tahap kualiti bimbingan pengajaran SISC+ dengan prestasi kerja guru dan tahap kualiti bimbingan pengajaran SISC+ dapat dijadikan peramal terhadap prestasi kerja guru.

ia boleh dirumuskan bahawa apabila tahap kualiti bimbingan pengajaran SISC+ tinggi ia dapat memberi kesan kepada meningkatnya prestasi kerja guru yang dibimbing. Hal ini menunjukkan kepentingan bimbingan dan sokongan profesional yang baik kepada guru-guru, mampu meningkatkan semangat untuk bekerja lebih tinggi dan diharapkan ia dapat membantu meningkatkan prestasi sekolah. Justeru, justifikasi kewujudan jawatan Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah untuk membimbing guru ke arah peningkatan kualiti pengajaran boleh diakui dan dibuktikan sebahagiannya dengan kajian ini. Namun, masih terdapat ruang penambahbaikan kepada inisiatif ini bagi merealisasikan hasrat KPM untuk meningkatkan kefahaman guru tentang dasar, kurikulum dan pentaksiran dan ia wajar diberi perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan.

RUJUKAN

- Campbell, J. P., McHenry, J. J., & Wise, L. L. (1990). Modeling job performance in a population of jobs. *Personnel psychology*, 43(2), 313-575.
- Dalila Abdul Muttalip, Ruslin Amir, Salleh Amat. (2021). Hubungan tingkah laku kepimpinan guru besar dan beban kerja guru terhadap prestasi kerja guru. *Jurnal dunia pengurusan*, 3(1), 30-40.
- Koopmans, L., Bernaards, C. M., Hildebrandt, V. H., de Vet, H. C., & van der Beek, A. J. (2014). Construct validity of the individual work performance questionnaire. *Journal of occupational and environmental medicine*, 56(3), 331-337.
- Kementerian Pendidikan Malaysia . (2018) Laporan Tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. https://www.padu.edu.my/annual_report/2019/
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610. <https://doi.org/10.1177/00131644700300030>

- Levin, I. L., & Rubin, D. S. (2000). *Statistics for Management*. 7th Edition. Pearson.
- Lily Setyawati Kristianti, Azhar Affandi, Nurjaya Nurjaya, Denok Sunarsi, Achmad Rozi. (2021). Pengaruh motivasi dan disiplin kerja terhadap kinerja pegawai pada Dinas Pariwisata Jurwakarta. *Jurnal Ilmiah PERKUSI*, 1(1), 101-109.
- McLean, G. N., Yang, B., Kuo, M. H. C., Tolbert, A. S., & Larkin, C. (2005). Development and initial validation of an instrument measuring managerial coaching skill. *Human Resource Development Quarterly*, 16(2), 157-178.
- Nadiah Bani Amin, Amizawati Mohd Amir, Siti Farahhani Ismail. (2019). Key performance indicators tugas, ganjaran dan prestasi kerja guru sekolah kerajaan. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 6(4), 38-60.
- Noel Jimbai Balang, Zamri Mahamod. (2018). Penerimaan guru-guru Bahasa Melayu terhadap bimbingan dan pementoran jurulatih SISC+. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, 31(2).
- Noel Jimbai Balang, Zamri Mahamod, Nor Aishah Buang. (2020). Proficiencies in curriculum aspects among School Improvement Specialist Coaches Plus (Sisc+). *Universal Journal of Educational Research*, 8(5A), 89-94.
- Noel Jimbai Balang, Zamri Mahamod, Nor Aishah Buang. (2020). School Improvement Specialist Coaches Plus (SISC+) as a catalyst for enhancing teachers' pedagogy aspect in Malaysia. *Open Journal of Social Sciences*, 8, 306-314. <https://doi.org/10.4236/jss.2020.89024>
- Noel Jimbai Balang, Zamri Mahamod, Nor Aishah Buang. (2020). School Improvement Specialist Coaches Plus (SISC+) as a component of teachers pedagogical landscapes in Malaysia: A descriptive study. *International Journal of Advanced Science and Technology*, 29(5), 7276-7286.
- Pallant, J. (2016). *SPSS Survival Manual: A step by step guide to Data Analysis Using SPSS Program (6th ed.)* London, UK: McGraw-Hill Education. 132-144
- Park, S., McLean, G. N., & Yang, B. (2008). Revision and Validation of an Instrument Measuring Managerial Coaching Skills in Organizations. *Online Submission*.
- Rosnah Ishak, Siti Nur Fatimah Rusman. (2018). Prestasi kerja guru dan hubungannya dengan faktor beban tugas, persekitaran kerja dan personal: Kajian kes di sebuah sekolah di Sabah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(1), 1-15.

- Rozita Radhiah Said, Mohammad Brahim , Azhar Md. Sabil. (2016). Bimbingan dan pementoran berfokus oleh SISC+. BM: Impak terhadap Kualiti Pengajaran Guru Bahasa Melayu di Sekolah-sekolah Menengah Daerah Samarahan, Sarawak . *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 41(2), 131-139.
- Salwati Shafee, Zuraidah Abdullah, Simin Ghavifekr. (2019). Peranan amalan bimbingan dalam meningkatkan pembelajaran professional guru. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 6(1), 1-26.
- Sarabiah Jusoh. (2018). Persepsi, amalan dan keberkesanan bimbingan jurulatih SISC+ dari perspektif guru Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(2), 42-52.
- Sarabiah Jusoh, Zamri Mahamod. (2018). Amalan dan keberkesanan bimbingan jurulatih SISC+ dari perspektif guru Bahasa Melayu. *Jurnal Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan*, 31(1), 45-67.
- Selvarajoo Madhavan, Ramli bin Basri, Ahmad Fauzi bin Mohd Ayub, Soaib bin Asimiran. (2020). Kualiti bimbingan pengajaran oleh Pegawai Pembimbing Pakar Pembangunan Sekolah (School Improvement Specialist Coaches-SICS+) sebagai faktor peramal terhadap kualiti guru di sekolah kebangsaan. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 68-78.
- Supian Hashim, Khadijah Daud. (2014). Amalan kepimpinan lestari dan hubungannya dengan prestasi kerja guru sekolah rendah yang menerima tawaran baru di daerah Segamat. *Sains Humanika*, 2(4).197-208.
- Viswesvaran, C., & Ones, D. S. (2000). Perspectives on models of job performance. *International Journal of Selection and Assessment*, 8(4), 216-226.
- Wan Fadhlurrahman W. Md Rasidi, Al-Amin Mydin, Azian Ismail. (2020). Professional Learning Community : Strategi bimbingan instruksional guru *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 7(3), 38-54.

PENGETAHUAN DAN PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH DALAM KALANGAN GURU PELATIH BAHASA CINA

Ho Pei Yao¹, Ng Chu Rui²
Jabatan Kecemerlangan Akademik¹
Jabatan Pengajian Cina²
Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun
ipgm-2482@moe-dl.edu.my¹

Abstrak

Pentaksiran bilik darjah merupakan komponen penting dalam kurikulum masa kini. Guru sebagai tenaga pengajar dan fasilitator utama merupakan faktor perdana yang menentukan kejayaan pentaksiran bilik darjah. Kajian kualitatif ini bertujuan untuk meninjau tahap pengetahuan dan pelaksanaan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru pelatih Bahasa Cina. Pengumpulan data melalui soal selidik dalam bentuk soalan terbuka dan pendekatan analisis data refleksif digunakan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pengetahuan guru pelatih Bahasa Cina dari segi konsep, tanggungjawab dan kepentingan pentaksiran bilik darjah adalah jelas dan baik. Sesungguhnya mereka cuba menggunakan pelbagai strategi dalam proses pentaksiran bilik darjah, cabaran tetap menjadi halangan dari segi pelaksanaan sebenar. Antara cabaran termasuk kekangan masa, masalah murid dan kemahiran pentaksiran bilik darjah yang lemah dalam kalangan guru pelatih. Implikasi kajian ini menunjukkan keperluan Institut Pendidikan Guru Malaysia untuk menawarkan program latihan guru yang memberi tumpuan kepada aspek praktikal pelaksanaan pentaksiran bilik darjah.

Kata Kunci: Pentaksiran formatif, strategi pentaksiran, praktikum, cabaran pentaksiran bilik darjah, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

Abstract

Classroom assessment is a crucial component of the current curriculum. Teachers, as the primary educators and facilitators, play a central role in determining the success of classroom assessments. This qualitative study aims to explore the knowledge level and implementation of classroom assessments among pre-service Chinese language teachers. Data were collected through open-ended survey questions and using a reflective data analysis

approach. The study's findings reveal that the pre-service Chinese language teachers have clear and solid knowledge of the concepts, responsibilities, and importance of classroom assessment. They actively attempt to apply various strategies in the assessment process. However, challenges hinder their effective implementation. Among these challenges are time constraints, student-related issues, and limited assessment skills among the pre-service teachers. The study's implications highlight the need for Malaysia's Institute of Teacher Education to offer teacher training programs that focus on practical aspects of classroom assessment implementation.

Keywords: Formative assessment, assessment strategy, practicum, classroom assessment challenges, National-Type Chinese School

PENGENALAN

Pentaksiran merupakan komponen penting dalam pendidikan untuk mengumpul data atau maklumat tentang pencapaian, perkembangan dan kemajuan pelajar. Pentaksiran dalam bentuk peperiksaan berpusat pada setiap peringkat persekolahan telah dijalankan sekian lama, contohnya Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) pada peringkat sekolah rendah, Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) pada Tingkatan 3 dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada Tingkatan 5. Peperiksaan ini memberi kesan yang mendalam kepada pelajar di mana prestasi akademik dipentingkan semata-mata sehingga aspek-aspek rohani dan jasmani diabaikan.

Keadaan ini berubah apabila Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) diperkenalkan pada 2011. Standard pentaksiran telah dimasukkan ke dalam dokumen kurikulum KSSR dan menerusinya murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenal pasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015, 2021a). Ekoran daripada itu, UPSR dan PT3 dimansuhkan sepenuhnya pada 2022 supaya Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) menjadi kaedah pentaksiran tunggal dalam sistem pendidikan kebangsaan walaupun sering dipertikaikan (Bernama, 2022; Bernama, 2024; Noorazura Abdul Rahman, 2024).

Jelasnya, PBD telah mula dipraktikkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) untuk mentaksir dan menilai tahap penguasaan pelajar bagi tempoh masa yang melebihi sepuluh tahun. Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) (2019), PBD ialah proses yang berterusan dalam sesi PdP untuk memperoleh maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan penguasaan murid terhadap matlamat kurikulum yang dihasratkan. Dalam erti kata yang lain, menerusi PBD, pengajaran dan pembelajaran bukan lagi hanya fokus kepada pengetahuan dan kemahiran akademik, tetapi juga aspek jasmani, rohani, emosi, mental dan nilai moral yang dititik berat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Gabungan kaedah pentaksiran formatif dan sumatif digunakan untuk mengumpul maklumat pembelajaran dan memantau perkembangan individu pelajar secara menyeluruh.

Sebagai kaedah pentaksiran yang menggantikan peperiksaan tradisional, kejayaan dan keberkesanan pelaksanaan PBD dipandang serius. Dalam pada itu, peranan guru diberi fokus utama dalam pelaksanaan PBD kerana melibatkan diri secara langsung dalam proses pengumpulan data dan maklumat pentaksiran pelajar. Guru diberi amanah untuk menentukan objektif pembelajaran berdasarkan Standard pembelajaran dan merekod PBD (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2019). Tindakan susulan kemudiannya diambil untuk membantu dan meningkatkan penguasaan pelajar adalah bergantung kepada kesesuaian instrumen pentaksiran yang digunakan oleh guru semasa PBD. Ekorannya, tahap kefahaman tentang PBD dan kebolehan guru melaksanakannya adalah kunci kepada kejayaan PBD dalam sistem pentaksiran yang terkini.

PBD merupakan tanggungjawab guru yang telah menjadi kebiasaan dalam tugas harian mereka. Tahap kefahaman dan kemahiran terhadap PBD adalah tinggi mengikut penilaian sendiri dalam kalangan guru sekolah rendah, mahupun sekolah menengah (Amatan et al., 2024; Villasamy & Wan Mohammad, 2023). Tambahan pula, guru-guru sekolah rendah didapati memahami tujuan pelaksanaan PBD yang bersifat berterusan (Rasidayanty Saion et al., 2024). Kajian tersebut menunjukkan jenis PBD yang paling dominan dalam kalangan guru sekolah rendah, iaitu pentaksiran untuk pembelajaran dan pentaksiran sebagai pembelajaran (Rasidayanty

Saion et al., 2024). Di samping itu, pentaksiran tentang pembelajaran tetap dijalankan pada akhir setiap sesuatu pembelajaran.

Institut Pendidikan Guru (IPG) merupakan pusat latihan perguruan perlu sentiasa cakna dengan mutu latihan yang sesuai dengan keperluan pendidikan semasa (Yong & Anuar Abd. Rahman, 2014). Oleh itu, tahap pengetahuan dan situasi sebenar pelaksanaan PBD wajar diberi perhatian dalam kalangan guru pelatih yang bakal menjalankan tugas sebagai seorang guru yang berkelayakan. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji pengetahuan dan kemahiran guru pelatih Bahasa Cina tentang PBD. Kajian juga fokus pada cabaran yang dihadapi dalam proses pelaksanaan PBD mengikut pengalaman mereka semasa praktikum di sekolah.

PERNYATAAN MASALAH

PBD merupakan komponen penting dalam kurikulum masa kini yang bukan hanya menilai aspek kognitif, tetapi juga afektif dan psikomotor pelajar. Oleh itu, guru-guru mesti mempunyai kefahaman yang jelas dan mendalam tentang PBD untuk menjalankannya dengan berkesan. Guru sebagai faktor perdana dalam keberkesanan PBD sering kali menjadi subjek kajian.

Pengumpulan data secara kuantitatif daripada responden guru menjadi kaedah dan subjek kajian PBD yang utama, walaupun mata pelajaran yang diajar adalah berlainan (Amatan et al., 2024; Nur Sabrina Aiman Mohd Rosszi et al., 2024; Ng et al., 2023; Sh. Siti Hauzimah Wan Omar, 2019). Pembolehubah yang sama dikaji dalam kajian-kajian kuantitatif iaitu pengetahuan, kemahiran, kesediaan, sikap dan pelaksanaan. Analisis dapatan menunjukkan persamaan juga di mana tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru terhadap PBD adalah tinggi (Sh. Siti Hauzimah Wan Omar, 2019; Nur Sabrina Aiman Mohd Rosszi et al., 2024). Hasil dapatan yang tidak jauh beza didapati dalam kajian lain dengan penambahan pembolehubah kesediaan guru yang tinggi (Amatan et al., 2024; Ng et al., 2023).

Merujuk kepada hasil dapatan daripada suatu kajian kuantitatif besar yang melibatkan 16000 orang responden di seluruh negara, kefahaman, pelaksanaan dan pelaporan PBD kekal tinggi antara guru-guru pelbagai aliran sekolah, walaupun semasa PdP di rumah dalam tempoh kritikal Covid-19 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021b).

Sebaliknya, kajian yang melibatkan guru pelatih bagi tempoh kritikal yang sama menunjukkan dapatan yang berbeza dengan tahap kesediaan menjalankan PBD yang rendah (Rosnah@Nining Sidek, & Bustam Daman, 2022). Tahap kesediaan rendah juga telah menjadi cabaran kepada golongan ini apabila berhadapan dengan sistem pentaksiran yang baru. Cabaran yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan PBD merupakan isu utama yang dikaji. Antara cabaran yang didapati berulang dalam kajian yang berbeza semasa pelaksanaan PBD ialah kekangan masa (Amatan et al., 2024; Ho, 2022; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021b).

Kajian yang fokus kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) pula telah menunjukkan bahawa guru-guru masih berada pada tahap penyesuaian (~69% daripada responden kajian), malah ada antaranya masih belum dapat menguasai sistem PBD (Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia, 2018). Keadaan ini berubah apabila lebih daripada 65% guru SJKC bersetuju bahawa UPSR patut dimansuhkan dalam kajian tinjauan yang lain (Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia, 2020). Dapatan ini mendedahkan bahawa guru-guru SJKC yang mempunyai penerimaan rendah pada awal pelaksanaan PBD telah mengubah pandangan mereka dengan masa yang berlalu.

Seterusnya, kajian-kajian lepas yang fokus secara khusus kepada guru SJKC (Tan, & Husaina Banu Kenyathulla, 2020) dan guru Bahasa Cina SJKC (Ho, 2022) menunjukkan pelaksanaan PBD pada tahap yang tinggi. Tambahan pula, kajian Tan, & Husaina Banu Kenyathulla (2020) mendapati bahawa tiada perbezaan signifikan bagi pelaksanaan PBD antara guru baru dan berpengalaman. Pendekatan kualitatif yang cuba mendapat pandangan menyeluruh bukan pilihan dalam kajian-kajian ini.

Menurut kajian Ho (2022), PBD juga didapati telah menjadi kebiasaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran SJKC dengan penggunaan pelbagai kaedah pentaksiran oleh guru Bahasa Cina. Namun, dalam kajian kuantitatif yang sama, pelaksanaan, penguasaan dan kebolehan guru dalam proses menjalankan PBD adalah antara faktor yang didapati rendah secara relatif jika dibandingkan dengan pengetahuan PBD mereka (Ho, 2022).

Lantaran itu, kajian dari sudut persepsi dan amalan sebenar guru pelatih yang telah menjalankan praktikum di sekolah wajar ditinjau. Hal ini penting kerana guru pelatih berpeluang membawa teori ke dalam amalan dalam suasana bilik darjah yang sebenar. Praktikum bertujuan memberi peluang kepada mereka untuk mengapikasi ilmu yang dipelajari (Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2023). Pengetahuan dan pelaksanaan PBD dalam kalangan guru pelatih Bahasa Cina menentukan kualiti perkhidmatan dan profesionalisme mereka apabila ditempatkan di sekolah selepas tamat pelajaran. Maka, kajian yang fokus kepada pengetahuan dan pengalaman praktikum semasa melaksanakan PBD daripada golongan ini dapat memberi data terkini dan maklumat sebenar mengenai sistem pentaksiran yang semakin penting. Kajian ini juga sekaligus melihat sejauh mana pengetahuan secara teori dapat diamalkan dalam proses PdP.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneroka tahap pengetahuan dan pelaksanaan PBD dalam kalangan guru pelatih Bahasa Cina. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk meninjau sejauh mana guru pelatih ini berpengetahuan tentang konsep, strategi, dan kaedah pentaksiran yang efektif, serta bagaimana mereka menerapkan pengetahuan tersebut dalam konteks bilik darjah. Kajian ini juga meninjau cabaran dan halangan yang dihadapi oleh guru pelatih dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada pembangunan program latihan guru yang lebih berfokus pada pentaksiran bilik darjah.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama kajian ini ialah untuk meneliti isu PBD dari pandangan dan pengalaman guru pelatih Bahasa Cina yang telah menyempurnakan semua latihan praktikum. Objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti tahap pengetahuan guru pelatih Bahasa Cina terhadap PBD.
- ii. Meninjau pelaksanaan PBD dalam kalangan guru pelatih Bahasa Cina semasa praktikum.
- iii. Mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih dalam melaksanakan PBD semasa praktikum.

SOALAN KAJIAN

Kajian ini cuba mengkaji dua persoalan berikut:

- i. Apakah tahap pengetahuan guru pelatih Bahasa Cina terhadap PBD?
- ii. Bagaimanakah guru pelatih Bahasa Cina melaksanakan PBD semasa praktikum?
- iii. Apakah cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih dalam melaksanakan PBD semasa praktikum?

SKOP KAJIAN DAN LIMITASI

Kajian ini tertumpu kepada guru pelatih Bahasa Cina yang telah menjalani dua kali praktikum. Peserta kajian terdiri daripada 16 orang guru pelatih dari Institut Pendidikan Guru Malaysia yang akan memberi pandangan mengenai pengetahuan dan pelaksanaan PBD. Kajian ini melibatkan analisis data dalam skala kecil yang memberi fokus kepada pemahaman dan pelaksanaan PBD serta cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih dalam melaksanakan PBD.

KAJIAN LITERATUR

Menurut Black dan William (1998), istilah umum pentaksiran merujuk kepada semua aktiviti yang dijalankan oleh guru dan pelajar untuk menilai diri mereka sendiri, dan menyediakan maklumat untuk digunakan sebagai maklum balas supaya aktiviti pengajaran dan pembelajaran diubah suai. Pentaksiran sebegini menjadi pentaksiran formatif apabila bukti sebenarnya digunakan untuk mengadaptasi pengajaran untuk memenuhi keperluan pelajar. Pentaksiran formatif hanya berkesan apabila rekod data dan maklumat yang dikumpul dimanfaatkan oleh untuk tujuan pembelajaran pelajar. Jelasnya bahawa pentaksiran formatif bukan digunakan untuk tujuan penstriman kelas dan perbandingan antara pelajar. Walaupun pentaksiran sumatif masih dijalankan sebagai pentaksiran tentang pembelajaran dalam PBD, matlamat PBD adalah untuk meningkatkan kemenjadian dan memperkembangkan potensi pelajar sebagai seorang individu yang unik. PBD secara formatif diamalkan sebagai pentaksiran untuk pembelajaran, dan pentaksiran sebagai pembelajaran.

Pentaksiran formatif berlaku sebagai sebahagian dalam proses PdP. Guru dan pelajar yang terlibat dalam proses tersebut merupakan pihak yang sama penting. Seperti yang dinyatakan dalam Buku Panduan PBD (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2019), PBD dilaksanakan untuk mendapatkan gambaran tentang kemajuan pembelajaran pelajar di samping membolehkan guru menambah baik kaedah pengajaran dan pembelajaran. Guru dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pelajar dan memberi maklum balas kepada pelajar. Maklum balas adalah penting dan berkesan apabila tepat pada masanya supaya pelajar tahu di mana dan bagaimana mereka dapat mencekapi tahap seterusnya (Looney, 2011).

Menurut Leahy et al. (2005), strategi utama yang harus diaplikasikan dalam pentaksiran formatif supaya pelajar dapat mengenali tahap pembelajaran mereka dan terus menuju ke hadapan. Antara strategi utama adalah seperti berikut:

1. Menjelaskan, berkongsi dan memahami hasil pembelajaran dan kriteria kejayaan.
2. Merancang dan melaksanakan perbincangan, tugas dan aktiviti pembelajaran yang menghasilkan bukti pembelajaran.
3. Memberi maklum balas yang menggerakkan pelajar ke hadapan.
4. Mengaktifkan pelajar sebagai sumber pengajaran antara satu sama lain.
5. Mengaktifkan pelajar sebagai pemilik pembelajaran mereka sendiri.

PBD dalam pengajaran dan pembelajaran seharian melibatkan tiga agen aktif iaitu guru, rakan sebaya dan pelajar sendiri. Oleh hal yang demikian, strategi-strategi yang disarankan ini dapat membawa hasil yang diinginkan apabila agen yang terlibat memainkan peranan mereka.

METODOLOGI KAJIAN


Pengumpulan data bagi kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif melalui soal selidik dalam bentuk soalan terbuka. Soal selidik membolehkan penyelidik mengumpul data daripada peserta kajian yang berada di lokasi yang berbeza dan mempunyai kekangan masa, sekali gus memudahkan penyelidik mendapatkan maklumat yang tepat (Pratt, 1980). Soal selidik ini diedarkan secara dalam talian melalui platform Google Form, di mana para peserta kajian diberikan masa selama dua minggu untuk memberi respon tinjauan berbentuk teks. Respon bertulis tanpa nama membuka peluang kepada peserta kajian untuk meluahkan pandangan dan perasaan dengan jujur. Satu sesi penerangan diadakan bagi menjelaskan tujuan kajian serta panduan menjawab soal selidik, supaya mereka memahami setiap soalan yang diajukan.

Soal selidik bertulis ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian A bertujuan mengumpul maklumat peribadi peserta kajian. Bahagian B menyoal tentang pengetahuan dan pelaksanaan sebenar guru pelatih terhadap PBD yang terdiri daripada soalan terbuka. Soalan terbuka memberi kebebasan kepada peserta kajian dalam menyatakan pandangan mengenai sesuatu isu (Mor Eddin Mortada, 2020). Dari segi pengetahuan, pendapat dan pemahaman tentang

konsep, pihak yang dipertanggungjawabkan dan kepentingan PBD. Selain itu, pendekatan yang digunakan dan cabaran yang dihadapi ditinjau dari segi pelaksanaan PBD. Soalan instrumen disemak dan dinilai oleh pensyarah yang berpengalaman dalam bidang pentaksiran pendidikan.

Analisis data refleksif mudah diakses dan fleksibel secara teori untuk analisis data kualitatif yang memudahkan pengenalpastian dan analisis pola atau tema dalam satu set data (Braun & Clarke, 2012; Byrne, 2022). Pendekatan interpretatif digunakan dalam kajian ini untuk meneroka data yang kompleks dan berpusatkan peserta kajian. Dalam proses analisis, soalan kajian dikenal pasti sebelum mengumpul data. Kemudian, analisis data dilaksanakan dengan strategi pengkodan dan semak semula kod, pembangunan struktur analisis yang melibatkan rekaan dan penyusunan tema, pelaporan dan interpretasi dapatan (Nicmanis, 2024). Maka, kajian ini menapis maklumat dan memberikan kejelasan yang fokus kepada pengetahuan dan pelaksanaan PBD. Rajah 1 mempamerkan langkah-langkah analisis data refleksif.

Rajah 1
Langkah-langkah Analisis Data Refleksif



(Sumber: Nicmanis, 2024)

Persampelan bertujuan digunakan supaya kumpulan peserta kajian terdiri daripada guru pelatih Bahasa Cina yang telah menyempurnakan dua fasa praktikum. Sejumlah 16 orang peserta kajian menjawab soal selidik. Mereka terdiri daripada 12 (75%) orang peserta perempuan dan 4 (25%) orang peserta lelaki. Kesemua guru pelatih Bahasa Cina dijangka akan ditempatkan di SJKC.

Data juga dikumpul bagi jumlah murid yang diajar bagi kelas Bahasa Cina. Saiz kelas diambil kira oleh guru sebagai faktor yang mempengaruhi keberkesanan PdP (Bilali et al., 2016). Guru yang kurang berpengalaman menunjukkan keupayaan yang rendah untuk mengajar kelas yang besar berbanding dengan guru yang berpengalaman dari segi tempoh keprihatinan pengajaran dan pengurusan (Kim, 2013). Seramai 6 (37.5%) peserta kajian ini melaporkan saiz kelas dengan 26 dan kurang orang murid, manakala 10 (62.5%) mengatakan bahawa kelas Bahasa Cina mereka mempunyai 27 orang murid dan ke atas. Ini menunjukkan bahawa saiz kelas Bahasa Cina yang lebih tinggi dari purata saiz kelas peringkat rendah yang mengambil kira semua sekolah KPM. Trend purata saiz kelas sekolah rendah didapati mengecil dan saiz yang dilaporkan pada tahun 2020 ialah 25.77 orang (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021c).


DAPATAN DAN PERBINCANGAN

PENGETAHUAN TERHADAP PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Pengetahuan guru pelatih Bahasa Cina tentang PBD ditinjau melalui soalan dengan pilihan dan terbuka yang berikut:

- i. Pada pendapat anda, apakah itu PBD?
- ii. Pada pendapat anda, siapakah yang patut bertanggungjawab terhadap proses PBD? (Pilihan: guru sahaja, murid sahaja, guru dan murid bersama) Jelaskan sebab mengikut jawapan anda.
- iii. Sebagai seorang guru, apakah pendapat anda dari segi kepentingan PBD? (Pilihan: penting, tidak penting). Jelaskan sebab mengikut jawapan anda.

Rajah 2
Konsep Pentaksiran Bilik Darjah



Rajah 2 menunjukkan konsep PBD dari persepsi guru pelatih Bahasa Cina. Mereka mempunyai kefahaman yang jelas tentang PBD yang melibatkan kedua-dua pihak berkepentingan dalam PBD iaitu guru dan pelajar. Hasil dapatan kajian ini selari dengan kajian lepas yang melaporkan tahap pengetahuan tinggi dalam kalangan guru dari pelbagai latar belakang (Sh. Siti Hauzimah Wan Omar, 2019; Villasamy & Wan Mohammad, 2023; Nur Sabrina Aiman Mohd Rosszi et al., 2024). Tambahan kepada data yang sedia ada, kajian ini mendedahkan pengetahuan peserta kajian secara mendalam dengan perkataan mereka sendiri. Mereka berpendapat bahawa PBD bertujuan untuk menilai murid secara berterusan dari segi prestasi, akademik, tahap penguasaan terhadap isi kandungan dan kemahiran, keberkesanan pembelajaran tidak kira dalam PdP seharian. Pentaksiran dan penilaian ini dikatakan bertujuan membantu murid untuk mencapai hasil pembelajaran dan meningkatkan kemahiran Bahasa Cina iaitu mendengar, lisan, membaca dan menulis.

Selain itu, PBD dihuraikan sebagai proses mengumpul maklumat tentang pembelajaran murid. Pandangan ini bertepatan dengan pendapat Arumugham (2020) yang menekankan bahawa proses pentaksiran ini adalah untuk mendapatkan maklumat perkembangan dan tahap penguasaan murid-murid. Para guru pelatih Bahasa Cina dalam kajian ini mengenali peranan mereka sebagai guru untuk memberi maklum balas kepada murid selepas meneliti data dan maklumat yang dikumpul dalam PBD. Maklumat PBD ini

dikumpul melalui pentaksiran pelbagai kaedah seperti pemerhatian, kuiz, penulisan, secara lisan dan aktiviti lain. Mereka berpendapat bahawa PBD juga memberi peluang kepada guru untuk menyesuaikan dan menambah baik PdP.

Antara hasil dapatan dari jawapan peserta kajian sendiri adalah seperti yang berikut:


“..... bertujuan untuk melihat perkembangan kemajuan murid dalam pembelajaran di samping membantu guru menambah baik pengajaran mereka.”

“Murid ditaksir melalui pemerhatian, lisan, kuiz, penulisan, dan sebagainya, dan diberi *band* 1 hingga 6 sebagai tahap penguasaan.”

Hasil dapatan ini selari dengan Rasidayanty Saion et al. (2024) yang mendapati pilihan dominan PBD guru dalam pentaksiran untuk pembelajaran. Dalam erti kata lain, Standard Pembelajaran dapat memberi maklum balas tentang pembelajaran murid dan seterusnya membimbing PdP. PBD juga membolehkan guru membuat refleksi tentang kaedah pengajaran perlu dilaksanakan pada masa hadapan (Rasidayanty Saion et al., 2024). Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2019), PBD membantu guru untuk memahami perkembangan murid dan memperbaiki strategi pengajaran mereka dan dijalankan berdasarkan Standard Prestasi.

Rajah 3

Tanggungjawab dan Kepentingan PBD



Rajah 3 menunjukkan pendapat guru pelatih Bahasa Cina mengenai tanggungjawab dan kepentingan PBD.

Analisis data menunjukkan majoriti, iaitu seramai 15 (93.8%) peserta kajian berpendapat bahawa PBD adalah tanggungjawab guru dan murid bersama. Hanya seorang (6.2%) peserta kajian yang berpendapat bahawa tanggungjawab PBD hanya pada guru sahaja. Pada pendapat guru pelatih lelaki ini, guru perlu memahami objektif kurikulum, keperluan pelajar, kaedah mengajar, mencipta instrumen pentaksiran yang berkesan, memberi maklum balas dan menyesuaikan strategi mengajar berdasarkan hasil PBD untuk menggalakkan pembelajaran pelajar. Tiada tanggungjawab murid yang disebut tetapi tanggungjawab guru itu banyak dan berat. Peserta kajian ini telah mengabaikan PBD dalam pembelajaran murid.

Di sebaliknya, interaksi dua hala, kerjasama antara satu sama lain dan pengumpulan maklumat PBD dari sudut yang berbeza menjadi tanggungjawab guru dan murid bersama. Majoriti berpendapat bahawa “murid menjadi lebih aktif dalam pentaksiran”, “tahu tahap pencapaian sendiri dan cuba mengubah cara pembelajaran”, “guru membimbing murid menjalankan penilaian sendiri” dan “guru dapat menambah baik pengajaran mereka”. Interaksi dan refleksi yang berlaku bukan sahaja antara guru dan murid tetapi juga antara murid dengan rakan sekelas mereka. Respon dari seorang guru pelatih perempuan menyatakan peranan murid sebagai penggalak pembelajaran kerana “murid juga boleh menjadi penilai kepada rakan dalam PBD”.

Seterusnya, semua peserta kajian bersepakat bahawa PBD adalah penting. Kepentingan PBD dikenal pasti untuk guru dan murid untuk mengesan kekuatan dan kelemahan masing-masing. Guru disifatkan sebagai “buta” jika tidak tahu sejauh mana pelajar menguasai apa yang dipelajari. Guru berupaya mengambil tindakan seterusnya untuk membimbing murid. Dengan ini, murid dapat memperbaiki diri berdasarkan komen guru.

Hasil dapatan melalui pendapat guru pelatih Bahasa Cina menunjukkan bahawa mereka mempunyai kesedaran yang jelas sekali sebagai guru yang memainkan peranan penting dalam PBD. Kesedaran dan pengetahuan dari segi tanggungjawab yang dipikul dan kepentingan PBD dalam PdP akan mempengaruhi tindakan mereka semasa menjalankan tugas. Sikap positif dan kesediaan untuk melaksanakan PBD akan wujud dalam kalangan guru pelatih ini. Hal ini juga selari dengan tahap kesediaan guru menjalankan PBD yang tinggi (Amatan et al., 2024; Ng et al., 2023).

PELAKSANAAN DAN CABARAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Pelaksanaan PBD uru Bahasa Cina ditinjau dari aspek strategi yang digunakan semasa praktikum dan cabaran yang dihadapi seperti yang berikut:

- iv. Sila senaraikan strategi yang pernah anda guna untuk menjalankan PBD semasa praktikum anda.
- v. Apakah cabaran yang anda hadapi semasa menjalankan PBD?

Rajah 4

Strategi Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah Semasa Praktikum

r



() Jumlah respon dalam kurungan

Strategi PBD yang dilaporkan dalam kajian ini merangkumi kaedah yang disenaraikan di Panduan PBD, iaitu kaedah pentaksiran secara pemerhatian, lisan, penulisan, pentaksiran sendiri dan rakan sebaya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Rajah 4 menunjukkan strategi yang paling banyak dilaporkan iaitu secara lisan, dengan 12 respon. Strategi PBD secara lisan meliputi penggunaan soal jawab dan pembentangan.


Ini diikuti dengan strategi PBD secara penulisan dan pemerhatian, dengan 10 respon masing-masing. PBD secara penulisan meliputi penggunaan instrumen lembaran kerja seperti soalan latihan, peta minda, ejaan, ujian dan sebagainya. Bagi PBD secara pemerhatian pula, senarai semak dan pemerhatian ke atas aktiviti digunakan. Walaupun pelbagai kaedah pentaksiran yang dilaporkan dalam pelaksanaan PBD, tetapi kaedah pemerhatian, penulisan dan lisan tetap menjadi pilihan yang paling biasa digunakan (Ho, 2022; Mustaqim Roslan, 2024).

Kaedah pentaksiran lain yang kurang digunakan adalah kaedah pentaksiran rakan sebaya dan pentaksiran sendiri. Respon pentaksiran rakan sebaya mencatatkan 4 respon dengan penggunaan borang maklum balas. Strategi yang paling kurang dilaporkan ialah pentaksiran sendiri, dengan 2 respon sahaja. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa guru pelatih Bahasa Cina telah

mengabaikan strategi PBD berasaskan projek kerana strategi ini tidak dilaporkan langsung. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan strategi pentaksiran selain daripada pemerhatian, penulisan dan lisan masih perlu ditingkatkan dalam PBD untuk pentaksiran yang menyeluruh.

Rajah 5

Cabaran Pelaksanaan PBD Semasa Praktikum



() Jumlah respon dalam kurungan

Rajah 5 menunjukkan empat kategori cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih Bahasa Cina. Cabaran utama ialah kekangan masa, dengan rekod 6 respon. Hasil dapatan ini selari dengan kajian-kajian lepas yang dijalankan dalam kalangan guru sekolah (Amatan et al., 2024; Ho, 2022). Antara sebab kekangan masa yang diberi oleh peserta kajian ini termasuk tugas yang terlalu banyak dalam proses PdP, pengurusan bilik darjah yang lemah dan banyak masa diperlukan untuk pentaksiran yang pelbagai.

Cabaran yang mencatatkan respon yang sama banyak adalah kemahiran guru melaksanakan PBD yang lemah. Peserta kajian menyatakan ketidakmampuan untuk melaksanakan PBD secara menyeluruh ke atas kesemua murid dalam kelas pada masa yang sama. Hal ini kerana mereka yang kurang berpengalaman masih tidak dapat menguasai PBD dengan baik. Tambahan pula, lebih dari separuh kelas Bahasa Cina yang bilangannya melebihi purata saiz kelas seluruh negara juga berpotensi merumitkan PBD (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021c; Bilali et al., 2016). Mereka juga tidak mampu memberi maklum balas yang tepat kepada setiap

murid, kurang mahir untuk menilai murid, hanya dapat mengguna kaedah PBD yang sama dan tidak jelas dengan tahap pencapaian murid.

Cabaran seterusnya adalah masalah murid, dengan 4 respon. Sikap murid tidak memberi kerjasama, pasif dan tidak bermotivasi adalah masalah susah ditangani oleh kumpulan guru pelatih yang masih menjalani praktikum. Bukan ini sahaja, peserta kajian berpendapat bahawa terdapat murid yang tidak jujur ketika menjalankan pentaksiran dua hala yang melibatkan rakan sebaya. Mereka cenderung memberi markah yang tinggi kepada rakan kerana bimbang untuk menyinggung perasaan, yang akhirnya menjejaskan keberkesanan pentaksiran. Penilaian yang subjektif akan menimbulkan keraguan terhadap kejituan pentaksiran yang dijalankan. Hal ini bukan sahaja berlaku dalam kes pentaksiran antara murid, tetapi masalah yang sama berlaku bagi guru yang menjalankan pentaksiran. Mustaqim Roslan (2024) mendapati bahawa PBD melalui pemerhatian, lisan dan penulisan yang dikendalikan oleh guru sendiri adalah subjektif dan wujud ketidakadilan.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa meskipun guru pelatih mempunyai pengetahuan mengenai konsep PBD, cabaran dan kekangan dalam pelaksanaan sebenar masih besar. Ini seolah-olah bertentangan dengan hasil kajian yang menyatakan bahawa tahap kemahiran guru pelatih dalam pelaksanaan PBD adalah tinggi (Nur Hidayah Che Fadzil, 2021; Zahari Suppian et al., 2020). Namun, perbezaan ini bukan disebabkan oleh tahap pengetahuan atau kemahiran semata-mata, faktor persekitaran dan kemampuan untuk menerapkan pengetahuan tersebut secara berkesan dalam situasi sebenar juga perlu diambil kira.

IMPLIKASI KAJIAN

Berdasarkan hasil kajian ini, beberapa implikasi penting dapat dikenalpasti untuk pelaksanaan PBD yang lebih efektif. Pertama, implikasi kajian ini mencadangkan bahawa IPGM perlu menawarkan program latihan guru yang memberi tumpuan kepada aspek praktikal pelaksanaan PBD. PBD perlu dijadikan salah satu komponen yang ditekankan dalam praktikum. Latihan yang lebih komprehensif dalam aspek strategi pentaksiran yang efektif juga perlu diberikan untuk meningkatkan kesediaan guru pelatih dalam menghadapi realiti tugas di sekolah kelak.

Justeru, implikasi kepada sistem PBD dan kebolehan guru dalam proses pelaksanaannya. PBD perlu disemak semula dan ditambah baik dari segi kaedah pentaksiran dan penentuan Standard Prestasi. Kaedah pentaksiran yang digunakan seharusnya bersesuaian dengan penentuan tahap penguasaan seseorang murid secara efektif dan adil. Kebolehan guru pelatih mengatasi cabaran dan melaksanakan PBD dengan berkesan adalah penting untuk memastikan PdP yang berkualiti.

Implikasi kepada pihak sekolah dalam usaha menyediakan sumber yang mencukupi dan panduan berterusan untuk membantu guru pelatih melaksanakan PBD secara lebih berkesan. Inisiatif untuk mewujudkan Komuniti Pembelajaran Profesional dalam kalangan guru dengan guru pelatih juga wajar dilaksanakan untuk menggalakkan perkongsian ilmu dan pengalaman antara rakan sekerja yang boleh meningkatkan kualiti PBD.

KESIMPULAN

Kajian ini telah memberi gambaran yang jelas tentang pengetahuan dan pelaksanaan PBD dalam kalangan guru pelatih Bahasa Cina semasa praktikum. Secara keseluruhannya, walaupun guru pelatih memahami konsep dan matlamat PBD, pelaksanaannya masih penuh dengan pelbagai cabaran.

Kajian ini menegaskan kepentingan PBD sebagai elemen penting dalam pendidikan yang bukan sahaja menilai aspek kognitif murid tetapi juga membantu dalam pembangunan holistik murid yang melibatkan aspek rohani, jasmani, emosi, dan sosial. Dengan adanya

latihan dan sokongan yang mencukupi, guru pelatih mampu melaksanakan PBD dengan lebih berkesan, seterusnya menyumbang kepada kualiti pengajaran yang lebih baik dan pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna untuk murid-murid. Hasil kajian ini diharap dapat menambah eviden dan ilmu empirikal dalam penyelidikan PBD dan memberi sumbangan kepada usaha untuk memperbaiki sistem latihan guru serta pelaksanaan PBD di sekolah.

Kajian ini mencadangkan beberapa kajian lanjutan yang dapat memperluas pemahaman dan memperbaiki pelaksanaan PBD. Pertama, kajian longitudinal boleh dilaksanakan untuk meninjau amalan pelaksanaan PBD oleh guru baharu selepas penempatan, khususnya dalam tempoh tiga tahun pertama perkhidmatan mereka. Kajian ini seharusnya mengenal pasti cabaran yang dihadapi serta bentuk sokongan yang disediakan di peringkat sekolah. Kedua, kajian mengenai hubungan antara saiz kelas dan keberkesanan PBD boleh dijalankan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji bagaimana saiz kelas mempengaruhi pendekatan pentaksiran dan keberkesanan pelaksanaan PBD, serta mencadangkan strategi pengurusan kelas yang dapat meningkatkan keberkesanan proses PdP.

RUJUKAN

- Amatan, M.A., Raimin, F., Paidal, M., & Majid, D.F. (2024). Penilaian Tahap Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Tebobon Kota Kinabalu Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 9 (55), 378-391. DOI 10.35631/IJEPC.955025
- Arumugham, K.S. (2020). Curriculum, Teaching and Assessment in The Perspective of Classroom Assessment. *Asian People Journal*, 3(1), 152-161. DOI: <https://doi.org/10.37231/apj.2020.3.1.175>
- Bernama. (2022, Ogos 9). UPSR, PT3 tidak akan dikembalikan. *My Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/08/869856/upsr-pt3-tidak-akan-dikembalikan>

- Bernama. (2024, Oktober 19). Pemansuhan PT3, UPSR: Dasar pendidikan perlu dirombak – Zahid. *Malaysia Gazette*. [https://malaysiagazette.com/2024/09/15/pemansuhan-pt3-upsr-dasar-pendidikan-perlu-dirombak-zahid/#:~:text=Ujian%20Pencapaian%20Sekolah%20Rendah%20\(UPSR,Pentaksiran%20Berasaskan%20Sekolah%20\(PBS\).](https://malaysiagazette.com/2024/09/15/pemansuhan-pt3-upsr-dasar-pendidikan-perlu-dirombak-zahid/#:~:text=Ujian%20Pencapaian%20Sekolah%20Rendah%20(UPSR,Pentaksiran%20Berasaskan%20Sekolah%20(PBS).)
- Bilali, E., Lezha, E., & Kroni, M. (2016). The Perception and Attitudes of Teachers Towards Class Sizes in Secondary Schools. *Academic Journal of Interdisciplinary Studies*, 5(3), 132-136.
- Braun, V., & Clarke, V. (2012). Thematic Analysis. In: Cooper, H., Camic, P.M., Long, D.L., Panter, A.T., Rindskopf, D., Sher, K.J. (eds.) *APA Handbook of Research Methods in Psychology, Research Designs*, vol. 2, pp. 57–71. American Psychological Association
- Byrne, D. (2022). A Worked Example of Braun and Clarke's Approach to Reflexive Thematic Analysis. *Qual Quant*, 56, 1391–1412. <https://doi.org/10.1007/s11135-021-01182-y>
- Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia. (2018, Disember 20). *Laporan Gambaran Menyeluruh Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) di Sekolah Rendah Cina*. <https://jjiaozong.org.my/v3/index.php/>
- Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia. (2020, Mei 3). *Laporan Kerja Pengajaran Dalam Talian di Sekolah Rendah Cina, Pembatalan Peperiksaan UPSR dan Penyambungan Semula Sekolah*. <https://jjiaozong.org.my/v3/index.php/>
- Ho, P.Y. (2022). A Preliminary Study on Chinese Language Classroom Assessment in Chinese Primary School: Teachers' Perspectives, Practices and Challenges. *Journal of Education and Teaching*, 4(1). DOI: 10.6994/JET.202106_4(1).0000
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Cina Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Tahun 1*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021a). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Cina Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Tahun 6*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021b). *Kajian Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (Pbd) Sekolah Rendah*. Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://www.moe.gov.my/assets/images/Laporan%20%20Kajian%20Pelaksanaan%20PBD.pdf>

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021c). *Buku Indikator Trend Pendidikan Malaysia*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kim, H.Y., Oh, J.I., & Baek, J.H. (2013). Analysis of Different Class Sizes on Teaching Behaviors of Experienced and Novice Teachers. *The ICHPER.SD Asia Journal of Research*, 5(2), 73-83.
- Mor Eddin Mortada. (2020). *Kaedah Penyelidikan Dalam Pendidikan* (monograph). IAB Institutional Repository. <http://eprints.iab.edu.my/v2/970/>
- Mustaqim Roslan, M. (2024). Kaedah Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan Kesannya Kepada Murid Tahun Satu: Analisis Subjek Pendidikan Islam. *International Journal of Islamic and Civilization Studies*, 11(1), 63-78. DOI: <https://doi.org/10.11113/umran2024.11n1.678>
- Ng, P.J., Saemah Rahman, & Shahlan Surat. (2023). Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Kesianaan Guru terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5), e002339. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i5.2339>
- Nicmanis, M. (2024). Reflexive Content Analysis: An Approach to Qualitative Data Analysis, Reduction, and Description. *International Journal of Qualitative Methods*, 23, 1-12. DOI: 10.1177/16094069241236603
- Noorazura Abdul Rahman. (2024, September 17). Peperiksaan UPSR, PT3 wajar dikembalikan – Bekas menteri pendidikan. *My Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1134813/peperiksaan-upsr-pt3-wajar-dikembalikan-bekas-menteri-pendidikan>
- Nur Hidayah Che Fadzil. (2021). Tahap Penguasaan Guru Pelatih Tentang Pentaksiran Bilik Darjah: Kajian Semasa Praktikum. *Jauhari*, 1(3), 68-79.
- Nur Sabrina Aiman Mohd Rosszi, Loo, S.J., Nur Athirah Hamizah Yahya, & Nor Farahin Abdul Manaf. (2024). Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 14(1), 19-37.
- Pratt, D. (1980). *Curriculum: Design and Development*. Harcourt Brace Jovanovich.
- Rosnah@Nining Sidek, & Bustam Daman. (2022). Pelaksanaan PBD dalam PdPR: Suatu Cabaran Buat Guru. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 20(2), 1-21.
- Sh. Siti Hauzimah Wan Omar. (2019). Pengetahuan, Kemahiran, Sikap dan Masalah Guru dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik

- Darjah Bahasa Melayu di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9 (3), 56-67.
- Tan, J.Y., & Husaina Banu Kenayathulla. (2020). Pentaksiran Bilik Darjah dan Prestasi Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Hulu Langat, Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 7(3), 70-90.
- Villasamy, P.K., & Wan Mohammad, W.M.R. (2023). Tahap Kefahaman, Kemahiran dan Sikap Guru Bahasa Melayu dalam Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) di Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 544-559.
- Yong, M., & Anuar Abd. Rahman. (2014). Kompetensi Dimiliki Guru Pelatih Prasekolah di Institut Pendidikan Guru. *First International Education Postgraduate Seminar Proceedings Vol. 2: Innovation and Challenge for Education Sustainability*, 808-824.
- Zahari Suppian, Nor Hasnida Che Md Ghazali, Nor Junainah Mohd Isa, & Govindasamy, P. (2020). Penilaian Kendiri Guru Pelatih Terhadap Tahap Kemahiran Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(4), 98-106.

PENGLIBATAN AKTIVITI SUKARELAWAN DALAM KALANGAN PELAJAR CINA DI SEBUAH IPG PULAU PINANG

Chong Fatt Way¹
Jabatan Hal Ehwal Pelajar,¹
Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun
chongfattway@gmail.com¹

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menentukan tahap penghayatan pelajar Cina IPGMKTB berdasarkan tiga konstruk penghayatan iaitu tahap penglibatan, persepsi dan amalan. Kajian dilakukan di IPGMKTB yang melibatkan sampel seramai 42 responden berumur antara 20 hingga 22 tahun. Responden diberikan soal selidik untuk menjawab persoalan kajian ini. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan. Hasil kajian menunjukkan tahap penglibatan pelajar Cina dalam aktiviti kesukarelawan sebelum memasuki institusi ini ialah pada tahap sederhana. Dapatan penglibatan, persepsi dan pengetahuan am mengenai aktiviti sukarelawan mereka juga pada tahap sederhana juga. Ini memberi gambaran bahawa pelajar tidak diberikan pendedahan dan peluang untuk terlibat dalam aktiviti sukarelawan semasa di sekolah. Responden sangat teruja dengan program kesukarelawan sekiranya mereka diberi kefahaman kepentingan untuk terlibat secara langsung. Oleh itu, berdasarkan hasil kajian dapat disimpulkan bahawa pelajar Cina di IPGMKTB mempunyai banyak peluang untuk melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan. Namun begitu, data yang diperolehi menunjukkan bahawa mereka tidak memanfaatkan peluang yang ada, menyebabkan kadar penglibatan dalam kalangan pelajar Cina di IPGMKTB kekal rendah. Pemahaman kepentingan aktiviti sukarelawan perlu diberikan seluas-luasnya kepada para pelajar Cina agar mereka lebih matang dan secara tidak langsung dapat meningkatkan keyakinan serta jati diri sebagai seorang guru permulaan yang berdaya saing.

Kata Kunci: Penglibatan, persepsi, amalan, aktiviti kesukarelawanan

Abstract

This study aims to determine the level of appreciation of Chinese students of IPGKTB based on three appreciation constructs, namely the level of involvement, perception and practice. The study was conducted at IPGMKTB involving a sample of 42 respondents aged between 20 and 22 years. Respondents were given a questionnaire to answer the research questions. This study uses a survey method. The results of the study show that the level of involvement of Chinese students in volunteer activities before entering this institution is at a moderate level. Findings of involvement, perception and general knowledge about their volunteer activities are also at a moderate level as well. This gives the impression that students are not given the exposure and opportunity to be involved in volunteer activities while at school. Respondents are very excited about volunteering programs if they are given an understanding of the importance of being directly involved. Therefore, based on the results of the study, it can be concluded that Chinese students at IPGMKTB have many opportunities to engage in volunteering activities. However, the data obtained shows that they do not take advantage of the opportunities available, causing the engagement rate among Chinese students at IPGMKTB to remain low. An understanding of the importance of volunteer activities needs to be given as widely as possible to Chinese students so that they are more mature and can indirectly increase their confidence and identity as a competitive beginning teacher.

Keywords: Involvement, perception, practice, volunteer activities

PENGENALAN

Pelajar di Institut Pendidikan Guru Malaysia memainkan peranan yang penting terhadap pembangunan masyarakat serta menjadi contoh yang terbaik kepada anak murid. Sebagai seorang yang memberi teladan, bakal guru harus menjadi contoh terbaik kepada murid serta masyarakat setempat. Penglibatan pelajar dalam aktiviti sukarelawan mampu melahirkan pelajar yang prihatin terhadap isu-isu sosial yang wujud dalam kalangan masyarakat. Menurut kajian yang dijalankan oleh Mabry (2018), Pelajar IPGM yang terlibat dengan aktiviti yang berkaitan dengan sukarelawan dikenalpasti mempunyai perubahan yang ketara daripada aspek nilai sosial yang dimiliki oleh mereka. Perubahan nilai sosial ini adalah hasil dari pengalaman mereka berkomunikasi dengan pelbagai lapisan masyarakat semasa

menjalankan aktiviti sukarelawan berbanding dengan pelajar yang tidak pernah melibatkan diri dengan sebarang aktiviti sukarelawan. Ini disokong oleh Astin & Sax (2018), di mana selain daripada rasa tanggungjawab membantu masyarakat yang memerlukan, penglibatan dalam aktiviti sukarelawan memberi impak yang positif terhadap pencapaian mahasiswa dalam kurikulum dan juga ko-kurikulum. Selain daripada itu, mahasiswa juga mempunyai disiplin diri yang tinggi, berkeyakinan dan bijak mengurus masa hasil dari penglibatan mereka dalam aktiviti sukarelawan (Haski-Leventhal et.al., 2018).

Berdasarkan Wan Nur Izzati (2015) menerangkan penglibatan seseorang individu dalam sukarelawan membolehkan segala pengetahuan yang dipelajari terutama berkaitan nilai-nilai murni dapat diaplikasikan sekaligus memberikan sesuatu yang berharga dan bermakna kepada masyarakat. Pelajar IPG sepatutnya mempunyai daya penggerak di dalam dirinya untuk melakukan aktiviti-aktiviti sukarelawan tertentu untuk mencapai suatu tujuan. Sehubungan itu, aktiviti sukarelawan dapat mempertingkatkan nilai moral seseorang pelajar IPG. Ahmad Sabry dan Mohd. Shukeri (2019) turut memberi penekanan agar pelajar di IPG diberikan pendedahan kepada satu set kemahiran sosial di luar kelas bagi melahirkan guru permulaan yang berkepimpinan tinggi. Aktiviti sukarelawan merupakan suatu aktiviti sumber manusia yang penting dalam kebanyakan organisasi untuk menghasilkan sesebuah kejayaan (Bang, Won & Kim, 2009).

Musick & Wilson (2003) dalam kajiannya pula mendapati bahawa penglibatan seseorang individu dengan aktiviti sukarelawan boleh membawa kesan positif dalam diri seseorang individu berkenaan. Ini kerana ia secara tidak langsung membantu meningkatkan kesejahteraan fizikal mereka, membentuk jaringan sosial yang lebih luas dan seterusnya membantu menyelesaikan isu-isu sosial yang wujud dalam kalangan masyarakat. Memandangkan aspek-aspek yang berkaitan dengan kesukarelawan dalam kalangan pelajar Cina IPGKTB mampu memberi nilai tambah ke arah pembentukan peribadi dan sahsiah yang positif, maka kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti penglibatan dan motivasi pelajar Cina IPGKTB terhadap aktiviti sukarelawan. Hasil kajian mampu menyediakan maklumat asas kepada pihak pentadbir di IPG dalam merangka program sukarelawan yang boleh menarik minat pelajar Cina untuk terus memberi khidmat masyarakat kepada komuniti yang memerlukan. Memandangkan kumpulan pelajar Cina amat mengambil berat akademik dan tidak memandang berat terhadap aktiviti sukarelawan.

PERNYATAAN MASALAH

Melihat kepada kajian lepas, didapati bahawa kesukarelawan memiliki tiga gabungan penting, iaitu kerja sukarela, sukarelawan dan sektor sukarela (Azizan, 2015). Kerja sukarela yang dimaksudkan adalah khidmat atau aktiviti yang dijalankan tanpa mengharapkan sebarang ganjaran. Manakala sukarelawan pula didefinisikan sebagai individu atau kelompok manusia yang melakukan kegiatan sukarela dan sektor sukarela adalah organisasi sukarela yang meliputi jaringan, pergerakan dan sebagainya.

Terdapat kajian lampau yang mempunyai beberapa kekurangan yang perlu ditambahbaik dalam kajian ini. Tambahan lagi, kajian-kajian lampau kurang memfokuskan kepada guru pelatih Cina di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Hal ini kerana , kebanyakan kajian lepas lebih bertumpukan kepada mahasiswa di universiti-universiti tempatan seperti kajian yang dilaksanakan oleh Aminudin et al. (2017) dan Jaafar et al. (2022).

Jadi, pengkaji ingin mengambil peluang ini untuk mengkaji penglibatan sukarelawan terhadap guru pelatih Cina. Selain daripada itu, kajian dari luar negara juga tidak memfokuskan kajian terhadap guru pelatih, seperti kajian yang dijalankan oleh Bastien (2015). Hanya tertumpu kepada pelajar sekolah tinggi dan penuntut universiti mengenai motif penglibatan sukarelawan. Lantaran itu, pengkaji ingin mengkaji penglibatan pelajar Cina dalam aktiviti sukarelawan dalam IPGM Kampus tuanku Bainun

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui penglibatan pelajar Cina IPGKTB dalam aktiviti sukarelawan.
2. Mengetahui persepsi pelajar Cina IPGKTB dalam aktiviti sukarelawan.

Soalan kajian ini adalah:

1. Sejauhmanakah penglibatan pelajar Cina IPGKTB dalam aktiviti sukarelawan.
2. Apakah persepsi pelajar Cina IPGKTB dalam aktiviti sukarelawan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan menggunakan kaedah tinjauan keratan-lintang (cross-sectional survey) berbentuk kuantitatif dan dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif. Menurut Malhotra, Sham, & Crsip (1996), reka bentuk keratan-lintang melibatkan kaedah pengumpulan data terhadap satu jenis sampel daripada populasi yang dikaji secara sekali sahaja berdasarkan kepada atribut responden yang sedia ada. Manakala, analisis deskriptif merupakan statistik yang digunakan untuk menghuraikan ciri-ciri variable (Chua,2006). Analisis deskriptif seperti frekuensi, min, mod, median, peratusan dan sisihan piawai digunakan untuk mencapai objektif kajian.

Kajian menggunakan instrumen soal selidik untuk mengukur objektif kajian yang telah disahkan kebolehpercayaannya. Nilai kebolehpercayaan untuk kajian ini adalah memuaskan iaitu 0.627. Dalam kajian ini, pemboleh ubah bersandar terdiri daripada penglibatan pelajar Cina IPGMKTB dalam aktiviti sukarelawan. Instrumen soal selidik ini terbahagi kepada 3 bahagian, iaitu bahagian A : Penglibatan pelajar Cina dalam aktiviti sukarelawan. Bahagian B: Persepsi pelajar Cina IPGKTB dalam aktiviti sukarelawan. Dan Bahagian C: Maklum balas pelajar Cina dalam aktiviti sukarelawan.

Soal selidik yang diedarkan adalah dalam bentuk Google Forms dan tujuan kajian dihantar melalui aplikasi Whatsapp kepada 37 pelajar Pengajian Cina dan 5 pelajar Pengajian Inggeris bagi meminta izin mereka untuk mengisi soal selidik yang telah disediakan. Perkara ini dikukuhkan lagi dengan kenyataan yang dinyatakan oleh Siti Fatimah & Siti Hasmiza (2018) yang menyatakan bahawa kaedah pengumpulan data melalui soal selidik sesuai digunakan untuk mengumpulkan data yang mempunyai perkaitan dengan sikap, persepsi dan pandangan selain daripada keterangan latar belakang responden atau sampel.

Bagi tujuan kajian ini, seramai 42 pelajar Cinaambilan Ogos 2021 – Julai 2026 dijadikan sampel kajian. Jumlah pelajarambilan Ogos 2021 – Julai 2026 di IPGKTB ialah seramai 185 orang , antaranya 37 orang pelajar Cina daripada Jabatan Pengajian Cina dan 5 orang pelajar Cina daripada Pengajian Inggeris. Jumlah pengambilanambilan Ogos 2021 ini hanya mempunyai 42 orang pelajar Cina. Maka seramai 42 orang responden telah menyertai kajian ini. Daripada jumlah tersebut seramai 7 orang atau 17% responden adalah lelaki dan 35 orang atau 83% responden adalah perempuan. Jumlah opsyen yang terlibat ialah dua opsyen sahaja, iaitu Pengajian Cina dan Pengajian Inggeris. 37 orang daripada Pengajian Cina dan 5 orang daripada Pengajian Inggeris.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian A mengandungi 6 soalan yang menggunakan ujian signifikan untuk menjawab. Dapatan kajian ditunjukkan dalam jadual 1 di bawah:

Jadual 1

Penglibatan Aktiviti Sukarelawan Pelajar Cina IPGKTB

BAHAGIAN A : PENGLIBATAN KESUKARELAWAN		N	%	
1	Adakah anda pernah terlibat dengan program kesukarelaan di peringkat sekolah?	Ya	32	76.2
		Tidak	10	23.8
2	Apakah yang anda faham berkenaan dengan kesukarelaan?	Kerja kemasyarakatan	17	40.5
		Kerja tanpa ganjaran/bayaran	6	14.3
		Kerja yang dilakukan dengan sukarela	19	45.2
3	Apakah tahap penglibatan tertinggi anda dalam program kesukarelaan?	Kebangsaan	2	4.8
		Negeri	3	7.1
		Daerah	2	4.8
		Sekolah	15	35.7
		Kelab/ Persatuan	10	23.8
		Komuniti kejurangan	10	23.8
4	Siapakah yang mendorong anda terlibat dalam aktiviti sukarelawan?	Rakan	14	33.33
		Diri sendiri	20	47.6
		Ibu bapa	0	0
		Pensyarah	1	2.4
		Adik beradik	0	0
		Media	0	0
		Diwajibkan oleh IPG	4	9.5
		Merit kolej kediaman	0	0
		Lain-lain	3	7.1

	Tidak berkenaan	0	0
5 Apakah faktor yang mendorong anda untuk menyertai aktiviti sukarelawan?	Minat	15	35.7
	Kepuasan hidup	3	7.1
	Kesedaran diri	9	21.4
	Pengiktirafan (mendapatkan sijil)	6	14.3
	Membantu keterampilan diri	5	11.9
	Lain-Lain	4	9.5
6 Apakah faktor yang difikirkan oleh anda yang menyebabkan pelajar Cina IPG tidak terlibat dengan badan sukarela?	Tiada maklumat	6	14.6
	Tidak berminat	8	19.5
	Tiada masa	16	39.0
	Beban akademik yang padat	11	26.8

Dapatan jadual bagi penglibatan aktiviti sukarelawan ini telah menunjukkan 76.2% daripada responden telah terlibat dalam aktiviti sukarela sebelum mereka mendaftar diri sebagai pelajar IPGKTB lagi. Berdasarkan kefahaman mereka kepada definis kesukarelaan seramai 45.2% menyatakan kesukarelaan adalah kerja yang dilakukan secara sukarela dan selebihnya menyatakan bahawa kesukarelaan ialah kerja kemasyarakatan dan kerja tanpa ganjaran atau bayaran. Apabila ditanya peringkat tertinggi penglibatan pelajar dalam kegiatan kesukarelaan, 35.7% pelajar melibatkan diri dalam aktiviti sukarela setakat di peringkat sekolah sahaja. Yang melibatkan diri sehingga peringkat kebangsaan, negeri dan daerah ialah sebanyak 16.7%. Seterusnya sebanyak 47.6% menyatakan mereka terlibat dengan kegiatan kesukarelaan adalah atas dorongan diri sendiri diikuti 33.3% adalah didorong oleh rakan. Sebanyak 9.5% ialah program yang diwajibkan oleh pihak IPGKTB. Mengapa mereka melibatkan diri dalam kegiatan kesukarelaan ini, 35.7% responden menjawab adalah minat. 21.4% menyatakan datang dari kesedaran diri, 14.3% disebabkan untuyk mendapat ganjaran berupa sijil atau cenderamata. Selebihnya dipengaruhi oleh faktor penampilan diri dan kepuasan hidup. Bagi menjawab persoalan mengapa pelajar kurang melibatkan diri dalam kegiatan kesukarelaan ialah 26.8% menyatakan beban akademik yang padat menyebabkan mereka kurang terlibat dengan kesukarelaan.

Selain dari itu, 19.5% menyatakan tidak berminat, 14.6% tiada maklumat dan 3.9% tiada masa. Jelas di sini bahawa, beban akademik merupakan faktor penyumbang kepada ketidakterlibatan pelajar Cina IPGKTB dalam kegiatan kesukarelaan di kampus. Peratusan ini memperlihatkan sesuatu yang perlu diambil berat kerana

untuk menjadi seorang guru yang berjiwa pendidik, pelajar haruslah mempunyai semangat dan jati diri yang tinggi di mana hal ini perlu dipupuk terutamanya melalui aktiviti-aktiviti sukarela dan peratusan ini dapat menggambarkan jiwa kesukarelaan di kalangan responden masih kurang memuaskan. Mereka terlibat kerana terpaksa dan bukannya benar-benar datang daripada minat atau dari hati kecil mereka sendiri.

Walaupun pemahaman terhadap konsep penglibatan dalam aktiviti kesukarelaan sebanyak 45.2% bahawa kesukarelaan adalah kerja yang dilakukan dengan sukarela sebenarnya responden lebih kepada situasi 'paksarela' jika kita amati peratusan dorongan penlibatan mereka dalam kegiatan kesukarelaan iaitu 9.5% menyatakan mereka menjadi sukarelawan hanya kerana diwajibkan oleh pihak kampus dan untuk mendapatkan pengiktirafan (mendapatkan sijil) sahaja. Terdapat juga faktor lain yang menjadi penyebab pelajar Cina IPGKTB kurang melibatkan diri dalam aktiviti sukarela. Walaupun faktor beban akademik yang padat sebanyak 26.8% dan tiada masa 39% juga perlu dipertimbangkan. Faktor-faktor penyebab ini perlu diberi perhatian yang serius agar kemenjadian insan guru berjiwa pendidik dapat dilahirkan dengan cemerlang di IPGKTB.

Bahagian B ialah persepsi pelajar Cina terhadap aktiviti kesukarelaan. Dalam bahagian ini mengandungi 17 soalan yang menggunakan skala likert 5 mata. Dapatan kajian ditunjukkan dalam jadual 2 di bawah :

Jadual 2

Persepsi Pelajar Cina Terhadap Aktiviti Sukarelawan

IT E M	SOALAN	SKALA									
		1		2		3		4		5	
		N	%	N	%	N	%	N	%	N	%
1	Lebih bertanggungjawab	2	4.8	0	0	3	7.1	17	40.5	20	47.6
2	Tingkatkan keyakinan diri	2	4.8	1	2.4	7	16.7	18	42.8	14	33.3
3	Tingkatkan kemahiran komunikasi	2	4.8	1	2.4	2	4.8	17	40.5	20	47.6
4	Tingkatkan keprihatinan kepada orang lain	1	2.4	0	0	7	16.7	20	47.6	14	33.3
5	Tingkatkan peluang pekerjaan	2	4.8	7	16.7	10	23.8	16	38.1	7	16.7
6	Meluaskan pergaulan sosial dan kenalan	1	2.4	2	4.8	6	14.3	16	38.1	17	40.5
7	Tingkatkan motivasi diri	2	4.8	0	0	8	19.0	17	40.5	15	35.7
8	Menambah ilmu pengetahuan	2	4.8	0	0	2	4.8	21	50.0	17	40.5
9	Kesukarelawan sebagai subjek kokurikulum	1	2.4	8	19.0	4	33.3	13	31.0	6	14.3
10	Aktiviti sukarela di IPGM	1	2.4	5	11.9	3	31.0	17	40.5	6	14.3
11	Galakan keluarga ceburi kesukarelaan	2	4.8	1	2.4	4	33.3	17	41.5	8	19.0
12	Galakan kawan ceburi kesukarelaan	3	7.1	3	7.1	9	21.4	19	45.2	8	19.0
13	Terus melibatkan diri selepas pengajian	2	4.8	3	7.1	5	35.7	14	33.3	8	19.0
14	Lakukan aktiviti sukarelawan tanpa ganjaran	13	31.0	13	31.0	5	11.9	6	14.3	5	11.9
15	Sedia	3	7.1	1	2.4	1	33.3	14	33.3	10	23.8

	menyertai aktiviti sukarelawan					4					
16	Aktiviti kesukarelawan patut diwajibkan	5	11.9	7	16.7	18	42.9	8	19.0	4	9.5
17	Memberi pendedahan kepada keusahawanan	2	4.8	1	2.4	8	19.0	17	40.5	14	33.3

Dari sudut persepsi pelajar Cina IPGKTB terhadap aktiviti sukarelawan pula, ramai yang sangat bersetuju dan setuju bahawa keterlibatan mereka dalam aktiviti sukarelawan ini mampu menjadikan mereka lebih bertanggungjawab (88.1%), meningkatkan keyakinan diri (76.1%), meningkatkan kemahiran komunikasi (88.1%), meningkatkan keprihatinan kepada orang lain (80.9%), meningkatkan peluang pekerjaan (54.8%), meluaskan pergaulan sosial dan kenalan (78.6%), meningkatkan motivasi diri (76.2%), menambahkan ilmu pengetahuan (90.5%), Aktiviti kesukarelaan sebagai subjek kokurikulum (45.3%), aktiviti sukarelawan di IPGM (54.8%), galakkan keluarga ceburi aktiviti sukarelawan (59.5%), galakkan kawan menceburi aktiviti kesukarelawan (64.2%), terus melibatkan diri selepas pengajian (52.3%), lakukan aktiviti kesukarelawan tanpa ganjaran (26.2%), bersedia menyertai aktiviti kesukarelawan (57.1%), Aktiviti kesukarelawan patut diwajibkan (28.5%), dan memberi pendedahan kepada keusahawanan (73.8%).

Kesimpulan ini menunjukkan kebanyakan dari pelajar Cina IPGKTB masih tidak mempunyai kesedaran tentang kebaikan dalam melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawan. Ini dibuktikan dengan 71.5% responden menyatakan mereka tidak bersetuju program kesukarelawan diwajibkan ke atas pelajar. Penolakan mereka adalah mungkin kerana faktor beban akademik yang padat dan kekurangan masa untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukarela. Hal ini perlu diperhalusi lagi dan beban akademik tidak patut menjadi faktor utama supaya mereka tidak melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawan.

Bahagian C ini mengandungi 5 soalan yang menggunakan ujian signifikan untuk menjawabnya. Dapatan kajian ditunjukkan dalam jadual 3 di bawah:

Jadual 3

Maklum Balas Pelajar Cina Terhadap Aktiviti Sukarelawan

BAHAGIAN C : MAKLUM BALAS AKTIVITI SUKARELAWAN		N	%	
1	Pada pendapat anda, apakah sumber yang paling berkesan untuk menyampaikan maklumat tentang aktiviti sukarela?	Media sosial	23	54.8
		NGO	5	11.9
		Organisasi/ IPG/IPT	2	4.8
		Rakan/ saudara-mara	8	19.0
		Risalah	0	0
		Lain-lain	4	9.5
2	Pada pendapat anda, siapakah peranan utama dalam usaha memupuk semangat sukarela?	Diri sendiri	29	69.0
		Jabatan dan unit	1	2.4
		Jabatan Hal Ehwal Pelajar	1	2.4
		Keluarga	4	9.5
		Kerajaan	7	16.7
		NGO	0	0
		Pemimpin setempat	0	0
		Pengurusan tertinggi IPG/IPT	0	0
		Lain-lain	0	0
		3	Apakah aktiviti sukarela yang anda minati?	Agama
Alam sekitar	10			23.8
Bencana alam	1			2.4
Keusahawan	1			2.4
Pendidikan dan latihan	4			19.5
Penyelidikan				
Pusat Jagaan / Rumah	0			0
Kebajikan / Rumah	1			2.4
Perlindungan				
Sosial dan kebudayaan	7			16.7
Sukan dan rekreasi	8			19.0
Lain-lain	3	7.1		
4	Apakah kumpulan sasaran yang anda minati untuk didekati dan bekerja secara sukarela?	Gelandangan	1	2.4
		Kanak-kanak / Anak yatim	18	42.9
		Orang kurang upaya / kelainan upaya	2	4.8
		Pusat-pusat keagamaan	7	16.7
		Remaja / Belia	13	31.0
		Warga emas / rumah jagaan warga emas	1	2.4
		Lain-lain	0	0
5	Adakah anda bersedia untuk menjadi sukarelawan	Ya	31	73.8
		Tidak	11	26.2

Hasil kajian yang tentang maklum balas pelajar Cina dalam aktiviti sukarelawan , didapati 54.8% responden bersetuju bahawa media sosial merupakan medium paling sesuai untuk menyampaikan

maklumat berkaitan dengan kegiatan sukarelawan ini. Diikuti 19.0% mereka menyatakan rakan atau saudara ialah sumber kedua yang paling berkesan memberitahu maklumat tentang aktiviti sukarelawan yang boleh mereka sertai. Selebihnya adalah sumber daripada NGO (11.9%) dan lain-lain maklumat (9.5%).

Sementara itu, siapakah yang berperanan untuk memupuk semangat sukarelawan dalam diri pelajar, 69% responden menjawab diri mereka sendiri adalah agen kepada pemupukan semangat tersebut. Diikuti 16.7% adalah kerajaan, 9.5% daripada keluarga dan selebihnya adalah daripada pihak lain seperti jabatan responden sendiri 2.4% dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar 2.4%. Bagi aktiviti sukarelawan yang diminati pula, 23.8% responden menjawab aktiviti yang melibatkan kegiatan alam sekitar. Sukan dan rekreasi ialah 19.0%, aktiviti agama, sosial dan kebudayaan dua jenis aktiviti juga 16.7%. Aktiviti pendidikan dan latihan penyelidikan ialah 19.5%. Selebihnya melibatkan kebajikan/ rumah perlindungan, bencana alam dan keusahawan masing-masing dengan 2.4%.

Seterusnya, apabila ditanya kumpulan sasaran yang diminati untuk mereka didekati bekerja secara sukarela ialah kanak-kanak dan anak yatim sebanyak 42.9%, remaja dan belia 31.0%, pusat-pusat keagamaan 16.7%, orang kelainan upaya 4.8%. Gelandangan dan warga emas masing-masing 2.4%.

Sebagai kesimpulan daripada kajian yang dijalankan ini, 73.8% responden menyatakan mereka bersedia untuk menjadi seorang sukarelawan pada bila-bila masa yang diperlukan. Walaupun begitu terdapat 11 responden yang memilih untuk tidak terlibat dengan kegiatan sukarelawan. Mungkin responden ini perlu dipanggil dan ditemubual kenapa dia memilih tidak mahu melibatkan diri.

CADANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Antara cadangan yang dapat dikemukakan oleh pengkaji ialah mempelbagai instrument kajian yang digunakan bagi mendapatkan maklumat yang lagi tepat dan jitu. Seperti yang sedia maklum, kajian ini hanya menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Instrumen-instrumen lain seperti temu bual boleh digunakan semasa menjalankan kajian lanjutan agar kepelbagaian metodologi kajian dapat ditonjolkan. Hal ini dapat menjamin lebih banyak data yang dapat diperolehi untuk suatu kajian.

Selain itu, memandangkan kajian ini hanya tertumpu kepada penglibatan pelajar Cina IPGKTB dalam program kesukarelawanan, adalah diharapkan pengkaji akan datang dapat meluaskan lagi skop serta bilangan sampel kepada yang lebih besar seperti melakukan penyelidikan tentang sikap dan tahap kesedaran guru pelatih di IPGM dan tidak hanya tertumpu kepada guru pelatih Cina di kampus sahaja. Pemilihan sampel kajian yang lebih besar sebagai contoh mengambil sampel dari Institut Pendidikan Guru dari opsyen dan kampus yang lain. Sampel yang lebih ramai dan pelbagai membolehkan data yang dikumpul menjadi lebih berkesan dan menggambarkan keputusan populasi yang sebenar.

Kajian ini juga boleh dirujuk dari aspek dapatan kajian bagi memberi manfaat dan panduan kepada para pengkaji yang lain bagi memperkembangkan lagi kajian yang berkaitan dengan motif penglibatan sukarelawan. Bagi penggubal dasar latihan perguruan, adalah diharapkan agar kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan bagi pihak berkepentingan untuk menambahbaik dari segi isi kandungan Bina Insan Guru serta kursus-kursus yang dijalankan yang boleh menitikberatkan keperluan untuk meningkatkan motivasi kesukarelawanan.

KESIMPULAN

Kesukarelawanan adalah platform yang boleh menghubungkan antara satu individu dengan individu yang lain dengan memberikan manfaat kepada golongan tertentu dalam sesebuah masyarakat/ komuniti. Individu yang mempunyai pemikiran dan matlamat yang sama berkaitan kesukarelawanan boleh menubuhkan sebuah organisasi yang bermatlamat untuk membantu, memulih, membangun dan memperkasakan golongan yang memerlukan dan kurang bernasib baik.

Seramai 75.6% responden bersedia menjadi sukarelawan berdasarkan dapatan menunjukkan sikap positif responden terhadap aktiviti ini. Mungkin pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar perlu membangunkan satu indikator kesukarelawanan pelajar Cina IPGMKTB bagi memastikan apa yang mereka respon selari dengan kehendak mereka sebagai seorang bakal guru dan bukan bersifat retorik semata-mata. Bakal guru yang autentik amat diperlukan dalam hal ini. Menurut kajian yang dijalankan oleh Astin & Sax (1998)

menyatakan bahawa penglibatan pelajar dengan aktiviti sukarelawan bukan sahaja mampu meningkatkan tahap pencapaian mereka daripada aspek kurikulum dan ko-kurikulum. Malahan mereka mempunyai rasa tanggungjawab yang tinggi untuk membantu komuniti sekeliling yang berada dalam keadaan yang memerlukan.

Mengakui bahawa penglibatan dalam aktiviti sukarelawan dapat memupuk dan meningkatkan sikap tanggungjawab, keyakinan diri dan keperihatinan terhadap orang lain justeru itu disarankan kepada pihak pengurusan tertinggi IPGM dapat melihat perkara ini sebagai KPI atau indikator pencapaian utama kemenjadian pelajar Cina perlu diperkasa selari dengan visi IPGM iaitu IPGM peneraju kecemerlangan pendidikan guru dan misi IPGM di mana Institut Pendidikan Guru dapat melahirkan guru yang kompeten dan berjiwa pendidik melalui program pembangunan guru yang dinamik ke arah pendidikan sekolah bertaraf dunia.

Diharap dengan dapatan yang ditunjukkan menjadi petanda yang baik bahawa kesediaan pelajar Cina IPGKTB untuk melakukan kerja amal menjadi keutamaan dan membawa impak yang positif. Kekangan seperti bebanan akademik yang padat dan kekurangan masa boleh diselaraskan dan dirancang dengan teliti supaya matlamat mendidik insan guru berjiwa pendidik dapat direalisasikan. Secara keseluruhan, nilai-nilai kesukarelawanan perlu lebih kerap ditanam dan dibajai dalam diri setiap pelajar Cina IPGKTB bagi meningkatkan rasa tanggungjawab, cinta dan sayang terhadap watak Tuanku Bainun yang dinobatkan sebagai sebahagian tonggak kemenjadian guru yang berjiwa pendidik.

RUJUKAN

- Ahmad Sabry & Mohd. Shukeri (2019). Kesukarelawan: Realiti, Cabaran dan Model Siswa Guru di Malaysia. Institut Pendidikan Guru Kampus Dato Razali Ismail.
- Aminudin, N., Wee, H., Aleeya, N., & Zahid, A. (2017). Balancing Development and sustainability in Tourism Destinations. In *Balancing Development and Sustainability in Tourism Destinations*.
<https://doi.org/10.1007/978-981-10-1718-6>
- Astin & Sax. (2018). How Undergraduates Are Affected by Service Participation. *Journal of Collage student Development*, 39: 251-263.
- Bang, H; Won, D; Kim, Y(2009). Motivations, commitment, and intentions to continue volunteering for sporting events. *Event Management*. 13(2), 69-81.
- Bastien, a. C. (2015). An examination of volunteer motivations and characteristics between required volunteer service and non-required volunteer service in college students: An exploratory study.
- Chua Yan Piaw (2012). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Shah alam: McGraw-Hill Education.
- Haski-Leventhal, D., Cnaan, R., Handy, F., Brudney, J. L., Holmes, K., & Hustinx, L., (2018). Student' vocational choices and voluntary action: a 12 nation study. Vol.19(1), 1-21.
- liker Etikan, Sulaiman Abu Bakar Musa, & Rukayya Sunusi Alkassim. (2016). Comparison of Convenience Sampling and Purposive Sampling. *American Journal of Theoretical and applied Statistics*, 5(1), 1.
<http://doi.org/10.11648/j.ajtas.20160501.11>
- Jaafar, J. R., Zakaria, N. H., & Kamarudin, N. H. (2022). Penerokaan aspek Altruisme dan Latar belakang Terpilih dalam Kalangan Mahasiswa. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001365-e001365.
- Julinawati, S., Mohammad Reza, H., Azizan, B., Ku Amir, K. D., Siti Raba'ah, H. & Turiman, S. (2012). Semangat Kesukarelawan dalam kalangan mahasiswa melayu di IPTA. Satu tinjauan ke arah pembentukan pendidikan kesukarelawan. *Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa (SePMA)*. UniMAP, Perlis. 29-31 Mac 2012.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mabry, JB. (2018). Pedagogical variations in service- learning and student outcomes: How time, contact and reflection matter. *Michigan Journal of Community Service Learning*, 5(1), 32-47
- Musick, M. and Wilson J. (2003). Volunteering and Depression: The Role of Psychological and Social Resources in Different Age Groups. *Social Science and Medicine*, 56(2):259-269.
- Rahman, N. A. (2018). Tahap Penglibatan Dalam Aktiviti Sukarela Dan Kesannya Terhadap Kesejahteraan Diri Golongan Awal Dewasa di Kedah.
- Siti Fatimah Md Azali & Siti Hasmiza Hassan (2018). Kajian Penerimaan Pelajar Terhadap Kaedah Massive Open Online Course (MOOC) Sebagai Medium Pembelajaran Di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah. *Journal Of Technical And Vocational Education*, Vol. 1, 73 – 86.
- Wan Nur Izzati Mohamad Idrus (2015). Motivasi Untuk Terlibat Dalam Badan Sukarela Dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam. Satu Tinjauan. Unpublished Thesis. UPM : Falkulti Pendidikan.

THE IMPACT OF ICT ON READING HABITS AMONG FIRST YEAR PISMP TESL PRE-SERVICE TEACHERS : A SURVEY

Raguna R. Arumugam,¹ Moganashwari Kandasamy (Ph.D),²
Haida Umiera Hashim (Ph.D)³
Jabatan Pengajian Inggeris, ^{1,2}
Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun
Akademi Pengajian Bahasa, UITM³
curly_na@hotmail.com¹

Abstract

The rapid development of information and communication technology (ICT) in education has greatly influenced pre-service teacher's reading habits, particularly in higher education settings. This study investigates the impact of ICT on the reading habits of first-year PISMP TESL pre-service teachers. By examining the frequency and types of reading materials accessed, as well as preferences for digital versus print resources, this survey provides insights into how ICT affects reading behaviours. Data was collected using a structured questionnaire administered via Google Forms to 113 first-year pre-service teachers. The findings reveal a significant preference for digital reading materials, which has led to reduced reading times, shorter attention spans, and decreased comprehension and retention. Additionally, the study identifies gender and social background disparities among the respondents, with a notable majority of female pre-service teachers. The results highlights the necessity for integrating digital literacy into teacher education programmes to foster effective reading habits. This research offers valuable information for educators and policymakers the incorporation of ICT in higher education and promote balanced reading practices among pre-service teachers.

Keywords: ICT, reading habits, pre-service teachers, digital resources, teacher education

Abstrak

Kajian ini meneliti kesan ICT terhadap tabiat membaca dalam kalangan guru pelatih TESL tahun pertama di sebuah kampus Institut Pendidikan Guru. Untuk mencapai objektif kajian, data dikumpulkan melalui soal selidik dalam talian yang dimuat naik ke Google Form. Soal selidik tersebut bertujuan mengumpulkan data kuantitatif berkaitan tujuan membaca, pilihan sumber maklumat, persepsi terhadap sumber bercetak dan digital, serta kesan ICT terhadap tabiat membaca. Peserta kajian ini terdiri daripada 113 guru pelatih TESL di sebuah kampus Institut Pendidikan Guru. Data yang dikumpulkan dianalisis secara deskriptif menggunakan Microsoft Excel. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan guru pelatih membaca sebagai hobi, manakala sebahagian lagi membaca untuk memperkayakan perbendaharaan kata, meningkatkan prestasi dalam pelajaran, atau membuat persediaan untuk peperiksaan. Selain itu, majoriti peserta lebih gemar membaca buku rekreasi berbanding sumber akademik seperti jurnal dan surat khabar, yang menekankan keperluan untuk menggalakkan keseimbangan antara bacaan rekreasi dan bacaan. Persepsi terhadap sumber bercetak dan digital menunjukkan keutamaan yang ketara terhadap e-buku, di mana ramai yang percaya e-buku menawarkan maklumat yang lebih terkini berbanding buku bercetak, yang dianggap mahal, kurang tahan lama, dan memerlukan ruang penyimpanan yang besar. Tambahan pula, ICT memberikan kesan positif terhadap tabiat membaca dan menekankan kepentingan mengintegrasikan literasi digital ke dalam program pendidikan guru untuk memupuk tabiat membaca yang berkesan serta menyediakan bakal pendidik untuk mengakses dan menggunakan kandungan digital dengan cekap.

Kata kunci: *ICT, tabiat membaca, guru pra-perkhidmatan, sumber digital, pendidikan guru*

INTRODUCTION

Throughout the past few decades, the adoption of information and communication technology (ICT) in education has advanced very quickly. ICT has thus had a big impact on students' reading habits, especially in higher education settings. Recent investigations points out that ICT has significantly impacted pre-service teachers' reading habits (Norazah Nordin et al., 2019).

Consequently, the goal of this survey is to ascertain how ICT has affects the reading habits of the first-year PISMP TESL pre-service teachers at an Institute of Teacher Education (ITE) campus. The survey will study several elements such as the frequency and types of reading materials accessed by pre-service teachers, the impact of ICT on reading habits and the pre-service teachers' preferences for reading resources in digital or paper format.

The results of this study can help educators and policymakers understand the best ways to incorporate ICT into higher education and encourage pre-service teachers to develop good reading habits

BACKGROUND OF THE STUDY

The purpose of this study is to look into how (ICT) affects the reading habits of the August 2022-July 2027 intake of pre-service teachers. The first year PISMP TESL pre-service teachers at an Institute of Teacher Education (ITE) campus will be the subject of the study. The researcher is interested to know about the materials that they download and how their reading habits change as a result of doing their material browsing on the digital devices.

STATEMENT OF THE PROBLEM

The use of digital devices among Malaysian pre-service teachers has decreased the reading time, (Norazah Nordin et al.,2019). According to the survey, pre-service teachers read digital resources for 1.5 hours on average per day as opposed to reading print materials for 2 hours. The ability to access digital reading materials has reduced pre-service teachers' reading attention spans and caused distractions. Moreover, this has contributed to poor comprehension and retention.

Thus, the use of ICT has influenced Malaysian pre-service teachers' poor reading habits (Norazah Nordin et al., 2019). The excessive reliance on digital reading materials has decreased reading time, and superficial learning habits. Hence, it is crucial to conduct this study in order to determine the impact of ICT on the reading habits of the first year PISMP TESL pre- service teachers at an Institute of Teacher Education (ITE) campus.

RESEARCH PURPOSE

The purpose this research is to investigate the impact of ICT on the reading habits of the first year PISMP TESL pre-service teachers at an Institute of Teacher Education (ITE) campus. The sample for this study is the first year pre-service teachers, namely the August 2022 - July 2027 intake. Data is collected using a set of questionnaire and administered via Google Form.

RESEARCH OBJECTIVE

The objectives of this study are:

- i. To find out the purpose of reading among the first year PISMP TESL pre-service teachers.
- ii. To examine the type of information source preferred by the first year PISMP TESL pre-service teachers.
- iii. To discover the perception of the first year PISMP TESL pre-service teachers on print versus digital resources.
- iv. To determine the impact of ICT on the reading habits of the first year PISMP TESL pre-service teachers.

RESEARCH QUESTION

The research questions of the study are:

- i. What is the purpose of reading among the first year PISMP TESL pre-service teachers ?
- ii. Which type of information source does the first year PISMP TESL pre-service teachers prefer?
- iii. What is the perception of the first year PISMP TESL pre-service teachers on print versus digital resources?
- iv. What is the impact of ICT on the reading habits of the first year PISMP TESL pre-service teachers?

LIMITATION

The study is limited to the Institute of Teacher Education, at an Institute of Teacher Education (ITE) campus. More specifically, it investigates the Impact of ICT on first-year PISMP TESL pre-service teachers' Reading Habits. The data in the present study was collected

from the August 2022 – July 2027 intake who are in their first year of a 4 year programme. The results of this study is limited to this population.

SIGNIFICANCE OF THE RESEARCH

The findings of this study may provide insights to the curriculum planners, teacher trainers, pre-service teachers on the impact of reading habits of the PISMP TESL pre- service teachers particularly in the context of Institute of Teacher Education. Results from this study might help the teacher educators and curriculum planners to better understand the types of preferred source of information, the purpose for reading books and also the impact of ICT on reading among the first year PISMP TESL pre- service teachers.

LITERATURE REVIEW

Reading constitutes a fundamental competency that is essential for all individuals. Engaging with texts affords learners a significant opportunity to access pathways to success. With the the emergence of digital media and the widespread availability of electronics resources, the practice of reading has undergone substantial transformation.

Navigating this evolving landscape represents an imperative skill for students to develop. (Fatoro et al., 2017). Progress in technology has gradually replaced many human activities. In the modern digital age, especially 21st century, people seldom visit libraries to obtain and interact with physical materials.

Balan et al., (2019) highlighted Poedjiastutie's (2018) findings that Sounteast Asian countries are struggling to motivate their students to read. In response these governments are trying to enhance students' reading abilities by supporting and promoting libraries. The 1982 National Literacy Survey by the National Library (cited in Shameem Ahmad ,2016) found that Malaysians typically read only one to two pages annually. One reason for the persistent lack of reading habits and engagement is the inability of Malaysian educational institutions to cultivate a sustained interest in reading among students (Mohamed et al., 2012).

A habit is characterized by its repetitive nature, often occurring without conscious thought. The inclination to read is optimally cultivated during the formative years, particularly within educational institutions such as schools, colleges, and universities; however, once established, this habit can endure throughout one's lifetime. The proclivity for reading is arguably one of the most advantageous habits that children ought to develop. The practice of frequenting libraries from an early age becomes an integral component of life as one matures. The establishment of a library culture from the outset can foster greater curiosity among postgraduate students regarding the phenomena and events that characterize human existence. Thus, it is imperative to promote library culture among students, pre-service teachers, undergraduates and post-graduates, too.

The integration of Information and Communication Technology (ICT) in education has been widely researched in recent years. One area of particular interest is the impact of ICT on reading habits among students. This literature review aims to explore and synthesize previous studies on the topic, specifically among pre-service teachers. Impact of ICT on Reading Habits can be seen in the emergence of digital technology which has drastically transformed the way individuals engage with reading material. With the rise of digital devices and online resources, traditional reading habits have been challenged (Mizrachi, 2015). However, studies have suggested that ICT has both positive and negative impacts on reading habits (Hsieh & Wu, 2018). As such the positive impact of ICT has been found to promote the development of reading habits, particularly in terms of convenience and accessibility. Digital devices and online resources provide users with instant access to vast amounts of information, making it easier for students to engage with reading material (Akhter & Waseem, 2016). ICT can also facilitate active reading practices, such as highlighting, note-taking, and searching for definitions, which can enhance reading comprehension and memory (Hsieh & Wu, 2018). On the other hand, the use of ICT has also been linked to negative effects on reading habits. For instance, the prevalence of digital distractions, such as social media and entertainment, can decrease the amount of time students spend on reading material (Mizrachi, 2015). Furthermore, research suggests that reading from digital devices can negatively affect reading comprehension and recall, as well as increase cognitive load (Mangen et al., 2013).

CONCEPTUAL FRAMEWORK

The conceptual framework for this study will be based on the Technology Acceptance Model (TAM) proposed by Davis (1989). TAM is a widely used theoretical framework for understanding the acceptance and adoption of technology.

The model posits that two key factors, perceived usefulness and perceived ease of use, significantly influence an individual's attitude towards using technology. Perceived usefulness refers to the extent to which an individual believes that the technology will enhance their performance or achieve their goals, while perceived ease of use refers to the degree to which an individual believes that the technology is easy to use.

In the context of this study, the perceived usefulness and perceived ease of use of ICT will be the key factors influencing the reading habits of first-year PISMP TESL pre-service teachers of an Institute of Teacher Education (ITE) campus.

As such this study will investigate the extent to which the students perceive ICT to be useful for their reading habits and whether they find it easy to use. The study will also consider other factors such as gender, locality, purpose for reading, preferred source of information, which may impact their attitudes towards ICT and reading habits.

RESEARCH DESIGN

The survey method and questionnaire instrument were selected for this study because they make it easy to gather information. When there are insufficient time, labour, or money, the survey approach is among the best alternatives. The survey approach is suitable for a higher learning setting as it is practical, inexpensive, and effectively represents a big population. The use of a questionnaire as a tool was chosen since it allows for the quick and efficient collection of a fair amount of data and information. The survey was created using a straightforward, organised form that made it easy for respondents to read, comprehend, and respond.

SAMPLING METHOD

The sample of this study was determined by convenience sampling method among the first year PISMP TESL pre-service teachers who were students at the Language Department in an Institute of Teacher Education in Penang, Malaysia. The sample included 113 PISMP TESL pre-service teachers from five TESL classes, namely TESL 1, TESL 2, TESL 3, TESL 4 and TESL 5 from the August 2022 – July 2027 intake.

RESEARCH INSTRUMENT

An online survey using Google form was distributed to 113 PISMP TESL pre-service teachers. The survey included 5 parts with 24 closed-ended questions. The close-ended questions were deployed in the form of 5-point Likert scale statements ranging from strongly disagree (1) to strongly agree (5). The statements cover different aspects related to ICT and reading habits. To examine the questionnaire's reliability, it was tested using Cronbach's Alpha Test. The overall Cronbach Alpha Coefficient of the questionnaire is ($r=.85$), which indicates a high degree of internal consistency. The data gathered using this questionnaire was then analysed using Microsoft Excel.

DATA ANALYSIS


The data analysis will be carried out using the Microsoft Excel to come up with frequency and a simple percentage approaches to examine the data gathered for this study.

Table 1
Demographic

Demographic Information	Percentage
Gender	
Male	15.9
Female	84.1
Social background	
Urban	37.2
Sub-urban	38.0
Rural	24.8

The information encapsulated in Table 1 delineates the demographic characteristics of the participants in the study. It is noteworthy to observe that a significant majority of the student population comprises females (84.1%), surpassing their male counterparts (15.9%). Furthermore, the table illustrates that 38.0% of the participants originate from the sub-urban areas, while 37.2% are from the urban environments and a mere 24.8% hail from the rural locale.

Figure 1
Purpose of Reading



It is evident from Figure 1 that most (54.0%) pre-service teachers read for the sole purpose of hobby, while 19.0% of them read to acquire new words . There is also a sizeable number of pre-service teachers

who read to get ahead of their studies and this makes 12.0% of the total number. Another purpose of reading based on the response of the pre-service teachers is to read the purpose of examination (11.0%) and the smallest number of pre-service teachers which is 4.0% devote their time to read for the purpose of examination.

Figure 2
Preferred Source of information




Figure 2 presents the preferred source of information for the pre-service teachers. A big number of the pre-service teachers preferred to read recreational books (74.0%), journal (13.0%), newspapers (5.0%), while very small number of pre-service teachers are drawn to read reference books and magazines at 4.0% respectively.

Figure 3
Comparison of Print Book and Internet Sources





Figure 3 illustrates that the 76% of pre-service teachers are in agreement that print books are expensive compared to Internet sources, a small number of them are of the opinion that they can't find print books easily (38%). This is followed by a strong 81.4% of pre-service teachers who believes they can get updated information from e-books compared to print. Further 63.7% of the pre-service teachers perceive that print books are less durable and finally a sizeable number of pre-service teachers 80% of them believes that a large space is required to store print books.

Figure 4
Impact of ICT on the Reading Habits



In Figure 4, we can comprehend that the impact of ICT on the first year TESL pre-service teachers is positive. Sixty-six percent of the pre-service teachers indicated that it is easier to read e-books. Eighty-three percent of them also established that they find easy to download any e-books from the web. In fact 99.0% of the pre-service teachers found that hyperlinks are very helpful to access information.

Additionally, 85.0% of them strongly claimed that they can get maximum information from the internet and to further display the impact, 50.0% of the teachers opined that they can locate and search for books very easily.

Discussion

The current investigation examined the impact of ICT on the reading habits of first-year TESL pre-service teachers at an Institute of Teacher Education campus. The study resulted in numerous intriguing findings on the preferred locations for reading books as well as the motivations for engaging in reading activities.

Purpose of Reading

Figure 1 reveals that most pre-service teachers read as a hobby (54.0%), with a smaller percentage reading to acquire new words (19.0%), get ahead in their studies (12.0%), or prepare for exams (11.0%). This diverse range of motivations aligns with the findings of previous studies that highlight the multifaceted nature of reading purposes among students (Alexander & Jetton, 2019). However, a low percentage of pre-service teachers reading for academic purposes suggests a need for strategies a need for strategies to integrate more academic reading into their routines.

Preferred Sources of information

As shown in Figure 2, the vast majority of pre-service teachers prefer recreational books (74.0%) over academic sources like journals (13.0%) and newspapers (5.0%). This preference for recreational reading is uncommon among students (Krashen, 2004); however, it raises concerns about the pre-service teachers' engagement with academic works, which is vital for their professional development. Therefore, encouraging a balance between recreational and academic reading could enhance their overall literacy and knowledge base.

Perception of Print vs. Digital Resources

Based on Figure 3 which illustrates a significant number of pre-service teachers perceive print books as expensive (76.0%), less durable (63.0%), and requiring large storage space (80.0%). Conversely, a strong majority (81.4%) believe that they can obtain more up-to-date information from e-books. This perception is consistent with the shift towards digital resources in educational settings, driven by factors such as cost-effectiveness and accessibility (Barccarella, Wagner & Kietzmann, 2018). These findings underscore the importance of integrating digital literacy into teacher education programmes.

Impact of ICT on Reading Habits

In Figure 4, a positive impact of ICT on the reading habits of pre-service teachers is displayed, where a large majority find it easier to read (66%) and download (83%) e-books. Almost all respondents (99.0%) appreciate the usefulness of hyperlinks for accessing information, and 85.0% find that the internet provides maximum information. This strong preference for digital resources highlights the

necessity for the teacher education programmes to incorporate ICT skills, preparing future educators to navigate and utilize digital content effectively (Anderson, 2020).

Conclusion

This investigation has provided valuable insights into the impact of ICT on the reading habits of the first-year PISMP TESL pre-service teachers at an Institute of Teacher Education campus. The findings reveal significant trends in reading purposes, preferred sources of information, perceptions of print versus digital resources and the impact of ICT on reading habits.

A diverse range of motivations for reading was identified, with the majority of pre-service teachers reading as a hobby (50.4%). The findings align with previous studies that emphasize the multifaceted nature of reading purposes among students (Alexander & Jetton, 2019). However, the relatively low percentage of pre-service teachers reading for academic purpose highlights the need for strategies to integrate more academic reading into their routines.

In terms of preferred sources of information, a vast majority of pre-service teachers favour recreational books (70.4%) over academic materials such as journals and newspapers. This trend, while not uncommon (Krashen, 2004) raises concerns about their engagement with academic works, which is critical for their professional development. Encouraging a balance between recreational and academic reading could enhance their overall literacy and knowledge base.

The study also uncovered significant perceptions regarding print and digital resources. Many pre-service teachers view print books as expensive, less durable, and requiring large storage space, while a strong majority believe e-books provide more up-to-date information. This shift towards digital resources is consistent with contemporary trends in educational settings driven by factors such as cost-effectiveness and accessibility (Barccarella, Wagner & Kietzmann, 2018). These findings underscore the importance of integrating digital literacy into teacher education programmes.

Finally, the positive impact of ICT on the reading habits of pre-service teachers is evident, with many finding it easier to read and download e-books and appreciating the usefulness of hyperlinks for accessing information. This strong preferences for digital resources highlights the necessity for teacher education programmes to incorporate ICT skills, preparing future educators to navigate and utilize digital content effectively (Anderson, 2020). Future research should focus on developing strategies to enhance academic reading habits and further integrating digital literacy into teacher education programmes.

REFERENCES

- Alexander, P. A., & Jetton, T. L. (2019). Theoretical models and processes of reading. *International Reading Association*.
- Al-Azawei, A., Alshahrani, A., & Al-Saggaf, Y. (2021). The impact of digital reading platforms on enhancing university students' reading habits and experiences: Evidence from Saudi Arabia. *Journal of Educational Technology & Society*, 24(1), 228-238.
- Anderson, T. (2020). *The Theory and practice of online learning*. Athabasca University Press.
- Aini, M. F. M., & Hashim, A. H. (2021). Reading culture among pre-service teachers in Malaysia. *International Journal of Asian Social Science*, 11(4), 196-204.
- Akhter, N., & Waseem, M. (2016). A study on the impact of technology on reading habits of college students. *The International Journal of Indian Psychology*, 3(3), 27- 34.
- Balan, S., Katenga, J. E., & Simon. A. (2019). Reading habits and their influence on academic achievement among students at Asia Pacific International University, Thailand. *Abstract Proceedings International Scholars*. <https://doi.org/10.35974/isc.v7i1.928>
- Barccarella, C. V., Wagner, T. F., & Kietzmann, J. (2018). Digital transformation in education: The Role of digital learning technologies. *Journal of Business Research*, 85,327-336.
- Bumgardner, M. A., & Kim, Y. J. (2020). Digital reading: A review of research on comprehension, learning and technology. *Journal of Literacy Research*, 52(1), 73-101. <https://doi.org/10.1177/1086296X19898683>

- Chen, C. M., Wang, Q., & Wang, Y. C. (2019). Enhancing reading motivation and engagement through digital reading. *Computers & Education*, 141, 103617. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2019.103617>
- Chen, Y.-H., Chen, H.-F., & Lai, C.-H. (2018). The effect of college students' social network sites use on reading frequency and academic performance. *International Journal of Mobile Learning and Organisation*, 12(1), 22-37. <https://doi.org/10.1504/IJMLO.2018.089725>
- De Haan, J., & Huysmans, F. (2013). E-books and reading habits: Results of a survey among Dutch students. *Journal of the American Society for Information Science and Technology*, 64(12), 2517-2524. <https://doi.org/10.1002/asi.22942>
- DeVellis, R. F. (2012). Scale development: *Theory and applications* (3rd ed.). Sage Publications.
- Fatoloro, O. F., Oyekola, A. A., Hameed, B.A., & Oseni, M.A. (2017). A Survey on the Reading Among Colleges of Education Students in the Information Age. *Journal of Education and Practice*. <http://eric.ed.gov/?=EJ1139158>
- Guthrie, J. T., & Wigfield, A. (2020). Engagement and motivation in reading. In *Handbook of Reading Research* (Vol. 4, pp. 75-95).
- Hsieh, P.Y., & Wu, H. Y. (2018). The Impact of ICT on reading habits: A meta-analysis. *Computers in Human Behaviour*, 88, 88-102. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2018.05.023>
- Johnson, L., & Lampley, J. (2018). *A demographic study of teacher candidates*. *Teacher Education Quarterly*, 45(2), 45-63.
- Krashen, S. (2004). *The Power of reading: Insights from the research*. Heinemann.
- Li, Y., Li, M., & Li, X. (2019). The impact of mobile reading on reading comprehension: A meta-analysis. *Journal of Educational Computing Research*, 57(7), 1668-1687. <https://doi.org/10.1177/0735633119838659>
- Mangen, A., Walgermo, B. R., & Brønnick, K. (2013). Reading linear texts on paper versus computer screen: Effects on reading comprehension. *International Journal of Educational Research*, 58, 61-68. <https://doi.org/10.1016/j.ijer.2012.12.002>
- Mizrachi, D. (2015). Undergraduate's academic reading format preferences and behaviors. *The Journal of Academic Librarianship*, 41(3), 301-311.

- <https://doi.org/10/1016/j.acalib.2015.03.009>
- Mohamed, M., Rahman, R. A., Chew, T. L., Hashim, H., Maarof, H., Mat Nasir, N. S., Nordin, N., Razak, N. A., & Mahamod, Z. (2019). The effects of digital reading on reading habits and attitudes among Malaysian pre-service teachers. *Education and Information Technologies*, 24(1), 467-484. <https://doi.org/10.1007/s10639-018-9785-7>
- Shameem Ahmad (2016). Reading Habits and Attitudes of UMSKAL Undergraduates. *International Journal of Applied Linguistics and English Literature*, 5(2), 189-201. <https://doi.org/10.7575/aiac.ijalel.v.5n.2p189>
- Sullivan, A. (2019). Gender differences in teacher education: Implications for practice and policy. *Journal of Education Policy*, 34(3), 123-136.
- Zailani, S. N., Mohamed Esivan, S. M., & Jumari, N. F. (2012). Reading behaviours of students in Kolej Datin Seri Endon (KSDE). *International Journal of Educational Management*. <http://doi.org/10.1108/09513541211227782>

ANALISIS PENGUASAAN KATA KERJA AKTIF TAK TRANSITIF DALAM KALANGAN MURID TAHAP 2 DI SEKOLAH RENDAH LUAR BANDAR, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG

Rozeerozanna Rosli¹, Darwalis Sazan (Ph.D)²
Jabatan Pengajian Melayu¹
Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia²
ipgm-0710@moe-dl.edu.my¹

Abstrak

Pendidikan di Malaysia berlandaskan Falsafah Pendidikan Malaysia dan merupakan elemen penting bagi semua individu. Pendidikan adalah asas penghasilan sumber manusia yang memenuhi pelbagai sektor dalam negara. Namun, isu keciciran dalam pendidikan sering dikaitkan dengan lokasi sekolah. Kajian lalu menunjukkan kualiti pendidikan yang rendah di luar bandar. Didapati masyarakat luar bandar kurang mementingkan ilmu pengetahuan dan pendidikan, yang menyebabkan pencapaian akademik merosot. Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap penguasaan kata kerja aktif tak transitif dalam kalangan murid Darjah 4 (Tahap 2) di sekolah kebangsaan terpilih di kawasan luar bandar Seberang Perai Tengah. Selain itu, kajian ini juga mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penguasaan tatabahasa bahasa Melayu dalam kalangan murid tersebut. Pengkaji menggunakan pendekatan reka bentuk kajian campuran kualitatif dan kuantitatif. Instrumen kajian kualitatif yang digunakan ialah ujian, manakala instrumen kajian kuantitatif berbentuk soal selidik. Kajian kualitatif dijalankan untuk menentukan tahap penguasaan murid dalam kata kerja aktif tak transitif, manakala kajian kuantitatif pula meneliti faktor-faktor yang menyumbang kepada tahap penguasaan ini. Data dikumpulkan melalui kaedah tinjauan di sekolah luar bandar yang dipilih. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 83.3% murid menguasai kata kerja aktif tak transitif dengan baik, sementara 16.7% berada pada tahap penguasaan sederhana. Kajian kuantitatif pula menunjukkan bahawa faktor-faktor seperti lokasi sekolah di luar bandar, sosioekonomi keluarga murid, dan tahap literasi ibu bapa turut mempengaruhi pencapaian murid dalam aspek tatabahasa ini. Implikasi kajian ini menegaskan kepentingan intervensi dan pendekatan pengajaran yang disesuaikan untuk murid di kawasan luar bandar bagi meningkatkan penguasaan tatabahasa Bahasa

Melayu. Selain itu, kajian ini juga mencadangkan agar pihak sekolah bersama komuniti lebih proaktif dalam mengatasi halangan sosioekonomi dan meningkatkan literasi bagi menyokong pencapaian akademik murid luar bandar.

Kata Kunci: Tatabahasa, kata kerja, aktif tak transitif, luar bandar, faktor.

Abstract

Education in Malaysia is founded on the Malaysian Education Philosophy and is a crucial element for every individual. Education is the foundation for producing human resources that fulfill various sectors in the country. However, issues of educational dropout are often linked to the location of schools. A study showed that the quality of education is very low in rural areas. It was found that rural communities do not prioritize knowledge and education, leading to a decline in their academic achievement. This study aims to assess the proficiency level of active intransitive verbs among Grade 4 (Level 2) students in selected rural National Schools in Seberang Perai Tengah. Additionally, this study identifies the factors influencing the proficiency level of Malay grammar among these students. The researcher uses a mixed methods research design, combining qualitative and quantitative approaches. The qualitative research instrument used is a test, while the quantitative research instrument is a questionnaire. The qualitative study was conducted to determine students' proficiency in active intransitive verbs, while the quantitative study examines the factors contributing to this proficiency level. Data were collected through a survey method in selected rural schools. The findings show that 83.3% of students have a good grasp of active intransitive verbs, while 16.7% are at a moderate proficiency level. The quantitative study indicates that factors such as the rural school location, family socioeconomic status, and parents' literacy level also influence students' achievement in this aspect of grammar. The implications of this study emphasize the importance of tailored interventions and teaching approaches for rural students to enhance their proficiency in Malay grammar. Additionally, this study suggests that schools, together with the community, should be more proactive in addressing socioeconomic barriers and improving literacy to support academic achievement among rural students.

Keywords: Grammar, verbs, intransitive, rural, factor

PENGENALAN

Di Malaysia, bahasa Melayu ialah bahasa rasmi. Menurut Perlembagaan Persekutuan Bahagian 12, Am dan Pelbagai, Perkara 152, bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan seperti yang telah diperuntukkan oleh Parlimen. Dalam pendidikan di Malaysia, bahasa Melayu diajarkan di sekolah-sekolah melalui kurikulum standard yang dipanggil sebagai Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Tujuan utama pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sekolah rendah ialah supaya idea, pendapat, dan maklumat yang diperoleh melalui pembelajaran, hubungan sosial, serta kehidupan dapat disampaikan secara jelas melalui komunikasi berkesan yang hasilnya dapat meningkatkan kosa kata, pemahaman, serta penguasaan bahasa (Faridah Nazir & Faiziah Shamsudin, 2018).

Berdasarkan isi kandungan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan Tahun 4 (2019), terdapat empat aspek utama yang ditekankan. Pertama ialah Standard Kurikulum yang terdiri daripada Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran. Kedua, kemahiran bahasa dibahagikan kepada empat kemahiran utama iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, dan kemahiran menulis. Aspek ketiga adalah pendekatan modular, yang memecahkan kemahiran kepada unit-unit kecil yang dikenali sebagai modul (Faridah Nazir & Faiziah Shamsudin, 2018). Modul-modul yang akan digunakan termasuk Modul Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Modul Kemahiran Membaca, Modul Kemahiran Menulis, Modul Seni Bahasa, dan Modul Tatabahasa. Aspek terakhir ialah sistem ejaan, yang melibatkan ejaan, sebutan dan intonasi, kosa kata, serta peribahasa.

Malaysia berhasrat untuk memantapkan lagi pembangunan ekonomi negara. Justeru, bagi merealisasikan hasrat itu, kerajaan Malaysia telah bertungkus-lumus untuk memantapkan sistem pendidikan negara. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dirangka bagi melahirkan masyarakat yang lebih berilmu setelah menguasai kemahiran pelbagai penyelidikan, penilaian terhadap sistem pendidikan sedia ada, dan penglibatan awam bersama pelbagai pihak berkepentingan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Perangkaan pelan ini berhasrat menyaksikan peningkatan prestasi murid pelbagai peringkat setelah pelbagai usaha dilaksanakan terhadap sistem, guru, fasiliti, dan lain-lain. PPPM 2013-2025 yang merupakan terjemahan transformasi pendidikan negara ini

telah meningkatkan keperluan untuk meningkatkan keberhasilan murid dalam prestasi sekolah menjadi semakin mendesak (Azlin Norhaini & Zabidah Muhammad, 2018).

Isu keciciran murid sudah lama membelenggu negara. Dr.Mohd Syaubari Othman (2022) menyatakan bahawa tahap sosioekonomi keluarga, pengaruh latar belakang sosioekonomi keluarga berasaskan pendapatan isi rumah, pekerjaan ibu bapa, tahap pendidikan ibu bapa dan tempat tinggal merupakan antara faktor keciciran murid. Zalika Adam et al., (2009) turut menambah faktor tiada kesedaran ibu bapa, kemiskinan keluarga, sikap pelajar, kekurangan bahan bantu mengajar, kemudahan infrastruktur dan jurang pendapatan penduduk yang ketara merupakan punca pendidikan berada di tahap rendah di kawasan luar bandar. Penguasaan bahasa Melayu yang baik juga amat penting dalam kehidupan seharian warganegara Malaysia dari aspek samada ekonomi, kerjaya, urusan kerajaan, ilmu pengetahuan, dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, pernyataan tokoh-tokoh tersebut jelas menunjukkan adanya kekurangan dalam pencapaian murid yang tercicir akibat kemiskinan yang dialami. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk memberi fokus tahap penguasaan murid dalam aspek tertentu bahasa Melayu, iaitu tatabahasa kata kerja aktif tak transitif. Pengkaji ingin menilai tahap penguasaan tatabahasa kata kerja aktif tak transitif murid yang berada di kawasan yang mempunyai isu kemiskinan yang signifikan berdasarkan data yang diperolehi.

Oleh yang demikian, pengkaji mengetengahkan empat objektif utama iaitu (1) mengenal pasti tahap penguasaan tatabahasa bahasa Melayu dalam aspek kata kerja aktif tak transitif dalam kalangan murid Tahap 2 Darjah 4 (D4) Sekolah Kebangsaan (SK) kawasan luar bandar daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang, (2) mengenalpasti faktor-faktor lain yang mempengaruhi tahap penguasaan murid dalam aspek tatabahasa bahasa Melayu kata kerja aktif tak transitif. Manakala objektif (3) mengenalpasti hubungan antara faktor Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang paling diminati dengan faktor persepsi murid terhadap amalan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bahasa Melayu dan akhir sekali (4) mengenal pasti hubungan antara faktor persepsi murid terhadap mata pelajaran bahasa Melayu dengan faktor motivasi murid dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) tatabahasa bahasa Melayu.

Bertitik tolak daripada objektif kajian tersebut, pengkaji juga mengetengahkan empat persoalan kajian yakni (1) apakah tahap penguasaan aspek tatabahasa bahasa Melayu kata kerja aktif tak transitif dalam kalangan murid Tahap 2 Darjah 4 (D4) Sekolah Kebangsaan (SK) di kawasan luar bandar daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang?, (2) adakah terdapat faktor-faktor lain yang mempengaruhi tahap penguasaan murid dalam aspek tatabahasa bahasa Melayu kata kerja aktif tak transitif?, (3) adakah terdapat hubungan yang signifikan antara faktor Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang paling diminati dengan faktor persepsi murid terhadap Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bahasa Melayu? dan (4) adakah terdapat hubungan yang signifikan antara faktor persepsi murid terhadap mata pelajaran bahasa Melayu dengan faktor motivasi murid dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bahasa Melayu?.

Berpandukan kelangsungan kajian ini, batasan kajian dikenalpasti iaitu kajian ini hanya menyelidiki aspek tatabahasa bahasa Melayu dari aspek morfologi sahaja iaitu dalam golongan kata, kata kerja. Kata kerja yang diselidik hanya kata kerja aktif tak transitif berpelengkap dan tak berpelengkap. Kajian ini juga melibatkan murid-murid Sekolah Kebangsaan (SK) di kawasan luar bandar daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang yang hanya melibatkan murid-murid Tahap 2 iaitu Darjah 4 (D4) sahaja. Kajian ini begitu signifikan bagi meningkatkan penguasaan bahasa Melayu murid luar bandar. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) boleh merangka satu strategi khas menangani isu-isu pendidikan murid luar bandar dan juga isu penguasaan bahasa Melayu aspek tatabahasa kata kerja aktif tak transitif murid luar bandar. Sehubungan dengan itu, kajian ini juga amat berguna untuk para guru yang berupaya merangka satu pendekatan dan strategi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang lebih berkesan dan ampuh untuk meningkatkan prestasi murid dalam menguasai bidang bahasa Melayu ini.

LITERATUR

KPM mempunyai hala tuju yang jelas dalam mengemudi sektor pendidikan negara. Falsafah Pendidikan Negara pada tahun 1987 menyatakan dalam bidang pendidikan, beberapa faktor penting perlu dilaksanakan (Azizi et al., 2005). Hasil penelitian Azizi et. Al. (2005) terhadap Falsafah Pendidikan Negara mendapati sistem pendidikan di negara berfokus untuk melahirkan insan yang seimbang dari empat aspek kehidupan iaitu jasmani, emosi, rohani, dan emosi. Walaupun bahasa Melayu signifikan namun masih terdapat permasalahan yang wujud melibatkan penguasaan bahasa Melayu khususnya dari aspek tatabahasa. Meni Anak Untai (2008) mendapati bahawa tahap penguasaan bahasa Melayu masih rendah dalam kalangan pelajar sekolah rendah, menengah dan peringkat universiti, samada di sekolah swasta mahupun awam. Arbak Othman (1981) turut berpendapat, penggunaan aspek-aspek bahasa yang tidak sempurna dalam tatabahasa baku merupakan punca kesalahan bahasa berlaku.

Menurut Annuar Khisam et al., (2021) punca masalah berlaku adalah disebabkan kurang faham dalam penggunaan tatabahasa sehingga menyukarkan perbezaan kata yang hendak digunakan mengikut konteks dan situasi semasa. Pengguna juga didapati kurang memahami ciri-ciri khusus kata kerja tersebut, iaitu kata kerja aktif (Mohd Ramsul, 2018). Kekeliruan yang berlaku ini disebabkan oleh berlakunya percanggahan antara nahu pegangan yang bersifat preskriptif yang diajar di sekolah dengan nahu praktis yang diperoleh melalui pengalaman dan pengetahuan penutur jati (Zaharani Ahmad, 2007).

Pendidikan dan kemiskinan juga sering terkait dalam satu sistem putaran ganas yang menghasilkan rasional serta impaknya yang tersendiri (Siti Masayu & Narimah Samat, 2018). Pernyataan ini turut disokong oleh Preston & Elo (1996) yang mengatakan bahawa kecenderungan untuk gagal atau mempunyai tingkah laku bermasalah di sekolah adalah lebih tinggi dalam kalangan murid dari keluarga berpendapatan rendah berbanding pelajar dari keluarga berpendapatan tinggi.

Kajian oleh Apidah Amin (2023) pula mendakwa persekitaran pembelajaran merupakan elemen penting dalam membentuk suasana pembelajaran yang kondusif dan memberangsangkan kerana dapat membantu mengekalkan tumpuan dan minat belajar dalam bilik darjah kerana keselesaan pengajaran dan pembelajaran yang terhasil daripada suasana pembelajaran yang kondusif. Kajian oleh Supian Mohamad Nor (1994) mendapati kumpulan sampel lelaki lebih banyak melakukan kesalahan berbanding kumpulan sampel perempuan. Di samping itu, kesalahan frasa kerja transitif banyak dilakukan oleh subjek kajian ini berbanding aspek-aspek lain. Manakala kesalahan yang paling sedikit dilakukan oleh subjek kajian ialah frasa kerja tak transitif.

Berdasarkan penelitian kajian lalu, pengkaji mengetengahkan penyesuaian teori berpandukan kepada kelompangan yang sedia ada. Oleh itu, dalam kajian ini, Teori Tatabahasa Fungsian (*Functional Theories of Grammar*) disesuaikan untuk menganalisis struktur tatabahasa. Signifikasi menggunakan teori ini adalah kerana teori ini berupaya untuk menganalisis seluruh situasi komunikasi yang berlaku. Misalnya, tujuan ucapan diujarkan, pengguna bahasa tersebut, dan konteks wacana yang dibincangkan. Selain itu, Teori Analisis Kesalahan Bahasa Corder juga disesuaikan bagi menganalisis kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pengguna bahasa berpandukan kepada lima langkah. Penyesuaian dengan Teori Pembelajaran Sosial oleh Albert Bandura juga dilaksanakan. Teori ini melibatkan faktor-faktor sosial dan kognitif, termasuklah tingkah laku memainkan peranan penting dalam pembelajaran (Santrock, 2001). Bandura berpendapat perlakuan seseorang adalah hasil interaksi faktor dalam diri (kognitif) dan persekitaran (Ramlah Jantan & Mahani Razali, 2004).

Kesimpulannya, KPM mempunyai hala tuju yang jelas bagi mengemudi sektor pendidikan negara, seperti yang dinyatakan dalam FPN pada tahun 1987. Menurut Azizi et al. (2005), sistem pendidikan negara berfokus untuk melahirkan individu yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan emosi. Walaupun bahasa Melayu signifikan, terdapat masalah dalam penguasaan bahasa Melayu, terutama tatabahasa. Kajian oleh Meni Anak Untai (2008) mendapati tahap penguasaan bahasa Melayu masih rendah dalam kalangan pelajar di semua peringkat pendidikan. Arbak Othman (1981) berpendapat kesalahan bahasa berlaku akibat penggunaan aspek tatabahasa baku yang tidak sempurna. Masalah ini disebabkan oleh

kurangnya pemahaman tentang tatabahasa, sehingga menyukarkan perbezaan kata mengikut konteks, seperti yang dinyatakan oleh Annuar Khisam et al. (2021). Kekeliruan ini juga disebabkan percanggahan antara nahu preskriptif yang diajar di sekolah dan nahu praktis yang diperoleh melalui pengalaman penutur jati (Zaharani Ahmad, 2007). Pendidikan dan kemiskinan sering terkait, menghasilkan kesan negatif dalam pencapaian akademik murid dari keluarga berpendapatan rendah (Siti Masayu & Narimah Samat, 2018; Preston & Elo, 1996). Kajian oleh Apidah Amin (2023) menekankan bahawa persekitaran pembelajaran yang kondusif adalah penting untuk mengekalkan tumpuan dan minat belajar. Supian Mohamad Nor (1994) mendapati bahawa pelajar lelaki cenderung melakukan lebih banyak kesalahan frasa kerja transitif berbanding pelajar perempuan. Pengkaji menggunakan teori yang disesuaikan untuk mengisi kelompangan dalam kajian terdahulu. Teori Tatabahasa Fungsian digunakan untuk menganalisis struktur tatabahasa dalam konteks komunikasi, sementara Teori Analisis Kesalahan Bahasa Corder digunakan untuk menganalisis kesalahan bahasa. Selain itu, Teori Pembelajaran Sosial oleh Albert Bandura juga diaplikasikan untuk memahami interaksi antara faktor sosial dan kognitif dalam pembelajaran.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk campuran kualitatif-kuantitatif, yang dikenali sebagai *reka bentuk selari bertumpu*. Kaedah kualitatif melibatkan analisis kandungan konseptual melalui ujian tatabahasa bahasa Melayu kata kerja aktif tak transitif. Kaedah kuantitatif mengoperasikan data berangka seperti nombor dan statistik, dengan masalah kajian dinyatakan dalam bentuk hipotesis.

Jadual 1

Bilangan Murid Darjah 4 (D4) di Sekolah Kebangsaan (SK) Terpilih di Seberang Perai Tengah

Bil.	Sekolah	Bilangan Murid Darjah 4	Peratusan (%)
1.	SK A	93	57
2.	SK B	70	43
Jumlah		163	100

Kaedah pensampelan oleh Krejcie & Morgan (1970) akan dijadikan sebagai panduan untuk mengukur saiz sampel kajian. Populasi kajian ialah seramai 163 orang. Maka, jika berpandukan kaedah pensampelan oleh Krejcie & Morgan (1970), jumlah sampel yang harus diambil ialah seramai 118 responden seperti dalam jadual berikut.

Pemilihan sampel kualitatif-kuantitatif adalah secara rawak berstrata mengikut sekolah kebangsaan (SK) di PPD Seberang Perai Tengah. Pemilihan sampel juga berdasarkan peratusan bilangan murid Darjah 4 di sekolah-sekolah tersebut. Peratusan murid tertinggi ialah di SK A, mewakili 57 %, iaitu sebanyak 67 orang, manakala SK B mewakili sebanyak 43%, iaitu sebanyak 51 orang murid. Pemilihan sampel-sampel di sekolah akan dipilih mengikut peratusan bilangan murid Darjah 4 agar mewakili populasi sebenar di daerah tersebut.

Jadual 2

Bilangan Sampel Di SK Yang Dipilih di PPD Seberang Perai Tengah

Bil.	Sekolah	Bilangan Sampel
1.	SK A	67
2.	SK B	51
Jumlah		118

Maka dengan ini, pemilihan sampel-sampel ini dapat mewakili daerah Seberang Perai Tengah dalam kajian penguasaan kata kerja aktif tak transitif.

Kajian dijalankan di daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Pulau Pinang, yang mempunyai banyak sekolah rendah luar bandar. Daerah ini dipilih kerana memiliki data signifikan berkaitan kemiskinan, termasuk nilai Pekali Gini yang tinggi dan insiden kemiskinan mutlak.

Populasi sasaran ialah murid sekolah rendah di daerah SPT, Pulau Pinang, bawah seliaan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Seberang Perai Tengah. Sampel kajian terdiri daripada murid Darjah 4 (berumur 10 tahun) tanpa mengira jantina atau kaum, dipilih berdasarkan perkembangan kognitif dan keupayaan mereka bercakap untuk diri sendiri.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian yang diperoleh melalui kaedah campuran kualitatif dan kuantitatif. Kajian melibatkan 120 murid Darjah 4 dari dua Sekolah Kebangsaan di kawasan luar bandar di Seberang Perai Tengah, dipilih secara rawak. Sampel kajian sama bagi kedua-dua kaedah untuk generalisasi holistik. Instrumen kualitatif menguji tatabahasa bahasa Melayu kata kerja aktif tak transitif dan dianalisis melalui analisis kandungan konseptual. Instrumen kuantitatif mengkaji faktor yang mempengaruhi pencapaian murid dalam penguasaan kata kerja aktif tak transitif, menggunakan kaedah statistik deskriptif untuk analisis.

Kajian ini menggunakan kaedah campuran (mixed methods) yang melibatkan kajian kualitatif dan kuantitatif. Hasil kajian kualitatif memberikan petunjuk terhadap objektif kajian dan membina konsep untuk memahami fenomena sosial. Instrumen kualitatif ialah ujian yang telah diubah suai untuk menilai penguasaan tatabahasa bahasa Melayu kata kerja aktif tak transitif dalam kalangan murid Darjah 4 (D4).

Kaedah analisis kandungan digunakan untuk menganalisis data kualitatif. Analisis kandungan adalah kaedah untuk menganalisis dokumen bertulis, verbal, dan visual secara sistematik. Ia melibatkan mencari frekuensi perkataan, konsep, atau tema tertentu dalam data mentah sehingga membentuk pola dan corak yang unik.

Menurut Burn (1995) dan Krippendorff (2013), analisis kandungan adalah kaedah yang sering digunakan dalam kajian kualitatif dan mempunyai kelebihan tertentu, termasuk kepekaan terhadap kandungan teks. Analisis kandungan terbahagi kepada dua jenis: analisis kandungan konseptual dan analisis kandungan relasi. Analisis kandungan konseptual mencari konsep atau tema dalam data mentah untuk mengenal pasti pola dan corak yang muncul.

Sebelum pengumpulan dan analisis data dilakukan, pengkaji mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen daripada pakar. Kesahan memastikan instrumen mengukur data yang sepatutnya diukur tanpa berlaku kepesongan, manakala kebolehpercayaan bermaksud ketekalan keputusan pentaksiran.

Hasil dari persoalan 'apakah tahap penguasaan aspek tatabahasa bahasa Melayu kata kerja aktif tak transitif dalam kalangan murid Tahap 2 Darjah 4 (D4) Sekolah Kebangsaan (SK) di kawasan luar bandar daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang?'.

Satu instrumen kajian kualitatif mengandungi 10 item secara keseluruhannya. Instrumen ini berbentuk ujian yang memerlukan responden atau murid untuk menjawab kesemua 10 item yang diberikan. Setiap item mempunyai dua pilihan jawapan iaitu jawapan betul dan jawapan salah. Berdasarkan jawapan murid ini, pengkaji dapat menghasilkan satu dapatan data yang mewakili tahap penguasaan murid-murid ini dalam aspek tatabahasa bahasa Melayu kata kerja aktif tak transitif.

Jadual 3

Rumusan Dapatan Item A1

A1		
JAWAPAN (Betul/Salah)	FREKUENSI	PERATUS (%)
TIDUR (Betul)	104	86.7
BERDIRI (Salah)	16	13.3
Jumlah	120	100.0

Berdasarkan jadual di atas, dapat diperhatikan, untuk item nombor satu yang dilabel dengan kod A1 menunjukkan frekuensi dan peratusan jawapan betul dan jawapan salah yang dijawab oleh murid. Jawapan betul bagi item A1 ialah *tidur*, manakala jawapan salah pula ialah *berdiri*. Bilangan atau frekuensi murid Darjah 4 yang menjawab dengan betul ialah seramai 104 orang murid yang mewakili sebanyak 86.7 %. Bagi jawapan yang salah pula, seramai 16 orang murid bersamaan dengan 13.33 % murid menjawab dengan salah.

Seterusnya, bagi menjawab persoalan 'adakah terdapat faktor-faktor lain yang mempengaruhi tahap penguasaan murid dalam aspek tatabahasa bahasa Melayu kata kerja aktif tak transitif?'. Instrumen kajian kuantitatif yang pengkaji gunakan terdiri daripada lima bahagian (konstruk) seperti yang diterangkan sebelum ini. Iaitu Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C, Bahagian D, dan Bahagian E. Kesemua bahagian-bahagian itu, kecuali Bahagian A (Demografi), akan diukur nilai *Skewness* dan *Kurtosis* bagi menentukan kenormalan taburan data-data tersebut.

Jadual 4

Tajuk Bagi Setiap Konstruk Dalam Instrumen Kajian Kuantitatif

Konstruk	Tajuk Konstruk	Nilai Kenormalan	
		Skewness	Kurtosis
B	Bahan Bantu Mengajar Yang Paling Diminati	-0.565	-0.140
C	Persepsi Murid Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu	-0.727	1.193
D	Persepsi Murid Terhadap Amalan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu	-0.162	-0.282
E	Motivasi Murid Dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Tatabahasa Bahasa Melayu	-0.872	0.712

Jadual 4 menunjukkan nilai *Skewness* dan *Kurtosis* bagi setiap konstruk yang diukur. Kesemua konstruk menunjukkan nilai *kurtosis* yang berada di bawah nilai +2. Hal ini menandakan yang kesemua data dalam semua konstruk ini mempunyai taburan yang agak normal. Konstruk B menunjukkan bacaan *Kurtosis* sebanyak -0.140, manakala satu lagi konstruk yang menunjukkan bacaan *kurtosis* yang negatif ialah Konstruk D dengan nilai -0.0282. Dua lagi konstruk iaitu Konstruk C dan Konstruk E menunjukkan nilai *kurtosis* yang positif iaitu 1.193 dan 0.712. Nilai *Skewness* pula kesemuanya menunjukkan bacaan yang negatif iaitu -0.565 bagi Konstruk B, -0.727 bagi Konstruk C, -0.162 bagi Konstruk D, dan -0.872 bagi Konstruk E. Taburan yang normal, antara -2 hingga +2.

Setelah mengukur nilai *Skewness* dan *Kurtosis* bagi setiap konstruk, ujian kenormalan mesti dilaksanakan pula secara keseluruhan ke atas kesemua konstruk secara sekali gus. Ujian kenormalan secara menyeluruh ini lebih efektif dalam memaparkan taburan data yang sebenar kerana menggabungkan semua konstruk dan menggunakan semua 120 respon yang telah dikumpul. Instrumen ini berbentuk soal selidik yang mengandungi lima konstruk atau lima bahagian. Bahagian A ialah Butiran Peribadi, Bahagian B pula ialah Bahan Bantu Mengajar Yang Paling Diminati, Bahagian C ialah Persepsi Murid Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu, Bahagian D ialah Persepsi Murid Terhadap Amalan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu, dan akhir sekali ialah Bahagian E iaitu Motivasi Murid Dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Tatabahasa Bahasa Melayu. Pengkaji akan menganalisis setiap konstruk secara terperinci dengan mencari nilai statistik deskriptif dan seterusnya akan membuat kesimpulan secara keseluruhan bagi dapatan soal selidik ini.

Bahagian A : Maklumat Murid

Konstruk pertama dalam soal selidik ini ialah Bahagian A: Maklumat Murid. Pada konstruk ini terkandungnya 7 item yang bertujuan mengumpulkan maklumat berkaitan diri murid seperti jantina, umur, bangsa, dan sebagainya. Berikut merupakan dapatan daripada analisis Bahagian A.

Jadual 5
Maklumat Responden

Item	Jawapan	Frekuensi	Peratus (%)	
M1	Jantina	Lelaki	49	40.8
		Perempuan	71	59.2
		Melayu	117	97.5
M3	Bangsa	Cina	2	1.7
		India	0	0
		Lain-lain	1	0.8
M4	Kelas/ Darjah	4 UPM	30	25.0
		4 USM	27	22.5
		4 Al-Farabi	26	21.7
		4 UTM	37	30.8
		Tidak Diketahui	20	16.7
		Sektor Kesihatan	3	2.5
		Sektor Kejuruteraan	4	3.3
M5	Pekerjaan Bapa	Sektor Pendidikan	7	5.8
		Sektor Keselamatan	14	11.7
		Sektor Perkhidmatan Swasta	59	49.2
		Sektor Perkhidmatan Awam	7	5.8
		Sektor Makanan	6	5.0
		Tidak Diketahui	9	7.5
		Sektor Kesihatan	4	3.3
M6	Pekerjaan Ibu	Suri Rumah	46	38.3
		Sektor Pendidikan	17	14.2
		Sektor Perkhidmatan Swasta	27	22.5
		Sektor Perkhidmatan Awam	4	3.3

		Sektor Makanan	13	10.8
	Percakapan	Bahasa Melayu	117	97.5
M7	Harian Di	Bahasa Inggeris	1	0.8
	Rumah	Lain-lain	2	1.7
Jumlah			120	100

Daripada 120 orang responden yang terlibat dalam soal selidik ini, 49 orang (40.8%) merupakan murid lelaki manakala 71 orang murid (59.2%) ialah murid perempuan. Murid perempuan melebihi bilangan murid lelaki.

Majoriti murid-murid yang bersekolah di Sekolah Kebangsaan (SK) ialah murid berbangsa Melayu. Murid berbangsa Melayu berjumlah 117 orang, mewakili 97.5%. Jumlah yang berbaki pula melibatkan kaum Cina (1.7%) dan lain-lain kaum (0.8%). Tiada murid India yang bersekolah di sekolah yang pengkaji kunjungi untuk kutipan data.

25% murid datang dari kelas 4 UPM, 22.5% dari kelas 4 USM, dan 21.7% dari kelas 4 Al-Farabi. Jumlah murid yang paling ramai ialah dari kelas 4 UTM dengan peratusan sebanyak 30.8%.

Seterusnya statistik pekerjaan bapa murid yang terlibat dalam kajian ini iaitu dalam bidang perkhidmatan swasta iaitu mewakili sebanyak 49.2% atau 59 orang bapa. Untuk maklum balas "Tidak Diketahui" pula, ia membawa maksud pekerjaan bapa murid tidak dapat diketahui. Sektor kesihatan pula mencatatkan jumlah 2.5% perwakilan. Sektor kejuruteraan pula mencatatkan peratusan sebanyak 3.3%, bidang pendidikan sebanyak 5.8%. Sektor keselamatan 11.7%. Sektor makanan 5.0% dan terakhir, sektor perkhidmatan awam 5.8%.

Manakala bagi pekerjaan ibu, 7.5% pekerjaan ibu tidak diketahui. Sektor kesihatan 3.3%. Sektor pendidikan, 14.2%, sektor perkhidmatan swasta 22.5%, sektor perkhidmatan awam 3.3%, dan sektor makanan 10.8%. Suri rumah 38.3%.

Untuk aspek percakapan harian di rumah, bahasa Melayu iaitu 97.5%, bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain, 0.8% untuk bahasa Inggeris dan 1.7% untuk bahasa-bahasa lain.

Bahagian B : Bahan Bantu Mengajar Yang Paling Diminati

Pengkaji meninjau dan mengkaji Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang paling digemari oleh murid-murid Darjah 4 (D4) di Sekolah Kebangsaan (SK) yang terlibat ketika mempelajari bahasa Melayu di dalam kelas. BBM yang digunakan ketika sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) sebenarnya memberi impak secara langsung terhadap keberkesanan PdP murid dalam bahasa Melayu. Oleh hal yang demikian, amat penting untuk pengkaji meninjau BBM manakah yang paling murid minati dalam PdP tatabahasa bahasa Melayu kata kerja aktif tak transitif.

Jumlah item pada Bahagian B ialah sebanyak 5 item. Dengan menggunakan Skala Likert, murid dikehendaki untuk menjawab kesemua item secara jujur berdasarkan pengetahuan, pengalaman, dan emosi murid sendiri. Jadual di bawah menunjukkan frekuensi respon 120 orang murid Darjah 4 (D4) di SK yang telah pengkaji kunjungi untuk mengumpul data.

Jadual 6

Rumusan Dapatan Setiap Item Dalam Konstruk B

Kod	Item	Min	Tahap
B1	Saya sangat suka ketika guru menggunakan gambar ketika mengajar tatabahasa bahasa Melayu	3.07	Sederhana
B2	Saya sangat suka ketika guru menggunakan kad imbasan (<i>flash card</i>) ketika mengajar tatabahasa bahasa Melayu	3.20	Sederhana
B3	Saya sangat suka ketika guru menggunakan Powerpoint ketika mengajar tatabahasa bahasa Melayu	3.68	Sederhana
B4	Saya sangat suka ketika guru menggunakan komputer ketika mengajar tatabahasa bahasa Melayu	4.15	Tinggi
B5	Saya sangat suka ketika guru menggunakan video ketika mengajar tatabahasa bahasa Melayu	3.74	Sederhana
	Min Keseluruhan	3.57	Sederhana

Berdasarkan data yang telah dianalisis, nilai min bagi setiap item dalam Bahagian B telah berjaya diperolehi. Dengan adanya nilai min ini pengkaji dapat melihat BBM manakah yang paling diminati oleh murid-murid Darjah 4 (D4) ini ketika PdP Bahasa Melayu sedang berlangsung. Kesemua 120 respon murid telah direkodkan dalam Jadual di atas mengikut jawapan yang diberikan oleh mereka. Nilai frekuensi bagi setiap Skala Likert dalam Bahagian B telah dikenal pasti. Nilai min pula ditafsir berpandukan cadangan yang dikemukakan oleh Landell (1997) bagi menginterpretasi nilai min yang diperolehi.

Jadual 7
Intepretasi Nilai Skor Min

Skor Min	Tahap Kecenderungan
1.00 – 2.40	Rendah
2.41 – 3.80	Sederhana
3.81 – 5.00	Tinggi

(Sumber : Landell, 1997)

Item yang mencatatkan nilai min terendah dalam Bahagian B ialah item B1 dengan pernyataan berbunyi “*Saya sangat suka ketika guru menggunakan gambar ketika mengajar tatabahasa bahasa Melayu*” dengan skor min sebanyak 3.07. Item B4 merupakan item yang mencatatkan skor min yang paling tinggi iaitu sebanyak 4.15. Item B4 mempunyai pernyataan “*Saya sangat suka ketika guru menggunakan komputer ketika mengajar tatabahasa bahasa Melayu*” yang diajukan kepada 120 orang murid.

Jadual 8
Nilai Statistik Deskriptif Konstruk B

Bahagian B	Min	Mode	Median	Sisihan Piawai	Minimum	Maksimum	Julat
	3.57	4	3.60	0.654	2	5	3

Secara keseluruhannya, min bagi Bahagian B ialah 3.57. Nilai sisihan piawai pula ialah sebanyak 0.654 yang menunjukkan taburan data bagi Bahagian B ini tertabur secara normal dan tidak terlalu jauh daripada nilai min. Berdasarkan analisis secara keseluruhan yang dilakukan pada jadual di atas, komputer merupakan BBM yang paling

diminati oleh murid dalam PdP tatabahasa bahasa Melayu kata kerja aktif tak transitif. Gambar pula merupakan BBM yang paling tidak diminati oleh murid-murid Darjah 4 (D4) SK luar bandar di Seberang Perai Tengah dalam PdP tatabahasa bahasa Melayu kata kerja aktif tak transitif.

Kemudian, pengkaji akan melihat 'adakah terdapat hubungan yang signifikan antara faktor Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang paling diminati dengan faktor persepsi murid terhadap Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bahasa Melayu? Persepsi Murid Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu. Bahagian C mempunyai 3 item secara keseluruhannya. Ketiga-tiga item dalam Bahagian C ini direka dengan tujuan untuk meninjau pandangan murid terhadap subjek Bahasa Melayu yang murid pelajari di sekolah.

Jadual 9

Rumusan Dapatan Setiap Item Dalam Konstruk C

Kod	Item	Min	Tahap
C6	Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran yang menarik	3.86	Tinggi
C7	Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran yang susah dipelajari	2.77	Sederhana
C8	Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran yang penting	4.30	Tinggi

Item yang mempunyai skor min yang paling tinggi ialah pada item C8 dengan nilai skor min 4.30. Item C8 mempunyai pernyataan "*Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran yang penting*". Item C8 meneroka pendapat murid tentang kepentingan bahasa Melayu untuk dipelajari dan dalam kehidupan seharian. Ternyata, nilai skor tertinggi yang dimiliki oleh item C8 berbanding item-item yang lain jelas menunjukkan majoriti murid berpendapat bahasa Melayu sebagai mata pelajaran yang penting. Hal ini terbukti apabila 66 orang murid (55%) beranggapan bahasa Melayu sebagai mata pelajaran yang penting, manakala hanya 2 orang murid sahaja iaitu 1.7% yang beranggapan bahasa Melayu sebagai mata pelajaran yang tidak penting.

Item C7 pula mencatatkan skor min yang paling rendah dalam kalangan item-item Bahagian C dengan nilai sebanyak 2.77. Item C7 ingin meneroka adakah murid merasakan yang bahasa Melayu yang mereka pelajari sejak Darjah 1 ini merupakan mata pelajaran yang amat susah ataupun sebaliknya. Perkara ini terjawab dengan nilai min yang dipaparkan iaitu 2.77 yang bererti majoriti murid tidak bersetuju dengan pernyataan ini dan menganggap bahasa Melayu sebagai mata pelajaran yang tidak susah untuk dipelajari. Seramai 22 orang (18.3%) murid yang berpendapat bahasa Melayu merupakan subjek yang tidak susah untuk dipelajari, manakala majoriti murid iaitu seramai 51 orang murid (42.5%) berpendapat bahasa Melayu tidak terlalu susah dan juga tidak terlalu senang, iaitu pada skala “Sederhana”.

Majoriti murid pula menganggap bahasa Melayu sebagai mata pelajaran yang menarik iaitu seramai 44 orang (36.7%) pada item C6. Hanya 5% sahaja atau 6 orang murid sahaja yang merasakan bahasa Melayu ini sebagai mata pelajaran yang kurang menarik bagi mereka.

Jadual 10

Nilai Statistik Deskriptif Konstruk C

Bahagian C	Min	Mode	Median	Sisihan Piawai	Minimum	Maksimum	Julat
	3.64	4	3.67	0.702	1	5	4

Min bagi keseluruhan Bahagian C ialah 3.64, iaitu berada pada tahap sederhana mengikut intepretasi Landell (1997). Nilai sisihan piawai pula ialah 0.702 iaitu menunjukkan data tertabur secara normal. Daripada analisis tadi, kebanyakan murid boleh dikatakan mempunyai persepsi yang positif terhadap bahasa Melayu. Hal ini terbukti apabila majoriti murid beranggapan bahasa Melayu merupakan mata pelajaran yang penting dan menarik.

Bagi menjawab persoalan ini juga, perlu dilihat Persepsi Murid Terhadap Amalan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. Bahagian D pula merupakan bahagian yang meneroka pandangan murid terhadap Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bahasa Melayu yang dijalankan oleh guru bahasa Melayu. Guru memainkan peranan yang amat penting dalam memupuk minat murid terhadap sesuatu mata pelajaran, memastikan murid lebih fokus terhadap sesuatu mata pelajaran.

Jadual 11

Rumusan Dapatan Setiap Item Dalam Konstruk D

Kod	Item	Min	Tahap
D9	Guru sangat kreatif ketika mengajar bahasa Melayu	4.03	Tinggi
D10	Guru banyak menggunakan gambar khususnya ketika mengajar sesuatu perkataan baru	3.47	Sederhana
D11	Guru sentiasa menggunakan kad imbasan ketika mengajar	2.93	Sederhana
D12	Guru gemar menggunakan powerpoint ketika mengajar	3.47	Sederhana
D13	Saya lebih berminat belajar dengan bantuan guru	4.14	Tinggi

Berdasarkan analisis dalam jadual di atas, item yang mencatatkan skor min tertinggi ialah item D13 yang mempunyai pernyataan “*Saya lebih berminat belajar dengan bantuan guru*” dengan skor min 4.14. Item dengan catatan skor min paling rendah ialah item D11 dengan nilai 2.93 iaitu berada pada tahap rendah berdasarkan interpretasi Landell (1997). Murid diajukan dengan pernyataan “*Guru sentiasa menggunakan kad imbasan ketika mengajar*”.

Jadual 12

Rumusan Dapatan Setiap Item Dalam Konstruk D

Bahagian D	Min	Mode	Median	Sisihan Piawai	Minimum	Maksimum	Julat
	3.61	4	3.60	0.603	2	5	3

Min keseluruhan bagi item-item dalam Bahagian D ialah 3.61, iaitu berada pada tahap sederhana mengikut interpretasi Landell (1997). Sisihan piawai pula ialah 0.603 yang menunjukkan data-data dalam Bahagian D ini tertabur secara normal. Secara kesimpulannya, murid lebih gemar belajar bahasa Melayu dengan bantuan guru dan mereka juga menganggap guru mereka sebagai seorang yang kreatif ketika mengajar bahasa Melayu.

Persoalan akhir ialah, 'adakah terdapat hubungan yang signifikan antara faktor persepsi murid terhadap mata pelajaran bahasa Melayu dengan faktor motivasi murid dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bahasa Melayu?. Soal selidik ini meneroka minat murid terhadap BBM dan persepsi mereka terhadap mata pelajaran dan PdP guru, Bahagian E pula akan meneroka motivasi murid ketika mempelajari mata pelajaran bahasa Melayu. Bahagian E ini hanya mengandungi 2 item sahaja yang mempunyai kod E14 dan E15. Bahagian ini akan cuba meninjau sama ada murid bermotivasi ataupun tidak ketika mempelajari bahasa Melayu. Bahagian E ini merupakan bahagian yang penting dalam soal selidik ini kerana motivasi memainkan peranan yang penting dalam kesediaan mereka untuk belajar.

Jadual 13

Rumusan Dapatan Setiap Item Dalam Konstruk E

Kod	Item	Sangat Tidak Bermotivasi	Tidak Bermotivasi	Sederhana	Bermotivasi	Sangat Bermotivasi	Min	Tahap
E14	Saya akan mengulang kaji pembelajaran yang melibatkan tatabahasa bahasa Melayu	6 (5.0%)	6 (5.0%)	31 (25.8%)	34 (28.3%)	43 (35.8%)	3.85	Tinggi
E15	Saya bermotivasi untuk belajar tatabahasa	6 (5.0%)	12 (10.0%)	25 (20.8%)	38 (31.7%)	39 (32.5%)	3.77	Tinggi

Item E14 mempunyai pernyataan yang berbunyi "Saya akan mengulang kaji pembelajaran yang melibatkan tatabahasa bahasa Melayu" yang diajukan kepada murid. Nilai skor min bagi item ini berada pada tahap yang tinggi dan membawa maksud kebanyakan murid bersetuju bahawa mereka akan mengulang kaji pembelajaran

yang melibatkan tatabahasa bahasa Melayu, iaitu seramai 43 orang murid (35.8%). 34 orang murid (28.3%) pula berada di skala 4 dalam Skala Likert iaitu "Berminat", yang bermakna kekerapan mereka untuk mengulang kaji pembelajaran melibatkan tatabahasa bahasa Melayu tidaklah sekerap 34 orang yang berada di skala "Sangat Berminat". Hanya 5% murid sahaja yang tidak akan mengulang kaji pembelajaran yang melibatkan tatabahasa bahasa Melayu.

Item E15 juga mencatatkan nilai skor min yang tinggi iaitu 3.77. Daripada keseluruhan jumlah responden, 39 orang (32.5%) sangat bersetuju yang mereka sangat bermotivasi dalam pembelajaran tatabahasa bahasa Melayu. 25 orang murid (20.8%) pula mempunyai tahap motivasi yang sederhana sahaja. Tetapi hanya 6 orang murid (5%) sahaja yang mengatakan mereka tidak bermotivasi untuk belajar tatabahasa bahasa Melayu.

Jadual 14

Rumusan Dapatan Setiap Item Dalam Konstruk E

Bahagian E	Min	Mode	Median	Sisihan Piawai	Minim um	Maksim um	Julat
	3.81	4	4.00	0.929	1	5	4

Nilai min secara keseluruhannya ialah 3.81, iaitu berada pada tahap yang tinggi, nilai sisihan piawai pula ialah sebanyak 0.929 yang menandakan data-data dalam Bahagian E ini tertabur secara normal. Kesimpulannya, didapati majoriti murid sangat bermotivasi dalam pembelajaran tatabahasa bahasa Melayu dan akan mengulang kaji pembelajaran yang melibatkan tatabahasa bahasa Melayu.

Hubungan Antara Bahan Bantu Mengajar Yang Paling Diminati Dengan Persepsi Murid Terhadap Amalan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu mempunyai kaitan antara satu sama lain. Bahagian B meneroka BBM yang paling diminati oleh murid, manakala Bahagian D pula meneroka persepsi murid terhadap PdP bahasa Melayu yang dijalankan oleh guru. Dalam Bahagian D, item-itemnya banyak memfokuskan BBM yang digunakan oleh guru ketika PdP Bahasa Melayu sedang berlangsung bagi meninjau persepsi murid terhadap penggunaan BBM tersebut. Justeru, pengiraan korelasi antara dua konstruk ini dapat mendedahkan adakah wujudnya hubungan yang signifikan antara kedua-dua konstruk ini.

Jadual 15

Intepretasi Nilai Pekali Korelasi Pearson

Pekali Korelasi Pearson	Intepretasi
-1	Korelasi linear negatif yang sempurna antara dua pemboleh ubah
0	Tiada korelasi linear antara dua pemboleh ubah
1	Korelasi linear positif antara dua pemboleh ubah

(Sumber : Zach, 2020)

Pekali Korelasi Pearson akan dicari bagi mencari hubungan antara bahan bantu mengajar yang paling diminati dengan persepsi murid terhadap amalan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.

Jadual 16

Nilai Keertian (Significance) Antara Konstruk B Dengan Konstruk D

Korelasi		Bahagian B	Bahagian D
Bahagian B	Pearson Correlation	1	0.492**
	Sig. (2 tailed)		0.000
	N	120	120
Bahagian D	Pearson Correlation	0.492**	1
	Sig. (2 tailed)	0.000	
	N	120	120

Berdasarkan jadual di atas, nilai Pekali Korelasi Pearson bagi hubungan antara BBM yang paling diminati oleh murid dengan persepsi murid terhadap PdP bahasa Melayu oleh guru ialah 0.492**. Nilai ini menandakan wujudnya korelasi linear yang positif antara kedua-dua konstruk B dan D tersebut.

Tambahan pula, Ujian Keertian (*Test of Significance*) menunjukkan hubungan antara BBM yang paling diminati oleh murid dengan persepsi murid terhadap amalan PdP bahasa Melayu adalah hubungan yang bererti, bermakna, dan signifikan. Nilai bagi keertian (*significance*) ditandai dengan simbol p . Sekiranya nilai p kurang daripada 0.05, maka hubungan antara mana-mana dua pemboleh ubah itu ialah signifikan (Zach, 2020). Nilai signifikan bagi hubungan antara konstruk B dan konstruk D ialah 0.000. Hubungan yang positif ini dapat juga ditunjukkan melalui plot serakan (*scatter plot*) yang dibina berdasarkan hubungan yang positif antara BBM yang paling diminati oleh murid dengan persepsi murid terhadap amalan PdP bahasa Melayu oleh guru.

Kesimpulannya, korelasi yang positif terhadap 120 responden diterjemahkan oleh minat murid yang tinggi terhadap sesuatu BBM oleh murid akan menghasilkan persepsi yang positif oleh murid terhadap amalan PdP bahasa Melayu guru.

Hubungan Antara Persepsi Murid Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu Dengan Motivasi Murid Dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Tatabahasa Bahasa Melayu, mempunyai kaitan antara satu sama lain, begitu juga keadaannya dengan Bahagian C dan Bahagian E. Bahagian C meneroka persepsi murid terhadap mata pelajaran bahasa Melayu, manakala Bahagian E pula meninjau motivasi murid dalam PdP tatabahasa bahasa Melayu. Hubungan antara persepsi dan motivasi sememangnya tidak dapat dipisahkan. Persepsi yang positif secara teorinya akan menghasilkan motivasi yang tinggi terhadap sesuatu perkara. Begitu juga halnya dalam dunia pendidikan. Persepsi yang positif terhadap pembelajaran akan meningkatkan motivasi murid untuk lebih fokus dalam pembelajaran. Kajian-kajian lepas menunjukkan sikap murid terhadap sesuatu pembelajaran yang positif akan menyebabkan mereka mempunyai keinginan untuk belajar dengan bersungguh-sungguh (Chew Fong Peng, 2023).

Jadual 17

Nilai Keertian (Significance) Antara Konstruk C Dengan Konstruk E

Korelasi		Bahagian C	Bahagian E
Bahagian C	Pearson Correlation	1	0.278**
	Sig. (2 tailed)		0.002
	N	120	120
Bahagian E	Pearson Correlation	0.278**	1
	Sig. (2 tailed)	0.002	
	N	120	120

Hubungan antara konstruk C dan konstruk E merupakan hubungan yang signifikan ataupun hubungan yang bermakna. Nilai signifikan bagi hubungan ini ialah 0.002 iaitu kurang daripada nilai 0.05. Nilai *p* yang kurang daripada 0.05 menandakan sesuatu hubungan antara dua pemboleh ubah itu ialah signifikan (Zach, 2020). Seterusnya, nilai Pekali Korelasi Pearson pula ialah 0.278**. Nilai ini menunjukkan wujudnya korelasi linear yang positif antara kedua-dua konstruk. Daripada 120 respon yang direkodkan menunjukkan persepsi murid yang positif terhadap mata pelajaran bahasa Melayu akan menghasilkan motivasi yang tinggi untuk murid mengikuti PdP bahasa

Melayu. Hubungan positif ini dapat ditunjukkan melalui plot serakan (*scatter box*) yang ditunjukkan di bawah.

IMPLIKASI KAJIAN DAN CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Masih terdapat beberapa aspek, perkara dan elemen baharu yang boleh dimasukkan dalam kajian ini untuk menjadikannya lebih holistik dan komprehensif agar boleh dijadikan bahan rujukan untuk pengkaji-pengkaji lain. Aspek yang dikaji amat terhad dan tidak meliputi keseluruhan aspek-aspek lain dalam kategori tatabahasa. Dengan mengkaji golongan-golongan kata yang lain, hasil dapatan kajian akan memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang penguasaan tatabahasa murid, berbanding hanya penguasaan kata kerja aktif tak transitif yang diteroka oleh pengkaji dalam kajian ini. Data penguasaan tatabahasa yang menyeluruh merupakan data yang amat bernilai dan harus dimanfaatkan oleh pengkaji-pengkaji masa hadapan. Pengkaji ingin mencadangkan supaya kajian pada masa depan menggunakan murid-murid Darjah 6 (D6) sebagai sampel mereka. Murid-murid D6 dianggap mempunyai tahap pengetahuan tatabahasa yang lebih tinggi berbanding murid-murid D4 kerana telah melalui tahun-tahun di Tahap 2 selama 2 hingga 3 tahun.

Justeru, sesi PdP yang diikuti serta latihan ulang kaji yang dilakukan dianggap telah memantapkan pengetahuan tatabahasa mereka. Dapatan data ini akan menunjukkan tahap sebenar penguasaan tatabahasa antara murid sekolah bandar dan sekolah luar bandar. Bukan sekadar lokasi sekolah yang patut ditambah, bahkan jenis sekolah juga harus ditambah. SK, SJKC, dan SJKT harus dilibatkan dalam kajian pada masa depan nanti. Penglibatan sekolah-sekolah vernakular yang lain akan menunjukkan tahap penguasaan sebenar ilmu tatabahasa merentasi pelbagai kaum, iaitu kaum Melayu, Cina, dan India. Penguasaan ilmu tatabahasa yang mantap dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum amat penting kerana bahasa Melayu merupakan bahasa utama dan bahasa rasmi di negara ini.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kesemua objektif kajian berjaya dicapai. Tahap penguasaan yang tinggi telah direkodkan dalam penguasaan tatabahasa bahasa Melayu kata kerja aktif tak transitif berdasarkan instrumen ujian yang dijawab oleh mereka. Penguasaan yang tinggi ini telah menepis spekulasi-spekulasi yang sering didengar iaitu sekolah luar bandar tertinggal jauh dalam pencapaian akademik. Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian murid-murid ini dalam tatabahasa bahasa Melayu kata kerja aktif tak transitif juga telah berjaya dikenal pasti. Bukan itu sahaja, hubungan antara faktor-faktor ini juga telah berjaya dikesan. Faktor-faktor seperti BBM yang paling diminati, persepsi murid terhadap mata pelajaran bahasa Melayu, persepsi murid terhadap amalan PdP bahasa Melayu, dan motivasi murid dalam PdP tatabahasa bahasa Melayu berhubung antara satu sama lain dan saling mempengaruhi.

RUJUKAN

- Akhlar Pardi, S. S. (2014). *Pengantar Penyelidikan Tindakan*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Abdul Aziz. (1987). *Kesalahan-Kesalahan di Dalam Penggunaan Bahasa Malaysia: Kajian Sepintas Lalu dalam Abdullah Hassan, Hasnah Ibrahim, & Mashudi Kader. Kesalahan Bahasa Dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bogdan, R.C., & Biklen, S.K. (1992). *Qualitative Research For Education: An Introduction to Theories and Methods*. New York : Pearson.
- Chew Fong Peng. (2023). *Hubungan Antara Persepsi, Sikap dan Pencapaian Bahasa Melayu Murid-Murid Cina Di Sekolah Kebangsaan Cina Pilihan*. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 41 – 49.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur : McGraw-Hill (Malaysia).
- Dane, F.C. (1990). *Research Methods*. Pacific Grove : Brooks/Cole Publishing Company.
- Edinin, R. (2015). *Penyelidikan Tindakan: Kaedah & Penulisan*. Selangor: Pelangi Professional Publishing Sdn. Bhd.

- Faridah Nazir, & Faiziah Shamsudin. (2018). *Kajian Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah*. Petaling Jaya, Selangor : Sasbadi Sdn. Bhd.
- George, D., & Mallery, M. (2010). *SPSS For Windows Step By Step : A Simple Guide And Reference, 17.0 Update (10a Ed)*. Boston : Pearson.
- Hashimah, M.Y., Mohd Isa, H., & Shahlan, S. (2018). *Kesahan Dan Kebolehppercayaan Indeks Pemupukan Kreativiti Dalam Pengajaran Guru Dengan Elemen Islam (I-CFTI) Berdasarkan Pendekatan Model Rasch*. Jurnal Pendidikan Malaysia, 43(3), 77 – 88.
- Ikhsan Othman & Norila Md Salleh. (2005). *Kurikulum Dan Pengajaran Sekolah Rendah*. Tanjung Malim : Quantum Books.
- Jasmi, K.A., & Tamuri, A.H. (2007). *Pendidikan Islam : Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*. Skudai, Johor : Penerbit UTM.
- Kamarul Azmi. (2012). *Kesahan dan Kebolehppercayaan Dalam Kajian Kualitatif*. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012, 1 – 33.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). *Determining Sample Size for Research Activities*. Educational and Psychological Measurement, 30, 607 – 610.
- Landell, K. (1997). *Management By Menu*. London : Wilay and Sms Inc.
- Macintosh, H.G.& Morrison, R.B. (1969). *Objective Testing*. London: University of London Press Ltd.
- Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan.
- Malaysia. (2019). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan Tahun 4*. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan.
- Masyuniza Yunos. (2015). *Hubungan Sikap Dan Persepsi Murid Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Dengan Kemahiran Abad Ke-21*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 5(2), 22 – 30.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2010). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (3rd Ed)*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raminah Haji Sabran. (1989). *Kecekapan Berkomunikasi Dalam Bahasa Malaysia Untuk Pelatih Maktab Perguruan*. Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (1996). *Tatabahasa Bahasa Melayu (Perkataan)*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

- Tamilarasi Ellangovan & Khairul Azhar. (2022). Penguasaan Bahasa Inggeris Yang Rendah Dalam Kalangan Murid Di Sekolah Malaysia ; Analisis Faktor Dan Cadangan Penambahbaikan. *International Journal Of Education And Pedagogy*, 4 (3), 38 – 48.
- Vaziey, J. (1967). *Education For Tomorrow*. England : Penguin Books Ltd.
- White, M.D., & Marsh, E.E. (2006). Content Analysis: A *Flexible Methodology*. *Library Trends*, 55(1), 22 – 45.
- Yahya Othman & Dayang Rani. (2021). Kesan Aplikasi Perisian Cerita Interaktif Semasa Mengajarkan Kemahiran Bacaan dan Kefahaman Dalam Kalangan Murid Tahun 4 di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 27– 49.

MASALAH KEMAHIRAN MENULIS BAHASA TAMIL DALAM KALANGAN MURID BUKAN PENUTUR NATIF DI SEKOLAH KEBANGSAAN

Chitra Selvi Rudrapathy (Ph.D),¹ Thulasi Rudrapathy (Ph.D),²
Maniyarasan Muniandy (Ph.D)³
Jabatan Pengajian Tamil,^{1,2}
Jabatan Kecemerlangan Akademik,³
Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun
chittirei_81@yahoo.com¹

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti masalah kemahiran menulis bahasa Tamil dalam kalangan murid bukan penutur natif tahun satu di Sekolah Kebangsaan. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Pemilihan responden kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan dengan melibatkan 16 orang guru sebagai responden, yang mengajar bahasa Tamil tahun satu di 16 buah Sekolah Kebangsaan di seluruh Malaysia. Temu bual separa berstruktur digunakan sebagai instrumen kajian. Data telah dianalisis dengan menggunakan kaedah kualitatif melalui perisian ATLAS.ti versi 23. Hasil dapatan menunjukkan terdapat beberapa masalah kemahiran menulis bahasa Tamil dalam kalangan murid bukan penutur natif tahun satu di Sekolah Kebangsaan, termasuk aspek bentuk, jarak, jelas, titik, saiz, condong, kelajuan, teknik menulis, kekemesan, dan kecantikan. Implikasi kajian ini memberi kesedaran dan memperluaskan pemahaman terhadap masalah kemahiran menulis bahasa Tamil dalam kalangan murid bukan penutur natif.

Kata Kunci: Masalah menulis bahasa Tamil, murid bukan penutur natif, sekolah kebangsaan

Abstract

This study aims to identify the writing skill issues in Tamil language among non-native Year 1 students in National Primary Schools. The study employs a survey research design. The selection of study respondents used purposive sampling, involving 16 teachers as respondents, who teach Tamil language to Year 1 students in 16 National Primary Schools across Malaysia. A semi-structured interview was used as the research instrument. The data were

analyzed using qualitative methods through ATLAS.ti version 23 software. The findings indicate several writing skill problems in Tamil Language among non-native Year 1 students in National Primary Schools, including issues related to shape, spacing, clarity, point, size, slant, speed, writing techniques, fluency, and aesthetics. The implications of this study raise awareness and expand the understanding of writing skill issues in Tamil language among non-native students.

Keywords: Tamil language writing problems, non-native students, National Primary Schools.

PENGENALAN

Pada tahun 1997, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menetapkan pelaksanaan mata pelajaran Bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan sebagai bahasa tambahan setaraf dengan mata pelajaran lain. Sehubungan dengan itu, Pusat Perkembangan Kurikulum telah melaksanakan program projek rintis di 94 buah sekolah seluruh negara di sepanjang tahun 1996 dan 1997 (KPM, 1997). Matlamat pelaksanaan ini adalah untuk memperluas peluang murid mempelajari Bahasa Tamil, sekali gus memperkukuh elemen kepelbagaian bahasa dalam sistem pendidikan negara. Pada tahun 2006, KPM telah melaksanakan beberapa strategi untuk memperkasakan Sekolah Kebangsaan supaya menjadikannya sekolah pilihan bagi semua bangsa dan keturunan di negara ini. Bagi mencapai matlamat tersebut, KPM memperkenalkan program BTKS. Di bawah program BTKS ini, mata pelajaran Bahasa Tamil yang hanya ditawarkan kepada murid-murid India sebelum ini, kini ditawarkan kepada semua murid tanpa mengira keturunan dan agama. Langkah ini bertujuan memupuk minat kaum lain terhadap Bahasa Tamil, di samping menggalakkan penguasaan bahasa tambahan yang mampu mengeratkan perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk Malaysia (Chew, 2019). Selain itu, inisiatif ini turut mencerminkan usaha kerajaan dalam memperkayakan kemahiran pelbagai bahasa murid, sejajar dengan aspirasi negara untuk melahirkan generasi yang kompeten dalam pelbagai bahasa. Data seperti pada 31 Disember 2021 menunjukkan sebanyak 341 Sekolah Kebangsaan menawarkan mata pelajaran Bahasa Tamil (BTKS) di seluruh Malaysia.

PERMASALAHAN KAJIAN

Pembinaan kurikulum bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan mempertimbangkan pendekatan pengajaran bahasa Tamil sebagai bahasa tambahan dan bahasa kedua. KPM menyemak dan menambah baik Kurikulum Standard Bahasa Tamil (BTSK) melalui Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Tamil (DSKP). Namun, keberkesanan pembelajaran bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan kurang memberangsangkan. Hal ini dibuktikan oleh dapatan kajian Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan yang menunjukkan tahap pencapaian murid dalam kemahiran bahasa Tamil berada pada tahap sederhana dan memuaskan (Chew, 2019).

Kajian oleh Nora' Azian Nahar (2020) mendapati prestasi dan pencapaian murid bukan natif dalam peperiksaan menunjukkan tahap penguasaan kemahiran menulis masih belum memuaskan, terutama membabitkan bahasa kedua atau bahasa asing. Selain itu, dapatan kajian Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) 2020 di empat buah sekolah di negeri Pulau Pinang menunjukkan purata tahap pencapaian murid bukan natif dalam kemahiran menulis bahasa Tamil hanya berada pada tahap memuaskan. Tambahan lagi, kajian oleh Chitra dan Thulasi (2021) mendapati murid bukan natif bahasa Tamil tahun satu di Sekolah Kebangsaan di Zon Utara mempunyai purata tahap penguasaan kemahiran menulis bahasa Tamil yang kurang memuaskan.

Kajian-kajian menunjukkan pencapaian murid dalam bahasa Tamil, terutama dalam kemahiran menulis, masih belum mencapai matlamat yang diinginkan oleh KPM. Jika isu ini tidak ditangani, objektif kemahiran menulis DSKP BTSK tidak akan tercapai dan menyebabkan murid bukan penutur natif gagal menguasai tahap kemahiran yang diharapkan. Keadaan ini boleh menjejaskan usaha KPM menjadikan Sekolah Kebangsaan sebagai pilihan utama bagi semua kaum, selain mengurangkan keyakinan terhadap sistem pendidikan di Sekolah Kebangsaan. Oleh itu, penyelidikan ini penting untuk memperkasakan Sekolah Kebangsaan dan mencapai visi Malaysia Madani melalui penguasaan bahasa Tamil yang baik oleh semua murid, termasuk bukan penutur natif.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid bukan penutur natif dalam kemahiran menulis bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan Malaysia.

PERSOALAN KAJIAN

Apakah masalah yang dihadapi oleh murid bukan penutur natif dalam kemahiran menulis bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan?

BATASAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa batasan seperti lokasi kajian, responden kajian dan tempoh kajian. Dari segi lokasi dan jenis sekolah pula, kajian ini terbatas kepada 16 buah Sekolah Kebangsaan di seluruh Malaysia yang menawarkan mata pelajaran bahasa Tamil sebagai bahasa tambahan. Kajian ini terbatas kepada 16 orang guru (responden temu bual) yang mengajar mata pelajaran bahasa Tamil tahun satu di Sekolah Kebangsaan. Tempoh kajian pula temu bual separa berstruktur dijalankan mengikut kesesuaian masa responden kajian.

LITERATUR

Menurut Yuznaili (2020), kemahiran bahasa terdiri daripada empat elemen utama: mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Antara elemen ini, kemahiran menulis dianggap paling penting dalam kehidupan seorang murid (Aderlin & Melor, 2021). Menulis ditakrifkan sebagai proses penghasilan simbol grafik yang disusun berdasarkan pertuturan untuk membentuk perkataan dan ayat. Ayat ini kemudian membentuk teks, nota, atau bahan bercetak (Tuan Jah, 2013). Safitri (2019) pula menyatakan bahawa menulis ialah kemampuan berkomunikasi melalui simbol grafik yang mewakili bahasa yang difahami. Penjelasan ini menunjukkan hubungan rapat antara menulis dan membaca, di mana tulisan seseorang adalah untuk dibaca oleh orang lain, manakala pembacaan adalah hasil tulisan tersebut.

Dalam kajian ini, kemahiran menulis bahasa Tamil merujuk kepada keupayaan murid menulis huruf vokal, aaitham, konsonan, sukukata, huruf grantha, perkataan, dan frasa dengan bentuk, saiz, jarak, serta kejelasan yang betul. Berdasarkan kajian lepas, murid bukan natif sering menghadapi masalah dalam menulis bahasa Tamil. Antara masalah utama ialah penulisan titik pada konsonan, yang kadangkala berbentuk bulatan besar atau kecil dan dihitamkan (Vijayakumar, 2020). Murid juga kerap melakukan kesilapan dalam menulis penanda vokal, termasuk strok lengkung dan suli (சுழி). Kesalahan ini berlaku apabila murid tidak menulis elemen seperti kombu (கொம்பு), suli (சுழி), vilanggu (விலங்கு), dan valaivu (வளைவு) dengan cara yang betul serta tidak mengikut strok (Gomala, 2016).

Menurut Ramiah (1989), murid bukan penutur natif sering menghasilkan tulisan bahasa Tamil yang tidak jelas dan sukar dibaca kerana mencampurkan huruf bersambung dan berpisah, menyebabkan tulisan mereka kelihatan tidak rapi. Rathinasabapathy (2000) menegaskan bahawa huruf Tamil tidak boleh ditulis secara miring seperti huruf Inggeris, kerana skrip Tamil sepatutnya tegak. Namun, terdapat murid bukan penutur natif yang menulis huruf Tamil dengan condong, menunjukkan kesukaran mereka dalam mematuhi aturan asas tulisan bahasa Tamil.

METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk kajian merujuk kepada cara penyelidik mengendalikan kajian dan teknik atau prosedur yang digunakan untuk mencari jawapan yang jelas terhadap persoalan-persoalan kajian (Kerlinger, 1973). Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Kajian tinjauan ialah suatu pendekatan penyelidikan yang bertujuan untuk mengumpul data mengenai pandangan, sikap, kepercayaan, atau tingkah laku sesuatu populasi terhadap isu tertentu (Fraenkel & Wallen, 1996). Reka bentuk ini membolehkan penyelidik memahami fenomena dengan melihat perspektif yang berbeza serta menganalisis pola dan kecenderungan dalam populasi kajian. Ia juga sesuai untuk meninjau isu kemahiran menulis bahasa Tamil dalam kalangan murid bukan penutur natif di sekolah kebangsaan.

PESERTA KAJIAN


Dalam kaedah temu bual, sejumlah 16 orang guru bahasa Tamil telah dipilih sebagai peserta kajian. Para guru ini merupakan subjek utama, iaitu mereka yang terdiri daripada guru-guru BTSK dari 16 buah sekolah kebangsaan. Pemilihan subjek kajian tersebut dilakukan secara bertujuan. Sampel bertujuan ialah teknik pemilihan sampel di mana peserta dipilih secara sengaja berdasarkan kriteria atau ciri-ciri tertentu yang selaras dengan objektif penyelidikan (Etikan, Musa, & Alkassim, 2016). Melalui kaedah ini, penyelidik boleh memilih individu yang memiliki pengalaman, pengetahuan, atau sifat khusus yang dapat memberikan data relevan untuk kajian yang dijalankan. Sampel bertujuan sering digunakan dalam penyelidikan kualitatif untuk memastikan maklumat yang diperoleh lebih khusus dan mendalam, sesuai dengan tujuan kajian (Palinkas et al., 2015).

INSTRUMEN KAJIAN

Kaedah temu bual digunakan dalam kajian ini sebagai instrumen utama untuk mengumpul data secara kualitatif. Temu bual ditakrifkan sebagai perbualan dua hala yang bertujuan mendapatkan maklumat terus daripada responden, menjadikannya satu kaedah penting dengan tahap kesahan yang tinggi (Muhammad Nazim & Indera, 2022). Pengkaji memilih temu bual separa berstruktur untuk membolehkan soalan lanjutan berdasarkan jawapan responden, serta untuk memperoleh data yang tepat, sah, dan boleh dipercayai. Soalan temu bual dibina berdasarkan Model Responsif Temu Bual oleh Rubin dan Rubin (2011), yang menekankan fleksibiliti dan penyesuaian soalan. Temu bual dalam kajian ini berkenaan dengan masalah menulis bahasa Tamil dalam kalangan murid bukan penutur natif tahun satu di Sekolah Kebangsaan. Setelah selesai pembinaan soalan pertanyaan, temu bual dijalankan secara dalam talian (panggilan telefon) dengan 16 orang guru bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan mengikut kesesuaian masa responden. Had masa tidak menjadi masalah kerana pengkaji dan responden mempunyai ruang masa yang cukup luas untuk memberikan sebarang pendapat atau kenyataan berkenaan soalan temu bual.

Rajah 1

Langkah-langkah Dalam Model Responsif Temu bual



PROSEDUR PENGANALISISAN DATA

Prosedur penganalisan data dimulakan dengan pengesahan transkrip temu bual. Seterusnya pengkaji membaca setiap transkrip berulang kali untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang maklumat penting. Transkrip yang telah disemak dan dibaca dimasukkan ke dalam perisian analisis kualitatif iaitu *Atlas.ti* versi 23 untuk mengenal pasti tema-tema yang berkaitan dengan masalah kemahiran menulis bahasa Tamil dan punca masalah. Setelah tema-tema dikenal pasti, pengkaji menyemak semula tema-tema tersebut untuk memastikan kesesuaiannya dengan tujuan kajian.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Profil Subjek Kajian

Pengkaji telah menjalankan temu bual separa berstruktur bersama guru-guru bahasa Tamil yang mengajar mata pelajaran bahasa Tamil tahun satu di Sekolah Kebangsaan, bagi melengkapkan objektif kajian ini. Jumlah responden bagi temu bual ini adalah seramai 16 orang. Mereka merupakan guru beropsyen yang mengajar bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan. Berikut adalah latar belakang responden seperti ditunjukkan dalam Jadual di bawah ini serta profil yang ringkas responden tersebut.

Jadual 1

Bilangan Responden Temu Bual Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	3	19%
Perempuan	13	81%
Jumlah	16	100%

Jadual 1 di atas menunjukkan latar belakang responden temu bual berdasarkan jantina yang terdiri daripada tiga orang guru lelaki (19%) dan 13 orang guru perempuan (81%). Dapatan ini menunjukkan bahawa bilangan guru perempuan lebih ramai berbanding guru lelaki.

Jadual 2

Bilangan Responden Temu Bual Berdasarkan Pengalaman Mengajar Bahasa Tamil Di Sekolah Kebangsaan

Pengalaman Mengajar	Kekerapan	Peratus
1 - 10 tahun	7	44%
11 - 20 tahun	9	56%
Jumlah	16	100%

Jadual 2 di atas menunjukkan latar belakang responden temu bual berdasarkan pengalaman mengajar. Dalam kalangan responden sembilan orang guru (56%) mempunyai pengalaman mengajar bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan selama 1-10 tahun dan tujuh orang guru (44%) dalam kalangan mereka mempunyai pengalaman

mengajar bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan selama 11-20 tahun. Dapatan ini menunjukkan bahawa jumlah guru yang mempunyai pengalaman mengajar bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan lebih daripada 11 tahun adalah lebih ramai.

Jadual 3

Bilangan Responden Temu Bual Mengikut Lokasi Sekolah

Lokasi Sekolah	Kekerapan	Peratus
Bandar	8	50%
Luar Bandar	8	50%
Jumlah	16	100%


Jadual 3 di atas menunjukkan latar belakang responden temu bual berdasarkan lokasi sekolah. Dari segi lokasi pula seramai 8 orang guru (50%) mengajar di Sekolah Kebangsaan yang terletak di bandar dan seramai 8 orang guru (50%) dalam kalangan mereka mengajar di Sekolah Kebangsaan yang terletak di luar bandar. Dapatan ini menunjukkan lokasi kajian masing-masing mempunyai bandar dan luar bandar sama bilangan.

Masalah Menulis

Data pada bahagian ini diperolehi melalui kaedah temu bual separa berstruktur bersama 16 orang responden. Analisis data dilakukan dengan aktiviti pembacaan bersama untuk membina tema-tema berdasarkan maklumat yang diperolehi dari temu bual tersebut. Sebanyak sembilan tema telah dikod berdasarkan penerangan yang terdapat dalam data bagi menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan. Sembilan tema tersebut merupakan sembilan masalah utama yang dihadapi oleh murid bukan penutur natif tahun satu di Sekolah Kebangsaan dalam kemahiran menulis bahasa Tamil. Kesemua masalah tersebut boleh digariskan dalam aspek bentuk, saiz, jelas, jarak, titik, kelajuan, teknik menulis, condong serta kekemasan dan kecantikan. Masalah-masalah tersebut digambarkan pada rajah 2.

Rajah 2

Masalah Menulis Bahasa Tamil Murid Bukan Penutur Natif



(i) Bentuk

Murid bukan penutur natif menghadapi kesulitan menulis huruf Tamil dengan bentuk dan urutan yang betul. Mereka hanya mampu meniru dari buku teks dan sukar menghafal cara penulisan huruf. Kesukaran menulis huruf vokal dan bentuk huruf menyebabkan tulisan berubah. Ramai murid keliru dengan huruf yang serupa dan penanda vokal yang berlainan. Ini menyebabkan bentuk tulisan mereka tidak kemas. Walaupun diajar berulang kali, mereka sering mengulangi kesalahan yang sama dan memerlukan masa agak lama untuk menguasai cara penulisan semua huruf Tamil.

(ii) Saiz

Sebilangan murid bukan penutur natif mempunyai tulisan yang besar pada satu baris dan kecil pada baris berikutnya. Ketidakteraturan saiz tulisan menunjukkan tulisan murid tidak kemas dan kurang menarik. Menulis dengan tergesa-gesa dan tidak berhati-hati menyebabkan tulisan murid tidak seragam saiznya. Murid yang mempunyai saiz tulisan tidak seragam mengakibatkan tulisannya semakin lama semakin buruk.

(iii) Jelas

Masalah ini muncul ketika menulis strok lengkung dan strok suli dalam penanda vokal, menyebabkan tulisan kurang jelas. Huruf yang ditulis dengan empat strok sering dipisahkan, seperti huruf 'கி'. Murid sering menulis konsonan dan penanda vokal secara berasingan, mengakibatkan kekeliruan. Kejelasan tulisan juga terjejas apabila murid hanya mengingat huruf mudah seperti ட, டி, ர, dan ப, tetapi menghadapi kesukaran dengan huruf rumit seperti கொ, ரொ, பெள, dan தோ. Ini menyebabkan huruf ditulis secara tidak sempurna, mengganggu kejelasan dan kebolehbacaan.

(iv) Kekemasan dan kecantikan

Masalah kekemasan dan kecantikan dalam kemahiran menulis bahasa Tamil adalah salah satu masalah yang dihadapi oleh murid bukan penutur natif. Masalah ini timbul disebabkan bentuk huruf yang tidak sekata, jarak yang tidak konsisten dan bentuk yang tidak teratur dalam kerja tulisan.

(v) Jarak

Kebanyakan murid bukan penutur natif menulis huruf-huruf di dalam perkataan secara bertindih dan perkataan ditulis terlalu rapat di antara satu dengan lain. Selain itu, tiada keseragaman jarak di antara huruf dengan huruf atau di antara perkataan dengan perkataan iaitu meninggalkan terlalu banyak jarak dan meninggalkan sedikit ruang di antara perkataan. Ruang pada ayat yang disalin atau dibina secara umumnya menunjukkan masalah ruang yang amat serius iaitu jarak antara dua perkataan amat dekat dan sukar untuk dibezakan.

(vi) Teknik menulis

Masalah seterusnya ialah menulis huruf Tamil dengan teknik yang salah, termasuk menulis dari kanan ke kiri. Walaupun cikgu mengajar urutan penulisan yang betul, ramai murid melukis huruf dengan cara mereka sendiri, menyebabkan tulisan tidak menepati bentuk yang betul. Murid sering menganggap tulisan Tamil sebagai lukisan, bukan tulisan, dan cenderung menulis dari belakang.

(vii) Titik

Kebanyakan murid mengalami masalah dalam menulis titik pada konsonan. Iaitu titik pada konsonan ditulis dalam bentuk bulatan kecil dan besar. Ada kalanya titik diletak dalam saiz besar dan dihitamkan.

(viii) Kelajuan

Masalah kelajuan tulisan adalah salah satu cabaran yang dihadapi oleh murid bukan penutur natif dalam kemahiran menulis bahasa Tamil. Kelajuan menulis boleh dikategorikan kepada dua aspek, iaitu kepantasan menulis dan kelambatan menulis. Beberapa murid bercenderung untuk menulis dalam bahasa Tamil dengan terlalu perlahan kerana ingin menjadikan tulisan mereka cantik dan teratur. Di sisi lain, ada juga murid yang menulis dengan terburu-buru kerana mahu menyiapkan tugas dengan cepat atau ingin bersebang dengan rakan-rakan mereka.

(ix) Condong

Dapatan daripada temu bual menunjukkan bahawa masalah dalam kecondongan tulisan adalah satu lagi cabaran yang dihadapi oleh murid bukan penutur natif dalam kemahiran menulis bahasa Tamil. Segelintir murid bukan penutur natif yang menulis huruf-huruf Tamil dengan cara tulisan condong. Kemahiran menulis bahasa Tamil tidak melibatkan cara penulisan condong atau huruf miring (*cursive letters*) seperti seperti terdapat dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan terdapat sembilan jenis masalah menulis bahasa Tamil dalam kalangan murid bukan penutur natif. Masalah yang pertama ialah terdapat penemuan bahawa murid bukan penutur natif tidak dapat menulis huruf-huruf bahasa Tamil dengan bentuk yang betul. Kesukaran dalam menghasilkan strok melengkung dan strok suli mengakibatkan bentuk tulisan berubah. Dapatan ini sejajar dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Ramiah (1989), Gomala (2016), dan Muniisvaran et al. (2018), yang juga mendapati ramai murid bukan penutur natif menghadapi masalah semasa menulis huruf-huruf bahasa Tamil, terutamanya dalam aspek bentuk tulisan.

Hasil kajian ini juga memberi sokongan kepada dapatan Hasan et al. (2023), dalam kajian mereka, yang menyatakan bahawa murid natif bahasa Arab yang belajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua menghadapi masalah dalam mengekalkan keseragaman saiz tulisan. Tulisan mereka pada bahagian atas halaman berbeza jika dibandingkan pada bahagian bawah halaman dan huruf-huruf cenderung ditulis terlalu besar dan terlalu kecil. Kajian ini menyatakan bahawa murid bukan penutur natif menghadapi masalah menulis dalam aspek kekemasan dan kecantikan tulisan dalam kemahiran menulis bahasa Tamil. Dapatan ini sejajar dengan hasil kajian Javadi (2018), yang menyatakan bahawa ramai murid bukan penutur natif menghadapi masalah dalam memelihara kekemasan dan kecantikan tulisan. Murid-murid kurang mengambil berat terhadap ciri-ciri tulisan yang baik seperti kekemasan, saiz, dan jarak antara huruf, mengakibatkan tulisan mereka kurang kemas dan kecantikan tulisan juga berkurangan.

Seterusnya, kajian ini turut mengenal pasti bahawa murid bukan penutur natif gagal menulis dengan jarak atau ruang yang seragam. Terdapat murid meninggalkan jarak yang terlalu jauh dan ada yang menulis terlalu rapat. Dapatan ini sejajar dengan kajian yang telah dilakukan oleh Ab Halim dan Mohd Hanafi (2020), yang menunjukkan murid bukan penutur natif sering menghadapi masalah dalam menjaga jarak anantara huruf atau perkataan secara tidak seimbang. Penulisan tanpa jarak yang konsisten boleh menyukarkan guru dalam menilai hasil kerja murid. Penemuan kajian seterusnya mendedahkan bahawa murid bukan penutur natif di Sekolah Kebangsaan, menghadapi masalah dalam penggunaan titik (புள்ளி) dalam tulisan. Hasil kajian oleh Vijayakumar (2020), menunjukkan bahawa murid dari etnik Assam yang mempelajari bahasa Tamil sebagai bahasa tambahan melakukan kesilapan dalam penggunaan titik adalah selari dengan dapatan kajian ini.

Kemahiran menulis yang baik memerlukan kejelasan tulisan sebagai ciri utama, yang penting dikuasai oleh semua murid. Kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa ramai murid bukan penutur natif bahasa Tamil tahun satu di Sekolah Kebangsaan menghadapi masalah dalam aspek kejelasan tulisan. Dapatan ini sejajar dengan hasil kajian yang telah dilakukan oleh Ramiah (1989), di mana murid bukan penutur natif yang mempelajari bahasa Tamil di 28 buah sekolah rendah di Singapura turut melakukan kesilapan dalam aspek kejelasan tulisan semasa menguasai kemahiran menulis bahasa Tamil. Kajian ini juga mengenal pasti isu yang berkaitan dengan masalah kelajuan menulis yang dihadapi oleh murid bukan penutur natif. Penemuan ini sejajar dengan kajian yang telah dilakukan oleh Gomala (2016), yang mendapati ramai murid memiliki pemahaman yang tidak mencukupi mengenai kelajuan tulisan.

Penemuan terakhir adalah cara menulis condong menjadi satu masalah dalam kemahiran menulis bahasa Tamil murid bukan penutur natif tahun satu di Sekolah Kebangsaan. Dapatan ini memberi sokongan kepada hasil kajian yang telah dilakukan oleh Vijayakumar (2020), yang menyatakan bahawa beberapa murid natif Assam yang belajar bahasa Tamil sebagai bahasa kedua bercenderung menulis huruf, perkataan dan frasa secara condong. Oleh itu, tulisan mereka sentiasa berkelihatan tidak lurus. Tambahan pula, dapatan kajian sejajar dengan hasil kajian Hasan et al. (2023), yang menunjukkan bahawa murid bukan natif yang mempelajari Bahasa Tamil sebagai bahasa kedua menghadapi masalah dalam

menulis secara lurus disebabkan oleh kecenderungan mereka untuk menulis dari arah yang tidak betul.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa murid bukan penutur natif yang mempelajari bahasa Tamil sebagai bahasa kedua berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam kemahiran menulis, terutamanya dari segi bentuk huruf, kejelasan tulisan, kekemasan, dan kelajuan. Cabaran ini timbul akibat kesukaran untuk menghasilkan strok yang tepat, mengekalkan saiz dan jarak yang seragam, serta menulis secara lurus tanpa condong. Bagi mengatasi masalah ini, disarankan agar program bimbingan khusus diperkenalkan untuk memberi fokus kepada aspek-aspek asas penulisan bahasa Tamil bagi murid bukan penutur natif. Program ini boleh merangkumi latihan penulisan berstruktur yang melibatkan modul-modul bertahap, dari asas bentuk huruf hingga penyusunan jarak dan kelajuan tulisan. Selain itu, teknik pergerakan motor halus perlu dibangunkan melalui aktiviti-aktiviti seperti latihan titik dan lukisan, bagi membantu murid menguasai ketepatan dan keseragaman dalam menulis huruf Tamil.

Tambahan pula, penggunaan alat bantu mengajar seperti kertas berpetak atau bergaris boleh membantu murid menulis secara lurus serta mengawal jarak antara huruf dan perkataan. Alat bantu ini juga berfungsi sebagai panduan visual untuk mendorong murid menulis dengan lebih kemas dan seragam. Di samping itu, pemantauan dan maklum balas berterusan daripada guru adalah penting untuk membantu murid mengenal pasti dan memperbaiki kesilapan dengan lebih berkesan. Melalui pendekatan-pendekatan ini, kemahiran menulis bahasa Tamil dalam kalangan murid bukan penutur natif diharapkan dapat ditingkatkan, sekali gus memperkasakan mereka dalam penguasaan bahasa Tamil.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Bagi mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai masalah kemahiran menulis bahasa Tamil dalam kalangan murid bukan penutur natif, kajian ini boleh diperluas dengan melibatkan lebih banyak sekolah di seluruh Malaysia. Pendekatan ini akan memberikan gambaran yang lebih teliti mengenai cabaran yang dihadapi dalam menulis bahasa Tamil. Fokus kajian kini tertumpu kepada kemahiran menulis mekanis, namun kajian masa depan boleh memberi tumpuan

kepada kemahiran menulis mentalis, mendengar, bertutur, dan membaca. Langkah ini penting untuk meningkatkan pengajaran bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan, khususnya untuk murid bukan penutur natif. Selain mengisi jurang penyelidikan, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pendidikan bahasa Tamil dan meningkatkan keberkesanan pendidikan multibahasa di Malaysia. Usaha ini juga berpotensi menjadikan Sekolah Kebangsaan sebagai pilihan utama ibu bapa dari pelbagai latar belakang.

RUJUKAN

- Ab. Halim Abdul Hamid & Mohd Hanafi Mohd Yasin. (2020). Teacher information about handling writing teaching classification of special educational educationals with learning. In *Global Conferences Series: Social Sciences, Education and Humanities (GCSSSEH)*, 4, 471–476.
- Aderlin, C. K. Y. & Melor Mohd Yasin. (2021). Using peer-mode feedback at the pre-writing stage to improve year 4 pupils' writing performance. *Journal of Education and E-Learning Research*, 8(1), 116–124.
- Chew, F. P. & Sivabalan. T. (2019). Penilaian pelaksanaan kurikulum bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(2), 41-52.
- Chitra Selvi, R. & Thulasi, R. (2022). Reading and writing skills performance level of students learning Tamil as a second language in national primary school. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 6(1), 46-54.
- Etikan, I., Musa, S. A., & Alkassim, R. S. (2016). Comparison of convenience sampling and purposive sampling. *American Journal of Theoretical and Applied Statistics*, 5(1), 1-4.
- Fraenkel, J. R. & Wallen, N. E. (1996). *How to design and evaluate research in education*. New York: McGraw-Hill.
- Gomala, M. (2016). *Meningkatkan kemahiran menulis mekanis dengan menggunakan pelbagai aktiviti*. Institut Pendidikan Guru, Kampus Raja Melewar.
- Hasan, Tanzina Halim, Shanjida, & Mohammed Ahmed (2023). Poor handwriting and its knock-on effects on efl learners' academic performance. *Journal of Jilin University*, 42(4), 192-210.
- Javadi S. A. (2018). A brief overview of key issues in second language writing teaching and research. *International Journal of Education and Literacy Studies*, 6(2), 15-25.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1997). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 7/1997: Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Cina/Bahasa

- Tamil Di Sekolah Kebangsaan. Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya.
- Kerlinger, F. (1973). *Multiple regression in behavior research*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Muhammad Nazim, & Indera Syahrul. (2022). Pemuliharaan dan penyelenggaraan bangunan Sekolah Kolonial: Kajian kes di Sekolah Tinggi Muar, Johor. *Research in Management of Technology and Business*, 3(2), 612-626.
- Muniisvaran, K., Ilangkumaran, S., & Meenambigai, N. (2018). Teaching Tamil alphabet using GSL Method: A Solution for problems faced by non-native learners. *Linguistics and Literature (UGC Recognized Listed Journal)*, XXI(1), 243-247.
- Nora'Azian Nahar. (2018). *Tahap profisiensi Bahasa Melayu dan hubungannya dengan status sosioekonomi, motivasi pelajar dan pencapaian akademik dalam kalangan murid bukan penutur natif (Tesis Kedoktoran)*. Universiti Putra Malaysia.
- Palinkas, L. A., Horwitz, S. M., Green, C. A., Wisdom, J. P., Duan, N., & Hoagwood, K. (2015). Purposeful sampling for qualitative data collection and analysis in mixed method implementation research. *Administration and Policy in Mental Health and Mental Health Services Research*, 42(5), 533-544.
- Ramiah, K. (1989). Error analysis as an effective teaching tool: Action research. In *7th International Conference of Tamil Studies, Mauritius*.
- Ratthinasabapathy, P. (2000). *Tamil Karka, Karpikka* (First Edit). Chennai: Amsa Pathippakam.
- Rubin, H. J. & Rubin, I. S. (2011). *Qualitative interviewing: The art of hearing data* (Third Edit). London: Sage Publications.
- Safitri, R. (2019). *Gambaran perbedaan reaksi stres anak pra taman kanak-kanak (pra tk) yang mengikuti Les Calistung (Membaca, Menulis, Dan Berhitung) dan tidak mengikuti Les Calistung (Membaca, Menulis Dan Berhitung)*. University of Muhammadiyah Gresik.
- Tuan Jah. (2013). *Kaedah Pengajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Penerbitan Multimedia.
- Vijayakumar, B. (2020). Tamil Language Learning for Assamese Students: An Error Analysis. *International Research Journal of Tamil*, 2(2), 12-25.
- Yuznaili Saleh. (2020). Kebolehpercayaan ujian diagnostik kemahiran menulis esei dalam kalangan pelajar IPG. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 18(1), 161-173.